

# GERAKAN KIRI MELAYU

*dalam Perjuangan Kemerdekaan*



9595  
OH

MOHAMED SALLEH LAMRY



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIIMPINAN  
PERDANA

# GERAKAN KIRI MELAYU

*dalam Perjuangan Kemerdekaan*



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# Siri Politik Malaysia

## Universiti Kebangsaan Malaysia

Siri ini diwujudkan bagi menampung tulisan dan penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang khusus menyorot perkembangan politik tanah air. Judul-judul yang telah diterbitkan menyentuh aspek politik pelbagai kaum dan etnik, politik kepartian, teori politik dan pilihan raya. Pada masa akan datang lebih banyak judul bakal diterbitkan dalam siri ini yang akan membahaskan isu hubungan kerajaan negeri dan persekutuan, tokoh, konflik politik dan pelbagai teori dalam ilmu sains politik.

- Jayum A. Jawan. 1994. *Iban Politics and Economic Development: Their Pattern and Change*. ISBN 967-942-301-8(kk)  
ISBN 967-942-484-49(KJ)
- Aminuddin Mohd. Yusof & Mohd. Ali Kamaruddin. 1998. *Kepemimpinan Pemuda UMNO*. ISBN 967-942-135-X
- Ong Hak Ching. 2000. *Chinese Politics in Malaya The Dynamics of British Policy*. ISBN 967-942-505-3
- Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad. 2002. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. ISBN 967-942-562-2
- Kamarulnizam Abdullah. 2002. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. ISBN 967-942-592-4
- Mohd. Ashraf Ibrahim. 2004. *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu*. ISBN 967-942-632-7
- Jayum A. Jawan. 2004. *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak*. ISBN 967-942-679-3
- Mohd. Ali Kamarudin. 2004. *Penaungan dalam Kepimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-90*. ISBN 967-942-646-7
- Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Musa. (sunt.). 2005. *Tinjauan Baru Politik Malaysia*. ISBN 967-942-693-9
- Ismail Yusoff. 2004 (Cetakan Kedua). *Politik dan Agama di Sabah*. ISBN 967-942-381-6

- Jamaie Haji Hamil. 2005. (Cetakan Kedua). *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. ISBN 967-942-643-2
- Nidzam Sulaiman. 2005. *Pakatan dalam Politik Sarawak*.  
ISBN 967-942-706-6
- Ghazali Mayudin, Jamaie Haji Hamil, Sity Daud & Zaini Othman. (sunt.)  
2005. *Politik Malaysia: Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan*.  
ISBN 967-942-715-3
- Sity Daud & Zarina Othman. (sunt.) 2005. *Politik dan Keselamatan*.  
ISBN 967-942-741-2
- Ghazali Mayudin. 2008. *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*.  
ISBN 967-942-559-2
- Mohamad Salleh Lamry. (Cetakan Kedua). 2009. *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. ISBN 978-967-942-717-2



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIIMPINAN  
PERDANA

# GERAKAN KIRI MELAYU

*dalam Perjuangan Kemerdekaan*

MOHAMED SALLEH LAMRY

PUSTAKA PERDANA



1008719

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2009

<http://www.ukm.my/penerbit>



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**Cetakan Pertama / First Printing, 2006  
Cetakan Kedua / Second Printing, 2009  
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006**

**Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.**

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.*

**Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor D E., MALAYSIA  
http://www.ukm.my/penerbit  
e-mel: penerbit@ukm.my**

**Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
No. Ahli / Membership No. 198302**

**Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by  
PERCETAKAN WATAN SDN BHD  
26, Jalan Daud, Kampung Bharu  
50300 Kuala Lumpur, MALAYSIA**

**Perpustakaan Negara Malaysia      Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
    Cataloguing-in-Publication-Data**

**Mohamed Salleh Lamry, 1942-**

**Gerakan kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan / Mohamed Salleh Lamry. (Siri Politik Malaysia)**

**Mengandungi indeks**

**Bibliografi : 195-198**

**1. Opposition (Political science)--Malaysia--History. 2. Communist**

**parties--Malaya--History. 3. Political parties--Malaysia--History.**

**4. Malaysia--Politics and government--History.**

**I. Judul. II. Siri.**

**320.9595**

**ISBN 978-967-942-717-2**

**320 9595  
MOH**

# Kandungan

---

*Singkatan . . . 9*  
*Prakata . . . 11*  
*Pendahuluan . . . 15*

- BAB 1 GERAKAN ANTIKOLONIAL SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA . . . 27
- BAB 2 GERAKAN POLITIK MASA PENDUDUKAN JEPUN (1941-45) . . . 42
- BAB 3 GERAKAN POLITIK MASA AMAN (1946-48): NASIONALIS KIRI MELAYU . . . 61
- BAB 4 GERAKAN POLITIK MASA AMAN (1946-48): PARTI KOMUNIS MALAYA . . . 82
- BAB 5 DARURAT DAN PERJUANGAN KEMERDEKAAN SECARA BERSENJATA . . . 97
- BAB 6 PENGUNDURAN STRATEGIK KE SELATAN THAILAND . . . 116
- BAB 7 GERAKAN AWAL DI SEMPADAN . . . 127
- BAB 8 PERUNDINGAN BALING . . . 135
- BAB 9 ANTARA BALING DAN HAADYAI . . . 151

*8 / Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*

**BAB 10 HAADYAI: PERJANJIAN PERDAMAIAIN DAN  
IMPLIKASINYA . . . 170**

**BAB 11 KESIMPULAN . . . 186**

*Bibliografi . . . 195*

*Indeks . . . 199*



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

## S i n g k a t a n

---

AMCJA	All-Malaya Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BATAS	Barisan Tani Malaya
HM	Hizbul Muslimin
KMT	Kuomintang
KRIS	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
KMM	Kesatuan Melayu Muda
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
MATA	Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya
MNP	Malay Nasionalist Party
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MPAJU	Malayan People's Anti-Japanese Union
MRLA	Malayan Race Liberation Army
PAPERI	Parti Persaudaraan Islam
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PETA	Pembela Tanah Air
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMRM	Parti Kebangsaan Malayu Revolucioner Malaya
PKN	Parti Komunis Nanyang
PKC	Parti Komunis China
PKT	Parti Komunis Thailand
PMFTU	Pan-Malayan Federation of Trade Union
PMIP	Pan Malayan Islamic Party
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaya
SDM	Suara Demokrasi Malaya
SRM	Suara Revolusi Malaya
TPNM	Tentera Pembebasan Nasional Malaya
TPRM	Tentera Pembebasan Rakyat Malaya
UMNO	United Malays National Organization





## Prakata

---

Kira-kira dua dekad yang lalu, iaitu pada 1981-82 saya membuat kajian tentang politik lokal di Kampung Paya Jejawi dalam daerah Temerloh, Pahang untuk tesis doktor falsafah saya yang kemudiannya diterbitkan dengan tajuk *Paya Jejawi: Satu Kajian Antropologi Politik* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992). Paya Jejawi ialah rumpunan lima buah kampung kecil, yang salah sebuah daripadanya ialah Kampung Lubuk Kawah.

Ketika berada di Kampung Lubuk Kawah semasa menjalankan kajian itu, saya banyak mendengar kisah penglibatan penduduk kampung itu dalam gerakan nasionalis kiri dan perjuangan bersenjata anti-British. Dikatakan pada zaman sebelum Darurat kebanyakan penduduk kampung itu telah melibatkan diri secara aktif dengan gerakan PKMM, API, AWAS, BATAS dan PETA. Pada zaman Darurat pula mereka beramai-ramai menyertai perjuangan bersenjata yang diterajui oleh PKM untuk mencapai kemerdekaan tanah air.

Satu episod penting dalam sejarah Kampung Lubuk Kawah ialah kampung itu pernah menjadi tempat persembunyian empat orang tokoh penting *komunis Melayu*, iaitu Musa Ahmad, Wahi Anuar, Shamsiah Fakeh dan Zainab Mahmud sebelum mereka masuk ke hutan untuk memimpin perjuangan bersenjata. Malah ketika berada di kampung itulah Wahi Anuar dan Shamsiah Fakeh mendirikan rumah tangga.

Pada 1981-82 itu, saya diberitahu bahawa kebanyakan penduduk Lubuk Kawah yang menyertai perjuangan bersenjata dan ketua-ketua mereka, seperti Abdullah C.D., Rashid Maidin, Ibrahim Chik, Abu Samah Mohamad Kassim dan lain-lain masih hidup dan masih meneruskan perjuangan mereka dari Selatan Thailand.

Cerita tentang penglibatan penduduk Lubuk Kawah dan tokoh-tokoh PKM Melayu dalam perjuangan bersenjata anti-British itu menarik minat saya dan mendorong saya untuk membuat kajian tentang hal itu. Namun, komitmen terhadap tugas yang lain menyebabkan rancangan itu terpaksa

ditangguhkan untuk sementara waktu. Lagi pun pada masa itu orang-orang yang berada di Selatan Thailand itu tidaklah mudah untuk ditemui.

Peluang untuk menjalankan kajian tentang golongan nasionalis kiri yang berada di Thailand ini nampaknya terbuka setelah diadakan Perjanjian Perdamaian antara tiga pihak, iaitu Parti Komunis Malaya, Kerajaan Thailand dan Kerajaan Malaysia pada 2 Disember 1989. Dengan termeterainya perjanjian itu dan mereka pula telah tinggal di sebuah penempatan yang dinamakan Kampung Perdamaian, maka orang-orang dari Malaysia boleh menghubungi dan menemui mereka.

Pada 1999 saya berpeluang membuat kajian tentang *gerakan nasionalis radikal* di Temerloh, Pahang antara 1946 hingga 1960 bersama-sama dengan Prof. Dr. Nik Anuar Mahmud dari Jabatan Sejarah, UKM. Kajian ini meliputi penglibatan penduduk Temerloh (termasuk penduduk Kampung Lubuk Kawah) dalam perjuangan bersenjata anti-British. Dengan itu bermulalah kajian saya tentang penglibatan penduduk Kampung Lubuk Kawah dan penduduk Temerloh yang lain dalam perjuangan bersenjata, yang tertangguh sekian lama. Saya meneruskan kajian ini hingga 2001, ketika saya bertugas sebagai Sarjana Tamu buat dua tahun yang pertama di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM.

Apabila saya dilantik menjadi Sarjana Tamu buat dua tahun yang kedua (2001-03), saya meneruskan dan meluaskan kajian, bukan sahaja tentang orang Melayu Temerloh dan Pahang yang menyertai perjuangan bersenjata, tetapi juga tentang tokoh-tokoh nasionalis kiri Melayu yang memimpin perjuangan bersenjata itu, yang pada masa yang sama dikenali juga sebagai tokoh-tokoh PKM.

Dalam kajian ini, saya meletakkan perjuangan bersenjata yang mereka lakukan itu dalam konteks perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan tanah air dan tumpuan kajian saya adalah terhadap perjuangan satu kelompok nasionalis kiri Melayu yang berjuang secara bersenjata setelah perjuangan secara damai sudah dapat diteruskan lagi.

Kesempatan ini saya gunakan juga untuk menghuraikan perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu itu mengikut perspektif orang-orang yang terlibat dengan perjuangan itu sendiri, iaitu perspektif orang-orang yang terpinggir dan dipinggirkan dan terkeluar dari arus perdana.

Untuk menulis sejarah perjuangan mereka dengan perspektif yang demikian, saya telah menggunakan tiga jenis sumber. Sumber pertama dan terpenting ialah tokoh sejarah itu sendiri, yang saya anggap sebagai sumber primer. Dalam hal ini, saya telah menemurah tokoh-tokoh yang telah balik ke tanah air dan yang memilih menetap di Selatan Thailand.

Di samping itu, saya juga menggunakan bahan-bahan yang dapat saya peroleh daripada mereka, sama ada dalam bentuk teks ucapan, risalah, tulisan lama mahupun tulisan baru. Sumber kedua ialah bahan-bahan dari penulisan ahli akademik luar dan dalam negeri, sementara sumber ketiga ialah sumber pihak yang berkuasa, khasnya dokumen dan penulisan bekas pegawai Cawangan Khas dan tentera.

Oleh itu, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada responden dan informan utama saya, iaitu Abdullah C.D., Suriani Abdullah, Rashid Maidin, Abu Samah Mohamad Kassim dan Ibrahim Chik. Ucapan terima kasih juga ingin saya abadikan kepada Yaakob Ibrahim, pembantu peribadi Abdullah C.D. yang banyak membantu saya mencari dan mengumpulkan bahan rujukan yang saya perlukan.

Di UKM banyak kawan dan sahabat yang membantu saya dalam usaha saya menyiapkan penulisan ini. Meskipun nama mereka tidak saya cantumkan di sini, saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada mereka semua.

Ucapan terima kasih juga ingin saya abadikan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang melantik saya sebagai Sarjana Tamu selama empat tahun. Peluang yang diberi kepada saya untuk bertugas sebagai Sarjana Tamu sangatlah dihargai. Mudah-mudahan dengan terbitnya buku ini, tertunailah sudah tugas yang patut saya laksanakan. Akhirnya, ucapan terima kasih disampaikan kepada Penerbit UKM yang sudi menerbitkan buku ini.

**MOHAMED SALLEH LAMRY**  
Kajang, Selangor



## Pendahuluan

---

Buku ini adalah pemerihalan dan analisis terhadap satu aliran dalam gerakan nasionalisme Melayu dalam perjuangan kemerdekaan, iaitu aliran yang dilabelkan sebagai nasionalisme kiri dan memilih perjuangan bersenjata sebagai cara untuk mencapai matlamat mereka. Perjuangan bersenjata itu bermula pada 1948 dan hanya berakhir secara rasmi pada 1989.

Gerakan nasionalisme Melayu dalam bentuknya yang moden muncul pada 1930-an dan mencapai kemuncaknya selepas Perang Dunia Kedua. Gerakan ini pada asasnya adalah sebahagian daripada kebangkitan antikolonial Asia, iaitu gerakan untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah dan seterusnya untuk mewujudkan sebuah negara yang merdeka dan membangun.

Di sekitar 1930-an itu gerakan antikolonial mula muncul sebagai satu gerakan yang umum dan menyeluruh, sama ada di rantau Asia Tenggara, mahupun di benua Asia. Di Asia Tenggara gerakan antikolonial itu paling ketara di Indonesia, Burma dan Vietnam, manakala pada peringkat Asia pula terdapat gerakan yang sama di India dan Pakistan. Satu perkara yang menarik ialah kebanyakan gerakan antikolonial itu agak ketara didorong oleh ideologi sosialis atau komunis.

Di Malaysia (Malaya waktu itu) Parti Komunis Malaya (PKM) dan Kesatuan Melayu Muda (KMM) adalah dua buah organisasi politik yang terawal muncul. PKM yang penubuhannya dipengaruhi oleh perkembangan politik di China berlandaskan ideologi Marxis-Leninis, sementara KMM yang penubuhannya banyak dipengaruhi oleh perkembangan politik di Indonesia pula berlandaskan fahaman nasionalisme Melayu yang luas.

PKM terus wujud selepas Perang Dunia Kedua, tetapi KMM hanya wujud sehingga zaman Jepun. Dengan itu, selepas Perang Dunia Kedua muncullah pula sebuah organisasi politik Melayu yang baru untuk meneruskan perjuangan KMM, iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Kemunculan PKMM kemudian diikuti oleh penubuhan beberapa

buah organisasi yang bersekutu atau bergabung dengannya, iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani Melayu (BATAS). Selepas API diharamkan pada 1947, muncul pula organisasi pemuda yang baru, Pembela Tanah Air Melayu (PETA). Pada satu peringkat dalam perjuangan organisasi-organisasi kiri Melayu itu, iaitu ketika menentang gagasan Malayan Union pada 1947, beberapa buah organisasi telah bergabung dan mewujudkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). Dalam perjuangan itu, PUTERA telah bekerjasama dengan gabungan organisasi bukan Melayu yang dikenali dengan nama All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA).

Dengan lahirnya organisasi-organisasi politik yang tersebut di atas, maka muncullah beberapa orang tokoh penting yang menjadi pemimpin utamanya. PKM telah melahirkan dua orang pemimpin terkenal: Loi Teck yang menjadi Setiausaha Agung PKM kedua dan Chin Peng yang menjadi Setiausaha Agung PKM ketiga. KMM melahirkan dua orang pemimpin utama juga, iaitu Ibrahim Yaacob yang menjadi Yang Dipertua dan Mustapha Hussain yang menjadi naibnya. PKMM pula melahirkan sekurang-kurangnya dua orang pemimpin utama, iaitu Dr. Burhanuddin sebagai Yang Dipertua, dan Ishak Haji Muhammad sebagai Naib Yang Dipertua, sebelum Ishak kemudianya dilantik mengambil alih tempat Dr. Burhanuddin sebagai Yang Dipertua.

Bagaimanapun, di samping pemimpin utama itu, ada beberapa orang pemimpin lain yang pada mulanya belum muncul sebagai pemimpin penting atau hanya memainkan peranan di belakang tabir, tetapi kemudiannya memainkan peranan yang begitu penting dalam gerakan nasionalisme kiri Melayu, khasnya dalam perjuangan bersenjata. Di antaranya ialah Abdullah C D yang pernah menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Pusat PKMM di samping aktif dalam kesatuan sekerja; Rashid Maidin yang pada mulanya hanya aktif dalam kesatuan sekerja pada peringkat lombong tempat dia bekerja; Musa Ahmad yang pernah menjadi Ketua BATAS; Wahi Anuar yang menjadi Ketua PETA; dan Shamsiah Fakeh bekas Ketua AWAS.

Pemimpin-pemimpin gerakan nasionalis kiri Melayu itu kemudiannya melancarkan perjuangan bersenjata mulai 1948, apabila kerajaan British mengharamkan parti-parti kiri, seperti PKM, API, PETA dan lain-lain dan menangkap para pemimpinnya yang tidak melarikan diri atau tidak sempat berbuat demikian. Dalam perjuangan bersenjata itu, mereka berganding bahu dengan PKM, malah berada di bawah pimpinan PKM.

Bagaimanapun, perjuangan bersenjata seperti yang dilakukan oleh golongan nasionalis kiri Melayu itu bukanlah sesuatu yang baru. Perjuangan seperti itu sebenarnya telah dimulakan oleh para pembesar tradisional, seperti Datuk Bahaman di Pahang, Datuk Sagor dan Datuk Maharajalela di Perak dan Tok Janggut di Kelantan, dengan sokongan kaum tani, ketika Inggeris mula-mula campur tangan dalam politik dan pentadbiran negeri Melayu pada akhir abad ke-19 dahulu. Jadi perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu itu boleh dianggap sebagai menyambung atau melanjutkan perjuangan pembesar tradisional yang telah dipatahkan oleh Inggeris itu.

Dalam konteks perjuangan golongan nasionalis yang berterusan itu, kajian ini pada dasarnya ingin menjawab empat persoalan utama yang berikut:

Pertama, di mana letaknya perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu yang terlibat dengan perjuangan bersenjata itu dari segi sejarah? Setakat mana pentingnya perjuangan mereka?

Kedua, apakah sumbangan mereka kepada perjuangan kemerdekaan? Setakat manakah benarnya dakwaan mereka bahawa British telah mempercepatkan pemberian kemerdekaan kepada negara ini kerana adanya perjuangan bersenjata itu?

Ketiga, mengapa dan bagaimana mereka menamatkan perjuangan bersenjata yang berlanjutan selama lebih 40 tahun, sehingga melahirkan apa yang dinamakan Perjanjian Perdamaian?

Keempat, adakah orang-orang yang terlibat dengan perjuangan bersenjata itu boleh dianggap sebagai komunis, ataupun sebenarnya mereka adalah golongan nasionalis, tetapi menggunakan gerakan komunis yang mereka serta sebagai alat untuk mencapai matlamat perjuangan mereka?

Keempat-empat persoalan ini akan cuba dijawab dengan meneliti perjuangan mereka di tanah air pada 1948 hingga 1953, dan perpindahan mereka ke Selatan Thailand serta perjuangan mereka di Selatan Thailand dari 1954 hingga 1989.

Oleh itu, beberapa fakta yang berkaitan dengan empat persoalan di atas, akan turut diteliti, iaitu:

1. Mengapa mereka menyertai perjuangan bersenjata?
2. Mengapa mereka sanggup berjuang bersama-sama dengan PKM, malah bersedia berada di bawah pimpinan PKM?

3. Mengapa mereka memilih Pahang sebagai tapak atau basis perjuangan mereka? Adakah pemilihan Pahang mempunyai apa-apa kaitan dengan sejarah perjuangan Datuk Bahaman dan perjuangan kaum tani sebelum itu?
4. Mengapa mereka berpindah ke Selatan Thailand pada awal 1953? Adakah kerana perjuangan mereka tidak lagi mendapat sokongan daripada rakyat, ataupun perpindahan itu lebih merupakan suatu strategi militer?
5. Apa peranan mereka dalam Perundingan Baling? Dan apa pandangan mereka terhadap perundingan itu?
6. Apabila Malaya mencapai kemerdekaan pada 1957, mengapa mereka tidak menamatkan perjuangan bersenjata, malah sebaliknya terus berjuang menentang kerajaan Malaysia yang dipilih oleh rakyat?
7. Apakah aktiviti yang mereka lakukan selama berada di Selatan Thailand antara hujung 1954 hingga akhir 1989? Apakah keadaan atau faktor-faktor yang membolehkan mereka bertahan di tempat itu dalam masa yang begitu panjang?
8. Mengapa mereka bersetuju untuk berunding dan menamatkan perjuangan bersenjata? Mengapa perundingan itu berjaya?

Dengan meneliti fakta-fakta yang berkaitan dengan lapan perkara di atas, diharap kajian ini dapat menjawab dan memberi perjelasan terhadap empat persoalan utama yang dikemukakan di atas tadi.

Bagaimanapun, sebagai latar belakang untuk memahami perjuangan bersenjata yang mereka lancarkan itu, sebelum itu akan ditinjau gerakan politik sebelum Perang Dunia Kedua, gerakan politik pada zaman pendudukan Jepun dan gerakan politik pada masa aman (1946-48). Tinjauan ini dianggap berguna untuk membantu memahami perjuangan bersenjata yang bermula pada 1948 itu.

Sementara itu, haruslah diakui bahawa setakat ini memang telah ada beberapa penulisan yang sama ada secara langsung atau tidak, menyentuh perjuangan golongan nasionalis Melayu, termasuk penulisan tentang tokoh-tokoh nasionalis tersebut. Antara yang paling penting ialah tulisan Roff (1974), *The Origins of Malay Nationalism*, yang dikira telah mencapai taraf klasik. Dalam tulisannya itu, Roff terutamanya memberi tumpuan kepada kemunculan tiga gerakan nasionalisme Melayu dalam 1930-an yang dikaitkannya dengan kemunculan tiga kelompok elit baru dalam masyarakat Melayu, iaitu elit berpendidikan Arab-agama, inteligensia berpendidikan Melayu dan golongan pentadbir berpendidikan

Inggeris. Sebelum itu, telah muncul tulisan Radin Soenarno (1959, 1960), yang membahagikan perkembangan nasionalisme Melayu kepada tiga tahap, iaitu tahap agama, tahap ekonomi dan sosial, dan tahap politik.

Penting juga disebut tulisan Ibrahim Yaacob (1957) *Sekitar Malaya Merdeka* dan tulisan Abdul Samad Idris (1982), *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kedua-dua tulisan ini ada juga membincangkan beberapa aspek perkembangan nasionalisme Melayu sejak sebelum Perang Dunia Kedua hingga selepas Perang Dunia Kedua.

Sementara itu, ada juga tulisan khusus tentang gerakan nasionalis kiri Melayu. Yang paling penting setakat ini barangkali ialah karya Firdaus Haji Abdulah (1985), *Radical Malay Politics*, yang memberi tumpuan kepada asal usul dan perkembangan awal gerakan politik radikal Melayu, khasnya KMM, PKMM dan API. Turut dihuraikan dalam buku itu penglibatan beberapa orang tokohnya dalam badan bahasa dan sastera, dan penubuhan PRM dan PMIP untuk meneruskan perjuangan mereka setelah API diharamkan dan PKMM dibubarkan. Selain daripada itu terdapat beberapa tulisan oleh Rustam A. Sani (1976, 1983) dan Ahmat Adam (1983, 1996) yang juga membincangkan aspek-aspek tertentu gerakan nasionalis kiri Melayu. Dalam tesisnya yang penting, tetapi tidak diterbitkan, Rustam A. Sani (1975) telah menghuraikan asal usul sosial gerakan nasionalis kiri Melayu, khasnya KMM.

Ramlah Adam (1992, 1994, 1996) pula banyak menghasilkan buku biografi orang-orang yang boleh dianggap sebagai tokoh nasionalis, antaranya *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan, Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik* dan *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. Turut menghasilkan buku biografi ialah Abdul Latiff Abu Bakar (1977) yang menulis buku *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948* dan Insun Sony Mustapha (1999) dengan bukunya *Mustapha Hussain: Pejuang Nasionalisme Melayu*. Di samping itu, dua orang tokoh nasionalis yang terkemuka, iaitu Mustapha Hussain (1999) dan Aishah Ghani (1992) telah menghasilkan memoir masing-masing.

Tulisan-tulisan di atas dihasilkan dengan pendekatan yang pelbagai mengikut bidang keahlian penulisnya masing-masing: dari pendekatan sejarah sosial (Roff) hingga pendekatan sejarah konvensional (Ramlah Adam, Insun Sony Mustapha dan Ahmat Adam), pendekatan sains politik (Firdaus Abdullah) dan pendekatan sosiologikal (Rustam A. Sani). Tulisan Ibrahim Yaacob, Abdul Samad Idris, Mustapha Hussain dan Aishah Ghani pula lebih berdasarkan ingatan dan pengalaman masing-masing, kerana

kesemuanya adalah aktor yang turut memainkan peranan dalam sejarah yang mereka tulis.

Tentang komunisme di Malaysia pula tulisan mengenainya memang agak banyak. Antara yang terawal ialah tulisan Hanrahan (1971), *The Communist Struggle in Malaya* yang mula-mula diterbitkan pada 1954, tulisan Harry Miller (1954) *Menace in Malaya*, tulisan Edgar O'Balance (1966) *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-1960*, dan Richard Clutterbuck, *The Long Long War: The Emergency in Malaya, 1948-1960*. Kemudian pada tahun 1970-an terbit tulisan Noel Barber (1971), *The War of The Running Dogs*, buku yang ditulis oleh Anthony Short (1975), *The Communist Insurrection in Malaya* dan karya Cheah Boon Kheng (1979), *The Masked Comrades*.

Secara amnya kebanyakan tulisan yang terbit antara 1950-an hingga 1970-an ini membincangkan perang gerila yang dilancarkan oleh PKM di satu pihak dan tindakan kerajaan untuk menumpaskannya di satu pihak lagi. Hanya yang merupakan kekecualian ialah tulisan Hanrahan dan Cheah Boon Kheng. Hanrahan membincangkan gerakan komunis sehingga 1954 sahaja dan lebih memberi tumpuan kepada doktrin dan amalan revolusionari PKM. Kerana itu, topik yang dibentuk tumpuan olehnya ialah pemberontakan bersenjata, teknik revolusionari, aktiviti buruh dan perang gerila yang dilancarkan oleh PKM sahaja. Cheah Boon Kheng pula lebih memberi tumpuan kepada aktiviti barisan bersatu komunis antara 1946 hingga 1948.

Pada 1980-an pula telah terbit beberapa tulisan lagi. Antaranya ialah tulisan Cheah Boon Kheng (1983), *Red Star Over Malaya* yang terutamanya membincangkan hubungan ras, penentangan dan konflik sosial pada masa dan selepas pendudukan Jepun (1941-46). Sementara itu, Richard Stubbs (1989) dengan bukunya *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-60* menghujahkan bahawa kerajaan Malaysia dapat mengalahkan komunis dengan cara memenangi hati dan fikiran rakyat dan bukan dengan kekerasan semata-mata.

Antara buku yang terbit pada 1990-an dan selepasnya pula ialah *The Communist Party of Malaya: The Inside Story* oleh Aloysius Chin (1995) dan *The Origins of Malayan Communism* oleh C F Yong (1997). Keistimewaan buku Aloysius Chin ialah buku itu dihasilkan berdasarkan data dan maklumat yang dikumpulkan oleh cawangan khas, kerana penulisnya adalah seorang bekas pegawai tinggi cawangan khas. Buku Yong pula cuba mengisi kekurangan tulisan tentang asal usul dan perkembangan komunis di Malaya sebelum Perang Dunia Kedua.

Sementara itu, Mahmud Embong (1992) telah menghasilkan tulisan tentang perkembangan komunisme di kalangan orang Melayu. Pihak Markas Tentera Darat pula (2001) telah menerbitkan buku bergambar dan buku mewah bertajuk *Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-89*, yang isinya memang menggambarkan perjuangan tentera darat untuk menumpaskan tentera PKM.

Bagaimanapun, daripada tulisan yang agak banyak tentang komunisme di Malaysia itu, kecuali tulisan Mahmud Embong, hanya beberapa tulisan sahaja yang ada membuat pemerihalan tentang penglibatan orang Melayu dalam gerakan PKM, termasuk dalam perjuangan bersenjata. Antaranya ialah tulisan Miller (1954, 172-177) yang ada membuat sedikit pemerihalan tentang beberapa orang anggota Tentera Pembelaan yang dilabelkannya sebagai bandit (penjahat). Cheah Boon Kheng (1979, 62-73) ada membincangkan hubungan orang Melayu dengan PKM, tetapi kajianya tidak menyentuh penglibatan orang Melayu dengan perjuangan bersenjata. Aloysius Chin (1995, 33-38) menghuraikan pembentukan Rejimen Ke-10, pengukuhan dan perpindahannya ke Selatan Thailand. *Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-89* (2001, 19-21), pula antara lain, ada membuat huraian tentang Rejimen Ke-10.

Dengan beberapa pengecualian, kebanyakan tulisan tentang komunisme di Malaya telah memberi label yang negatif terhadap Tentera Pembelaan Nasional Malaya (TPNM). Label yang diberi kepada mereka tidak lain daripada *pengganas* atau *pengganas komunis*. Hal ini demikian kerana tulisan itu dihasilkan dalam konteks perang dingin antara blok Barat yang mendukung demokrasi dengan blok komunis, dan penulisnya ialah pendukung demokrasi yang tidak menyetujui tindakan kekerasan yang dilakukan oleh PKM. Dengan itu, pendekatan yang mereka gunakan, yang boleh dianggap sebagai pendekatan arus perdana, tidak lain daripada pendekatan yang sehaluan dengan perspektif kerajaan dan para penyokongnya.

Pada peringkat ini, mungkin ada baiknya jika dijelaskan serba sedikit konsep kiri dan nasionalis kiri yang digunakan dalam buku ini. Dalam hal ini, penulis telah mengambil pendapat Khoo Kay Kim (1981) sebagai rujukan utama.

Mengikut Khoo Kay Kim (1981, 167) dalam perbincangannya tentang golongan kiri di kalangan orang Melayu antara 1945-48, golongan kiri Melayu pada mulanya boleh didefinisikan sebagai *mereka yang menentang UMNO*, kerana pihak UMNO dapat berunding dengan pihak Inggeris dalam politik Tanah Melayu. Walaupun ini merupakan penyebut

sepunya (common denominator) yang menentukan seseorang itu kiri atau kanan, namun golongan kiri itu terdiri daripada pelbagai ragam perkumpulan dan pelbagai tokoh dengan pendirian masing-masing.

Secara amnya adalah mungkin untuk membahagikan golongan kiri Melayu itu kepada beberapa kelompok mengikut jarak mereka daripada pihak yang berkuasa (Khoo Kay Kim 1981, 184). Kelompok pertama, yang ‘paling jauh’ daripada pihak yang berkuasa ialah kelompok ‘kiri pelampau’ (extreme left). Kelompok ini memang mempunyai komitmen yang jelas dari segi ideologi, kerana mereka terlibat secara langsung dengan PKM. Mereka telah menyusup ke dalam pelbagai organisasi anti pihak yang berkuasa, walaupun tidak sentiasa bertanding untuk memegang kedudukan sebagai pemimpin. Kelompok ini, bagaimanapun, pada akhirnya didapati adalah yang paling kurang mendapat sokongan daripada golongan rakyat biasa Melayu.

Selepas kelompok ini, terdapat kelompok *kiri komited* (committed left): mereka yang cenderung kepada sosialisme dalam pengertian yang luas atau sekurang-kurangnya ingin melihat perubahan struktur dilakukan terhadap masyarakat Melayu. Kelompok ini juga kecil bilangannya. Sebahagian kecil daripada mereka dengan cepat menyertai kelompok *kiri pelampau* selepas Darurat diisyiharkan, tetapi sebahagian besar menunggu peluang untuk menyekutukan diri dengan parti politik yang ditubuhkan secara legal seperti Parti Rakyat Malaya (PRM). Pengaruh mereka di kalangan orang Melayu juga merosot dan tidak bertambah lagi selepas beberapa tahun.

Satu kelompok lain, yang paling kuat bersikap anti-British ialah kelompok *kiri Islam* (Islamic left), iaitu mereka yang terlibat dengan Hizbul Muslimin yang dipimpin oleh Abu Bakar Al-Bakir. Hizbul Muslimin mempunyai pengikut yang ramai di pelbagai bahagian negara ini melalui PEPPERMASS, MATA dan LEPIR. Walaupun Dr. Burhanuddin tidak terlibat secara langsung dengan pelbagai organisasi ini, tetapi beliau boleh juga dimasukkan dalam kelompok tersebut. Malah kerana pengaruh Dr. Burhanuddin, ramai ulama, termasuk Abu Bakar Al-Bakir, yang menyokong PKMM, iaitu parti yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin pada permulaannya. Setelah Dr. Burhanuddin dilantik menjadi Presiden PAS pada 1956, kebanyakan orang dari kelompok *kiri Islam* ini telah turut memasuki PAS.

Ada juga kelompok yang boleh digelar sebagai *kiri fana* (transient left). Mereka ialah orang yang paling mudah membuat penyesuaian. Perjuangan mereka jelas tidak berasaskan sesuatu ideologi. Mereka hanya

inginkan penerimaan dan bahkan, selepas perisytiharan Darurat mereka tanpa segan silu telah memasuki UMNO dan ramai daripada mereka secara beransur-ansur menduduki jawatan sebagai pemimpin. Beberapa orang pemimpin SABERKAS boleh dimasukkan dalam kelompok ini. Ramai juga orang *kiri fana* ini yang terdapat dalam PKMM, API dan AWAS.

Akhirnya, terdapat kelompok yang mempunyai pegangan nasionalistik yang kuat. Mereka dianggap kiri bukan dari segi ideologi, tetapi kerana mereka menentang UMNO yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pentadbiran British dan banyak memberi konsesi kepada golongan bukan Melayu. Dalam 1950-an, mereka banyak terdapat dalam Kesatuan Melayu Semenanjung yang dipimpin oleh Ahmad Jamal dan Hashim Ghani dari Melaka. Mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan Kesatuan Melayu Johor yang dipimpin oleh Dr. Hamzah.

Pembahagian golongan kiri Melayu kepada beberapa kelompok seperti di atas sebenarnya menjadi jelas, jika kita meneliti politik Melayu dalam 1950-an. Dengan ringkas, ujian masa akhirnya menunjukkan dengan lebih meyakinkan prinsip kepercayaan atau ideologi yang jadi pegangan sesuatu kelompok itu. Pada peringkat awal perjuangan mereka, iaitu pada 1946-48, pembahagian itu belum begitu jelas, walaupun mereka semua boleh dianggap sebagai golongan kiri.

Tentang kelompok *kiri pelampau*, walaupun kelompok ini adalah kelompok kiri Melayu yang paling kurang mendapat sokongan daripada rakyat biasa Melayu, tetapi keistimewaan kelompok ini, yang tidak ada pada kelompok lain ialah kelompok ini telah dapat menubuhkan pasukan bersenjata sendiri, iaitu Rejimen Ke-10, yang pernah mempunyai anggota sehingga kira-kira 400 orang. Perjuangan bersenjata yang mereka lancarkan di tanah air dari 1948 hingga 1960 secara relatif adalah gagal. Akan tetapi, setelah pasukan inti Rejimen ini berundur ke Selatan Thailand pada awal 1950-an, mereka masih dapat meneruskan perjuangan mereka dari Selatan Thailand dalam masa yang panjang, iaitu hampir 40 tahun.

Untuk memahami perjuangan golongan nasionalis kiri yang melibatkan diri dengan perjuangan bersenjata ini, apa yang akan dicuba oleh penulis ialah membuat pemerihalan dan analisis berdasarkan sudut pandangan orang-orang yang memainkan peranan penting dalam gerakan nasionalis kiri itu sendiri. Dengan perkataan lain, buku ini akan memberikan peluang kepada pelaku-pelaku itu sendiri untuk menerangkan perjuangan mereka, pendapat mereka dan isi hati mereka.

Dengan itu, buku ini secara sengaja akan memilih pendekatan yang berbeza dengan pendekatan yang biasa digunakan oleh kerajaan atau

penulis yang menggunakan perspektif prokerajaan. Jika kebanyakan buku atau tulisan yang terdapat sehingga kini boleh dikatakan berdasarkan sudut pandangan arus perdana, buku ini sebaliknya akan ditulis berdasarkan sudut pandangan golongan yang berada di pinggiran atau di luar arus perdana. Perbezaan pendekatan yang digunakan ini diharap akan menjadi salah satu sumbangan baru daripada buku ini.

Pemilihan sudut pandangan yang berbeza ini dapat dilakukan, dan wajar dilakukan, kerana keadaan sudah pun berubah. Jika dahulu tokoh penting gerakan kiri yang memimpin perjuangan bersenjata tidak dapat ditemui, kerana mereka berada di dalam hutan di Selatan Thailand, tetapi sekarang, setelah adanya Perjanjian Perdamaian pada 1989, mereka telah boleh ditemui. Ini mewajarkan mereka diberi peluang menerangkan perjuangan mereka dan perjuangan mereka ditulis berdasarkan sudut pandangan mereka sendiri.

Selain daripada itu, sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi, dalam kebanyakan buku atau tulisan, kelompok nasionalis kiri Melayu yang melancarkan perjuangan bersenjata ini telah dilabelkan sebagai *pengganas* atau *pengganas komunis*. Walau apa pun sebabnya pihak yang berkuasa melabelkan mereka seperti itu, penulis berpendapat label yang demikian tidaklah sesuai digunakan lagi. Oleh itu, dalam penulisan ini mereka dilabelkan dengan istilah yang mereka gunakan untuk merujuk diri mereka ataupun istilah yang lebih neutral, seperti Tentera Pembebasan Nasional atau Tentera Rakyat, ataupun golongan nasionalis kiri.

Selaras dengan pendekatan yang dinyatakan di atas, maka dari segi metodologi, khasnya dari segi pengumpulan data, kaedah utama yang dilakukan oleh penulis tidak lain daripada temu ramah dengan tokoh sejarah yang dikaji. Hal ini dapat dilakukan, kerana sekarang tokoh yang berkenaan, sama ada yang tinggal di Malaysia atau di Selatan Thailand telah dapat ditemui tanpa apa-apa halangan lagi. Dengan menemuramah mereka, maka tokoh yang berkenaan dapat mengingatkan dan *membina kembali* sejarah yang telah mereka lalui dan yang mereka sendiri memainkan peranan penting dalam sejarah itu.

Selain daripada itu, sudut pandangan tokoh berkenaan juga dapat dikesan dengan merujuk teks ucapan mereka pada masa yang lalu, dan dokumen serta penerbitan yang dihasilkan oleh sebahagian daripada tokoh tersebut. Dalam hubungan ini, kebetulan salah seorang tokoh penting yang dikaji, iaitu Abdullah C.D. masih menyimpan teks ucapan, dokumen dan penerbitan yang dihasilkan oleh beliau pada masa yang lalu.

Satu lagi rujukan penting penulis ialah buku yang ditulis dan diterbitkan akhir-akhir ini oleh tiga orang daripada mereka, iaitu Abdullah C.D. (1998), Suriani Abdullah (1999) dan Abu Samah Mohamad Kassim (1996). Buku yang mereka hasilkan memang sarat dengan pelbagai fakta mengikut sudut pandangan mereka sendiri. Ini banyak menolong penulis untuk membina kembali sejarah perjuangan mereka mengikut sudut pandangan mereka sendiri. Di samping itu, buku *Memoir Chin Peng* (2003) yang baru terbit juga telah dijadikan rujukan utama.

Bagaimanapun, untuk perbandingan dan untuk menentukan fakta yang dikaji adalah sahih dan tepat, penulis tetap merujuk sumber lain, khasnya tulisan ahli akademik dan pihak yang berkuasa. Sumber pihak yang berkuasa yang digunakan di sini termasuklah penulisan yang dihasilkan oleh bekas Pegawai Cawangan Khas dan Pegawai Tentera.

Dengan merujuk dan menggunakan pelbagai sumber itu, diharap penulisan ini dapat memaparkan sejarah perjuangan golongan nasionalis kiri dengan sebaik-baiknya. Bagaimanapun, hal yang agak baru dalam kajian ini dan diharap merupakan kekuatan kajian ini ialah, penulis cuba memberi peluang kepada aktor atau pelaku sejarah itu sendiri untuk menerangkan sejarah perjuangan mereka, termasuk pendapat dan isi hati mereka. Hanya yang tidak dapat dielakkan dan mungkin perlu dilakukan oleh penulis ialah penulisan ini tentulah juga melibatkan penafsiran oleh penulis sendiri.

Usaha penulis untuk menemuramah tokoh yang berkenaan menghendaki penulis membuat beberapa kunjungan ke Pahang dan ke Selatan Thailand. Di Pahang, penulis terutamanya menemui Ibrahim Chik, salah seorang bekas Ahli Jawatankuasa Pusat PKM dan beberapa orang bekas anggota Rejimen Ke-10 yang memilih balik ke Malaysia. Kunjungan ini dilakukan berulang kali pada 2000 dan 2001. Pada Januari dan Mei 2002 pula penulis berkunjung ke Selatan Thailand dan dapat menemui semua tokoh penting yang masih hidup, iaitu Abdullah C.D. (Pengerusi PKM), Suriani Abdullah (Ahli Jawatankuasa Pusat PKM), Rashid Maidin (Ahli Jawatankuasa Pusat PKM), dan Abu Samah Mohamad Kassim (Ahli Jawatankuasa Pusat PKM). Di samping itu, beberapa orang bekas anggota Rejimen Ke-10 yang berasal dari Malaysia, tetapi memilih tinggal di Thailand juga telah ditemui.

Dengan kejayaan penulis menemuramah tokoh yang berkenaan, yang merupakan aktor penting dalam kajian ini, di samping beberapa orang bekas anggota Rejimen Ke-10, matlamat penulis untuk mengumpul data daripada mereka dan mendapatkan gambaran tentang sejarah perjuangan mereka daripada sudut pandangan mereka sendiri bolehlah dikatakan telah tercapai.



## Bab 1

# Gerakan Antikolonial Sebelum Perang Dunia Kedua

## Gerakan Komunis

Gerakan politik yang bersifat antikolonial dan bertujuan untuk membebaskan Malaya (Tanah Melayu dan Singapura) dari cengkaman penjajah telah muncul semenjak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Dua gerakan utama yang mempunyai hubungan yang rapat dengan subjek kajian ini ialah gerakan komunis yang dari segi organisasinya kemudian melahirkan Parti Komunis Malaya (PKM) dan gerakan nasionalisme kiri Melayu yang dari segi organisasinya muncul sebagai Kesatuan Melayu Muda (KMM). Bab ini cuba membuat pemerihalan tentang kedua-dua gerakan tersebut dengan memberi tumpuan kepada asal usulnya dan perkembangannya.

Gerakan komunis sebagai gerakan politik yang diilhamkan oleh ideologi Marxist mula berkembang di Asia Tenggara dalam dekad pertama dan kedua abad ke-20. Menjelang 1920-an Parti Komunis Indonesia (PKI) sudah mula terbentuk. Walaupun parti ini tidak dianggap sebagai pihak yang memainkan peranan utama dalam penyebaran komunisme di Asia Tenggara, tetapi tokoh-tokoh komunis Indonesia, seperti Alimin dan Tan Malaka telah mengorak langkah untuk menyebarkan ideologi komunis di Singapura pada 1924 dan 1925 (Hanrahan 1971, 28-29). Mengikut McVey (1968, 449) Tan Malaka mungkin tokoh komunis dari Indonesia yang mula-mula menganjurkan supaya kegiatan komunis dijalankan di Tanah Melayu.

Pada awal 1926 telah disahkan bahawa tokoh-tokoh komunis dari Jawa, iaitu Alimin, Musso, Sardjono, Sugono, Mohamed Sanusi, Winanta, Boedisoejito dan Soebakat telah tiba di Singapura untuk mengadakan persidangan selama tiga hari (Yong 1997, 82). Kedatangan mereka diikuti oleh Sutan Perpatih dari Sumatera. Tan Malaka pula dikatakan pernah



berada di Pulau Pinang dengan rakannya Hasanoesi. Pada awal Mei 1926 Boedisoejito dan Sutan Perpatih telah berkunjung ke Pulau Pinang dan kembali ke Singapura pada bulan yang sama. Sebelum kembali ke Medan pada akhir Mei 1926 Sutan Perpatih dikatakan pernah melawat Kedah dan Perak Utara dengan tujuan untuk menyebarkan ideologi komunis di kalangan orang Melayu dan Jawa, di samping untuk memungut wang (Khoo Kay Kim 1984, 20).

Walaupun tokoh-tokoh komunis itu begitu sibuk di Tanah Melayu pada 1926, tetapi mereka nampaknya tidaklah begitu berjaya mempengaruhi orang-orang Melayu supaya melibatkan diri dengan gerakan komunis. Kesukaran mereka untuk menyebarkan ideologi komunis di kalangan orang-orang Melayu itu pernah diterangkan oleh Tan Malaka dalam suratnya kepada Boedisoejito bertarikh 6 November 1925. Mengikut Tan Malaka, Tanah Melayu bukanlah sebuah tempat yang subur untuk pertumbuhan pengaruh komunis. Antara sebabnya ialah penduduk Bumiputera terdiri daripada golongan burjuis kecil dan kehidupan serta pemikiran mereka bersifat konservatif (Yong 1997, 81; Khoo Kay Kim 1984, 21).

Selepas berlakunya pemberontakan komunis yang gagal di Jawa pada 1926 dan di Sumatera pada 1927, ramai orang dari Indonesia, yang umumnya merupakan tokoh dan aktivis komunis melarikan diri ke Tanah Melayu. Mengikut Abdul Samad (1982, 311) antara mereka termasuklah Djamaluddin Tamin, Subakat, Tan Malaka, Alimin, Musso, Nata Zainuddin, Darsono, Burhan Dajin, Semaun, Sutan Djenain, Muchtar Lufti dan ramai lagi. Ibrahim (1957, 20) pula menyebut nama Djamaluddin Tamin, Tan Malaka, Budiman, Sutan Djenain, Alimin, Mohd. Arif dan lain-lain. Kedatangan mereka dan aktiviti yang mereka lakukan setelah berada di negara ini turut mendorong timbulnya kesedaran kebangsaan dan semangat antikolonial di kalangan pemuda Melayu, tetapi tidaklah banyak menyumbang terhadap perkembangan gerakan komunis di negara ini, khasnya di kalangan orang-orang Melayu.

Dengan itu, walaupun dalam era sebelum Perang Dunia Kedua ini sudah ada tokoh atau kader komunis dari Indonesia yang menjalankan kegiatan mereka di negara ini, tetapi kedatangan dan kegiatan mereka tidaklah begitu berjaya mencetuskan gerakan komunis di kalangan orang-orang Melayu tempatan. Khoo Kay Kim (1984, 21) menganggap pengaruh mereka ke atas orang Melayu adalah minimum. Di samping itu, maklumat tentang orang Melayu tempatan yang telah menyertai gerakan komunis itu juga masih agak kabur.

Mengikut Abdul Samad (1982, 353) pada peringkat awal penubuhan PKM ini tidak ada seorang pun orang Melayu menyertainya. Namun, mengikut Yong (1997, 119-120), pada era Nanyang Provisional Committee, beberapa orang pemimpin komunis Hainan telah berjaya merekrut beberapa orang Melayu dari Singapura dan Melaka ke dalam gerakan komunis. Beberapa orang daripada mereka seperti Ali Majid, Ahmed Baiki Suile dan Abdul Rahman telah diserapkan ke dalam Nanyang Anti-Imperialist League dan ditugaskan membantu mengeluarkan bahan bacaan anti-imperialis dalam tulisan rumi. Atas usaha Tan Malaka, Alimin dan Muso orang-orang Melayu itu kemudian menubuhkan cawangan Melayu Nanyang Anti-Imperialist League di Singapura.

Pada September 1928 sebuah cawangan Melayu Nanyang Anti-Imperialist League telah ditubuhkan di bandar Melaka untuk menggalakkan komunisme di kalangan orang Melayu. Cawangan Melayu itu ditubuhkan di Kelab Melayu. Cuma sayangnya tiada maklumat tentang operasi cawangan Melayu dan Kelab Melayu Melaka itu pada 1929 dan 1930, walaupun Singapura dan Melaka adalah pusat aktiviti komunis Melayu (Yong 1997, 120).

Pada Mei 1929 Nanyang Provisional Committee berjaya menghantar perwakilan untuk menghadiri Pan-Pacific Trade Union Secretariat Conference yang dijadualkan diadakan di Shanghai pada Julai dan Ogos 1929. Antara perwakilan itu ialah tiga orang Melayu, iaitu Ali Majid, Selleh Sapi, seorang Melayu Melaka dan Haji Mohamed Hashim, guru agama Melayu Padang dari Melaka. Bagaimanapun, dalam Mac 1930, ketiga-tiga perwakilan Melayu itu bersama dengan tiga orang aktivis Melayu yang lain, iaitu Ahmad Baiki Suile, Jamal Ud Din, seorang Melayu Padang dari Singapura dan Emat atau Abdul Hamid, seorang komunis Jawa dari Singapura telah ditangkap oleh Inggeris. Selepas penangkapan itu, cawangan komunis Melayu menghadapi kesukaran untuk mengganti pemimpinnya dan tidak dapat menghantar wakil untuk menghadiri penubuhan PKM pada April 1930 (Yong 1997, 120). Ini membawa kemerosotan kepada gerakan komunis Melayu pada masa itu.

Keadaan di kalangan orang Cina pada masa yang sama adalah jauh berbeza. Berbanding dengan orang Melayu, orang Cina cepat menerima ideologi komunis yang disebarluaskan dari negeri China, dan gerakan komunis cepat muncul dan berkembang di kalangan mereka.

Percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis di kalangan orang Cina di negara ini telah bermula tidak lewat daripada 1921-22 (Aloysius Chin 1995, 19; Khoo Kay Kim 1984, 17). Ketika itu penerbitan komunis

dalam bahasa Cina telah pun diedarkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Penyebaran penerbitan komunis itu merupakan langkah pertama untuk menyemaikan benih komunisme di negara ini. Kemudian menyusul langkah selanjutnya, iaitu percubaan untuk mengendalikan kaum buruh dan meluaskan pengaruh komunis melalui sekolah malam.

Walaupun perkembangan politik di Tanah Melayu antara 1923 hingga 1925 tidak begitu jelas, tetapi pada Mac 1923 di Selangor telah ditubuhkan sebuah sekolah malam yang diberi nama Phing Man. Dari mula lagi sekolah itu merupakan sebuah pusat untuk menyebarkan propaganda kebangsaan Cina serta komunis. Han Kuo Hsiang, salah seorang guru yang bertugas di sekolah itu, pernah mendapat latihan di Russia, dan mempunyai rancangan untuk memberi kuliah tentang politik di sekolah malam yang terletak di tempat lain. Tugasnya adalah untuk memujuk penuntut-penuntut memasuki Kuomintang sebagai langkah pertama untuk menjadi ahli Persatuan Sosialis dan selanjutnya menjadi ahli PKC (Khoo Kay Kim 1984, 22).

Antara 1926-27, organisasi komunis yang agak rapi telah pun diasaskan di Tanah Melayu. Yang paling penting ialah sebuah badan yang dikenali sebagai ‘Sekolah Utama.’ Badan ini merupakan sebuah pertubuhan eksekutif komunis yang utama di negeri ini. Ahlinya ditugaskan mengembara dari satu tempat ke satu tempat untuk memberi ceramah, mengajar dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pendirian pertubuhan-pertubuhan komunis yang akan menggunakan sekolah malam sebagai pusat kegiatan politik mereka (Yong 1997, 73).

Di Selangor pada masa itu kegiatan komunis telah berkembang dengan hebatnya di Rawang, yang pada waktu itu merupakan sebuah bandar yang terletak di tengah-tengah kawasan lombong dan ladang getah. Pihak komunis di tempat itu pada mulanya menggunakan Kuomintang untuk menyembunyikan kegiatan mereka di dua tempat yang berhampiran dengan Rawang, iaitu Ulu Yam dan Rasa. Kedua-dua buah tempat ini pengaruh komunis agak kuat.

Pengaruh komunis juga telah sampai ke beberapa tempat di Negeri Sembilan. Di Rantau, misalnya sebuah sekolah malam Yuk Chi telah lama digunakan sebagai pusat kegiatan Kuomintang. Bagaimanapun, beberapa orang guru yang pada zahirnya mendukung ideologi Kuomintang secara tidak langsung mempunyai hubungan yang rapat dengan pertubuhan-pertubuhan komunis.

Di Singapura, sekolah-sekolah malam juga giat menyebarkan ideologi komunis. Akibatnya pada Mac 1926 lima buah sekolah malam di negeri

itu, iaitu Sekolah Malam Khoi Meng, Lok Iok, Pui Man, Lok Khwan dan Phing Min, telah diharamkan oleh kerajaan penjajah kerana dituduh menjalankan kegiatan komunis (Khoo Kay Kim 1984, 23).

Pertubuhan-pertubuhan buruh komunis juga telah muncul pada 1926. Pada Mei tahun tersebut, Kesatuan Buruh Am Nanyang telah diasaskan di Singapura setelah diadakan mesyuarat yang dihadiri oleh wakil beberapa kesatuan buruh dari seluruh Tanah Melayu. Kesatuan Buruh Am itu bertempat di Singapura, manakala cawangannya ditubuhkan di seluruh Tanah Melayu, Hindia Timur Belanda, Siam dan Sarawak. Bermula dengan lima cawangan pada 1926, kesatuan itu mempunyai 42 cawangan setahun kemudian. Dalam tempoh setahun itu ahlinya juga meningkat dari kira-kira 1,000 orang kepada lima atau enam ribu orang.

Di sekitar 1926 juga telah ditubuhkan di Singapura Liga Belia Komunis Nanyang (Nanyang Communist Youth League). Cawangan badan ini kemudian berkembang ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu (Hanrahan 1971, 32).

Kemunculan gerakan komunis dengan lebih bebas pada masa itu dikatakan timbul dari perkembangan di China. Selepas Dr. Sun Yet Sin yang mewujudkan Barisan Bersatu antara komunis dan Kuomintang pada 1924 meninggal dunia setahun selepas itu (1925), perselisihan mula berlaku dalam Barisan Bersatu tersebut. Dengan itu, di Tanah Melayu puak komunis mula bergerak secara bersendirian (Khoo Kay Kim 1984, 24).

Apabila Barisan Bersatu Komunis-Kuomintang di China pecah, mungkin dalam musim sejuk 1927-28, beberapa agen China di bawah Komintern tiba di Malaya untuk menubuhkan organisasi komunis yang tetap dan teratur. Ini membawa kepada penubuhan Parti Komunis Nanyang (Hanrahan 1971, 31-32) atau organisasi yang disebut oleh Yong (1997, 90) sebagai Nanyang Provisional Committee of the Communist Party of China atau singkatannya Nanyang Provisional Committee (NCP). Pada masa yang sama, usaha telah dilakukan untuk merancang revolusi di Malaya sendiri (Hanrahan 1971, 32).

Bagaimanapun, dari masa itu hingga awal 1930, gerakan komunis di Tanah Melayu masih merupakan sebahagian daripada gerakan komunis di China, sebagaimana juga Kuomintang di Tanah Melayu (diharamkan secara rasmi pada 1925) adalah cawangan Kuomintang di China. Akan tetapi di China, setelah Barisan Bersatu berpecah, keretakan berlaku dalam Parti Komunis China sendiri. Satu golongan, tetap menerima arahan daripada Russia yang mahukan mereka terus bekerjasama dengan golongan borjuis, iaitu Kuomintang. Sebaliknya, satu golongan lagi tidak

bersetuju dengan garis perjuangan yang ditentukan oleh Stalin. Golongan yang kedua ini lebih suka merapatkan diri dengan kaum petani untuk mendapatkan sokongan massa.

Perselisihan yang berlaku dalam Parti Komunis China itu menyebabkan perhubungan antara gerakan komunis di Tanah Melayu dengan Parti Komunis China hampir terputus pada awal tahun 1930. Dalam keadaan demikian, Komunis Antarabangsa dapat mewujudkan pengaruhnya ke atas gerakan komunis di Tanah Melayu. Atas arahan Komunis Antarabangsa PKM telah ditubuhkan pada tahun 1930. Pada hari perasmian penubuhan PKM itu, Ho Chin Minh, pemimpin Parti Komunis Vietnam telah hadir sebagai wakil Biro Timur Jauh Komunis Antarabangsa.

Tentang tarikh penubuhan PKM sebenarnya masih terdapat kontroversi sehingga hari ini. Beberapa orang sarjana seperti Brnmell (1959, 94) dan Short (1975, 20) menyatakan PKM ditubuhkan pada April 1930, manakala Hanrahan (1971, 38) menyatakan secara lebih khusus bahawa PKM ditubuhkan pada minggu keempat April 1930. Sumber PKM sendiri (*50 Tahun Parti Komunis Malaya 1981*, 7) menyatakan tarikh PKM ditubuhkan ialah 30 April 1930. Cheah Boon Kheng (1983, 15) menyatakan PKM ditubuhkan pada 1932. Yong (1997, 129) berasaskan penyelidikannya yang terbaru berpendapat bahawa tarikh yang lebih tepat ialah pertengahan April 1930.

Mengenai tempat PKM ditubuhkan pula, juga masih merupakan kontroversi. Hanrahan (1971, 38) menyatakan Singapura sebagai tempat kelahiran PKM. Akan tetapi sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya 1981*, 7) menyatakan PKM ditubuhkan di sebuah kampung di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Sementara itu, Yong (1997, 129) dalam kajian terbaru nampaknya lebih bersetuju bahawa tempat PKM ditubuhkan ialah Buluh Kesap, Johor dan bukan Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Serentak dengan kelahiran PKM, Kesatuan Sekerja Umum Malaya (Malayan General Labour Union) telah ditubuhkan untuk menggantikan Kesatuan Sekerja Umum Nanyang yang telah diharamkan oleh kerajaan Inggeris. Pada September 1930 pula Liga Pemuda Komunis Malaya (Malayan Communist Youth League) muncul sebagai pengganti kepada Liga Pemuda Komunis Nanyang yang telah tidak bergerak lagi. Kedua-dua badan ini penting sebagai tapak kuasa kepada PKM.

Dengan tertubuhnya PKM, gerakan komunis di Tanah Melayu tidak lagi di bawah kawalan Parti Komunis China, tetapi terus di bawah arahan Biro Timur Jauh Komunis Antarabangsa. Semenjak itu PKM juga diberi arahan supaya tidak menghadkan kegiatannya di kalangan orang Cina

sahaja. PKM dikehendaki berusaha mendapatkan sokongan orang India dan Melayu. Di samping itu, PKM juga diminta supaya memberi perhatian kepada kaum petani (Bumiputera).

Khoo Kay Kim (1994, 25) berpendapat PKM menghadapi dilema terutama kerana pada masa itu permusuhan antara China dengan Jepun telah menjadi semakin serius. Pada 1937 Jepun menyerang dan seterusnya menguasai Manchuria. Pada 7 Julai 1937, Perang China-Jepun meletus. Orang Cina di Tanah Melayu sangat terlibat dengan politik China. Pelbagai usaha dijalankan untuk membantu China. Semangat nasionalisme di kalangan orang Cina sangat kuat. Dalam keadaan seperti itu, PKM merasa terdesak untuk mendapatkan sokongan daripada orang China dan cuba mengetuai kumpulan anti-Jepun. Dengan itu PKM kurang memberi tumpuan kepada dasarnya untuk mendapatkan sokongan orang Melayu.

Bagaimanapun, PKM tidak mengabaikan matlamatnya untuk mewujudkan kegelisahan perindustrian di negara ini. Misalnya, lebih 5,000 orang buruh lombong di Batu Arang, Selangor pernah mengadakan pemberontakan bersenjata di bawah pimpinan Parti dengan bersenjatakan alat-alat kerja. Mereka telah menduduki pejabat syarikat lombong dan seluruh pelombongan selama kira-kira satu minggu. Peristiwa ini mengikut sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 10) dan Hanrahan (1971, 52) berlaku pada 1935, tetapi mengikut Yong (1997, 220) dan Aloyaius Chin (1995, 24) berlaku pada 1937. Pada 1935 juga, mengikut sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 10-11) kaum tani Melayu di kawasan Tampin, Negeri Sembilan telah mengadakan pemberontakan dengan bersenjatakan parang. Bagaimanapun, kedua-dua pemberontakan ini telah ditumpaskan oleh pihak yang berkuasa.

Selepas itu, ahli PKM meneruskan kegiatannya menimbulkan kegelisahan buruh yang boleh dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama yang bermula pada November dan Disember 1935 berlaku secara spontan dan agak bebas dari bantuan PKM. Ia melibatkan pekerja estet getah, pekerja lombong dan Malayan Collieries. Mereka meminta gaji yang lebih tinggi dan syarat kerja yang lebih baik sebagai respons kepada siri tindakan mogok di Singapura mulai September 1936. Fasa kedua terutamanya melibatkan kegelisahan buruh di Selangor yang bermula pada Disember 1936 dan berlanjutan hingga pertengahan Mac 1937. Ia melibatkan pekerja kilang di bandar, seperti pemandu jentera dan pekerja bengkel logam, pembuat kasut dan pekerja kilang getah, pekerja kilang papan, pemotik nenas dan pembuat mancis. PKM bahagian Kelang dikatakan aktif mendorong beberapa pemogokan ini. Fasa ketiga dan terakhir bermula

pada awal Mac dan berakhir pada 2 April 1937. Perjuangan mereka tertumpu di kalangan pekerja estet getah di Selangor dan Negeri Sembilan. Mengikut Yong (1997, 220) fasa ketiga ini mencapai kemuncaknya dengan pemogokan buruh lombong di Batu Arang Selangor. Di samping pemogokan itu, berlaku pula rusuhan sebagai akibat kempen anti-Jepun.

Sementara itu, di bawah pimpinan Loi Teck, Setiausaha Agung mulai April 1939, PKM dalam tahun-tahun menjelang Perang Dunia Kedua semakin berkembang dari segi saiz dan pengaruh. Hanrahan (1971, 59) menganggarkan pada 1939 ahli PKM tidak melebihi 5,000 orang. Yong (1997, 274-275) pula menganggarkan bahawa menjelang serangan Jepun pada 1941 ahli PKM kira-kira 5,000 orang, tetapi ahli Malayan General Labour Union yang dikuasai oleh PKM dan organisasi yang bersekutu dengannya jauh lebih ramai, iaitu kira-kira 100,000 orang.

Ketika Loi Teck mula memegang jawatan Setiausaha Agung itu, keadaan politik antarabangsa telah berubah dengan pesatnya. Perubahan politik dunia antara 1939 hingga 1941 mendatangkan kesan kepada strategi dan taktik PKM terhadap Britain, Rusia dan China dan juga terhadap masyarakat tempatan. Sebagai anggota Komunis Antarabangsa, PKM terpaksa mengikut arahan supaya ia bersekutu dan menyokong Britain yang menjadi rakan sekutu Rusia untuk menghadapi Jerman di Barat dan Jepun di Timur.

Menjelang pecahnya Perang Dunia Kedua, PKM telah merekrut beribu-ribu anggota baru, melatih beratus-ratus orang kader yang revolusioner dan umumnya mencapai kemajuan dari segi konsolidasi dan persiapan. Pada masa yang sama PKM juga bekerjasama dengan kumpulan bukan Komunis dalam Barisan Bersatu Gerakan Pembebasan Nasional (National Salvation Movement) yang ditubuhkan untuk menentang Jepun. Dengan itu, apabila Jepun menyerang Malaya pada Disember 1941, PKM mungkin merupakan organisasi yang paling efektif di luar kerajaan kolonial British. Walaupun mengikut Hanrahan (1971, 60) ahlinya yang aktif mungkin tidak lebih 5,000 orang, tetapi PKM boleh bergantung pada orang Cina Seberang Laut yang bersimpati dengannya yang jumlahnya dianggarkan berpuluhan-puluhan ribu orang.

## Gerakan Nasionalisme Kiri Melayu

Jika kemunculan gerakan komunis di kalangan orang Cina di Tanah Melayu pada peringkat awalnya banyak dipengaruhi oleh perkembangan politik



dan gerakan komunis di China, kemunculan gerakan nasionalisme kiri di kalangan orang Melayu pula, sama ada secara langsung atau tidak, banyak dipengaruhi dan didorong oleh perkembangan politik dan gerakan nasionalisme di Indonesia.

Ketika penerbitan komunis dari China disebarluaskan di kalangan orang Cina di Negeri-negeri Melayu Bersekutu mulai pertengahan 1920-an, bahan-bahan bacaan dari Indonesia, sama ada buku, majalah dan surat khabar telah sampai ke tangan anak-anak muda Melayu yang belajar di Maktab Perguruan Sultan Idris. Tujuan bahan bacaan itu dibawa masuk ke Tanah Melayu terutamanya adalah untuk mengatasi masalah kekurangan bahan bacaan di kalangan pelajar-pelajar itu. Akan tetapi melalui bahan bacaan itu mereka dapat mengikuti perkembangan nasionalisme di Indonesia, seperti Boedi Oetomo, Sarekat Islam, Parti Komunis Indonesia, Parti Nasional Indonesia serta peranan Soekarno dengan *study clubnya*. Dengan itu, kemasukan bahan bacaan itu telah mendatangkan kesan yang tidak diduga pada mulanya, iaitu sedikit sebanyak telah mendorong timbulnya kesedaran politik anti kolonial di kalangan mereka (Abdul Samad 1982, 310).

Mengikut Ibrahim (1957) yang menulis berdasarkan pengalamannya sebagai pemimpin utama gerakan nasionalisme Melayu kiri itu, tekanan politik dan ekonomi penjajah dalam waktu singkat telah memberikan kesedaran baru kepada orang Melayu. Dengan itu, sesudah 1925 timbulah bibit-bibit kesedaran nasional di kalangan masyarakat Melayu. Namun, Ibrahim (1957, 20) mengakui adanya pengaruh dari Indonesia itu dengan kata-kata seperti berikut:

Selanjutnya kesadaran ini bertambah besar sesudah terjadi Pemberontakan melawan Belanda di Jawa dan Sumatera tahun 1926. Berita-berita pemberontakan di Indonesia itu dengan diam-diam disambut oleh orang Melayu di Malaya yang satu keturunan darahnya itu dengan sangat gembira, terutama oleh mereka yang mempunyai hubungan darah langsung dengan suku-suku orang Bugis, Banjar, Sumatera, Jawa, Sunda, Boyan dan lain-lainnya, bahkan beberapa orang pemimpin pemberontakan dari Indonesia itu yang lari ke Malaya diberikan perlindungan saudara kandung oleh orang-orang Melayu, dari orang-orang pelarian ini ada pula yang bergerak di Malaya memberikan kesadaran nasional melawan penjajah di antaranya ialah Djarmaluddin Tamin, Tan Malaka, Budiman, Sutan Jenain, Alimin, Mohd. Arif dan lain-lainnya.

Kenyataan Ibrahim itu telah diperkuat oleh Abdul Samad (1982, 311) yang turut berjuang dalam politik sejak awal munculnya gerakan nasionalisme Melayu dengan merujuk kepada apa yang berlaku di kalangan pelajar SITC:

Dengan banyaknya bahan-bahan bacaan dari luar mencurah masuk ke SITC di Tanjung Malim, bakal-bakal guru ini dapat mengetahui bagaimana gigihnya orang-orang Indonesia menentang penjajah dengan serba kekurangan Pemberontakan di Jawa Barat 1926 dan Pemberontakan di Sumatera 1927 telah menjadi inspirasi kepada mereka.

Sebahagian daripada pelarian politik dari Indonesia itu telah datang ke SITC untuk melanjutkan perjuangan mereka (Abdul Samad 1982, 311; Roff 1974, 225). Dengan itu bakal-bakal guru yang telah sedia bersemangat itu bertambah semarak lagilah semangat mereka setelah mendengar kekejaman pihak penjajah ke atas bangsa Indonesia.

Dalam hubungan ini, Ibrahim (1957, 20-21) telah menambah lagi fakta penting tentang pengaruh dari Indonesia dengan penerangan berikut:

Sesungguhnya, kesadaran nasional di Malaya itu semakin cepat bertumbuhnya sesudah di Indonesia (khususnya di Jawa) lahir Partai Nasional Indonesia (PNI) yang dipimpin oleh Ir. Sukarno pada tahun 1927 yang menuntut Indonesia merdeka sekarang juga. Gerakan PNI Soekarno itu dengan diam-diam pula disambut oleh orang Melayu Malaya dengan perasaan bahawa orang Melayu adalah suku bangsa Indonesia. Dengan demikian sejak tahun 1928 di sana sini timbulah perasaan nasional Indonesia di Malaya, dan ada pula yang menjadi anggota PNI, di antaranya ialah Sdr. Ibrahim Yaacob (IBHI) yang memimpin perkumpulan mahasiswa di Sultan Idris Training College Tg. Malim beserta kawan-kawannya. Ringkasnya pada tahun 1928 itu tumbuhlah kesadaran nasional di kalangan orang Melayu penduduk Malaya.

Dengan demikian, pada 1929 Ibrahim telah menubuhkan sebuah gerakan pelajar secara haram yang diberi nama Ikatan Pemuda Pelajar. Kemudian pada 1930 beliau menubuhkan Ikatan Semenanjung Borneo (Abdul Samad Idris 1982, 312) atau Belia Malaya mengikut catatan Roff (1974, 225), yang merupakan pertubuhan haram juga. Gerakan ini dianggotai oleh kira-kira 35 orang pelajar SITC. Antara mereka yang menjadi pemimpinnya ialah Ibrahim Haji Yaacob, Muhammad Isa Mahmud, Hassan Haji Manan, Yaakob Muhammad Amin dan Abdul Karim Rashid (Abdul Samad 1982, 312). Merekalah yang disebut oleh Ibrahim Yaacob turut menjadi ahli PNI yang dipimpin oleh Soekarno dan berlanggan akhbar parti tersebut, *Fikiran Rakyat* (Roff 1974, 225).

Penubuhan gerakan sulit Ikatan Semenanjung Borneo atau Pemuda Malaya ini jelas mengikut model gerakan pemuda yang wujud lebih dahulu di Indonesia, seperti Jong Java dan Jong Sumatera, yang merupakan gerakan pemuda Jawa dan pemuda Sumatera.

Gerakan sulit nasionalisme Melayu di SITC itu mulai malap selepas 1932, setelah pihak Inggeris dapat mencium gerak-geri para pemimpinnya. Pihak Inggeris telah mengambil langkah untuk menghancurkan gerakan nasionalisme yang bergerak secara sulit yang berpusat di SITC itu. Antaranya ialah memisahkan Ibrahim Yaacob dari rakan-rakannya setelah mereka menamatkan pengajian pada 1931. Ibrahim Yaacob dihantar mengajar ke Bentong, Pahang, sementara rakan-rakannya dihantar mengajar ke merata tempat di Semenanjung Tanah Melayu, sehingga mereka berjauhan. Di samping itu, tenaga pengajar yang menanamkan semangat nasionalisme juga telah dipecah-pecahkan supaya mereka sukar berhubung antara satu dengan lain. Mereka dihantar sampai ke Borneo atas alasan kenaikan pangkat. Antaranya ialah Cikgu Abdul Hadi Haji Hassan dijadikan Pemeriksa Sekolah-Sekolah Borneo, dan Cikgu Harun Muhammad Amin (Harun Aminurashid) dijadikan Penguasa Pelajaran di Brunei.

Bagaimanapun, langkah Inggeris menyekat gerakan nasionalisme di SITC itu tidak mematahkan cita-cita dan perjuangan Ibrahim Yaacob. Dengan perpindahannya ke Bentong, Ibrahim memindahkan markas Ikatan Semenanjung Borneo ke Bentong pula. Di Bentong, Ibrahim mendapat sokongan daripada Ishak Haji Muhammad yang ketika itu menjadi Timbalan Penolong Pegawai Daerah Bentong.

Aktiviti politik Ibrahim dan Ishak di Bentong dapat dihidu oleh penjajah Inggeris. Inggeris sekali lagi bertindak menyekat kegiatan politik di kalangan anak muda Melayu itu. Ishak telah ditukarkan ke Pejabat Daerah Rembau, sementara Ibrahim pula ditukarkan mengajar ke Sekolah Latihan Polis di Kuala Lumpur.

Setelah berada di Kuala Lumpur pada akhir 1934 atau awal 1935, Ibrahim Yaacob dapat berhubung semula dengan beberapa orang kawan lama dari SITC dan bertemu dengan kawan baru yang sama-sama mempunyai kesedaran nasionalisme dan semangat antikolonial. Antara mereka terutamanya ialah Hassan Manan, Abdul Karim Rasid dan Isa Mohd. Mahmud (atau Muhamad Isa Mahmud?) semuanya dari SITC; Mustapha Hussin, guru Sekolah Pertanian Serdang, dekat Kuala Lumpur, dan Onan Haji Siraj, Pengajar (instructor) Sekolah Teknik Kuala Lumpur; serta Ishak Haji Muhammad, anak muda dari Pahang yang baharu berhenti dari Perkhidmatan Tadbir Melayu (MAS) (Roff 1974, 226).

Ibrahim Yaacob dan Ishak Haji Muhammad, mengikut Abdul Samad (1982, 314) telah merancang untuk menubuhkan sebuah parti politik yang progresif revolusioner pada 1937. Mereka mahu menuntut kemerdekaan

dengan apa cara sekali pun. Bagaimanapun, mereka menyedari bahawa bangsa Melayu sangat kekurangan sama ada dari segi kewangan maupun ketenteraan. Dengan itu, rancangan itu tidak jadi dilaksanakan.

Sementara itu, Ibrahim Yaacob tidak teragak-agak untuk mendapatkan sokongan Jepun dalam usaha membebaskan tanah air daripada penjajahan Inggeris, kerana dia mempercayai bahawa Jepun yang ketika itu sedang berperang dengan China akan menjadi kuasa yang terkuat di Asia.

Pada April 1938 bahanulah mereka dapat menubuhkan sebuah parti politik kiri yang bersifat nasional yang diberi nama Kesatuan Melayu Muda (KMM). Dalam majlis penubuhan persatuan itu yang diadakan di rumah Cikgu Hassan Haji Manan, di Jalan Pasar Kuala Lumpur, Ibrahim Yaacob telah dipilih sebagai presiden, Mustapha Hussain sebagai naib presiden, Hassan Haji Manan sebagai setiausaha, Othman Mohd. Nor sebagai penolong setiausaha dan Idris Hakim sebagai bendahari. Ishak Haji Muhammad telah dipilih sebagai ahli jawatankuasa bersama-sama dengan Abdul Karim Rashid, Bahar Abik, Sulung Chik, Onan Haji Siraj, Abdul Samad Ahmad dan Abdullah Kamil (Mustapha 1999, 197).

Jika dibandingkan antara pertubuhan Ikatan Semenanjung Borneo atau Belia Malaya yang wujud sebelumnya, penubuhan KMM adalah mengikut model Jong Java dan Jong Sumatera yang wujud lebih dahulu di Indonesia (Roff 1974, 222). Walaupun Mustapha (1999, 195, 198) dalam memoirnya menyatakan bahawa pemuda-pemuda nasionalis dalam KMM seperti beliau mahu mencontohi gerakan Turki Muda (Young Turks) dan tidak mengakui KMM dipengaruhi oleh parti-parti politik dari Indonesia, tetapi bagi Ibrahim (1957, 24) kelahiran KMM adalah mencontohi Jong Java, Jong Sumatera dan lain-lain yang terdapat di Indonesia. Dalam hal ini, kenyataan Ibrahim mungkin lebih tepat, kerana pada masa itu, pengaruh dari Indonesia, sama ada dari segi bahan bacaan dan hubungan secara langsung dengan pejuang politik dari Indonesia, memang lebih ketara.

Dalam hubungan ini, satu perkara yang menarik, yang diakui oleh Mustapha (1999, 197) ialah majlis penubuhan KMM turut dihadiri oleh Sutan Jenain, seorang kader komunis dan pelarian politik dari Indonesia yang ketika itu telah menjadi ahli PKM. Sutan Jenain juga mengikut Mustapha (1999, 197) sering menasihati beliau dan kawan-kawannya supaya menubuhkan satu badan politik Melayu yang bertujuan untuk mencapai kemerdekaan. Mengikut Roff (1974, 231-232) pula, Sutan Jenain memainkan peranan sebagai penghubung (liaison) antara PKM dengan KMM atau mungkin lebih tepat dengan sebahagian kecil kepimpinan utama organisasi itu.

Tentang dasar dan matlamat perjuangan KMM sebagai sebuah parti politik Melayu yang pertama ditubuhkan di Tanah Melayu, Mustapha Hussin menerangkannya dengan membuat perbezaan dengan dasar Persatuan Melayu negeri-negeri. Menurut beliau (Mustapha 1999, 198):

Dasar KMM bertentangan dengan dasar Persatuan Melayu Perak, Selangor dan Pahang yang baru sahaja ditubuhkan pada masa itu. Persatuan-persatuan itu propenjajah dan berfahaman kedaerahan, tetapi KMM pula antipenjajah dan memperjuangkan kemerdekaan dan kebebasan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah British.

Ibrahim (1957, 25) pula menerangkan dasar dan matlamat perjuangan KMM yang lebih luas, seperti berikut:

...bahawa KMM adalah pelopor perjuangan nasional di Malaya secara berorganisasi yang pertama menentang penjajah Inggeris dengan dasar non-corporation menuntut Malaya Merdeka, atas dasar kesedaran nasional yang luas bertujuan mahu mempersatukan Malaya kepada satu ikatan Indonesia Raya, agar seluruh suku bangsa orang Melayu (Malay-races) menjadi satu bangsa yang besar di Asia Tenggara.

Dengan perkataan lain, mengikut versi Ibrahim Yaacob, KMM ditubuhkan sebagai alat untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu yang akan disatukan dengan Indonesia dan menjadi sebahagian daripada sebuah negara besar, Indonesia Raya.

Bagaimanapun, pada masa itu KMM tidak boleh menyatakan secara terbuka bahawa perjuangannya adalah untuk menuntut kemerdekaan. Matlamat untuk menuntut kemerdekaan itu terpaksa disembunyikan. Mengikut Mustapha (1999, 199) KMM telah didaftarkan sebagai sebuah badan sosial dengan mengambil peraturan-peraturan Liga Pemuda India Selangor sebagai pelembagaannya. Bagaimanapun, mengikut Roff (1974, 230-231) KMM yang ditubuhkan pada 1938 itu telah memohon pengecualian daripada pendaftaran di bawah Undang-Undang Pertubuhan dan berjaya memperolehnya lebih dua tahun kemudian pada Disember 1940, tetapi pertubuhan itu tidak mengeluarkan apa-apa manifesto, pelembagaan dan daftar pegawaiannya.

Antara kenyataan Roff dengan kenyataaan Mustapha Hussin yang agak bercanggah ini, mungkin kenyataan Roff lebih tepat, kerana KMM memang tidak meninggalkan apa-apa manifesto atau pelembagaan.

Pada 1940 Ibrahim Yaacob sebagai Presiden atau Ketua Umum KMM telah menjelajah ke seluruh Tanah Melayu untuk mendapatkan sokongan

rakyat. Sebagai hasil daripada lawatan beliau itu, KMM telah ditubuhkan di beberapa buah negeri, termasuk Singapura dan Patani.

Abdul Samad (1982, 337-338) telah menyenaraikan nama 37 orang yang dianggapnya sebagai tokoh KMM di negeri-negeri tersebut, sementara Mustapha (1999, 203-205) telah menyenaraikan nama 52 orang ahli KMM yang berdasarkan ingatannya. Senarai yang dikemukakan oleh Abdul Samad Idris dan Mustapha Hussin itu mungkin merupakan senarai ahli KMM yang awal, iaitu senarai ahli pada 1938, yang mengikut dugaan Roff (1974, 231) mungkin tidak lebih daripada 50 atau 60 orang, dan kebanyakannya terdiri daripada guru sekolah Melayu, kakitangan atau pelajar Sekolah Teknik Kuala Lumpur, Sekolah Pertanian Serdang dan SITC, ataupun wartawan. Senarai ahli pada 1940 dan selepasnya mungkin lebih ramai daripada itu, walaupun mengikut dugaan Roff (1974, 234) tidak lebih daripada *beberapa ratus* orang sahaja.

Antara ahli KMM itu, ada dua orang yang kemudiannya muncul sebagai kader dan pemimpin PKM, iaitu Abdullah C D dari Perak dan Kamarulzaman Teh dari Pahang. Abdullah C D pada masa itu masih merupakan pelajar Sekolah Clifford, Kuala Kangsar, sementara Kamarulzaman pula Pegawai Rendah Pertanian di Pusat Percubaan Pertanian, Serdang.

Dalam usianya yang singkat, sejak kelahirannya pada 1938 hingga kedatangan Jepun pada tahun 1941, jelas tidak banyak yang dapat dilakukan oleh KMM dalam perjuangan mencapai kemerdekaan. Ia bukan sahaja tidak mendapat sokongan daripada golongan pembesar, tetapi juga daripada golongan rakyat bawahan yang kebanyakannya masih takut berpolitik dan lebih mematuhi pemimpin tradisional, seperti penghulu, datuk-datuk lembaga (kalau di Negeri Sembilan) dan sebagainya. Dalam hubungan ini, KMM mengambil sikap bermusuhan dengan pembesar-pembesar tersebut (Abdul Samad 1982, 317).

Pada pertengahan 1941, beberapa bulan sebelum Jepun menyerang Malaya, Ibrahim Yaacob, Ketua Umum KMM dikatakan telah dihubungi oleh Jepun yang menawarkan wang untuk membeli surat khabar Melayu yang boleh digunakan untuk melancarkan propanda anti-British. Ibrahim menerima tawaran itu dan tanpa diketahui oleh pemimpin KMM yang lain telah menjajikan sokongan KMM kepada Jepun apabila Jepun menyerang Malaya. Dengan wang pemberian Jepun itulah Ibrahim Yaacob membeli akhbar harian *Warta Malaya* daripada satu keluarga Arab yang menjadi pemiliknya pada Ogos 1941 (Roff 1974, 234-235).

Walau apa pun tujuan Ibrahim Yaakob mengadakan hubungan dengan Jepun dan menjanjikan sokongan kepada Jepun itu, tindakannya itu tentulah dianggap sebagai pengkhianat oleh pihak British, yang masih menguasai dan menjajah Tanah Melayu. Oleh itu, beberapa hari sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua pada 8 Disember 1941, Ibrahim Yaakob dan ramai pemimpin dan ahli KMM telah ditangkap oleh Polis Cawangan Khas. Mereka didakwa di bawah Peraturan Pertahanan masa perang dan dipenjarakan sepanjang masa peperangan tersebut. Pada mulanya mereka ditahan di Penjara Pudu, kemudian dipindahkan ke Penjara Changi Singapura. Selain daripada Ibrahim Yaacob, mereka yang dipenjarakan oleh British termasuklah Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam, Idris Hakim, Hassan Manan, Mohd. Isa Mahmud dan Sutan Jenain. Mengikut ingatan Ibrahim (1957, 26) pemimpin dan ahli KMM yang ditangkap lebih daripada 150 orang. Mereka berada di penjara itu sehingga Februari 1942, apabila Jepun mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu dan Singapura daripada British (Roff 1974, 235).

## Bab 2

# Gerakan Politik Masa Pendudukan Jepun (1941-45)

### Parti Komunis Malaya

Apabila Jepun menyerang Malaya pada Disember 1941 PKM ketika itu berada dalam kedudukan yang kuat. Tawaran PKM untuk membantu kerajaan penjajah British telah diterima dan 10 hari selepas serangan Jepun bermula, PKM bersetuju untuk menyediakan seberapa ramai komunis Cina yang boleh diterima untuk berlatih di Sekolah Latihan Khas 101 (Special Training School 101) yang dikendalikan oleh Lieutenant-Colonel Spencer Chapman. Orang yang dilatih di sekolah itu berjumlah kira-kira 200 orang (Short 1975, 21-22). Merekalah yang menjadi inti pasukan Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya atau Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) yang dibentuk oleh PKM.

Sementara itu, pada 19 Disember 1941 PKM telah melancarkan 'Malayan Overseas Chinese Anti-Japanese Mobilization Society'. Badan itu adalah barisan yang luas, yang terdiri daripada beberapa kelompok, seperti Kuomintang (KMT), Chinese Chamber of Commerce dan organisasi Cina lain, termasuk PKM sendiri, yang kemudian dikenali dengan nama Dalforce (Cheah Boon Kheng 1983, 59). Pada 21 Disember 1941 pula Jawatankuasa Pusat PKM telah meluluskan perjanjian kerjasama dengan British dan menggariskan program empat perkara, seperti berikut:

1. Menyatukan semua rakyat Tanah Melayu untuk menentang kemaraan Jepun dan membantu British mempertahankan Tanah Melayu.
2. Mempersenjatai semua anggota parti dan rakyat untuk sama-sama menentang kemaraan Jepun.
3. Membasmi semua kumpulan *sayap kelima* (fifth columnist), ejen musuh dan pembelot.

4. Menentang pendudukan Jepun menerusi penubuhan pasukan gerila dan juga menerusi tindakan keganasan yang terancang (Hanrahan 1971, 63-64).

Selepas itu, buat pertama kalinya PKM menugaskan wakilnya untuk bergerak secara terbuka. Melalui surat khabar dan radio, suara PKM berkumandang mempropagandakan pendirian parti itu untuk melawan Jepun. Lebih kurang pada masa yang sama, Persatuan Pengerahan Melawan Musuh yang meliputi wakil dari pelbagai kalangan itu telah didirikan di Singapura, Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 26).

Pada masa itu, kedudukan Loi Teck, Setiausaha Agung PKM yang merupakan ejen musuh dalam selimut belum lagi terbongkar. Tidak lama selepas Malaya jatuh ke tangan Jepun, dia telah ditangkap oleh Jepun di Singapura. Dia yang sebelumnya merupakan perisik British dengan segera bertukar menjadi perisik Jepun atas paksaan Jepun. Mengikut sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 29), Loi Tek sebenarnya telah berusaha untuk menghapuskan dan menumpas perjuangan bersenjata anti-Jepun. Dalam mesyuarat kader yang berlangsung di Johor Utara pada 30 Mei 1942, dia telah menyarankan supaya perjuangan bersenjata tidak diutamakan; sebaliknya yang diutamakan ialah perjuangan kaum buruh. Namun, saranannya itu tidak mendapat sokongan.

PKM telah menubuhkan Rejimen Pertama MPAJA pada 1 Januari 1942 lagi. Menjelang November 1942 MPAJA yang dikuasai oleh PKM telah dapat menubuhkan empat rejimen yang anggotanya terdiri daripada lepasan Sekolah Latihan Khas 101, yang ditempatkan di Selangor, Negeri Sembilan dan utara serta selatan Johor.

Bagaimanapun, Loi Teck dipercayai telah melakukan pengkhianatan pada 1 September 1942. Pada tarikh tersebut, satu mesyuarat telah dirancang antara pemimpin tertinggi PKM dengan pemimpin MPAJA dari seluruh Malaya di sebuah kampung setinggan Cina berhampiran dengan Batu Caves, Kuala Lumpur. Loi Teck yang memanggil mesyuarat itu tidak hadir, walaupun diketahui dia berada di Kuala Lumpur. Tanpa mereka duga, mereka telah diserang oleh Jepun yang mengepung mereka dengan kekuatan 2,000 orang. Seramai 18 orang telah terbunuh, termasuk empat orang komisaris politik dari Rejimen Pertama, Ketiga, Keempat dan Kelima, dan tiga orang anggota Jawatankuasa Wilayah; kebanyakannya adalah ‘Old Guard’ parti itu. Yang lain telah ditangkap dan menjelang April 1943 tidak ada lagi anggota Jawatankuasa Pusat yang dipilih dalam Persidangan

Pusat Yang Diperluas kali keenam dan ketujuh yang tinggal, kecuali Loi Teck (Short 1975, 22).

Bagaimanapun, malapetaka itu nampaknya tidak menghalang MPAJA dan PKM daripada terus berkembang. MPAJA telah menubuhkan empat rejimen lagi pada tarikh berikut: Rejimen Kelima (di Perak) pada 1 Disember 1942; Rejimen Keenam (di Pahang Barat) pada 13 Ogos 1943; Rejimen Ketujuh (di Pahang Timur, Terengganu dan Kelantan) pada 1 September 1944; dan Rejimen Kelapan (di Kedah) pada awal Ogos 1945 (Cheah Boon Kheng 1983, 60-61).

Pasukan tentera MPAJA itu telah menjalin hubungan yang baik dengan orang ramai, kerana hal itu dianggap sangat penting oleh Jawatankuasa Militer Pusat. Pada mulanya MPAJA mencuba tinggal berhampiran dengan kampung setinggan Cina yang terbentuk di luar bandar berhampiran pinggir hutan. Akan tetapi, mereka dan setinggan berkenaan terpaksa masuk ke dalam hutan, apabila kampung setinggan itu dibakar oleh Jepun. Penghubung utama antara MPAJA dengan penduduk tempatan tempat mereka beroperasi ialah sebuah organisasi yang bernama Malayan People's Anti-Japanese Union (MPAJU). MPAJU bertanggungjawab memberi gerila makan, memungut derma, mengumpul pakaian, bahan-bahan pertempuran, makanan dan mengumpulkan maklumat risikan (Cheah Boon Kheng 1983, 64-65).

Semasa pendudukan Jepun, PKM telah berusaha memperkuuh organisasinya bukan sahaja untuk menentang Jepun, tetapi juga British yang mereka duga akan datang semula untuk menguasai Tanah Melayu. Kerjasama antara PKM dengan British sebenarnya memberi peluang yang cukup baik kepada PKM untuk memperluas pengaruhnya di kalangan rakyat. Bagaimanapun, PKM menganggap kerjasamanya dengan British itu sebagai satu taktik sahaja dan bukan polisi jangka panjang. Matlamat utama parti itu masih tidak berubah: menghalau British dari Malaya dan menubuhkan kediktatoran proletariat (Short 1975, 21).

Pada Mei 1943 British mendaratkan Pasukan Gerila 136 dengan kapal selam di Tanah Melayu. Pasukan yang dipimpin oleh Kolonel John Davis itu masuk ke dalam hutan untuk melancarkan gerakan penentangan terhadap Jepun dengan berkoordinasi dengan pasukan gerila MPAJA. Dalam hal ini Kolonel John Davis telah mengadakan beberapa rundungan dengan Loi Teck, Setiausaha Agung PKM dan Chin Peng yang pada masa itu telah muncul sebagai pemimpin PKM bagi Perak. Dalam perundingan itu telah dipersetujui bahawa Force 136 akan memberi senjata, wang, latihan dan bekalan kepada MPAJA sebagai balasan kepada

kerjasama dan penerimaan MPAJA terhadap perintah tentera British pada masa perang dengan Jepun dan masa pendudukan militer selepasnya (Cheah Boon Kheng 1983, 73).

Dengan itu, semasa pendudukan Jepun, PKM menerusi MPAJA melancarkan perang gerila terhadap Jepun dengan kerjasama Force 136 yang merupakan pasukan tentera gerila yang ditubuhkan oleh British untuk menentang Jepun. Jika dilihat dari segi kepentingan jangka panjang perjuangannya, PKM lebih beruntung dengan pendudukan Jepun itu kerana dengan bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan yang diberi oleh British, ia berjaya memperkuat pasukan gerilanya untuk menentang British sekembalinya British ke Tanah Melayu kelak.

Menerusi MPAJA juga PKM telah berjaya memperluas pengaruhnya di kalangan rakyat. Rakyat yang bencikan keganasan, kekejaman, dan penderitaan akibat kedatangan Jepun mudah dieksplorasi untuk menyokong perjuangannya MPAJA kerana ia bertindak sebagai penggerak utama penentangan terhadap Jepun di negara ini.

Dalam hubungan ini, satu perkara yang amat menarik ialah, jika sebelum pendudukan Jepun, PKM boleh dikatakan gagal menarik orang Melayu supaya menyertai gerakan komunis, tetapi pada zaman pendudukan Jepun, PKM telah berjaya menarik sebilangan orang Melayu menyokong dan menyertai perjuangannya melalui MPAJA. Hal ini ditegaskan oleh Cheah Boon Kheng (1979, 62-63) dengan kata-kata seperti berikut:

For the first time in its history, the MCP had achieved a *breakthrough* into the armour of Malay resistance against communism. This was partly due to the oppressive conditions of the Japanese Occupation, and partly due the fact that the British were supporting the communists, and the Malays were keen to identify themselves on the side of the Allies.

Sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 37) mengakui hal ini dengan kata-kata seperti berikut:

Pada masa akhir Perang Anti-Jepun, pekerjaan Parti kita berkembang pesat di perkampungan Melayu, puluhan ribu petani Melayu di kawasan perkampungan yang luas telah dibangkitkan untuk menceburkan diri dalam Perang Anti-Jepun.... Petani Melayu yang luas berlumba-lumba menyertai berbagai-bagai organisasi anti-Jepun dan dengan gairah menyumbangkan hasil tanaman mereka kepada TAJRM.... Sebahagian di antara mereka telah menganggotai Parti Komunis dan menjadi kekuatan yang berharga bagi revolusi negara kita.

Sebilangan besar orang Melayu yang menyertai gerakan komunis itu sebenarnya berada dalam MPAJA. Antara mereka yang direkrut dalam

masa perang itu ialah Mokhtaruddin Lasso, Abdullah C.D. dan Rashid Maidin. Mengikut Cheah Boon Kheng (1979, 63) kajian terbaru tentang pendudukan Jepun mendedahkan bahawa penglibatan orang Melayu dalam MPAJA adalah luas, tetapi ramai orang Melayu meninggalkan MPAJA dan PKM setelah berlakunya *racial violence* antara orang Melayu dengan orang Cina pada Ogos dan September 1945.

Abdul Samad (1982, 356) telah menerangkan mengapa MPAJA, yang digelar juga sebagai *Tentera Bintang Tiga* mendapat sokongan daripada orang Melayu melalui pertubuhan mereka dengan kata-kata seperti berikut:

Perjuangan ‘Tentera Bintang Tiga’ telah disokong oleh beberapa pertubuhan Melayu kerana janjinya untuk membebaskan Tanah Melayu. Pertubuhan-pertubuhan Melayu yang memberi sokongan itu termasuklah Pasukan Wataniah, KMM (Persatuan Melayu Muda), PETA sekitar tahun 1943. Mereka bersetuju memberi sokongan kepada *Tentera Bintang Tiga* semata-mata untuk berjuang menentang pendudukan Jepun. Mereka tidak terfikir pula bagaimana *Tentera Bintang Tiga* yang dikuasai oleh komunis ini boleh belot dalam peristiwa 14 han tahun 1945 itu.

Jumlah kekuatan MPAJA pada masa Jepun menyerah diri dianggarkan antara 3,000 hingga 4,000, tetapi pada masa pembubarannya dikatakan antara 6,000 hingga 7,000 orang. Pertambahan bilangan anggota MPAJA pada masa pembubarannya kerana kemasukan sebilangan besar tenaga gerila MPAJA dalam banyak kawasan yang tidak mempunyai hubungan dengan pegawai-pegawai Force 136 pada masa perang. Kemunculan gerila tambahan ini menimbulkan kecurigaan di pihak British bahawa mereka adalah sebahagian daripada *tentera rahsia* PKM. Mereka dibentuk sebagai hasil daripada arahan PKM yang dikeluarkan selepas April 1945, apabila MPAJA dilengkapkan dengan senjata baru oleh The British South East Asian Command (SEAC) untuk melaksanakan perjanjian yang diputuskan oleh Loi Teck dan Force 136. British percaya hanya sebahagian daripada tentera rahsia itu yang menyerahkan senjata mereka pada masa pembubarannya; yang lain telah menyembunyikan senjata mereka di dalam hutan. British juga percaya bahawa pasukan itu digerakkan semula apabila PKM melancarkan perjuangan bersenjata menentang British pada Jun 1948 (Cheah Boon Kheng 1983, 62-63).

## Kesatuan Melayu Muda

Dalam perjuangan untuk Malaya, KMM sebagai organisasi revolusioner yang pro-Jepun telah muncul sebagai saingan kepada PKM. Kedua-dua organisasi ini mempunyai program mereka sendiri untuk mendapatkan kuasa dan kemerdekaan negara, tetapi matlamat dan kepentingan mereka jelas bertentangan antara satu dengan lain. PKM berjuang untuk menubuhkan sebuah republik komunis yang bersifat multiriasial dan menganjurkan persamaan dan keadilan bagi semua bangsa. Sebaliknya, KMM mahu Malaya Merdeka bergabung dengan Indonesia dalam sebuah entiti politik yang disebut Melayu Raya atau Indonesia Raya (Cheah Boon Kheng 1983, 101).

Menjelang kedatangan Jepun, KMM bergerak secara terbuka sebagai sebuah organisasi politik yang legal. Ia tidak menunjukkan permusuhan terhadap dasar British, tetapi secara rahsia membuat hubungan dengan organisasi sayap kelima Jepun, yang disebut *Kame*, yang diilhamkan dan diarahkan oleh Konsul Jeneral Jepun di Singapura. Penglibatan KMM dengan *Kame* menyebabkan kira-kira 110 orang ahli dan pegawai KMM dari seluruh negara ditangkap dan ditahan oleh polis British mulai 4 Disember 1941. Penangkapan itu berlanjutan sepanjang Disember, ketika Jepun menyerang Malaya. Antara mereka yang ditangkap termasuklah Ibrahim Yaacob, Yang Dipertua KMM dan Ishak Haji Muhammad (Cheah Boon Kheng 1983, 102).

Semasa kebanyakannya pemimpin dan ahli KMM itu berada dalam penjara British di Singapura, pemimpin KMM yang berada di luar penjara, antaranya Mustapha Hussain dan Onan Haji Siraj terpaksa mematuhi *janji Ibrahim Yaacob* kepada Jepun sebelum Ibrahim dan kawan-kawannya dipenjarakan, iaitu KMM akan menyokong Jepun dalam peperangannya dengan pihak British. Oleh itu, dengan diketuai oleh Onan Haji Siraj, Mustapha Hussain dan sekumpulan ahli KMM yang lain, mereka telah turut mara ke selatan hingga ke Singapura bersama-sama dengan tentera Jepun.

Tentang peranan yang dimainkan oleh KMM *membantu* pihak Jepun ini, Abdul Samad (1982, 317) telah mengemukakan fakta dan komen seperti berikut:

Pada 16 Februari 1942 Onan Haji Siraj (adik ipar Ibrahim Yaakob) seorang tokoh KMM di Selangor telah sampai di Singapura bersama ahli-ahli KMM yang disertai oleh tentera Jepun. Inilah hakikat sebenarnya perjuangan KMM apabila mereka

membantu tentera Jepun dalam usahanya menentang Inggeris di Tanah Melayu. Sama ada langkah mereka ini salah atau sebaliknya hanya sejarah saja dapat menentukan. Apa pun persoalannya ternyata mereka mempunyai satu tujuan iaitu demi kemerdekaan tanah air.

Cheah Boon Kheng (1979, 58) pula menyimpulkan kerjasama antara KMM dengan Jepun dengan kata-kata berikut:

The KMM intellectuals cooperated with the Japanese in efforts to obtain independence for Malaya through a wider union with a republican Indonesia.

Bagaimanapun, kerjasama dan sokongan mereka kepada Jepun itu tidak membawaikan apa-apa hasil. Mereka tidak diberi kemerdekaan sebagaimana yang mereka harapkan. Malah, dalam Januari 1942, selepas tentera Jepun memasuki Kuala Lumpur, satu konflik mengenai matlamat mereka mahukan kemerdekaan itu telah timbul apabila Mustapha Hussain meminta komander Jepun menyokong perisytiharan kemerdekaan Malaya berasaskan janji Jepun bahawa Jepun akan membebaskan Malaya dari pemerintahan British. Permintaan Mustapha itu telah ditolak (Cheah Boon Kheng 1983, 103).

Dengan kejatuhan Singapura ke tangan Jepun pada 15 Februari 1942, kira-kira 110 orang pemimpin dan ahli KMM yang dipenjarakan oleh British di Singapura sejak akhir 1941 telah dibebaskan atau telah dapat membebaskan diri dari penjara itu.

Tentang pembebasan pemimpin dan ahli KMM dari penjara British itu sekurang-kurangnya ada tiga cerita yang agak berbeza-beza. Mengikut Mustapha (1999a, 297) yang tidak terlibat dengan hukuman penjara itu, mereka dibebaskan oleh pihak British dua tiga hari sebelum British menyerah kalah kepada Jepun, kerana pihak British tidak mahu bertanggungjawab di atas keselamatan mereka. Mengikut Ahmad Boestamam (1983, 20) salah seorang yang terlibat pula, dua tiga hari sebelum seluruh Singapura jatuh ke tangan Jepun, semua pegawai dan kakitangan pemerintah British yang bertugas dipenjara itu telah melarikan diri. Ini membolehkan mereka semua keluar dari penjara itu. Bagaimanapun, mengikut Ibrahim (1957, 26-27) yang juga merupakan salah seorang yang terlibat, mereka dikeluarkan dari tahanan itu oleh pihak Jepun setelah Jepun menawan Singapura. Antara tiga versi cerita ini, Roff (1974, 235) memilih versi Ibrahim Yaacob mungkin kerana buku Ibrahimlah yang menjadi rujukannya.

Setelah pemimpin-pemimpin KMM bebas dari penjara, mengikut Ibrahim (1957, 27) mereka pada mulanya didekati dan dibuat baik ole-

pihak Jepun. Dalam keadaan seperti itu, KMM telah mengambil kesempatan untuk melindungi keselamatan harta dan jiwa orang Melayu di seluruh Malaya daripada ancaman tentera Jepun.

Dalam memoirnya, Mustapha Hussain (Insun Sony 1999a, 297-303) pula telah menceritakan bagaimana pada peringkat awal pendudukan Jepun itu dia memainkan peranan menyelamatkan sejumlah besar orang-orang Melayu daripada dibunuhi atau dikenakan hukuman oleh Jepun. Antara mereka yang diselamatkannya itu termasuklah bekas askar Melayu dan anggota *volunteer* yang sebelumnya berperang di pihak British melawan tentera Jepun, dan keluarga mereka.

Pada peringkat awal pendudukan Jepun itu juga, golongan nasionalis kanan dikatakan menyokong KMM, malah ada yang menjadi ahli KMM. Antaranya termasuklah Dato' Hamzah bin Abdullah dari Selangor, Tengku Muhammad bin Tengku Besar Burhanuddin dari Negeri Sembilan dan Tengku Muhammad bin Sultan Ahmad dari Pahang. Mereka mengambil sikap demikian, tidak lain kerana ketika itu KMM adalah satu-satunya pertubuhan yang diiktiraf oleh Jepun dan boleh memberi perlindungan dan penaungan kepada orang Melayu (Abdul Samad 1982, 317).

Bagaimanapun, KMM hanya dapat bergerak secara terbuka selama beberapa bulan sahaja setelah Tanah Melayu berada di bawah pemerintahan Jepun. Pada Jun 1942 KMM telah dilarang bergerak dan seterusnya dibubarkan oleh Pemerintahan Tentera Jepun untuk Malaya dan Sumatera yang ketika itu berpusat di Singapura.

Pada masa itu juga jelaslah kepada pucuk pimpinan KMM bahawa Jepun memang tidak akan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu, walaupun KMM telah membantu Jepun dalam perperangan dengan pihak British.

Oleh itu, setelah KMM dibubarkan dan Jepun telah mengganti British sebagai kuasa penjajah yang baru, perjuangan KMM untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air terpaksa diteruskan dengan taktik dan strategi yang baru pula. Taktik dan strategi yang digunakan oleh KMM ialah menyertai gerakan bawah tanah untuk menentang Jepun, tetapi pada masa yang sama pucuk pimpinan KMM khasnya berpura-pura bekerjasama dan memberi sokongan kepada pihak Jepun.

Kebetulan pada masa itu PKM telah membentuk MPAJA sebagai gerakan bawah tanah untuk menentang Jepun. Oleh itu, anggota KMM yang terpilih telah menyertai gerakan bawah tanah itu dengan cara turut serta dalam gerakan bersenjata MPAJA. Dalam hal ini Sutan Jenain yang ketika itu sudah menjadi seorang ahli PKM telah memainkan peranan

sebagai penghubung yang aktif antara PKM dengan KMM. Selain daripada itu, pemimpin KMM juga kemudiannya ada membuat hubungan bawah tanah secara langsung dengan Markas Besar MPAJA di Kuala Lumpur dan Markas Cabangnya di Singapura dan Johor (Ibrahim 1957, 27).

Tentang kerjasama dengan pihak Jepun pula, atas kepercayaan dan keperluan pihak Jepun, Ibrahim Yaacob telah diberi tugas untuk membentuk Pasukan *Giyu Gun* atau Pasuka Pembela Tanah Air (PETA) pada akhir 1943. *Giyu Gun* ialah pasukan tentera sukarela Jepun yang ditubuhkan untuk membantu Jepun mempertahankan Tanah Melayu. Setelah pasukan itu diberi latihan singkat ketenteraan, Ibrahim dilantik menjadi pemimpinnya dengan pangkat Leftenen Kolonel, dan sekaligus mengikut dakwaan Ibrahim (1957, 32) sebagai Panglima PETA.

Kebanyakan pemimpin penting dan anggota Pasukan *Giyu Gun* adalah terdiri daripada bekas pemimpin dan anggota KMM. Misalnya, selain daripada Ibrahim sebagai Leftenen Kolonel, Mustapha Hussain sebagai Mejar, Hassan Haji Manan, Abdul Karim Rashid dan Zainal Abidin Ali sebagai Kapten dan Pak Cik Ahmad sebagai Leftenen. Hanya Onan Haji Siraj yang mahukan pangkat yang setaraf dengan Ibrahim, memasuki pasukan tentera sukarela Jepun yang lain, iaitu *Giyu Tai* (Insun Sony 1999b, 76). Oleh itu, dari segi organisasi dan aktiviti berkumpulan KMM telah bertukar menjadi PETA.

Setelah *Giyu Gun* atau PETA terdiri pada awal 1944, pasukan itu mengadakan hubungan dengan MPAJA dengan perantaraan Tan Mei Sing yang ada hubungan pula dengan Loi Teck, Setiausaha Agung PKM ketika itu. Sementara itu Sutan Jenain tetap memainkan peranan sebagai penghubung antara KMM/PETA dengan PKM. Dengan markas cabang MPAJA Singapura pula, PETA berhubung melalui Lo Thiam Po dan kawan-kawannya (Ibrahim 1957, 32).

Oleh yang demikian, dengan kata-kata Ibrahim (1957, 32) sendiri:

Ringkasnya *Giyu Gun* (PETA) yang dipimpin oleh Sdr. IBHY itu pada lahirnya dibentuk oleh Jepun, tetapi kedudukannya adalah untuk MPAJA yang akan digunakan memberi pukulan terakhir kepada Jepun dan penjajah manapun juga untuk menyempurnakan tujuan mencapai kemerdekaan Malaya.

Bagaimanapun, tindakan KMM/PETA menyertai gerakan bawah tanah menentang Jepun bersama-sama dengan MPAJA itu tidak mengubah dasar dan matlamat perjuangan KMM yang asal untuk menuntut kemerdekaan Malaya yang akan bersatu dengan Indonesia. Pada waktu itu, kemerdekaan Malaya mengikut perspektif KMM berhadapan dengan dua rancangan (Ibrahim 1957, 32-33):

1. Rancangan MPAJA/PKM yang akan membentuk sebuah Kerajaan Demokrasi Malaya yang dipimpin oleh 7 orang Melayu, 5 orang Cina, 3 orang India dan 1 orang wakil kaum lain;
2. Rancangan KMM sendiri yang memperjuangkan kemerdekaan Malaya yang akan bersatu dengan Indonesia dan mewujudkan negara baru, Indonesia Raya.

Oleh itu, di samping menyertai MPAJA secara sulit untuk menentang Jepun, pemimpin-pemimpin KMM juga meneruskan perjuangannya sendiri untuk menuntut kemerdekaan Malaya yang akan bersatu dengan Indonesia. Tuntutan ini dikemukakan kepada Pengusa Tentera Pendudukan Jepun, walaupun mengikut Ibrahim (1957, 28) hanya dipersetujui oleh pihak Jepun pada waktu *yang sangat genting* (maksudnya pada masa Jepun sudah hampir menyerah kalah).

Sementara itu, persiapan untuk melaksanakan kemerdekaan Malaya bersama-sama dengan Indonesia itu telah dimulakan oleh pucuk pimpinan KMM pada Julai 1945 dengan menyusun kembali KMM menjadi sebuah badan yang dinamakan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung atau kependekannya KRIS. KRIS dipimpin oleh Ibrahim Yaacob, Dr. Burhanuddin, Onan Haji Siraj dan beberapa orang bekas pemimpin KMM.

Pada 8 Ogos 1945, semasa Soekarno dan Hatta dalam perjalanan ke Saigon untuk merundingkan kemerdekaan Indonesia dengan Pengusa Pendudukan Tentera Jepun untuk Asia Tenggara, mereka telah singgah di Singapura. Ketibaan mereka telah disambut oleh pemimpin KMM dengan mengibarkan bendera Merah-Putih sebagai pernyataan bahawa Tanah Melayu adalah sebahagian daripada Indonesia Raya (Ibrahim 1957, 28; Abdul Samad 1982, 30).

Ketika Soekarno dan Hatta balik dari Saigon, mereka tidak terus pulang ke Jakarta. Sebaliknya, pada 13 Ogos 1945 mereka singgah di Taiping untuk berunding dengan Ibrahim Yaacob dan pemimpin KMM yang lain, yang ketika itu berada di tempat itu. Dalam perundingan itu kedua-dua pihak bersetuju menetapkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu dan Indonesia ialah pada September 1945. Tarikh itu kemudian dipercepatkan kepada 24 Ogos 1945.

Bagaimanapun, rancangan untuk mengisyiharkan kemerdekaan Malaya serentak dengan kemerdekaan Indonesia pada 24 Ogos 1945 itu tidak terlaksana, kerana Jepun telah kalah dan menyerah diri tanpa syarat kepada Tentera Berikat pada 15 Ogos 1945, setelah Amerika menggugurkan bom atom di Nagasaki dan Hiroshima. Berikut dengan



kekalah Jepun itu, di Jakarta Soekarno dan Hatta secara tergesa-gesa mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia tanpa memasukkan Tanah Melayu dan Kalimantan Utara, sebagaimana yang disetujui bersama pada mulanya.

Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia oleh Soekarno-Hatta pada 17 Ogos 1945 itu tentu sahaja mengejutkan Ibrahim Yaacob dan pemimpin KRIS yang lain yang ketika itu baharu sahaja menamatkan kongres KRIS di Kuala Lumpur. Kongres itu diadakan selama dua hari, iaitu pada 16 dan 17 Ogos 1945 dan antara lain membincangkan kemasukan Tanah Melayu ke dalam Indonesia Raya.

Dengan kekalahan Jepun dan perisytiharan kemerdekaan Indonesia tanpa memasukkan Tanah Melayu itu, kedudukan Ibrahim Yaacob dan pimpinan KRIS yang lain telah tersepit di tengah-tengah perjuangan kemerdekaan yang tidak kesampaian dengan kedatangan semula tentera Inggeris. Dalam keadaan demikian, Ibrahim Yaacob dan beberapa orang rakannya, antaranya Hassan Haji Manan, Abdul Karim Rashid dan Onan Haji Rashid telah memilih melarikan diri ke Indonesia untuk melepaskan diri daripada tindakan Inggeris, dan seterusnya meneruskan perjuangan mereka dari negara tersebut. Mereka meninggalkan Kuala Lumpur menuju Singapura pada 18 Ogos 1945, dan terbang ke Jakarta, Indonesia dengan kapal terbang Jepun pada hari esoknya.

Sementara itu, pasukan Giyu Gun atau PETA yang sebelumnya bekerjasama dengan MPAJA dalam perjuangan menentang Jepun, memang bersedia untuk berjuang menentang kemasukan semula tentera Inggeris. Tanpa ada apa-apa keputusan atau arahan daripada Markas Besar MPAJA, pada 19 Ogos 1945 pasukan PETA yang dipimpin oleh Major A. Manaf, Kapten Zakaria dan Lestenan Mohd. Said dengan anak buah seramai 280 orang dan senjata yang lengkap telah meninggalkan Singapura menuju Kuala Lumpur. Mereka membawa surat daripada Ibrahim Yaacob yang ditujukan kepada Markas Besar MPAJA dan Sutan Jenain, yang disiapkannya sebelum melarikan diri ke Indonesia. Mereka berbuat demikian, kerana beberapa bulan sebelum itu ada persefahaman antara PETA dengan MPAJA bahawa pasukan PETA hendaklah dikirimkan dengan segera ke Kuala Lumpur, apabila sewaktu-waktu Jepun menyerah kalah.

Bagaimanapun, apabila pasukan PETA itu sampai ke Muar, Johor mereka telah ditahan oleh pasukan MPAJA (Bintang Tiga) yang diketuai oleh Tan Mai Sang, kerana dia masih menunggu arahan daripada Markas Besar MPAJA. Tan Mai Sang hanya membenarkan pimpinan PETA

menghantar empat orang utusan ke Markas Besar MPAJA dengan membawa surat Ibrahim Yaacub.

Utusan KMM/PETA sampai ke Kuala Lumpur pada 20 Ogos 1945 lalu menemui Sutan Jenain yang menjadi penghubung antara PETA dengan Markas Besar MPAJA. Mereka diberitahu keputusan MPAJA ialah PETA atau Giyu Gun hendaklah dibubarkan sahaja, kerana MPAJA tidak akan melakukan penentangan terhadap kedatangan semula tentera Inggeris. Setelah utusan itu balik ke Muar, pasukan PETA atau Giyu Gun pun dibubarkan pada 22 Ogos 1945 (Ibrahim 1957, 34-35).

Walaupun perjuangan KMM-PETA-KRIS untuk mencapai kemerdekaan pada zaman pendudukan Jepun, sama ada secara bersatu dengan Indonesia atau secara bersendirian telah gagal, tetapi para pemimpinnya tetap meneruskan perjuangan mereka selepas itu, di Malaya dan juga di Indonesia. Di Malaya mereka menubuhkan dan menyertai organisasi baru (khasnya PKMM), sementara di Indonesia pula mereka menyertai revolusi Indonesia untuk menentang Belanda yang mahu menjajah Indonesia semula.

## *Kader Komunis Melayu*

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, pada zaman pendudukan Jepun, PKM telah berjaya menarik sejumlah besar orang Melayu untuk menyertai dan menyokong gerakan parti itu, walaupun sebahagian besarnya adalah dalam gerakan MPAJA. Walaupun, mengikut Cheah Boon Kheng (1979, 63) sebahagian besar daripada mereka meninggalkan PKM dan MPAJA selepas berlaku konflik perkauman Cina-Melayu pada Ogos dan September 1945, tetapi ada beberapa orang yang terus melibatkan diri dengan gerakan parti itu, sehingga muncul dan dikenali sebagai kader dan tokoh penting komunis Melayu. Antara mereka termasuklah Rashid Maidin, Abdullah C.D., Kamarulzaman Teh, Shamsuddin Salleh, Wahi Anuar dan Musa Ahmad. Malah, Rashid Maidin sebenarnya telah menjadi ahli PKM lebih awal daripada itu, iaitu pada 1941. Untuk mengenali tokoh-tokoh ini dan peranan mereka dalam masa pendudukan Jepun, maka di bawah ini dikemukakan pemerihalan ringkas tentang tiga tokoh berikut: Rashid Maidin, Abdullah C.D. dan Kamarulzaman Teh.

## Rashid Maidin

Rashid Maidin berasal dari keluarga miskin dan dilahirkan di Gopeng, Perak pada 1917. Ibu bapanya yang berasal dari Rawa, Sumatera datang ke Malaya pada akhir abad ke-19. Ayahnya termasuk dalam golongan orang yang tidak bersekolah. Selama beberapa tahun ayahnya bekerja sebagai buruh kasar sebelum dapat membuka tanah dan membuat sedikit kebun getah.

Rashid Maidin hanya bersekolah Melayu (sekolah rendah) setakat Darjah 5, iaitu darjah yang tertinggi untuk sekolah Melayu pada masa itu. Selepas itu, sewaktu berumur 12 tahun dia sudah memasuki alam pekerjaan. Mula-mula dia bekerja dengan bapa saudaranya yang menjalankan perniagaan kedai runcit. Kemudian, ketika berumur 16 tahun, dia mula bekerja sebagai perantis dengan sebuah syarikat janakuasa elektrik yang membekalkan kuasa elektrik ke kawasan pelombongan. Dia bekerja selama beberapa tahun dengan syarikat itu, sebelum bertukar pekerjaan menjadi buruh lombong.

Bagaimanapun, Rashid mempunyai minat yang tinggi untuk terus belajar setelah berhenti sekolah. Oleh itu, sambil bekerja, ia belajar bahasa Inggeris selama beberapa tahun: mula-mula dengan seorang Batak yang menjadi mualigh Kristian, kemudian dengan sekolah gaya pos di Jakarta, dan akhir sekali di sekolah malarn. Kebolehannya berbahasa Inggeris tidak syak lagi merupakan satu faktor yang menyebabkan dia terpilih sebagai wakil PKM untuk menghadiri persidangan di luar negeri dan beberapa perundingan penting antara PKM dengan kerajaan kemudiannya.

Penglibatan Rashid dengan kegiatan berorganisasi bermula pada 1937, apabila dia menjadi ahli Persatuan Drebar-drebar Melayu Perak yang dipimpin oleh seorang peguam, yang kemudiannya lebih dikenali dengan gelaran Datuk Panglima Bukit Gantang. Dia layak menjadi ahli persatuan itu, walaupun tidak bekerja sebagai pemandu, kerana dia memiliki lesen memandu.

Rashid tidak menjadi ahli KMM yang ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 1938. Sebab utamanya, mengikut Rashid (temu ramah, 4 Jun 2002) kerana dia tidak mempunyai hubungan dengan penaja dan pemimpin persatuan itu dan tidak ada seseiapa yang menghubunginya atau yang mengajaknya supaya memasuki persatuan itu.

Titik peralihan yang penting berlaku dalam hidup Rashid pada 1939 ketika dia bekerja sebagai buruh lombong di Tanjung Tualang, Perak. Di situ dia berkawan rapat dengan seorang kader bawah tanah PKM yang

dikenali dengan nama Lai Raifel (nama sebenarnya Tuh Lung San). Lai Raifel juga bekerja sebagai buruh di lombong itu, walaupun dia seorang yang terpelajar. Lai Raifel dianggap oleh Rashid sebagai guru politiknya yang sebenar, kerana Lai Raifellah yang menimbulkan kesedaran politik dalam diri Rashid, antara lain melalui buku-buku politik yang dipinjamkannya dan melalui idea-idea antikolonial yang dikemukakannya. Oleh itu, atas pengaruh dan didikan Lai Raifel, Rashid bukan sahaja menjadi ahli kesatuan sekerja Kinta Mining Workers Association, tetapi turut memainkan peranan sebagai kader pemimpin buruh yang menyusun dan menggerakkan kaum buruh Melayu di kawasan itu. Kemudian pada akhir 1941 Rashid diterima menjadi anggota PKM.

Sebelum Rashid menjadi anggota PKM memang ada segelintir orang Melayu yang telah menjadi ahli PKM, tetapi umumnya mereka adalah orang Melayu Seberang, iaitu orang-orang yang datang dari Indonesia. Dengan itu, Rashid telah mencipta sejarah sebagai orang Melayu tempatan yang pertama, yang menjadi anggota PKM, di Perak dan juga di Tanah Melayu. Hal ini diakui oleh Abdullah C.D., Pengurus PKM dan oleh Rashid sendiri.

Dengan meletusnya Perang Dunia Kedua yang membabitkan Tanah Melayu mulai akhir 1941, Lai Raifel milarikan diri tanpa meninggalkan apa-apa pesan. Dia menyertai dan memimpin pasukan MPAJA yang baru dibentuk. Oleh yang demikian, kegiatan Rashid menyusun kaum buruh terhenti dan hubungannya dengan Lai Raifel dan Parti (PKM) juga terputus selama beberapa bulan.

Hubungan Rashid dengan Lai Raifel dan Parti bersambung semula beberapa bulan kemudian, apabila Lai Raifel mengirim surat melalui seorang utusan kepada Rashid. Ketika itu Rashid bekerja semula di lombong tempat dia bekerja dahulu, setelah lombong itu ditutup selama tiga bulan pada awal pendudukan Jepun. Semenjak itu, mereka membuat hubungan surat menyurat secara sulit melalui utusan. Surat khabar, majalah dan lain-lain penerbitan Parti juga selalu diterima oleh Rashid melalui utusan.

Dalam suratnya, mengikut Rashid, Lai Raifel telah meminta dia meneruskan kerja menyusun dan menggerakkan kaum buruh pelbagai kaum di tempat dia bekerja. Di samping itu, Lai Raifel juga meminta dia mempropagandakan perjuangan menentang kezaliman fasis Jepun, membangkitkan semangat orang ramai supaya bersama-sama menentang Jepun dan bekerjasama dengan pasukan tentera MPAJA yang bergerak di dalam hutan.



Oleh itu, pada zaman pendudukan Jepun, Rashid telah memainkan dua peranan. Pertama, menyusun dan menggerakkan kaum buruh. Kedua, menjalankan kerja-kerja propaganda anti-Jepun sebagai anggota MPAJA dan PKM. Bagaimanapun, sesuai dengan keadaan pada masa itu, antara dua peranan itu, peranan kedua yang lebih banyak dimainkannya.

Tentang perjuangan menyusun dan menggerakkan kaum buruh, untuk menjaga serta memajukan kepentingan mereka, satu-satunya tindakan penting yang dapat dilakukan oleh Rashid adalah membuat pakatan menyorokkan bijih dan menjualnya kepada pemberong gelap. Tindakan mereka ini dapat menambah pendapatan kaum buruh yang dibayar gaji yang sangat rendah.

Mengenai peranannya yang kedua, Rashid lebih banyak memainkan peranan itu di kalangan kaum buruh tempat dia bekerja sahaja, dan bukan di kawasan kampung atau di kalangan petani. Dalam hal ini, ramalan yang pernah disampaikan oleh Lai Raifel kepada Rashid, bahawa kaum fasis Jepun tidak akan dapat bertahan lama adalah salah satu bahan propaganda yang digunakan oleh Rashid di kalangan kaum buruh. Di samping itu, Rashid juga menyampaikan kepada mereka bahan-bahan yang diambilnya dari isi atau kandungan akhbar dan majalah terbitan Parti.

Dengan adanya kerja propaganda yang dijalankannya di kalangan kaum buruh itu, mengikut Rashid, semangat kaum buruh menyokong perjuangan bersenjata anti-Jepun yang dipelopori oleh MPAJA telah bangkit meluap-meluap. Namun, kerja propaganda anti-Jepun itu berakhir apabila Jepun menyerah diri kepada pihak Bersekutu pada 15 Ogos 1945. Semangat perjuangan anti-Jepun itu juga pada masa itu tidak dapat ditransformasikan menjadi perjuangan bersenjata terhadap penjajah British, kerana PKM tidak mengisytiharkan kemerdekaan Malaya, malah menerima kedatangan British yang menjajah semula negara ini.

### **Abdullah C.D.**

Abdullah C.D. yang nama asalnya Cik Dat juga berasal dari Perak seperti Rashid Maidin. Ia dilahirkan di Lambor, Parit pada Oktober 1923. Walaupun dia mendakwa bapanya Anjang Abdullah seorang petani sedang, tetapi bapanya adalah seorang ketua kampung. Jadi bapanya boleh dianggap sebagai elit kampung dan seorang pemimpin tempatan.

Seperti anak Melayu kampung yang lain, ia mula-mula bersekolah Melayu sehingga darjah lima. Akan tetapi, bapanya mampu menghantarnya belajar ke sekolah Inggeris. Oleh itu, setelah tamat sekolah

Melayu di kampungnya, ia belajar di sekolah Inggeris: mula-mula di Tapah, kemudian di Kuala Kangsar. Ia sempat belajar sehingga darjah 7 sahaja, kerana meletusnya Perang Dunia Kedua.

Satu perkara yang menarik tentang pengalaman hidup Abdullah C.D. ialah ia telah menjadi ahli KMM sejak ia belajar di sekolah Inggeris lagi. Mengikut Abdullah, pada 1939 pengaruh KMM telah meresap ke Sekolah Clifford tempat dia belajar. Buku-buku dari Indonesia juga banyak sampai ke tangannya dan kawan-kawannya. Waktu malam mereka mengadakan perbincangan politik secara sulit. Mereka tertarik dengan semboyan merdeka yang dilaungkan oleh KMM lalu menjadi ahli KMM, walaupun masih bersekolah.

Selepas pecahnya Perang Dunia Kedua, Abdullah C.D. balik ke Lambor lalu menubuhkan KMM cawangan Lambor dengan kawan-kawannya, di samping menubuhkan sebuah syarikat kerjasama (sekarang koperasi) yang diberi nama Asuhan Company Limited. Dalam susunan pimpinan KMM Cawangan Lambor dan kedai syarikat itu Abdullah C.D. dilantik sebagai penolong setiausaha.

Setelah KMM diharamkan timbul keadaan kelam kabut dalam kepimpinan KMM Cawangan Lambor, kerana tiga orang pemimpinnya, iaitu Sulaiman Bulun (ketua) Mohaiyudin (setiausaha) dan Abdul Razak (bendahari) melarikan diri dari Lambor. Mereka berbuat demikian kerana takut kepada Jepun dan juga kepada puak-puak penyamun yang muncul pada masa itu. Abdullah C.D. terus tinggal di Lambor memimpin kedua-dua badan itu. Bagaimanapun, dia terpaksa membubarkan Asuhan Company Limited dan menumpukan tenaganya kepada aktiviti politik sahaja.

Walaupun KMM telah diharamkan, tetapi di Lambor Abdullah C.D. tetap memelihara kewujudan organisasi itu. Semua anggotanya tetap bersatu sebagaimana ia belum diharamkan. Abdullah C.D. memberitahu kawan-kawannya dalam organisasi itu bahawa mereka mesti terus berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan.

Kebetulan pada masa itu pihak Jepun telah mendirikan pasukan Jikidan yang diketuai oleh penghulu. Kebanyakan anggota Jikidan ialah orang KMM, bahkan penghulu sendiri orang KMM dan kuat menyokong Abdullah C.D. Dengan itu, pasukan Jikidan itu secara automatik menjadi kekuatan anti-Jepun di tempat itu.

Tidak lama kemudian, Abdullah C.D. dan kawan-kawannya di Lambor telah dihubungi oleh regu penyusun massa PKM yang mengajak mereka menyertai perjuangan menentang fasis Jepun melalui MPAJA. Setelah

Oleh itu, pada zaman pendudukan Jepun, Rashid telah memainkan dua peranan. Pertama, menyusun dan menggerakkan kaum buruh. Kedua, menjalankan kerja-kerja propaganda anti-Jepun sebagai anggota MPAJA dan PKM. Bagaimanapun, sesuai dengan keadaan pada masa itu, antara dua peranan itu, peranan kedua adalah yang lebih banyak dimainkannya.

Tentang perjuangan menyusun dan menggerakkan kaum buruh, untuk menjaga serta memajukan kepentingan mereka, satu-satunya tindakan penting yang dapat dilakukan oleh Rashid adalah membuat pakatan menyorokkan bijih dan menjualnya kepada pemberong gelap. Tindakan mereka ini dapat menambah pendapatan kaum buruh yang dibayar gaji yang sangat rendah.

Mengenai peranannya yang kedua, Rashid lebih banyak memainkan peranan itu di kalangan kaum buruh tempat dia bekerja sahaja, dan bukan di kawasan kampung atau di kalangan petani. Dalam hal ini, ramalan yang pernah disampaikan oleh Lai Raifel kepada Rashid, bahawa kaum fasis Jepun tidak akan dapat bertahan lama adalah salah satu bahan propaganda yang digunakan oleh Rashid di kalangan kaum buruh. Di samping itu, Rashid juga menyampaikan kepada mereka bahan-bahan yang diambilnya dari isi atau kandungan akhbar dan majalah terbitan Parti.

Dengan adanya kerja propaganda yang dijalankannya di kalangan kaum buruh itu, mengikut Rashid, semangat kaum buruh menyokong perjuangan bersenjata anti-Jepun yang dipelopori oleh MPAJA telah bangkit meluap-meluap. Namun, kerja propaganda anti-Jepun itu berakhir apabila Jepun menyerah diri kepada pihak Bersekutu pada 15 Ogos 1945. Semangat perjuangan anti-Jepun itu juga pada masa itu tidak dapat ditransformasikan menjadi perjuangan bersenjata terhadap penjajah British, kerana PKM tidak mengisytiharkan kemerdekaan Malaya, malah menerima kedatangan British yang menjajah semula negara ini.

### **Abdullah C.D.**

Abdullah C.D. yang nama asalnya Cik Dat juga berasal dari Perak seperti Rashid Maidin. Ia dilahirkan di Lambor, Parit pada Oktober 1923. Walaupun dia mendakwa bapanya Anjang Abdullah seorang petani sedang, tetapi bapanya adalah seorang ketua kampung. Jadi bapanya boleh dianggap sebagai elit kampung dan seorang pemimpin tempatan.

Seperti anak Melayu kampung yang lain, ia mula-mula bersekolah Melayu sehingga darjah lima. Akan tetapi, bapanya mampu menghantarnya belajar ke sekolah Inggeris. Oleh itu, setelah tamat sekolah

Melayu di kampungnya, ia belajar di sekolah Inggeris: mula-mula di Tapah, kemudian di Kuala Kangsar. Ia sempat belajar sehingga darjah 7 sahaja, kerana meletusnya Perang Dunia Kedua.

Satu perkara yang menarik tentang pengalaman hidup Abdullah C.D. ialah ia telah menjadi ahli KMM sejak ia belajar di sekolah Inggeris lagi. Mengikut Abdullah, pada 1939 pengaruh KMM telah meresap ke Sekolah Clifford tempat dia belajar. Buku-buku dari Indonesia juga banyak sampai ke tangannya dan kawan-kawannya. Waktu malam mereka mengadakan perbincangan politik secara sulit. Mereka tertarik dengan semboyan merdeka yang dilaungkan oleh KMM lalu menjadi ahli KMM, walaupun masih bersekolah.

Selepas pecahnya Perang Dunia Kedua, Abdullah C.D. balik ke Lambor lalu menu buhkan KMM cawangan Lambor dengan kawan-kawannya, di samping menu buhkan sebuah syarikat kerjasama (sekarang koperasi) yang diberi nama Asuhan Company Limited. Dalam susunan pimpinan KMM Cawangan Lambor dan kedai syarikat itu Abdullah C.D. dilantik sebagai penolong setiausaha.

Setelah KMM diharamkan timbul keadaan kelam kabut dalam kepimpinan KMM Cawangan Lambor, kerana tiga orang pemimpinnya, iaitu Sulaiman Bulun (ketua) Mohaiyudin (setiausaha) dan Abdul Razak (bendahari) melarikan diri dari Lambor. Mereka berbuat demikian kerana takut kepada Jepun dan juga kepada puak-puak penyamun yang muncul pada masa itu. Abdullah C.D. terus tinggal di Lambor memimpin kedua-dua badan itu. Bagaimanapun, dia terpaksa membubarkan Asuhan Company Limited dan menumpukan tenaganya kepada aktiviti politik sahaja.

Walaupun KMM telah diharamkan, tetapi di Lambor Abdullah C.D. tetap memelihara kewujudan organisasi itu. Semua anggotanya tetap bersatu sebagaimana ia belum diharamkan. Abdullah C.D. memberitahu kawan-kawannya dalam organisasi itu bahawa mereka mesti terus berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan.

Kebetulan pada masa itu pihak Jepun telah mendirikan pasukan Jikidan yang diketuai oleh penghulu. Kebanyakan anggota Jikidan ialah orang KMM, bahkan penghulu sendiri orang KMM dan kuat menyokong Abdullah C.D. Dengan itu, pasukan Jikidan itu secara automatik menjadi kekuatan anti-Jepun di tempat itu.

Tidak lama kemudian, Abdullah C.D. dan kawan-kawannya di Lambor telah dihubungi oleh regu penyusun massa PKM yang mengajak mereka menyertai perjuangan menentang fasis Jepun melalui MPAJA. Setelah



mendapat penerangan yang memuaskan daripada mereka, Abdullah C.D bersetuju menerima ajakan mereka dan mengambil keputusan untuk ikut serta dalam perjuangan melawan Jepun di bawah pimpinan PKM.

Setelah menyertai MPAJA, Abdullah C.D bersama kawannya Seman dan seorang kader Tionghua ditugaskan menyusun massa bahagian Melayu dengan menjadikan Lambor sebagai pusat kegiatan mereka. Abdullah C.D. dan Seman banyak mendapat bimbingan daripada kader Tionghua itu dalam menjalankan kerja mereka. Biasanya Abdullah C.D dan Seman menggunakan surau dan masjid sebagai tempat mereka memberi penerangan kepada orang ramai.

Selain bertugas memberi penerangan, pada masa pendudukan Jepun, Abdullah C.D. juga telah membentuk Pasukan Lasykar Rakyat Anti-Jepun yang dipimpinnya secara langsung. Dia telah menggunakan pasukan Jikidan yang kebanyakannya ahlinya bekas ahli KMM sebagai asas pasukan itu. Anggota pasukan itu telah diberi latihan ketenteraan dan juga kursus politik oleh seorang jurulatih khas dari Rejimen ke-5 MPAJA. Anggota Pasukan Lasykar Rakyat itu banyak yang dipilih menjadi anggota Pasukan Simpanan Anti-Jepun dan sesetengahnya pula memasuki pasukan tentera MPAJA.

Pada Mei 1945 Abdullah C.D dan Seman telah diterima menjadi anggota PKM. Abdullah C.D. dan Seman adalah orang Melayu yang terawal di Lambor menjadi anggota PKM. Kemasukan mereka ke dalam PKM menambahkan lagi bilangan orang Melayu dalam PKM di Perak, yang ketika itu telah ada kira-kira 10 orang, yang terdiri daripada Rashid Maidin dari Gopeng, Taharuddin dari Katı, Osman dari Manong, Mokhtaruddin dari Bidor, Khadijah Ali dari Sungai Siput, Harun dan Bekor, dan masing-masing seorang pelajar sekolah Inggeris yang tinggal dekat Bekor, seorang dari Layang-Layang, Zulkifli Auni dan Arshad Ashaari.

Setelah Abdullah C.D. dan Seman menjadi anggota Parti, seluruh pekerjaan massa bahagian Melayu di kawasan Lambor dan Bota telah diserahkan kepada mereka berdua. Di samping itu, Abdullah C.D juga perlu memainkan satu tugas baru, iaitu mengembangkan cawangan parti itu. Dalam hal ini, usaha Abdullah C.D mendapatkan anggota baru berjalan dengan lancar, kerana kesedaran politik orang ramai di situ meningkat dengan cepat. Abdullah C.D. telah dapat merekrut kira-kira 10 orang anggota baru dan bersama-sama dengan Seman, dia memimpin cawangan Parti di Lambor dengan anggota seramai 13 orang termasuk mereka berdua.

## Kamarulzaman Teh

Kamarulzaman Teh adalah anak Pahang. Dia dilahirkan pada Disember 1919 di Kampung Broga, Sanggang, Temerloh. Ayahnya seorang guru lepasan Maktab Perguruan Melaka, manakala datuknya seorang Penghulu Mukim. Oleh itu, seperti Abdullah C.D., Kamarulzaman ialah anak seorang elit kampung.

Kedudukan kehidupan Kamarulzaman sama seperti Abdullah C.D., kerana beliau mula-mula belajar di sekolah Melayu. Dia bersekolah Melayu dari 1926 hingga 1929 dan lulus Darjah 5. Sebagai anak elit kampung, dia terpilih belajar di Sekolah Clifford, Kuala Lipis mulai 1930 dengan biasiswa kerajaan. Selepas belajar hingga lulus Darjah 7 pada 1937, dia melanjutkan pelajaran ke Sekolah Pertanian Serdang selama 2 tahun. Selepas menyelesaikan pengajiannya di Sekolah Pertanian itu pada 1939, dia bekerja di Pusat Percubaan Pertanian, Serdang, sehinggalah meletusnya perang pada akhir 1941.

Penglibatan politik Kamarulzaman bermula pada 1939, ketika dia masih menjadi penuntut di Sekolah Pertanian Serdang. Ketika itu, salah seorang gurunya di Sekolah Pertanian itu, iaitu Mustapha Hussain adalah penyandang jawatan Naib Yang Dipertua persatuan itu. Oleh itu di bawah pengaruh dan pimpinan Mustapha Hussain, Kamarulzaman turut menjadi anggota KMM.

Bagaimanapun, mengikut Kamarulzaman, kesedaran politiknya timbul lebih awal, iaitu sejak dia bersekolah di Kuala Lipis. Ketika dia belajar di sekolah Inggeris di bandar itu, dia gemar membaca buku-buku sejarah. Kebetulan di sekolah itu terdapat buku-buku tentang sejarah kolonial dan tanah jajahan, sejarah Revolusi Oktober, pemberontakan di Indonesia dan lain-lain lagi. Oleh itu, pada peringkat awal kemunculan semangat nasionalisme dan kesedaran politik antikolonial di dalam dirinya sedikit sebanyak didorong dan dipengaruhi oleh buku-buku sejarah yang dibacanya pada masa itu.

Kamarulzaman balik ke Temerloh setelah Pusat Percubaan Pertanian tempat dia bekerja ditutup pada awal pendudukan Jepun. Kepulangannya ke Temerloh menemukannya dengan kawannya, seorang pemuda Cina yang merupakan kader bawah tanah PKM. Atas pengaruh dan dorongan kawannya itu, Kamarulzaman turut melibatkan diri dengan MPAJA dan bergerak secara aktif dalam gerakan anti fasis Jepun. Dia tidak pulang lagi ke Serdang, walaupun Pusat Percubaan Pertanian itu dibuka semula setelah beberapa bulan Jepun memerintah negara ini.

Dalam masa pendudukan Jepun, Kamarulzaman bergerak di bawah tanah atau secara sulit selama dua tahun, dari hujung 1943 hingga Ogos 1945. Tugas utama Kamarulzaman adalah memimpin badan propaganda, yang merupakan satu bahagian daripada MPAJA di Temerloh. Antara aktiviti yang dijalankan oleh badan propaganda itu pada pokoknya adalah menyebarkan siaran-siaran kepada orang ramai, memberi penjelasan tentang perjuangan antifasis Jepun, membuat siasatan serta mengumpulkan maklumat tentang gerak-geri inteligen-inteligen atau mata-mata gelap Jepun.

Kamarulzaman telah diterima menjadi anggota PKM melalui Jawatankuasa Cawangan di Temerloh pada 1943. Dengan itu, dia menjadi anggota PKM terdahulu daripada Abdullah C D. Dipercayai Kamarulzaman ialah orang Melayu pertama di Pahang yang menjadi ahli PKM.

## Bab 3

# Gerakan Politik Masa Aman (1946-48): Nasionalis Kiri Melayu

## Parti Kebangsaan Melayu Malaya Penubuhan dan Perkembangan

PKMM telah ditubuhkan di Ipoh, Perak oleh ahli PKM dari bangsa Melayu bersama-sama dengan tokoh-tokoh KMM dan tokoh nasionalis Melayu lainnya pada 17 Oktober 1945, iaitu dua bulan selepas Jepun menyerah diri dan sebulan selepas British kembali memerintah Malaya. Antara mereka yang menghadiri mesyuarat penubuhan parti itu ialah Mokhtaruddin Lasso, Arshad Ashaari, Baharuddin Tahir, Rashid Maidin dan Abdullah C.D. dari golongan komunis. Sementara itu Ahmad Boestamam dan Dahari Ali dari golongan bukan komunis (Cheah Boon Kheng 1979, 64; Ahmad Boestamam 1972, 23-24).

Ketika membincangkan nama parti itu, timbul dua cadangan. Arshad Ashaari yang mewakili golongan komunis mencadangkan supaya parti baru itu dinamakan Parti Sosialis Malaya. Sebaliknya, Ahmad Boestamam mewakili golongan bukan komunis mencadangkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya sebagai nama parti itu. Setelah undian dijalankan, cadangan Ahmad Boestamam terpilih dengan suara terbanyak.

Cadangan Ahmad Boestamam telah terpilih kerana ia dapat meyakinkan orang-orang yang hadir bahawa mereka masih lagi dalam peringkat memperjuangkan kemerdekaan dan melahirkan sebuah negara nasional. Oleh itu, sebagai taktik perjuangan, maka nama PKMM itu adalah sebaik-baik nama bagi parti tersebut.

Oleh kerana PKMM ditubuhkan atas kerjasama tokoh-tokoh komunis dan bukan komunis, maka badan pimpinannya pada permulaannya juga melibatkan tokoh daripada kedua-dua golongan. Yang Dipertua Agung

PKMM yang pertama ialah Mokhtaruddin Lasso, seorang anggota PKM yang pernah tinggal di Moscow selama 18 bulan dan bekas ketua Melayu dalam MPAJA. Jawatan Naib Yang Dipertua Agung disediakan untuk Dr. Burhanuddin, seorang nasionalis agama, walaupun beliau tidak hadir. Jawatan Setiausaha Agung dipegang oleh Dahari Ali, sementara Arshad Ashaari menjadi Bendahari. Ahli jawatankuasa pusat pula, terdiri daripada Ahmad Boestamam, yang mengetuai bahagian pemuda dan Khadijah Ali yang mengetuai bahagian wanita. Khadijah Ali juga daripada golongan komunis.

Dalam masa kurang dari tiga bulan dari tarikh mesyuarat penubuhan itu, PKMM telah mendapat sokongan yang menggalakkan dari seluruh negara. Sokongan itu menjadi jelas apabila PKMM mengadakan kongresnya yang pertama kira-kira dua bulan selepas mesyuarat penubuhan itu. Lebih 300 orang menghadiri kongres yang diadakan pada 30 November hingga 3 Disember 1945 di Dewan Bandaran Ipoh (Firdaus 1985, 78).

Kongres pertama meluluskan dengan sebulat suara bahawa *merdeka* menjadi slogan parti itu dan benderanya ialah *merah putih*. Juga dalam kongres itu telah diluluskan *lapan perkara* yang menjadi matlamat parti itu, iaitu:

1. Mempersatukan bangsa Malaya, mananarkan semangat kebangsaan di kalangan bangsa Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya dalam keluarga besar iaitu Republik Indonesia Raya;
2. Bertujuan mencapai hak kemerdekaan berpidato, bergerak, bersidang, berfikir dan menuntut pelajaran;
3. Membangkitkan kedudukan ikhtisas bangsa Melayu dengan jelas, memajukan perusahaan, perniagaan dan pertanian serta menaikkan taraf penghidupan bangsa Melayu;
4. Mencapai kebebasan bercucuk tanam. Orang yang hendak bercucuk tanam itu dibebaskan membayar sewa tanah pada bila-bila masa dan di mana juga dan dibebaskan pula menjual hasil usahanya itu di pasar perniagaan;
5. Menghendaki diberi kebebasan penuh kepada orang Melayu mendirikan sekolah kebangsaan mereka, iaitu tempat mereka dapat belajar dengan bahasanya dengan percuma;
6. Menghendakkan kebebasan mencetak buku sendiri, menggalakkan pelajaran secara demokrasi, supaya meninggikan kedudukan bangsa Melayu dalam siasah untuk mendakwahkan rasa kebangsaan kepada orang Melayu;

7. KMM hendak bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain yang tinggal dalam negeri ini, hidup berbaik-baik dan bekerja untuk perpaduan penduduk Malaya (Malayan United Front) bagi menjadikan Malaya Merdeka makmur dan berbahagia sebagai satu anggota Republik Indonesia;
8. Menyokong umat Indonesia dalam perjuangan mereka merebut kemerdekaan (Rang Undang-Undang Parti Kebangsaan Melayu Malaya 1945 dan Ramlah 1998, 84-85).

Tidak lama kemudian, iaitu beberapa hari selepas kongres pertama itu, Mokhtaruddin Lasso telah menghilangkan diri secara tiba-tiba dan tanpa pengetahuan parti (PKM dan PKMM). Khabar angin mengatakan dia lari dari buruan BMA dan kembali ke Indonesia.

Dalam masa kurang dari enam bulan dari kongres PKMM pertama itu, lima perkembangan penting yang memberi kesan secara langsung terhadap parti itu telah berlaku:

1. Penubuhan sayap pemudanya, iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) pada 17 Februari 1946. Penubuhan ini dilakukan sempena genap 6 bulan Indonesia merdeka, dan setelah PKMM berumur kira-kira 4 bulan.
2. Pemindahan ibu pejabat PKMM dari Ipoh, ibu negeri Perak ke Kuala Lumpur, ibu negara Persekutuan Tanah Melayu pada akhir bulan Februari 1946.
3. Berlangsungnya Kongres Melayu Se-Malaya yang dihadiri oleh 39 pertubuhan termasuk PKMM, yang membawa kepada kelahiran UMNO pada awal Mac 1946.
4. Penyusunan semula pucuk pimpinan PKMM.
5. Penerbitan akhbar harian, *Pelita Malaya* dan mingguan, *Suluh Malaya* untuk meningkatkan kemudahan propaganda parti itu (Firdaus 1985, 80-81).

Sesudah berpindah ke Kuala Lumpur, Jawatankuasa Pusat memilih Dr. Burhanuddin sebagai Yang Dipertua dan Ishak Haji Muhammad sebagai Naib Yang Dipertua. Jawatan Setiausaha Agung mulanya disandang oleh Dahari Ali, kemudian diambilalih oleh Zulkifli Auni dan selepas itu disandang pula oleh Ahmad Boestamam yang juga menjadi Ketua API. Dengan itu, pucuk pimpinan PKMM tidak lagi dikuasai oleh golongan komunis, walaupun kader PKM seperti Musa Ahmad (Ketua

Biro Petani), Abdullah C.D. (Ketua Biro Buruh) dan Shamsuddin Salleh (Ketua Biro Sosial) masih berada dalam jawatankuasa pusat.

Ketika PKMM berpindah ke Kuala Lumpur, Khadijah Ali, ketua bahagian wanitanya tidak turut sama. Untuk mengisi kekosongan itu, jawatankuasa pusat melantik Aishah Ghani yang ketika itu telah pun berkhidmat sebagai sidang pengarang akhbar rasmi parti, *Pelita Malaya*. Bagaimanapun, Aishah Ghani telah meletakkan jawatan setelah beberapa bulan memegang jawatan itu. Selepas itu, jawatan ketua bahagian wanita itu disandang oleh Shamsiah Fakeh. Di bawah pimpinan Shamsiah, bahagian wanita itu dibentuk menjadi suatu badan yang dinamakan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Shamsiah menjadi pemimpinnya sehinggalah AWAS dibubarkan pada 1948.

PKMM mengadakan kongresnya yang kedua di Melaka pada Disember 1946. Kongres itu diatur begitu rupa dengan maksud untuk menunjukkan kekuatan PKMM kepada khalayak ramai. Bersempena dengan kongres itu, satu perarakan raksasa sepanjang kira-kira satu setengah kilometer telah diadakan. Di bahagian hadapan perarakan itu berjalan pemuda-pemuda API yang membawa bendera PKMM dan API dengan diikuti oleh anggota-anggota PKMM dan AWAS (Ahmad Boestamam 1972, 103).

Pada sebelah pagi hari yang pertama Rapat Terbuka telah diadakan. Ia dikatakan rapat terbuka, kerana orang ramai sama ada anggota atau tidak – dibenarkan menghadirinya untuk mendengar ucapan penerangan daripada tokoh-tokoh PKMM, termasuk Yang Dipertua Agungnya Dr. Burhanuddin.

Dalam ucapannya di Rapat Terbuka itulah Dr. Burhanuddin telah melahirkan kata-kata berirama dan bersjaknya yang terkenal (Ahmad Boestamam 1972, 103):

Di atas robohan kota Melaka,  
Kita dirikan jiwa merdeka,  
Bersatu padulah seluruh baka,  
Membela hak keadilan pusaka.

Pada sebelah petangnya, API dan AWAS telah mengadakan sidang tahunan masing-masing. Dalam persidangan API itu telah diambil keputusan untuk menjadikan API suatu badan atau organisasi yang tersendiri dan tidak lagi sebagai Jabatan Pemuda dari PKMM.

Dalam kongres PKMM yang kedua di Melaka itu, Dr. Burhanuddin dipilih sebagai Yang Dipertua, dan Ishak Haji Muhammad sebagai Naib Yang Dipertua. Jawatan Setiausaha Agung pula diambilalih oleh Abdul Hamid Abdul dengan Mohamad Mustaza sebagai penolongnya. Dengan itu, pucuk pimpinan PKMM kekal di tangan golongan nasionalis, tetapi tetap bekerjasama dengan golongan komunis dan sosialis.

Menjelang kongres ketiga dan terakhir PKMM yang diadakan di Singapura pada Disember 1947, parti itu telah terbahagi kepada dua golongan: golongan agama yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin, dan golongan sekular yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam dan lain-lain. Atas inisiatif Ahmad Boestamam, dalam kongres itu golongan sekular telah berjaya menjatuhkan Dr. Burhanuddin, iaitu dengan melantiknya menjadi penasihat, dan memberikan jawatan Yang Dipertua kepada Ishak Haji Muhammad. Walau bagaimanapun, perubahan jawatan itu, tidaklah melenyapkan pengaruh Dr. Burhanuddin. Selepas itu beliau masih memainkan peranan sebagai pemimpin yang penting dan berpengaruh. Misalnya setelah PUTERA ditubuhkan dan bekerjasama dengan AMCJA untuk menentang Perjanjian Persekutuan 1948, beliau terus memainkan peranan penting dalam gerakan itu.

## Menyokong dan Menentang Malayan Union

Dalam kongresnya yang pertama di Ipoh pada November 1945, PKMM pada mulanya mengalu-alukan pada prinsipnya idea Malayan Union. Pada pandangan PKMM:

The idea of such small country like Malaya having different and independent systems of internal administration would not be in keeping with the peculiar situation and needs of this post-war world anymore (The Manifesto of the MNP. Dipetik dari Khong Kim Hoong 1984, 88).

Parti itu juga menganggap bahawa kewujudan negeri-negeri feudal yang kecil seperti keadaan Malaya sebelum perang sudah ketinggalan zaman. Oleh itu, PKMM menerima Malayan Union berdasarkan janjinya yang akan membawa penyeragaman dalam pentadbiran dan langkah ke arah berkerajaan sendiri. Pada masa itu, informasi tentang Malayan Union masih terlalu sedikit. Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan baru sahaja membuat pengumuman dan MacMichael baru beberapa hari berada di negara ini.

Pada Februari 1946, dasar PKMM terhadap Malayan Union telah berubah. Pada masa itu parti itu dapat mempertimbangkan cadangan

Malayan Union itu dengan perspektif yang lebih jelas kerana sebab-sebab berikut. Pertama, informasi yang terperinci tentang struktur kerajaan yang dicadangkan telah terdapat dalam Kertas Putih yang diterbitkan dalam bulan Januari. Kedua, British telah memerintah Malaya semula selama beberapa bulan. Aktiviti British tentang Malayan Union khususnya dan tentang pentadbiran sehari-hari pada umumnya boleh digunakan sebagai asas untuk menilai rancangan British dengan lebih baik. Oleh itu, mesyuarat jawatankuasa pusat parti telah memutuskan:

1. Cara MacMichael menghubungi Sultan-Sultan dan membuat perjanjian dengan mereka adalah tidak demokratik, kerana mengenepikan pendapat dan kehendak rakyat Melayu;
2. Kerajaan British merancang, merangka dan mengeluarkan 'Kertas Putih' dari London tanpa merujuk pendapat dan mendapat persetujuan daripada rakyat Malaya;
3. Pemisahan Singapura daripada Malaya bertentangan dengan pendapat umum di Malaya;
4. Hak kerakyatan yang disebut dalam Kertas Putih tidak ditakrifkan dengan jelas dan tidak memuaskan (Khong Kim Hoong 1984, 88-89).

Perhatian PKMM adalah terhadap pemerintahan penjajah British. Pada pandangan parti itu Malayan Union membolehkan British menguatkan cengkamannya ke atas Malaya. Oleh itu, ia mengarahkan serangannya secara langsung terhadap British dan menuntut satu bentuk kerajaan yang berdasarkan perwakilan dan pengundian, yang akan memindahkan kuasa politik dari tangan pegawai British ke tangan rakyat negeri ini.

Parti itu tidak melihat orang-orang Cina dan India sebagai ancaman kepada bangsa Melayu. Ia menyatakan bahawa dalam perjuangan untuk mewujudkan negara Malaya yang demokratik, orang Melayu hendaklah bekerjasama dengan kaum lain yang tinggal di negeri ini.

Bertentangan dengan orang-orang Melayu dalam UMNO yang masih memperjuangkan nasionalisme Melayu, PKMM mengemukakan idea nasionalisme Malaya, yang mengandungi orang Cina dan India. Bagi PKMM, musuh bersama yang perlu mereka hadapi ialah penjajahan British. Bagaimanapun, PKMM tidak berjaya mempengaruhi kaum tani Melayu yang pandangan mereka masih terkongkong oleh tradisi feudal. Oleh itu, kempen PKMM menentang Malayan Union tidak mendapat

sokongan yang luas berbanding dengan gerakan penentangan yang dilancarkan oleh UMNO.

## Bergabung dan Berpisah dengan UMNO

Oleh kerana mulai Februari 1946 dasar PKMM adalah menentang Malayan Union, maka parti itu telah menyertai Kongres Melayu Se-Malaya yang diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 untuk bersama-sama menentang gagasan itu.

Dalam ucapannya kepada kongres itu, wakil PKMM, sebagaimana perwakilan lain, telah menyatakan tentang yang tegas terhadap skema itu. Pada masa yang sama, PKMM mencadangkan supaya Kongres menerima resolusi untuk mencapai kemerdekaan Malaya seratus peratus. Bagaimanapun, cadangan itu telah ditolak. Oleh itu, sebagai tanda protes, perwakilan PKMM telah meninggalkan Kongres itu pada hari yang ketiga Kongres itu berlangsung (Firdaus 1985, 86).

PKMM turut menghadiri Kongres Melayu kedua yang diadakan di Johor Baharu pada 11 dan 12 Mei 1946, yang merasmikan penubuhan UMNO. Dr. Burhanuddin dan Zulkifli Auni menandatangani piagam penubuhan UMNO bagi pihak PKMM. Dengan itu PKMM turut menaja penubuhan UMNO dan bergabung dengan UMNO. Bagaimanapun, PKMM menarik diri daripada UMNO dalam mesyuarat UMNO yang diadakan di Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946.

Peristiwa yang mencetuskan penarikan diri PKMM daripada UMNO itu pada lahirnya ialah perselisihan tentang bendera UMNO. PKMM mahu bendera merah-putih, yang sama dengan bendera PKMM sendiri dan sama pula dengan bendera negara Republik Indonesia dijadikan bendera UMNO. Setelah usul PKM dikalahkan dengan satu undi, Ahmad Boestamam yang menjadi jurucakap PKMM telah menyatakan dengan panjang lebar pendirian partinya tentang beberapa isu politik, khasnya tentang kemerdekaan yang penuh bagi Malaya dan tentang penyatuan dengan Indonesia. Selepas mengakhiri ucapannya dengan slogan merdeka, Ahmad Boestamam dan semua perwakilan serta penyokong PKMM keluar dari mesyuarat itu.

Bagaimanapun, di sebalik isu bendera ini sebenarnya terdapat perselisihan yang lebih serius tentang dasar parti. Peristiwa tentang bendera itu sebenarnya hanya merupakan helah PKMM untuk memisahkan diri daripada UMNO, kerana beberapa bulan sebelumnya PKMM mendapati semakin tidak mungkin ia terus berada dalam UMNO sementara pada

masa yang sama ia mahu mencapai objektif politiknya sendiri. Perbezaan dasar kedua-dua parti itu telah kelihatan sejak hari pertama Kongres Melayu Se-Malaya pada 1 Mac 1946 lagi. Mengikut Dr. Burhanuddin, PKMM mahu memberi peluang dan juga mahu menunjukkan kejururannya untuk memelihara persatuan di kalangan orang Melayu bagi melaksanakan tanggungjawab nasional. Bagaimanapun, selepas beberapa bulan bekerjasama, adalah jelas bahawa perjuangan politik PKMM untuk mencapai kemerdekaan dengan serta merta tidaklah sesuai dengan UMNO yang hanya ingin kembali kepada keadaan politik sebelum 1941. Oleh itu, alternatif yang logik tidak lain daripada berpisah dan berusaha mencapai objektif mereka yang berbeza secara berasingan, walaupun PKMM yakin bahawa umat Melayu akan bersatu semula pada satu hari nanti (Firdaus 1985, 87).

### Menentang Cadangan Perlembagaan Persekutuan

Apabila cadangan Perlembagaan Persekutuan yang menggantikan rancangan Malayan Union diumumkan pada Disember 1946, PKMM menolaknya kerana pelbagai alasan. Pertama, Cadangan Perlembagaan itu mengiktiraf dan menerima dakwaan pemimpin-pemimpin Melayu konservatif bahawa orang Cina dan India adalah ancaman kepada bangsa Melayu dan tidak harus dibenarkan memperoleh kerakyatan Persekutuan dengan mudah. Bagi PKMM, ini adalah percubaan British untuk menimbulkan perpecahan di kalangan bangsa-bangsa yang berbeza di negeri ini dengan tujuan untuk meneruskan pemerintahan kolonialnya. PKMM berpendirian bahawa orang-orang bukan Melayu harus dapat memperoleh kerakyatan dengan mudah dan mempunyai hak yang sama seperti orang Melayu. Kedua, pegawai-pegawai British masih memegang kuasa sebenar di negeri ini, walaupun dari segi legal kedaulatan telah dikembalikan kepada Sultan. Hubungan antara Pesuruhjaya Tinggi British dengan Sultan sangat serupa dengan keadaan sebelum perang. Ketiga, tidak ada pemindahan hak-hak demokrasi kepada rakyat. Cadangan Perlembagaan itu menyatakan rakyat belum bersedia untuk berkerajaan sendiri atau bahkan untuk menyertai pilihan raya secara terhad. Tidak ada tarikh ditetapkan bila pilihan raya akan diperkenalkan. Keempat, tidak ada pengakuan bahawa bahasa Melayu akan dijadikan bahasa rasmi Persekutuan. PKMM berpendapat oleh kerana bahasa Melayu adalah lingua franca bagi majoriti penduduk, adalah tidak

munasabah jika bahasa Inggeris dijadikan bahasa rasmi. Akhirnya, Cadangan Perlembagaan itu mencadangkan Singapura terus berada sebagai entiti politik yang terpisah dari Persekutuan. Parti itu menganggap Singapura adalah bahagian penting dari Semenanjung Tanah Melayu dan oleh itu ia menolak pemisahannya (Khong Kim Hoong 1984, 102-103).

Tambahan pula Cadangan Perlembagaan itu telah dirangka oleh sebuah Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada pegawai-pegawai British, wakil Sultan dan wakil UMNO sahaja dan langsung tidak mendapatkan pandangan daripada golongan lain. Ini juga merupakan sebab PKMM dan badan-badan lain menolak Cadangan Perlembagaan itu.

Setelah tidak berpuas hati kerana diketepikan dan juga tidak bersetuju dengan banyak aspek daripada Cadangan Perlembagaan itu, PKMM memutuskan untuk merapatkan barisan dengan golongan yang dianggap sayap-kiri di negeri ini untuk menentang Cadangan itu.

Pada mulanya PKMM menyertai tujuh organisasi politik dan bukan politik (Malayan Democratic Union, Singapore Federation of Trade Union, Clerical Union, Straits Chinese British Association, Malayan Indian Congress, Indian Chamber of Commerce and Ceylon Tamils Association) untuk membentuk satu badan yang dinamakan Council of Joint Action (CJA). Tujuan CJA ialah untuk menghantar cadangan tentang Perlembagaan Malaya pada masa hadapan secara bersama. Tiga prinsip utamanya ialah: Singapura adalah bahagian penting dari Malaya dan tidak harus dijadikan unit politik yang terpisah; harus ada kerajaan-sendiri yang bertanggungjawab, yang dibentuk melalui badan perundangan pusat yang dipilih sepenuhnya bagi seluruh Malaya dan persamaan hak kerakyatan harus dijamin bagi mereka yang menjadikan Malaya sebagai tempat tinggal mereka dan tumpuan taat setia mereka (Khong Kim Hoong 1984, 109).

CJA wujud tidak lama, kerana dua minggu kemudian, pada 22 Disember 1946 ia diganti oleh Pan-Malayan Council of Joint Action (PMCJA), satu gabungan yang lebih besar, yang termasuk Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU) dan MPAJA Ex-Services Comrades Association. PMCJA dengan serta merta mengirim telegram kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan menuntut kerajaan British mengetepikan semua perbincangan dan persetujuan sebelumnya dengan UMNO dan Raja-Raja dan mengiktiraf PMCJA sahaja sebagai badan yang mewakili semua komuniti Asia untuk merundingkan isu-isu pelembagaan. Di samping itu, ia juga dengan serta merta melancarkan kempen untuk menentang cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja dengan

mengirim surat kepada surat khabar, mengadakan perjumpaan dan menganjurkan rapat umum di seluruh negara.

Dalam suasana demikian, pada Februari 1947 PKMM mendapati adalah lebih sesuai dari segi politik jika ia menarik diri daripada PMCJA dan membentuk gabungan organisasi-organisasi Melayu sendiri. Dengan membentuk satu gabungan organisasi-organisasi Melayu, ia dapat bekerjasama dengan PCMJIA atas kedudukan yang setaraf dan tidaklah tenggelam dalam satu gabungan yang didominasi oleh organisasi bukan Melayu.

Gabungan organisasi-organisasi Melayu yang dinamakan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) terbentuk pada 22 Februari 1947. Antara organisasi yang menyertainya ialah PKMM, API, AWAS, BATAS, Gerakan Angkatan Muda (GERAM) dan Majlis Agama Tertinggi Islam (MATA) (yang kemudian menukuhkan parti politik Islam, Hizbul Muslimin).

Tidak lama selepas pembentukannya, PUTERA bergabung dengan PMCJA, yang diubah namanya menjadi All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA). Persetujuan untuk bekerjasama dan menyelaraskan tindakan bersama ditandatangani pada akhir Mac 1947. Kemudian satu surat bersama dikirim kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan. Sebagai tambahan kepada tiga cadangan asal daripada PMCJA, iaitu Singapura tidak diasingkan, perundangan mestilah dipilih dan hak kerakyatan yang sama bagi semua bangsa, tiga lagi cadangan telah dikemukakan. Ketiga-ketiga cadangan tambahan itu jelas merupakan desakan daripada PUTERA, iaitu:

1. Raja-Raja Melayu mestilah dikenalkan sebagai raja berperlembagaan, tertakluk kepada kawalan rakyat melalui institusi demokrasi, dan bukan tertakluk kepada nasihat Pesuruhjaya Tinggi British atau Residen Negeri British;
2. Peruntukan khas mestilah diadakan dalam pelembagaan bagi kemajuan dan peningkatan orang Melayu;
3. Perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu hendaklah di bawah kawalan orang Melayu.

Sementara penyampaian enam tuntutan itu merupakan langkah pertama ke arah tindakan bersama yang diselaraskan, gabungan PUTERA-AMCJA sedar bahawa satu program yang lebih tegas haruslah ditawarkan untuk memenangi sokongan massa yang lebih luas. Oleh itu, dalam April 1947 gabungan PUTERA-AMCJA mula merangka satu set Cadangan Perlembagaan yang lebih terperinci sebagai alternatif kepada cadangan



yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja. Tiga bulan kemudian, pada Julai 1947, cadangan perlembagaan yang dinamakan Perlembagaan Rakyat diterima sebulat suara oleh persidangan perwakilan PUTERA-AMCJA.

Cadangan Pelembagaan Rakyat, dokumen setebal 60 muka, merupakan kompromi kepada pelbagai aspirasi dari kelompok yang berbeza dalam gabungan PUTERA-AMCJA. Prinsip utama Cadangan Pelembagaan Rakyat itu adalah seperti berikut:

1. Semua orang yang lahir di Malaya secara automatik diberi kerakyatan *Melayu* dan dibatalkan hak kerakyatannya dengan sebarang negara lain;
2. Bagi orang yang tidak lahir di Malaya, dia boleh diterima menjadi rakyat *Melayu*, jika dia berumur 18 tahun ke atas, berkelakuan baik, tinggal di Malaya selama 8 tahun dari 10 tahun sebelumnya, lulus ujian bahasa Melayu yang mudah dan bersumpah taat setia kepada Malaya;
3. Semua warganegara mempunyai hak dan peluang yang sama dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan tanpa mengira bangsa, kepercayaan, warna kulit atau jantina;
4. Bahasa Melayu haruslah menjadi bahasa rasmi yang tunggal di negara ini. Bagaimanapun, penggunaan bahasa-bahasa lain adalah dibenarkan;
5. Bagi sembilan tahun yang pertama, tidak kurang daripada 55% daripada perwakilan dalam badan perundangan haruslah daripada bangsa Melayu;
6. Singapura haruslah dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu.
7. Semua anggota badan perundangan haruslah dipilih oleh rakyat negeri ini;
8. Anggota badan eksekutif haruslah dipilih oleh badan perundangan dari kalangan anggotanya;
9. Harus diadakan Majlis Bangsa-Bangsa dengan kuasa untuk menangguhkan selama tiga tahun jika dianggap bahawa badan perundangan mempunyai implikasi ras;
10. Agama Islam dan adat Melayu haruslah di bawah kawalan insititusi yang didirikan oleh orang Melayu;
11. Raja-raja Melayu harus dikekalkan sebagai raja berperlombagaan (*Straits Times*, 9 July 1947. Dipetik dari Khong Kim Hoong 1984, 112-113).

Cadangan Pelembagaan Rakyat itu ditawarkan oleh PUTERA-AMCJA sebagai alternatif kepada draf Pelembagaan Persekutuan yang disediakan

oleh Jawatankuasa Kerja. Untuk menunjukkan kepada kerajaan bahawa cadangan PUTERA-AMCJA mendapat sokongan daripada rakyat, perjumpaan, rapat umum dan demonstrasi telah diadakan di seluruh negara. Bagaimanapun, pihak kerajaan British tidak memberi perhatian langsung terhadap Pelembagaan Rakyat itu.

Pada 20 Julai 1947, dengan kerjasama Chinese Chambers of Commerce, PUTERA-AMCJA mengadakan harta, iaitu pemberhentian semua aktiviti ekonomi di seluruh negara, sebagai langkah terpenting untuk mendapatkan perhatian daripada pihak British. Walaupun harta itu berjaya dari segi memberhentikan semua aktiviti ekonomi secara menyeluruh, tetapi ia gagal dari segi mengubah dasar British tentang pelembagaan. British menolak Cadangan Pelembagaan Rakyat dan pada 1 Februari 1948 menerima pakai Cadangan Pelembagaan Persekutuan untuk mengantikan Malayan Union.

Walaupun selepas itu PUTERA-AMCJA terus berjuang menentang dasar kerajaan British yang berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan, tetapi gabungan itu pecah pada Jun 1948 apabila PKM melancarkan perjuangan bersenjata. Pengharaman kebanyakan organisasi yang menganggotainya dan pembubarannya secara sukarela organisasi yang lain menandakan berkuburnya gabungan itu.

## Menyokong Gerakan Politik di Gunung Semanggol

Setelah berpisah daripada UMNO, PKMM perlu melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan sokongan daripada massa Melayu. Salah satu daripada usaha itu ialah menggunakan agama sebagai satu penggerak dalam perjuangan politik PKMM dan menjadikan golongan agama sebagai rakan seperjuangan.

Oleh itu, pada Mac 1947, atas inisiatif Dr. Burhanuddin dan Ustaz Abu Bakar Bakir, Pengetua Madrasah Al-Ehya Asshariff Gunung Semanggol, satu Persidangan Ekonomi-Agama Se-Malaya telah diadakan di madrasah tersebut. PKMM tidak mahu menunjukkan yang ia menganjurkan persidangan tersebut dan tidak ada pucuk pimpinan PKMM yang menghadirinya. Akan tetapi, daripada kira-kira 2,000 orang yang menghadiri persidangan itu, kebanyakannya adalah ahli PKMM atau badan yang bersekutu dengannya. Persidangan itu telah berjaya melahirkan dua buah pertubuhan, iaitu Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) dan Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA). Ustaz Abu

Bakar Bakir telah dipilih sebagai Presiden PEPERMAS dan Penasihat MATA (Funston 1980, 88).

MATA dirancangkan untuk menjadi sebuah organisasi yang merupakan tempat semua persatuan dan individu Islam boleh bergabung. Pada mesyuarat pertamanya itu telah dinyatakan bahawa perkara utama yang diperjuangkannya ialah pemisahan hal ehwal agama dari kawalan negeri-negeri secara berasingan, sebagaimana yang diamalkan oleh negeri-negeri Islam yang lain. Oleh itu, persidangan itu telah meminta supaya Raja-Raja menyerahkan kuasa tertinggi mereka dalam bidang agama kepada MATA.

Pada November 1947 MATA telah menganjurkan penubuhan sebuah badan yang akan menjalankan aktiviti yang luas dalam bidang pendidikan, iaitu Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR). Bidang tugas LEPIR termasuklah penerbitan buku teks, merangka kurikulum yang sama untuk semua sekolah agama rakyat, meningkatkan bilangan sekolah agama dan meningkatkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah ini hingga ke peringkat antarabangsa.

MATA telah melancarkan program pengembangannya dengan cepat. Pada Mei 1947 dua buah cawangannya telah ditubuhkan di Pulau Pinang dan Kelantan. Dalam mesyuarat kedua dan ketiga yang diadakan pada akhir Mei dan pertengahan Julai 1947, di samping menegaskan lagi objektif penubuhannya, tidak kurang daripada 14 jawatankuasa kecil telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbirannya. Menjelang akhir 1947 cawangannya telah wujud di seluruh negeri.

Perkembangannya yang begitu cepat merupakan saingan kepada UMNO dan telah membimbangkan UMNO. Oleh itu, Dato' Onn, Presiden UMNO telah menanggapi perkembangan MATA itu sebagai bahaya dari gunung. Gunung itu bermaksud Gunung Semanggol, kerana MATA dan pertubuhan yang menjadi sekutunya berpusat di Gunung Semanggol. MATA pula dianggap berbahaya oleh Dato' Onn mungkin kerana pemimpinnya mempunyai hubungan yang rapat dengan pemimpin organisasi-organisasi kiri, termasuk PKMM dan PKM.

Pada Mac 1948 MATA mengadakan mesyuaratnya yang keempat di Madrasah Al-Ehya Asshariff. Di samping membincangkan hal MATA, mesyuarat empat hari itu juga membincangkan kemajuan PEPERMAS dan LEPIR. Peserta persidangan itu termasuklah ahli MATA, wakil PKMM dan badan gabungannya (Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan lain-lain), wakil AMCJA (G. D. Cruz) dan bahkan yang menarik perhatian, wakil PKM (Rashid Maidin). Mesyuarat itu mungkin



boleh dikatakan dianjurkan oleh PKMM, kerana separuh daripada anggota jawatankuasanya adalah dari parti itu.

Isu yang paling penting yang dibincangkan dalam persidangan itu ialah penubuhan sebuah parti politik Islam. Hal ini sebenarnya telah dirancang sejak Januari 1948 dan merupakan sebab utama persidangan itu telah dihadiri oleh hampir 5,000 orang. Persidangan itu mencapai kejayaan besar. Sebuah parti baru, yang dinamakan Hizbul Muslimin (HM) telah dipersetujui untuk ditubuhkan. Berikutnya dengan itu, telah dipilih tiga orang pemimpin yang akan melantik jawatankuasa kerja yang lain dan sebuah jawatankuasa yang ditugaskan untuk merangka pelembagaannya. Bendera sementara parti itu (sama dengan bendera PKMM) telah ditetapkan. Seterusnya persidangan itu juga menyetujui pembentukan beberapa jabatan dalam parti itu. Dengan penubuhan jabatan itu, MATA akan menjadi jabatan agama, sementara PEPPERMAS dan LEPIR masing-masing akan menjadi jabatan ekonomi dan pendidikan.

Selain daripada itu, perbincangan permulaan tentang ideologi parti itu juga telah diadakan. Dalam hal ini, tiga tujuan asas parti itu telah ditetapkan, iaitu mencapai kemerdekaan, membina masyarakat yang berasaskan Islam dan menjadikan Malaya sebuah negara Islam. Untuk mencapai tujuan ini, tujuh lagi objektif telah ditetapkan:

1. Untuk menjadikan orang Islam di Malaya sedar tentang prinsip-prinsip Islam;
2. Untuk menyatukan barisan orang Islam yang berpecah di belakang satu ideologi;
3. Untuk menyokong kebebasan akhbar, kebebasan berhimpun dan kebebasan bercakap;
4. Untuk meningkatkan bilangan sekolah;
5. Untuk menyediakan pendidikan mengikut keperluan semasa;
6. Untuk meningkatkan kebaikan moral orang-orang Melayu;
7. Untuk menjaga ekonomi dan kebajikan orang-orang Melayu (Funston 1980, 90).

Sebagai tambahan, HM juga akan bekerjasama dengan parti politik yang lain di Malaya dan dengan gerakan Islam di luar negeri.

Sebahagian daripada objektif HM jelas mempunyai hubungan yang rapat dengan objektif PKMM. Tiga daripada objektif tersebut, iaitu mendukung kebebasan akhbar, berhimpun dan bercakap, meningkatkan bilangan sekolah dan menyediakan pendidikan mengikut keperluan sema-

adalah selari dengan objektif PKMM yang dinyatakan dalam pelembagaannya. Hanya objektif lain yang lebih khusus berkaitan dengan Islam.

Ustaz Abu Bakar Bakir telah dipilih sebagai Presiden HM dan banyak mengambil inisiatif untuk mengembangkan parti itu. Menjelang April 1948 parti itu telah dapat menubuhkan jawatankuasa kerjanya dan dalam bulan Jun menubuhkan Jabatan Pemuda (Sabab Hizbul Muslimin). Dengan menggunakan cawangan MATA yang sedia ada sebagai rangkaian perhubungannya, cawangannya tertubuh di seluruh negara dengan cepat, sehingga ahlinya meningkat hampir 2,500 orang.

Bagaimanapun, aktiviti HM terganggu dengan perisytiharan darurat pada Jun 1948. HM menegaskan penentangannya terhadap komunisme, tetapi terpaksa membatalkan kempen penerangan yang dirancang diadakan di utara Malaya dan mula menjalankan sebahagian besar aktiviti di bawah nama LEPIR. Rancangan untuk merangka perlumbaan dan mengadakan Perhimpunan Agung kedua juga tidak dapat diadakan.

Kelesuan aktiviti HM bagaimanapun tidak menjadikan parti itu luput dari perhatian British. Pada Ogos 1948, tujuh orang pemimpin parti itu, termasuk Presiden dan kebanyakan jawatankuasa kerja telah ditangkap di bawah Undang-undang Darurat. Dengan itu, aktiviti parti itu berakhir, hanya lima bulan selepas parti itu ditubuhkan.

## Angkatan Pemuda Insaf

Angkatan Pemuda Insaf (API) ditubuhkan pada 17 Februari 1946 sebagai sayap pemuda PKMM. Selepas itu cawangannya tertubuh hampir secara automatik di tempat-tempat PKMM mempunyai cawangan dan kedua-dua organisasi itu hampir berkembang secara serentak.

Sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya 1981*, 64) mendakwa PKM turut bertanggungjawab menubuhkan API. Bagaimanapun, hal ini tidak mendapat sokongan daripada sumber lain. Ketuanya, Ahmad Boestamam sudah diketahui umum bukanlah seorang komunis.

Bagaimanapun, di bawah pimpinan Ahmad Boestamam, API dengan cepat menjadi sebuah organisasi yang mempunyai ciri-ciri militan. Pekik perjuangannya ditentukan, iaitu “merdeka dengan darah.” Bentuk organisasinya ditetapkan ‘separuh tentera’ atau ‘semi-militer.’ Lambangnya juga telah ditetapkan, iaitu ‘genggaman tangan kiri warna hitam di atas tanah warna merah.’ Seterusnya, API juga mempunyai lagunya sendiri yang diberi nama *Wahai API Perwira* (Ahmad Boestamam 1972, 55).

Satu daripada aktiviti utama API ialah menyediakan latihan separuh tentera bagi anggotanya yang memakai uniform khas dan menyanyi ketika berbaris. Pengajar bagi latihan berkawat separuh tentera pada peringkat tempatan dilatih di kem latihan khas. Kem latihan khas yang utama terletak di Kesang Tua, Melaka. Mengikut laporan British Malayan Security Service, kem latihan hutan tambahan juga terdapat di Hulu Langat, Selangor dan Singapura (Firdaus 1985, 98).

Bersempena dengan Kongres API pertama di Melaka pada 22-24 Disember 1946, Ahmad Boestamam menerbitkan risalah politik yang bertajuk *Testament Politik API – Merdeka dengan Darah*. Kandungan risalah itu memang radikal dan militan. Tujuan API dinyatakan seperti berikut:

1. Menyatukan pemuda-pemuda yang insaf dalam satu barisan;
2. Mengukuhkan barisan perjuangan untuk bangsa dan tanah air;
3. Memberi latihan politik, rohani dan jasmani kepada pemuda-pemudanya supaya bersedia menjadi pemimpin bila dikehendaki;
4. Membina semula Malaya mengikut faham demokrasi yang sejati yang berdasarkan kedaulatan rakyat;
5. Menuntut perwakilan dalam pemerintahan Malaya (Ramlah 1994, 414-415).

Senarai lima tujuan atau objektif API ini disimpulkan dengan penegasan seperti berikut: Pendeknya API mahu berjuang untuk mencapai kemerdekaan bangsa dan tanah air dengan segala jalan yang terbuka, dengan lembut jika boleh, dengan keras jika terpaksa.

Beberapa halaman kemudian, idea ini diulang dengan lebih terus terang: "Suatu lagi keyakinan API ialah bahawa kemerdekaan itu tidak akan dapat dicapai dengan air liur, dengan hanya meminta-minta, tetapi mestilah dengan perjuangan, dengan aliran darah pemuda-pemudanya". Rangkai kata 'merdeka dengan darah' yang merupakan tajuk kecil risalah itu diulang beberapa kali dalam risalah itu.

API mendapat sokongan yang sangat memberangsangkan. Menurut seorang pengkaji (Stockwell 1979, 135):

Its revolutionary aspirations and militarist stance – the uniforms, the parades, the clenched-fist salute, the jungle training – appealed to the flotsam of war, the frustrated and unemployed youths, who, having joined Japanese sponsored organisations, had lead an aimless existence since the British return.

Ahli API telah bertambah dari 2,560 orang pada 1946 kepada 10,000 atau 15,000 orang pada pertengahan 1947. Kebanyakan ahli API terdapat

di Melaka, Perak, Pahang dan Kelantan. Hal ini demikian, kerana menurut Stockwell (1979, 135) ramai penduduk keturunan Indonesia di negeri-negeri tersebut, kecuali Kelantan yang banyak mempunyai bekas pasukan sukarela semasa pendudukan Jepun. Pulau Pinang dan Singapura kemudian menjadi pusat kegiatan API yang utama pada pertengahan 1947.

Perkembangan sebuah organisasi yang radikal dan militan seperti API jelas tidak disenangi oleh kerajaan British. Kekuatan API mungkin dianggap mengancam kerajaan British. Oleh itu, pada 13 Mac 1947 Ahmad Boestamam telah ditangkap ketika beliau pulang dari pantai timur dengan menaiki bas.

Ahmad Boestamam telah dihadapkan dengan tiga tuduhan oleh Hakim Mahkamah Daerah Selangor. Pertama, dia dituduh mengeluarkan kata-kata yang menghasut orang ramai. Kedua, dia dituduh menerbitkan satu penerbitan yang menghasut. Ketiga, dia dituduh mencetak penerbitan yang menghasut. Ketiga-tiga tuduhan itu didasarkan pada *Testament Politik API* yang ditulis oleh Ahmad Boestamam dan diterbitkan oleh Majlis Tertinggi API. Perbicaraan telah dijalankan pada April 1947. John Eber, ahli MDU yang bekerjasama dengan PUTERA melalui AMCJA menjadi peguam belanya.

Menurut Hakim Mahkamah, *Testament Politik API* adalah satu spirited invocation to Malay youth to join API and achieve independence through blood in the possible time, dan ... to alter the present system of government by violence (Ramlah 1994, 170).

John Eber, sebagai peguam bela Ahmad Boestamam, menafikan kenyataan hakim tersebut. Bagi John Eber, perkataan merdeka dengan darah itu hanyalah satu simbol kepada pengorbanan tenaga dan semangat mereka kepada satu cita-cita yang besar. Walaupun tertuduh menulis perkataan itu, tetapi kata-kata itu tidak bermaksud seperti yang dikatakan (Ramlah 1979, 170).

Bagaimanapun, mahkamah memutuskan Ahmad Boestamam bersalah. Beliau didenda \$1,400 atau sembilan bulan penjara. Ahmad Boestamam membayar denda tersebut dengan bantuan ahli keluarga dan kawan-kawannya, termasuk bantuan Liew Yit Fan, Presiden PKM.

Tindakan kerajaan British menangkap dan mendenda Ahmad Boestamam itu tidak menakutkan API, malah sebaliknya menaikkan dan memarakkan lagi semangat anggota API untuk terus berjuang. Selepas itu penyusunan organisasi dan latihan berbarisnya di seluruh tanah air telah diperhebatkan.

Bagaimanapun, API hanya dapat meningkatkan aktivitinya itu selama kira-kira tiga bulan sahaja. Pada 30 Jun 1947, dalam satu mesyuarat Eksekutif Malayan Union Council, Sir Edward Gent dengan nasihat Advisory Council of Malayan Union, mengambil keputusan sebulat suara untuk mengharamkan API. Alasannya ialah: API was being used or likely to be used for a purpose incompatible with the peace, good order or welfare of the Union (Ramlah 1994, 176).

Dengan pengharaman itu, API mencatat sejarah sebagai organisasi pertama yang diharamkan oleh kerajaan penjajah dan mendahului pengharaman PKM yang hanya dilakukan hampir setahun kemudian (Jun 1948). Setelah API diharamkan, ketuanya Ahmad Boestamam kembali berjuang melalui PKMM, sementara sebahagian anggotanya menubuhkan organisasi pemuda yang baru bernama Ikatan Pembela Tanah Air Malaya (PETA).

## Angkatan Wanita Sedar

Angkatan Wanita Sedar (AWAS) berasal dari bahagian wanita atau jabatan wanita PKMM. Jabatan Wanita PKMM sempat mempunyai tiga orang ketua: Khadijah Ali, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. Di bawah pimpinan Shamsiah Fakeh, susunan wanita PKMM semakin teratur dan pergerakannya juga semakin maju. Ia bukan sahaja mengadakan cawangan di peringkat negeri, malah hingga ke peringkat kampung.

Puncak kemajuan wanita PKKM di bawah pimpinan Shamsiah Fakeh ialah pembentukan sebuah organisasi yang dinamakan AWAS, sebagai sayap wanita kepada PKMM. Sebagai sebuah organisasi, AWAS mempunyai pelembagaan dan pekik atau slogan perjuangannya sendiri. Pekik perjuangan itu ialah AWAS dan sewaktu pekikan itu diteriakkan, tangan kanan digenggam dengan jari telunjuk ditegakkan seperti isyarat memberi amaran.

Satu episod yang menarik dalam perjuangan AWAS ialah ketika ketuanya Shamsiah Fakeh berkahwin dengan Ahmad Boestamam, Ketua API. Sungguhpun perkahwinan mereka tidak lama, tetapi telah memberi pengaruh yang besar dalam mengembangkan perjuangannya, khususnya mengembangkan gerakan AWAS. Hal ini demikian, kerana Shamsiah Fakeh dan Ahmad Boestamam adalah dua tokoh yang pandai berpidato, dan mempunyai semangat perjuangan yang meluap-luap. Dengan itu, boleh dikatakan di mana sahaja ada gerakan API, maka di situ akan ada gerakan AWAS.

Bagaimanapun, berbeza daripada API yang memisahkan diri daripada badan induknya PKMM dalam Kongres API di Melaka pada 1946, AWAS terus kekal sebagai badan gabungan atau sebahagian daripada PKMM, sehinggalah PKMM tidak bergerak lagi mulai Jun 1948 kerana perisytiharan undang-undang darurat.

## Barisan Tani Malaya

Barisan Tani Malaya (BATAS) sebuah lagi badan gabungan PKMM. Ia ditubuhkan untuk menguatkan gerakan PKMM di kalangan kaum tani, walaupun penubuhannya agak lewat sedikit berbanding dengan API dan AWAS.

Sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 63) mendakwa PKM bertanggungjawab mendirikan BATAS. Dakwaan ini boleh diterima, kerana antara orang yang mengasaskan BATAS ialah Abdullah C.D. dan Musa Ahmad, yang memang merupakan kader PKM, di samping Mansur, Bakar (Ketua API Selangor) dan lain-lain. Jawatankuasa Pusatnya pula terdiri daripada Musa Ahmad sebagai Ketua, Ahmad Hajji Salleh (Abas) sebagai Setiausaha, Mokhtar sebagai Bendahari dan Kadir sebagai Ketua Bahagian Penerangan.

BATAS dirasmikan pada 7 Julai 1947 di Kajang, Selangor. Dalam kongres penubuhannya itu, Dr. Burhanuddin hadir dan memberi ucapan. Seorang lagi yang memberi ucapan ialah Kamarulzaman Teh yang memberi tahniah atas nama wakil PKM.

Tidak lama setelah ditubuhkan, BATAS telah berkembang ke serata negeri. Antara negeri yang pesat perkembangannya ialah Kedah yang dipimpin oleh Mokhtar, Selangor yang dipimpin oleh Musa Ahmad, Pahang yang dipimpin oleh Ahmad Salleh (Abas), Johor yang dipimpin oleh Kadir dan Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Ibrahim Baba.

Dengan itu, mengikut sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 63):

Kaum tani yang luas, khasnya kaum Melayu di Temerloh dan Benta, Pahang, di Selama, Kuala Kangsar dan Chemor, Perak, di Alor Setar dan Jitra, Kedah, di Kajang, Ulu Langat dan Tanjung Karang, Selangor, di Seremban, Jelebu dan Kuala Pilah, Negeri Sembilan, di Muar dan Tangkak, Johor, serta kawasan-kawasan luas yang lain telah melancarkan perjuangan melawan penghisapan dan penindasan, dan kesedaran revolusioner massa tani telah ditingkatkan.

Bagaimanapun, mengikut Ahmad Boestamam (1972, 78) kubu BATAS yang terkuat di Selangor ialah di Hulu Langat. Ketuanya bernama Mohamad Sharif. Dialah yang menjadi orang kanan kepada Musa Ahmad dan sangat patuh kepadanya.

Aktiviti BATAS tidak terhad kepada perjuangan politik semata-mata. Ia telah memperluaskan kegiatannya dengan membentuk koperasi atau syarikat kerjasama, mengadakan sekolah tani, menjalankan gotong-royong dan lain-lain.

Sehingga akhir masa damai dikatakan kira-kira 20,000 orang lebih petani Melayu telah memasuki BATAS dan kira-kira 300 orang anasir progresif Melayu telah menyertai PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya* 1981, 63).

Bagaimanapun, BATAS tidak mencapai tingkat kepopularan API dan AWAS. Kalau API dapat dikenal dan kemudian menjadi popular kerana pakaian seragamnya, latihan berbarisnya, lambangnya dan lagunya, tetapi BATAS sebagai organisasi kaum tani tidak mementingkan semua itu. Kalau AWAS mudah dikenal dan menjadi popular kerana ia organisasi wanita, BATAS tidak mempunyai tanda pengenal yang membezakannya dengan badan induknya. Bahkan anggota PKMM dan anggota BATAS biasanya orang yang sama juga.

Sempena Hari Pekerja Antarabangsa pada 1 Mei 1948 suatu perarakan besar-besaran telah diadakan di Kajang, Selangor. Dalam perarakan itu kaum tani dari Hulu Langat, Jenderam dan lain-lain telah menyertainya bersama-sama dengan kaum buruh.

Apabila undang-undang darurat diisyiharkan pada Jun 1948, pemimpin utama BATAS, iaitu ketuanya Musa Ahmad dan setiausaha Ahmad Salleh telah masuk ke hutan untuk menyertai perjuangan bersenjata. Dengan itu, BATAS terbubar dengan sendirinya mulai tarikh tersebut.

## Pembela Tanah Air

Pembela Tanah Air (PETA) tertubuh di sekitar September 1947, setelah API diharamkan. Antara pengasasnya ialah Wahi Anuar. Mengikut Ahmad Boestamam (2004: 232) Wahi Anuar adalah seorang tokoh API Selangor. Akan tetapi Samad Ismail (Ahmad Boestamam 2004, 27) lebih pasti Wahi Anuar adalah anggota New Democratic Youth League, iaitu sebuah badan yang didalangi oleh PKM. Oleh itu, mengikut Means (1970, 119) PETA lebih merupakan barisan Melayu PKM.

Antara September 1947 hingga ia diharamkan pada Jun 1948, tidak banyak aktiviti yang sempat dilakukan oleh PETA. Walaupun ia dapat bertapak di Temerloh, Pahang. Hal ini demikian, kerana di Temerloh ada Kamarulzaman Teh yang menjadi penggeraknya yang aktif. Namun, menjelang pengharamannya itu, PETA sekurang-kurangnya telah menjalankan dua aktiviti penting. Pertama, mengadakan Kongres Nasionalnya di Temerloh, Pahang pada akhir Mac 1948. Dalam Kongres itu turut hadir wakil organisasi kiri lain seperti API, AWAS, BATAS dan PKM. Kamarulzaman Teh turut berucap dalam kongres itu sebagai wakil PKM. Kedua, pada hari terakhir Kongres itu telah diadakan satu perarakan besar-besaran di bandar Temerloh. Perarakan itu dikatakan merupakan perarakan paling besar yang pernah diadakan di bandar tersebut.

PETA telah diharamkan pada 23 Julai 1948 bersama dengan beberapa organisasi kiri yang lain, iaitu PKM, New Democratic Youth League dan Malayan Peoples Anti-Japanese Army Ex-Comrades Association. Ketua PETA, Wahi Anuar adalah salah seorang pemimpin kiri Melayu yang menyertai perjuangan bersenjata pimpinan PKM setelah PETA diharamkan.

## Bab 4

# Gerakan Politik Masa Aman (1946-48): Parti Komunis Malaya

### Matlamat dan Taktik

Satu lagi gerakan politik yang penting, yang muncul dan berkembang pada masa aman (1946-48) ialah gerakan Parti Komunis Malaya (PKM). Gerakan itu tumpuan kepada aktiviti kader-kader Melayu dan bahagian Melayu PKM.

Selepas Perang Dunia Kedua, PKM ialah kelompok politik yang paling tersusun dan paling berpengaruh berbanding dengan kelompok politik yang lain. Setelah memainkan peranan sebagai pemimpin gerakan penentangan dalam masa Pendudukan Jepun dengan restu British, PKM tidak dihalang daripada bergerak sebagai organisasi yang sah. Pemimpin komunis mengambil peluang ini untuk menghidupkan Kesatuan Buruh Am yang telah diharamkan pada zaman sebelum perang. Dengan menggunakan pujukan dan ugutan, kesatuan sekerja subsidiari telah ditubuhkan hampir di semua perusahaan. Parti Komunis melaksanakan kawalan yang berkesan melalui Kesatuan Buruh Am. Yuran yang dikutip daripada golongan pekerja disalurkan melalui Kesatuan Buruh Am ke dalam tabung Parti Komunis. Dengan itu PKM mempunyai dana dan dapat menggaji sejumlah anggotanya sebagai pengelola dan penghasut sepenuh masa (Means 1970, 70).

Sambil mengukuhkan pengaruhnya dalam gerakan kesatuan sekerja dan dalam banyak sekolah Cina serta organisasi barisan (front organizations), PKM memulakan kempen yang tersusun untuk mencapai matlamat politiknya. Sebelum perang berakhir, PKM telah mengeluarkan manifesto yang mengumumkan objektifnya yang berikut:

1. Untuk menghalau *fasis Jepun* keluar dari Malaya dan menubuhkan republik;

2. Untuk menubuhkan kerajaan yang mewakili semua bangsa, membaiki taraf hidup dan membangunkan industri, pertanian dan perdagangan;
3. Untuk memberi kebebasan bercakap, berpersatuan dan sebagainya, dan menghapuskan undang-undang lama yang menindas;
4. Untuk meningkatkan upah, menghapuskan cukai yang tinggi dan menghapuskan pinjaman wang dengan bunga yang tinggi;
5. Untuk menyusun semula pasukan gerila menjadi Tentera Pertahanan Negara;
6. Untuk menubuhkan pelajaran percuma dalam pelbagai bahasa;
7. Untuk merampas harta Fasis Jepun dan mengembalikan harta yang dirampas oleh Jepun;
8. Mengamalkan ekonomi tarif;
9. Untuk membebaskan rakyat Timur yang tertindas bersama-sama dengan Russia dan China (Means 1970, 70-71).

Selepas perang, pada 25 Ogos 1945, *program sembilan perkara* itu telah dipindah kepada *Lapan Cadangan Agung* dari PKM dengan mengganti *British* bagi *Fasis Jepun* dan membuang perkara sembilan (perkara i) untuk menunjukkan bahawa PKM tidak bersekutu dengan komunisme antarabangsa (Means 1970, 71).

Pada Januari 1946 PKM telah mengadakan mesyuarat penuh Jawatankuasa Pusat untuk membincangkan masalah taktik dan semakan kepada programnya. Pada masa itu kepimpinan parti telah terpecah kerana berbeza pendapat tentang masalah taktik jangka pendek. Walaupun gerila MPAJA telah dibubarkan, tetapi satu kelompok pemimpin lebih menyukai satu perjuangan sivil dilancarkan terhadap kerajaan dengan serta merta. Tujuannya ialah untuk melahirkan kawasan yang dibebaskan. Dari kawasan itu komunis boleh beroperasi sebagai kerajaan revolusioner yang menandingi kerajaan yang sah. Polisi ini disebut garis Cina, kerana ia mengikut contoh Parti Komunis China dalam perjuangannya menentang Koumintang. Kelompok kedua, yang dipimpin oleh Lai Teck Setiausaha Agung PKM, mencadangkan polisi yang lebih sederhana, yang mengikut taktik revolusioner Soviet dan mengikut garis Komunis Antarabangsa pada masa itu. Dalam laporannya tentang mesyuarat itu, Loi Teck telah menyatakan dengan ringkas pilihan yang dipertimbangkan:

Hari ini masalah kolonialisme boleh diselesaikan mengikut dua cara: a) Pembebasan melalui perjuangan revolusi berdarah (seperti kes Vietnam dan Indonesia), atau b) melalui kekuatan Barisan Bersatu Kebangsaan (yang terdiri daripada perpaduan popular yang harmoni antara semua puak dan parti politik (Means 1970, 71).

Jawatankuasa Pusat telah memutuskan bahawa keadaan adalah tidak sesuai bagi polisi pertama dan dengan itu memutuskan untuk mencapai kejayaan revolusi melalui kekuatan Barisan Bersatu Kebangsaan. Dua minggu kemudian, Parti telah mengeluarkan dokumen panjang untuk menerangkan polisinya dan menyeru United Racial Emancipation War Front dan Great United Democratic War Front untuk melakukan Perjuangan Anti-Imperialis Semua Rakyat. Dengan ringkas, PKM berharap untuk mencapai matlamat awalnya dengan menuntut bahawa perjuangannya adalah berasaskan nasionalisme Malaya dan anti-imperialisme untuk mewujudkan gerakan massa di bawah arahannya yang akan mendominasi keadaan politik dan membuat kedudukan British semakin tidak dapat dipertahankan. Dalam Barisan Bersatu yang dicadangkan ini parti dan klik yang berkaitan telah dijanjikan bahawa kebebasan mereka akan dihormati (Means 1970, 71).

Pada Mei 1946 PKM telah mengeluarkan program bersifat demokrasi yang minimum, yang menggariskan Malayan Democratic United Front untuk memikat bakal sekutu. Sembilan perkara dinyatakan akan diperjuangkan oleh PKM, iaitu:

1. Menubuhkan pemerintahan sendiri di Malaya;
2. Menubuhkan Perhimpunan Nasional Se-Malaya yang dipilih, hak untuk mengundi dan pengenalan pelembagaan yang bersifat demokrasi;
3. Mewujudkan kerajaan yang bersifat demokrasi dan jaminan bagi hak-hak sivil yang asas, seperti kebebasan bercakap;
4. Penyusunan semula struktur ekonomi negara;
5. Pemberian gaji dan upah, dan pengurangan pengangguran dan cukai yang terlalu tinggi;
6. Penyusunan semula sistem pendidikan;
7. Menetapkan waktu kerja lapan jam sehari dan membaiki keadaan kerja pekerja dan petani;
8. Hak yang sama bagi wanita dalam politik dan masyarakat;
9. Perpaduan dengan Rakyat Tertindas dari Timur Jauh (Cheah Boon Kheang 1979, 76).

Perkara yang dinyatakan dalam program tersebut adalah luas dan menarik bagi semua kelas dan kumpulan. Ia membolehkan PKM mengadakan ikatan dengan jayanya dengan parti dan organisasi lain. Sembilan perkara dalam program PKM itu juga dikatakan telah mempengaruhi program lapan perkara PKMM dan Malayan Democratic

Union (MDU). Terdapat persamaan penting antara program PKM dengan program kedua-dua parti itu (Cheah Boon Kheng 1979, 26-27).

## Barisan Bersatu

Barisan Bersatu ialah istilah dan konsep umum yang digunakan dengan bebas di Malaya selepas perang. Bagi kebanyakan orang ia hanya bermakna kerjasama dan perikatan untuk menentang pihak kolonial yang menjadi musuh bersama. Namun, bagi pihak komunis ia mempunyai makna yang khusus, seperti strategi Barisan Bersatu dari atas dan Barisan Bersatu dari bawah yang digunakan oleh Komunis Antarabangsa dari 1920 hingga 1927. Strategi pertama bermakna komunis memasuki sesuatu organisasi secara terbuka atau menyusup secara langsung pada peringkat kepimpinan, mempengaruhinya hingga ke bawah dan secara beransur-ansur mengambil alih organisasi itu. Strategi kedua pula bermakna perjuangan secara beransur-ansur untuk memenangi sokongan ahli pada paras bawah organisasi tertentu sehingga satu masa apabila mereka menyedari hanya komunis yang bersedia memperjuangkan kepentingan mereka. Mereka kemudian akan mengganti pemimpin bukan-komunis dengan pemimpin komunis. Kedua-dua strategi Komunis Antarabangsa itu telah digunakan oleh PKM terhadap sebilangan organisasi massa. Bagi MDU dan PKMM strategi yang digunakan ialah Barisan Bersatu dari atas, sementara bagi organisasi kesatuan sekerja, belia dan wanita, strategi Barisan Bersatu dari bawah telah digunakan (Cheah Boon Kheng 1979, 53-54). Penggunaan kedua-dua strategi ini secara lebih konkrit akan dilihat dalam kes-kes di bawah ini.

## Penubuhan PKMM

Penglibatan PKM dengan penubuhan PKMM bermula apabila Ahmad Boestamam dan kawan-kawannya menerbitkan akhbar harian *Suara Rakyat* di Ipoh sebaik sahaja Jepun menyerah diri. Ahmad Boestamam menerbitkan akhbar itu dengan menggunakan kertas, dakwat dan lain-lain yang ditinggalkan oleh percetakan *Perak Shimbun* (akhbar bahasa Inggeris terbitan Jepun), dan tidak menggunakan sebarang modal. Dalam keadaan demikian, Mokhtaruddin Lasso, seorang anggota PKM menawarkan modal untuk penerbitan akhbar itu. Tawaran itu tidak disertai dengan apa-apa syarat, kecuali pengurusan akhbar itu dipegang oleh

Arshad Ashaari, seorang komunis, orang Mokhtaruddin. Ahmad Boestamam yang menjadi Ketua Pengarang *Suara Rakyat* menerima tawaran itu.

Tidak lama kemudian, Mokhtaruddin Lasso mencadangkan pula penerbitan majalah berbahasa Inggeris dan dia juga yang akan menanggung modal untuk menerbitkannya. Cadangan itu diterima oleh Ahmad Boestamam dan kawan-kawannya. Akan tetapi penerbitan majalah bulanan berbahasa Inggeris itu, yang diberi nama *Voice of the People* memerlukan orang lain sebagai pengasuhnya. Dengan itu, dilantiklah Haji Abdul Latif Haji Abdul Majid dan Salleh Daud sebagai pengarangnya. Pengurusnya Arshad Ashaari juga.

Walaupun Mokhtaruddin Lasso yang mengeluarkan modal untuk menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* dan majalah *Voice of the People* itu, tetapi dia tidak mencampuri polisi jabatan pengarang. Mengikut Ahmad Boestamam (1972, 11) ketika ditanya pendiriannya tentang polisi jabatan pengarang, Mokhtaruddin Lasso telah memberi jawapan berikut:

...Jabatan pengarang boleh terus seperti keadaannya sekarang. Saudara-saudara diberi kebebasan penuh... Jalanlah terus dengan dasar itu.

Kenyataan Ahmad Boestamam itu diperkuatkan oleh Salleh (1998, 51) bekas pengarang *Voice of the People* dalam memoirnya:

Dia (Mokhtaruddin) tidak mengganggu perjalanan *Voice of the People* atau *Suara Rakyat*. Di sepanjang hayat *Voice of the People*, hanya sekali sahaja saya bertemu dengan Mokhtaruddin yang sentiasa senyum dengan hanya menyatakan *syabas* kepada saya dan Haji Abdul Latif dan memberi perangsang supaya kamu meneruskan ‘tugas yang baik sekali’ itu. Tidak ada saranan dan tidak ada percubaan untuk menyelitkan fahaman atau perjuangan komunis di dalam *Voice of the People*.

Sikap Mokhtaruddin itu, mengikut Salleh (1998, 51-52) selaras dengan dasar komunis sedunia ketika itu, iaitu mengapi-apikan gerakan nasionalis menentang imperialisme dan kapitalisme di mana-mana sebagai suatu taktik perang dingin Soviet. Dengan menyokong gerakan nasionalis tanpa cuba mempengaruhinya pihak komunis berharap dapat menggulingkan kolonialisme Barat di Asia Tenggara secara *proxy*. Selepas itu barulah mereka cuba merampas kuasa dengan menggulingkan kerajaan nasionalis pula.

Tidak lama kemudian Arshad Ashaari mengaturkan satu perjumpaan di pejabat *Suara Rakyat*. Perjumpaan itu dihadiri oleh Mokhtaruddin Lasso dan kawan-kawannya dari golongan komunis dan Ahmad

Boestamam serta kawan-kawannya dari golongan nasionalis. Dalam perjumpaan itulah mereka mengambil keputusan untuk mendirikan sebuah parti politik yang bersifat antikolonial, yang diberi nama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Mokhtaruddin Lasso dan kawan-kawannya dari golongan komunis telah terpilih memegang jawatan penting: Mokhtaruddin sebagai Yang Dipertua Agung, Arshad Ashaari sebagai Bendahari, dan Khadijah Ali sebagai Ketua Jabatan wanita. Tetapi mereka jelas tidak mahu mengenepikan golongan nasionalis. Sebab itulah Dr. Burhanuddin dipilih sebagai Naib Yang Dipertua walaupun beliau tidak hadir dalam perjumpaan itu.

Sikap tidak mengenepikan golongan nasionalis ini lebih jelas kelihatan setelah Mokhtaruddin Lasso melarikan diri ke Indonesia secara tiba-tiba beberapa hari selepas berlangsungnya kongres PKMM yang pertama pada November 1945. Mengikut Abdullah C.D. (1998, 37-38) yang ketika itu sudah memainkan peranan sebagai seorang kader PKM yang aktif, dia dan kawan-kawannya yang mengusulkan supaya dua orang nasionalis, iaitu Dr. Burhanuddin dan Ishak Haji Muhammad masing-masingnya dipilih sebagai Yang Dipertua Agung dan Naib Yang Dipertua Agung. Sementara itu, orang-orang dari golongan nasionalis juga dipilih memegang jawatan Setiausaha Agung: mula-mula Dahari Ali, kemudian Zulkifli Auni dan selepas itu Ahmad Boestamam.

Dalam kongres PKMM ketiga yang diadakan di Singapura pada 1947, Dr. Burhanuddin telah dilantik sebagai Penasihat sebagai helah untuk menyingkirkannya dari jawatan Yang Dipertua Agung. Walaupun ada dakwaan bahawa golongan komunis memainkan peranan dalam usaha menyingkirkan Dr. Burhanuddin ini (Ramlah 1999), tetapi peranan mereka tidaklah begitu jelas. Sebaliknya, Ahmad Boestamam (1972, 146-152) membuat pengakuan bahawa penyingkiran Dr. Burhanuddin lebih merupakan inisiatifnya sendiri. Dia berbuat demikian, katanya, bukan kerana Dr. Burhanuddin tidak baik, tetapi kerana Dr. Burhanuddin agak lemah sedikit dan kurang revolucioner.

Semasa PKMM dipimpin oleh Dr. Burhanuddin dari awal 1946 hingga akhir 1947, dua orang kader PKM, iaitu Abdullah C.D. dan Musa Ahmad adalah menjadi ahli Jawatankuasa Pusat parti itu. Kedudukan demikian bagi mereka barangkali sudah memadai, kerana dengan itu mereka juga dapat mempengaruhi perjalanan parti itu.

Bagaimanapun, orang-orang dari golongan komunis ini tetap mahu memegang jawatan penting apabila mereka berpeluang berbuat demikian.

Hal ini dapat mereka lakukan melalui *sayap* atau organisasi yang bergabung dengan PKMM, iaitu AWAS, BATAS dan buruh atau kesatuan sekerja. Shamsiah Fakeh mengetuai AWAS, Musa Ahmad mengetuai BATAS dan Abdullah C.D. menyusun dan memimpin kesatuan sekerja.

Tentang bagaimana mereka dapat menguasai organisasi-organisasi itu, nampaknya ada dua cara. Dalam kes AWAS, Shamsiah Fakeh mengambil alih jawatan ketua badan itu daripada ketua sebelumnya, iaitu Aishah Ghani. Akan tetapi, dalam kes BATAS, mereka dari golongan komunislah yang mengambil inisiatif menu buhkannya.

Mengikut Abdullah C.D. (1998, 43) pada satu hari dia dan kawan-kawannya yang terdiri daripada Kamarulzaman Teh, Rashid Maidin, Musa Ahmad, Wahi Anuar dan Shamsuddin Salleh mengadakan perbincangan dan mendapati bahawa gerakan PKMM di bahagian tani masih lemah. Dari itu, mereka mengambil keputusan untuk menu buhkan Barisan Tani Malaya (BATAS). Kemudian Abdullah C.D. menemui Dr. Burhanuddin untuk membincangkan cadangan itu. Dr. Burhanuddin bersetuju. Selepas itu BATAS pun ditubuhkan dengan Musa Ahmad menjadi ketuanya.

## **Menyusun Kaum Buruh**

Ketika mula bergerak dalam PKMM, Abdullah C.D. sudah bertugas menggerakkan kaum buruh. Di kalangan pucuk pimpinan PKMM, dia juga ditugaskan untuk menghimpunkan kaum buruh dan memimpin kaum buruh Melayu. Akhirnya, dia berjaya menghimpunkan kaum buruh Melayu dalam gerakan buruh antara kaum, iaitu Pan Malayan Federation of Trade Union (PMFTU).

Atas usaha Jabatan Kerja Melayu PKM dan Jabatan Buruh PKMM, di kebanyakan negeri telah didirikan Kesatuan Buruh Melayu. Anggota kesatuan itu dididik mengenai peranan kaum buruh dalam perjuangan kemerdekaan, tentang erti penting perpaduan kaum untuk menjayakan revolusi nasional, tentang erti penting perjuangan kelas buruh dan lain-lain (Abdullah C.D. 1998, 54).

Di Selangor penoreh getah Melayu telah bekerjasama dengan kaum buruh India. Ini diikuti dengan kerjasama antara buruh kereta api Melayu dan buruh kereta api kaum lain di Sentul. Di Pelabuhan Kelang kaum buruh Melayu yang cergas telah membentuk kesatuan mereka sendiri. Demikian juga pemandu teksi di Kuala Lumpur telah mendirikan kesatuan mereka sendiri dalam perjuangan melawan kapitalis British yang menjadi pemilik teksi itu.

Untuk memperbaiki kehidupan kaum buruh Melayu telah dilancarkan perjuangan dalam berbagai-bagai bentuk, termasuk mogok. Pada 1947, buruh pemandu bas dan teksi di Kuala Lumpur telah melancarkan mogok melawan penindasan majikan British demi memperbaiki kehidupan mereka. Mogok itu berlangsung selama dua minggu dan akhirnya selesai setelah majikan menerima sebahagian daripada tuntutan kaum buruh. Tuntutan kaum buruh dipenuhi kira-kira 60%. Di samping itu, upah buruh yang mogok semuanya dibayar dan semua buruh yang dipecat diterima balik oleh majikan.

Pada 1947 diadakan Kongres Buruh Melayu Se-Malaya. Tujuan kongres itu adalah untuk menghimpunkan kesatuan buruh dari pelbagai bidang pekerjaan serta pekerja kerajaan yang telah mendirikan kesatuan masing-masing, seperti polis, askar, warden, bomba, buruh jabatan elektrik dan lain-lain. Yang memainkan peranan penting menyelenggarakan kongres ini ialah Abdullah C D , Rashid Maidin dan Shamsuddin Salleh.

Dalam kongres PMFTU yang diadakan pada 1947 juga, Abdullah C.D. telah terpilih sebagai Naib Presiden. Hal ini demikian kerana Abdullah C D telah membawa Kesatuan Buruh Melayu yang mempunyai anggota puluhan ribu orang menyertai kongres itu.

## Gerakan Secara Terbuka

### Menghadiri Persidangan Parti-parti Komunis Empayar British

Pada Januari 1947 PKM telah mengumumkan dalam akhbar bahawa Rashid Maidin telah dipilih mewakili PKM untuk menghadiri Persidangan Parti Komunis Empayar British yang akan diadakan di London pada Februari 1947 bersama-sama dengan R. Balan dan Wu Tien Wang. Pengumuman itu menarik perhatian ramai kerana itulah pertama kali PKM membuat pengumuman secara terbuka tentang adanya orang Melayu menjadi kader penting parti itu (Cheah Boon Kheng 1979, 67).

Mengikut Rashid (temu ramah, 20 Mei 2002), persidangan itu berlangsung kira-kira seminggu. Wakil-wakil yang hadir, selain daripada wakil Malaya, datang dari India, Burma, Ceylon, Australia, Canada, Cuba, dan lain-lain. Persidangan telah meminta laporan daripada setiap wakil tentang masalah perjuangan kemerdekaan di negeri masing-masing dan membahaskannya.

Rashid Maidin dan rakannya telah membuat laporan tentang perjuangan anti-Jepun yang dipimpin oleh PKM (MPAJA) serta semangat massa rakyat menentang fasis Jepun dan juga tentang kesedaran politik rakyat dan gerakan kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua. Persidangan itu telah memberikan sanjungan tinggi sebagai Pahlawan Anti-Jepun kepada mereka.

Pada akhir persidangan itu telah dikeluarkan sebuah perisyiharan menuntut kemerdekaan bagi tanah-tanah jajahan. Tujuan perisyiharan itu ialah menuntut kerajaan Inggeris melepaskan cengkamannya ke atas negeri yang masih dijajahnya dan memberikan sokongan yang kuat kepada gerakan kemerdekaan di setiap negeri yang masih terrajah.

Walaupun persidangan itu julung-julung kali diadakan dan masanya agak singkat, tetapi persahabatan yang terjalin melalui persidangan itu, mengikut Rashid, memberi kesan yang mendalam. Selepas itu mereka terus-menerus berkirim salam dalam bentuk kawat atau surat dengan beberapa perwakilan dari negeri lain dalam perjuangan mereka selanjutnya.

## Berceramah ke Seluruh Negara

Tidak lama selepas Rashid Maidin menghadiri Persidangan Parti Komunis Empayar British di London pada Februari 1947 itu, Dr. Burhanuddin, Yang Dipertua PKMM telah menghadiri Persidangan Asia di New Delhi. Turut bersama beliau ialah Ganapathy, Miau Siu dan Abdullah C.D sebagai wakil PMFTU, Salleh Daud dan Ibu Zain sebagai wakil bebas, dan PP Narayanan sebagai wakil buruh yang dihantar oleh kerajaan Inggeris. Tujuan persidangan itu ialah untuk menggabungkan kekuatan menentang imperialisme dan kolonialisme untuk menuntut kemerdekaan.

Sekembalinya dari menghadiri persidangan itu, Abdullah C.D. dan Dr. Burhanuddin telah pergi ke Perak untuk mengadakan ceramah bersama bagi menerangkan isi persidangan tersebut.

Kemudian, apabila Rashid Maidin pulang dari London, dia pula telah menjelajah hampir ke seluruh Tanah Melayu bersama-sama dengan Dr. Burhanuddin untuk menerangkan isi persidangan yang mereka hadiri. Rashid bercakap atas nama PKM sementara Dr. Burhanuddin atas nama PKMM. Tujuannya adalah untuk membangkitkan semangat kemerdekaan di kalangan rakyat agar lebih bersemarak lagi.

Mula-mula mereka pergi ke Melaka. Mereka mendapat sambutan yang luar biasa. Padang perhimpunan dikatakan penuh sesak dengan orang ramai. Kemudian mereka pergi ke Selangor. Di Selangor mereka

diraikan oleh Melan Abdullah, Mustapha Hussain dan lain-lain. Kemudian apabila mereka pergi ke Perak, mereka disambut oleh Ustaz Abu Bakar Bakir, tokoh agama terkenal dan Mudir Madrasah Al-Ehya Assharif dari Gunung Semanggul. Di Kedah sambutan juga begitu hebat. Antara tokoh Kedah yang menyambut mereka termasuklah Khir Johari, Senu Abdul Rahman dan Zahari Taib. Apabila mereka pergi ke Kelantan, mereka disambut oleh Saat Shukri Haji Muda, adiknya Hasan dan Hasro, Cikgu Hamid dan lain-lain. Di sana mereka sama-sama menjelajah dan mengadakan rapat umum di Kota Bharu, Pasir Putih dan lain-lain. Di Terengganu pula mereka disambut oleh Cik Muda dari Besut, Ibrahim Fikri dari Kuala Terengganu dan lain-lain.

Dalam perjalanan itu, mengikut Rashid Maidin, mereka begitu terberangsang dengan sambutan daripada orang ramai. Malah di beberapa negeri, sultan negeri itu juga turut menghadirinya. Jadi semangat kemerdekaan benar-benar telah membakar dada rakyat pada masa itu.

Tentang kerjasama antara Rashid Maidin, seorang komunis dengan Dr. Burhanuddin, seorang nasionalis agama ini mungkin menghairankan sebahagian orang. Oleh itu, Mustapha Hussain, bekas Naib Yang Dipertua KMM, yang mengikuti rombongan Rashid Maidin dan Dr. Burhanuddin itu menyatakan, bahawa dia pernah bersoal jawab dengan Dr. Burhanuddin seperti berikut (Mustapha 1999a, 451):

Pada suatu hari saya telah bertanya kepada Dr. Burhanuddin, "Siapakah yang punya rombongan ini, PKM atau PKMM?". Maka jawabnya, "Kedua-duanya". Saya mendesak lagi, "Bagaimana nasionalisme boleh berkompromi dengan komunisme?" Dijawabnya dengan tenang, "Kita adalah demokratik. Kita tengok saja. Biar rakyat memilih sendiri".

## Bekerjasama dengan Golongan Agama

Kerjasama Rashid Maidin dengan golongan agama tidak berbatas kepada hubungannya dengan Dr. Burhanuddin seperti yang diuraikan di atas, tetapi juga meliputi golongan agama yang dipimpin oleh Ustaz Abu Bakar Bakir, yang berpusat di Gunung Semanggol.

Apabila Majlis Agama Islam Tertinggi (MATA) yang diketuai oleh Ustaz Abu Bakar Bakir mengadakan kongresnya, yang antara lain akan membincangkan penubuhan sebuah parti Islam pada 13 Mac hingga 16 Mac 1948, Rashid Maidin adalah salah seorang daripada 5,000 orang yang hadir. Beliau hadir sebagai wakil PKM. Turut juga hadir Musa Ahmad sebagai wakil Barisan Tani (BATAS).



Sebagai memberi sokongan moral, Rashid Maidin telah membawa bersamanya banyak gambar untuk ditunjukkan pada hari-hari persidangan itu. Gambar itu pada keseluruhannya adalah menunjukkan sikap Inggeris yang tidak adil, malah menganggap orang timur tidak berotak. Antaranya ialah gambar yang menunjukkan orang Melayu masih tinggal di atas pokok, dan perkara-perkara yang membawa kemudaratuan kepada orang Melayu (Nabir 1976, 165).

Pada hari ketiga persidangan itu, iaitu pada agenda syarahan khas, Rashid Maidin dan Musa Ahmad adalah di antara orang yang tampil memberi ucapan. Syarahan mereka dianggap syarahan yang penting, kerana antara lain mereka telah menimbulkan soal ketidakadilan kapitalis Barat dalam aktiviti mereka di Tanah Melayu. Di samping itu, telah ditimbulkan juga soal penderitaan kaum tani dan kaum buruh (Nabir 1976, 174-175).

## **Gerakan Bawah Tanah**

### **Sekolah Marxist Malaya**

Untuk meninggikan taraf teori dan kesedaran kader-kader bahagian Melayu, maka pada akhir 1946 telah diadakan kursus jangka pendek untuk mempelajari teori-teori Marxisme. Kursus itu dinamakan Sekolah Marxist Malaya. Gurunya ialah Alimin, seorang komunis veteran dari Indonesia yang ketika itu berada di Kuala Lumpur. Abdullah C D dan Rashid Maidin ditugaskan menyusun dan menjemput peserta ke kursus tersebut.

Kursus Sekolah Marxist Malaya itu diadakan di sebuah rumah milik penanam sayur Tionghoa yang terletak di kawasan pedalaman Ampang. Kursus itu berjalan selama kira-kira dua minggu. Mengikut Abdullah C D (1998, 48) antara yang menghadirinya ialah orang-orang yang kemudiannya dikenali sebagai kader PKM, seperti Abdullah C D, Rashid Maidin, Shamsuddin Salleh, Shamsiah Fakeh, dan Zainab Mahmud. Bagaimanapun, turut juga hadir orang-orang yang bukan kader PKM, seperti Ahmad Boestamam, Aishah Ghani dan Dahari Ali.

Mengikut Aishah (1992, 23) dalam memoirnya, Alimin yang menjadi guru kursus itu memakai nama samaran Pak Santos dan antara perkara yang diceramahkannya ialah kisah pemberontakan Bolshevik di Rusia dan kejayaan komunis meluaskan penaklukannya serta rancangan masa

depannya untuk Asia Tenggara. Bagaimanapun katanya hanya dia seorang sahaja wanita yang menghadiri kursus itu; tidak ada wanita lain.

Setelah berakhirnya kursus itu, Alimin menjelajah ke beberapa tempat seperti Johor, Perak, Singapura dan lain-lain untuk menyampaikan kursus kepada kader Melayu yang tidak berkesempatan menghadiri kursus di Ampang. Antara mereka yang menghadiri kursus itu termasuklah Bizar Ahmad dari Singapura, Majid, Mat Indera dan Kadir dari Johor, Osman dari Perak, Kamarulzaman Teh dari Pahang dan Mansor (Mokhtar) dari Kedah.

Apabila Alimin pulang ke Indonesia, dia telah mengirim seorang rakan seperjuangannya bernama Sulaiman untuk meneruskan tugas memberi kursus kepada ahli dan kader Melayu PKM. Di Malaya, Sulaiman memakai nama samaran Suparto. Dia telah pergi banyak tempat untuk menyampaikan kursus, antaranya ke Temerloh atas ajakan Kamarulzaman.

## **Penubuhan Jabatan Kerja Melayu**

Sejumlah kader Melayu dari pelbagai tempat yang menerima kursus di Sekolah Marxis Malaya telah menyediakan syarat yang cukup untuk menubuhkan Jabatan Kerja Melayu PKM. Oleh itu, setelah berakhirnya kursus Sekolah Marxis Malaya itu, Chen Nan, sebagai wakil Jawatankuasa Pusat PKM telah mengumumkan rancangan Jawatankuasa Pusat untuk menubuhkan Jabatan Kerja Melayu.

Pada mulanya Chen Nan (dikenali juga dengan nama Haji Hashim) membentuk pimpinan Jabatan Kerja Melayu yang terdiri daripada empat orang, iaitu Abdullah C.D., Rashid Maidin, Kamarulzaman Teh dan Shamsuddin Salleh. Kemudian ia diperluas dengan penyertaan Musa Ahmad dan Wahi Anuar. Abdullah C.D. dilantik sebagai Setiausaha Jabatan Kerja Melayu yang bertanggungjawab secara langsung kepada Chen Nan yang menjadi wakil Jawatankuasa Pusat PKM.

Antara enam orang badan pimpinan Jabatan Kerja Melayu itu, tiga orang daripada mereka, iaitu Abdullah C.D., Rashid Maidin dan Kamarulzaman Teh diisyiharkan sebagai wakil PKM bahagian Melayu secara terbuka. Dari segi tugas, mereka dibahagikan kepada tiga kawasan. Abdullah C.D. menjaga kawasan Selatan yang meliputi negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Singapura dan beribu pejabat di Pejabat PKM Singapura. Rashid Maidin ialah wakil kawasan Utara yang meliputi negeri Perak, Kedah, Perlis, Selangor dan Pulau Pinang dan beribu pejabat di Pejabat PKM Kuala Lumpur. Kamarulzaman pula menjadi wakil bagi



kawasan Timur yang meliputi negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu dengan ibu pejabatnya di Bentong, Pahang. Pentadbiran Jabatan Kerja Melayu juga dibahagikan kepada tiga bahagian seperti di atas dan mereka dilantik sebagai Setiausaha bagi kawasan masing-masing.

Pengumuman tentang pembentukan Jabatan Kerja Melayu disampaikan kepada seluruh parti serentak dengan pengumuman Pelembagaan PKM pada 1946. Walaupun pembentukan Jabatan Kerja Melayu ini diumumkan, tetapi badan pimpinan dan anggotanya dirahsiakan. Yang diketua umum hanyalah tiga orang yang dianggap sebagai wakil PKM bahagian Melayu, iaitu Abdullah C.D., Rashid Maidin dan Kamarulzaman Teh.

Selepas itu, mereka bertiga menyusun Jabatan Kerja Melayu bahagian negeri di kawasan masing-masing. Perkembangan Jabatan Kerja Melayu amat menggalakkan. Menurut Abdullah C.D., sehingga menjelang Darurat pada Jun 1948, Jabatan Kerja Melayu telah berjaya menghimpunkan 254 orang anggota PKM Melayu seperti berikut:

Selangor	106 orang
Pahang	60 orang
Negeri Sembilan	30 orang
Melaka	10 orang
Perak	12 orang
Pulau Pinang	3 orang
Kedah	3 orang
Perlis	2 orang
Johor	15 orang
Terengganu	3 orang
Singapura	10 orang
(Kelantan tidak diketahui)	
 Jumlah	 254 orang

## Merancang Perjuangan Bersenjata

Selepas harta yang diadakan pada 2 Oktober 1947 tidak berjaya mengubah dasar British dari menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, pemogokan kaum buruh yang didalangi oleh PKM telah meletus di merata tempat. Berikutan dengan itu, penjajah British semakin menekan perjuangan rakyat. Ramai kaum buruh dan lain-lain telah ditangkap.

Mengikut Abdullah C.D. dalam saat yang genting itu, pada Mei 1948 Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam telah datang menemuinya di Kuala Lumpur (1998, 68). Mereka bermesyuarat untuk mengkaji situasi pada masa itu dan menetapkan rancangan perjuangan untuk menghadapi penjajah British. Dalam perbincangan selama dua hari itu mereka membuat kesimpulan bahawa perjuangan secara berperlembagaan tidak dapat diteruskan lagi. Oleh itu, satu-satunya cara yang terbuka ialah melancarkan perjuangan bersenjata. Abdullah C.D. dan Ahmad Boestamam mahu masuk ke hutan memimpin perjuangan bersenjata. Dr. Burhanuddin pula mahu melancarkan perjuangan melawan penjajah British secara bawah tanah untuk menyokong perjuangan bersenjata dengan menjadikan Singapura sebagai pusatnya. Mereka mengambil keputusan itu sebelum PKM membuat keputusan muktamad untuk melancarkan perjuangan bersenjata (Suriani Abdullah, temu ramah).

Pada masa itu Abdullah C.D. telah membuat rancangan untuk menubuhkan sebuah pasukan Melayu yang berpengkalan di Selangor dan Negeri Sembilan. Ahmad Boestamam pula mahu menubuhkan pasukan bersenjatanya sendiri dengan Tanjung Malim sebagai pusatnya. Dia menyerahkan senarai nama anak buahnya dan meminta 60 laras senjata kepada Abdullah C.D. Sayangnya tidak lama selepas itu, iaitu pada 1 Julai 1948 Ahmad Boestamam telah ditangkap. Dengan itu, hanya Abdullah C.D. yang dapat meneruskan perjuangan bersenjata itu kemudiannya (Abdullah C.D 1998, 69).

## Perhimpunan di Kem Se-Malaya

Di bawah keadaan yang semakin genting, Jabatan Kerja Melayu PKM telah menghimpunkan kader-kadernya untuk menghadiri kursus di Kem Se-Malaya yang diadakan pada akhir Mei hingga 13 Jun 1948 di kawasan hutan Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang.

Kem Se-Malaya itu dipimpin oleh Haji Hashim atau Chen Nan (nama sebenarnya Chen Kwang Chang), wakil Jawatankuasa Pusat PKM yang bertanggungjawab terhadap bahagian Melayu parti itu. Kem itu dihadiri oleh kader-kader dari ibu pejabat, Pahang dan negeri lain, yang semuanya berjumlah 36 orang. Kader dari ibu pejabat ialah Abdullah C.D., Kamarulzaman, Rashid Maidin, Musa Ahmad, Wahi Anuar, Shamsiah Fakoh dan Zainab Mahmud. Kader dari Pahang paling ramai; antaranya Nordin, Yusof Salleh (Alang Kassim), Ahmad Salleh (Abas), Idris (Haji Ramli), Ismail Lebak (Bidin), Abdul Ghani, Bakar (Adnan), Udin, Sulaiman



(Johar), Pakwa Said, Nong Ishak (Yusof Kasim), Alias (Aki), Uda, Ibrahim Chik (Kamal), Sutan, Ibrahim Taib dan Abdul Rahman (Ghazali). Kader dari negeri lain ialah Ali Ibrahim, Atom, Ali Boyok, Tahar dan Ismail dari Selangor; Osman Bakar dari Perak, Jasman dari Johor, Adnan dari Negeri Sembilan, Mokhtar dari Kedah, dan Johan yang berasal dari Indonesia (Abdullah C.D. 1998: 70).

Di Kem Se-Malaya telah diadakan pelbagai kursus yang antara kandungannya ialah masalah menyusun massa, masalah menyelesaikan bekalan makanan, masalah membentuk tentera, taktik pertempuran, cara membuat syarahan, cara mementaskan sandiwara dan lain-lain. Selain itu, diadakan pula latihan ketenteraan, seperti teknik menangkap musuh dan melepaskan diri dari tangkapan musuh, menyerang balai polis, melemparkan bom tangan, menyiasat pos musuh, latihan menggunakan isyarat malam, latihan menggunakan senjata, latihan berkawad dan lain-lain. Latihan ketenteraan itu dikendalikan oleh Hong Yi, yang kemudiannya menjadi Ketua Kompeni ke-26 dari Rejimen ke-6. Beberapa laras senjata juga telah diberikan untuk latihan dan untuk membentuk pasukan bersenjata nanti.

Selain mengadakan kursus dan latihan ketenteraan, Chen Nan juga telah mengatur strategi perang anti-British yang akan dilakukan selepas itu, iaitu dengan menekankan pembentukan pasukan bersenjata. Mengikut perancangan pada masa itu, sebuah pasukan bersenjata Melayu yang terdiri daripada tiga kompeni akan ditubuhkan, dan akan dipimpin oleh Kamarulzaman (di Temerloh), Rashid Maidin (di Jerantut) dan Abdullah C.D. (di Bera, Kuala Lipis).

Pahang dipilih menjadi kawasan operasi pasukan itu, kerana ia mempunyai sejarah yang revolusioner, kaum tani yang ramai, hutan yang luas dan organisasi massa yang kukuh. Oleh itu, pasukan induk dan kader-kader penting akan dipusatkan di Pahang, di samping mengembangkan perjuangan bersenjata ke negeri-negeri lain, seperti Perak, Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan lain-lain. Dengan adanya rancangan yang disusun oleh Chen Nan itu, maka rancangan asal Abdullah C.D untuk mendirikan pasukan bersenjata di Selangor dan Negeri Sembilan pun dibatalkan.

Setelah Kem Se-Malaya ditutup pada 13 Jun 1948, kader dari pelbagai negeri terpaksa balik ke negeri masing-masing untuk menjalankan tugas yang mendesak. Kader dari Pahang juga balik ke kawasan masing-masing untuk membuat persiapan bagi menghadapi situasi yang bergolak itu.

## Bab 5

# Darurat dan Perjuangan Kemerdekaan Secara Bersenjata

### Perubahan Dasar PKM

Setelah Darurat diisytiharkan di seluruh Malaya pada 19 Jun 1948, PKM telah diharamkan pada 23 Julai 1948. PKMM pula, walaupun hanya diharamkan dua tahun kemudian, telah lumpuh kerana penangkapan Yang Dipertuaanya, Ishak Haji Muhammad dan hampir semua pemimpin utamanya. Oleh itu, golongan nasionalis kiri Melayu, sama ada yang menjadi anggota PKM atau tidak, tidak dapat lagi meneruskan perjuangan secara berperlembagaan. Mereka terpaksa mengubah perjuangan mereka kepada perjuangan bersenjata mengikut dasar baru PKM.

Beberapa orang penulis tentang gerakan komunis di negara ini sepandapat bahawa PKM telah mengambil keputusan untuk melancarkan perjuangan bersenjata terhadap Inggeris sebelum kerajaan penjajah Inggeris mengisytiharkan Undang-undang Darurat pada pertengahan Jun 1948 lagi. Misalnya, mengikut Barber (1971, 28) antara pertengahan Mei hingga awal Jun 1948, Politburo PKM yang mengadakan mesyuarat sulit di hutan Pahang telah memutuskan untuk melancarkan perjuangan bersenjata terhadap Inggeris. Mengikut Ongkili (1984, 9) pula Politburo PKM telah membuat keputusan untuk melancarkan penentangan bersenjata dalam mesyuarat sulitnya di hutan Pahang pada awal Jun 1948. Sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya 1981, 69-70*) pula menyatakan bahawa Jawatankuasa Pusat PKM telah meluluskan keputusan tentang persiapan bagi mengadakan perjuangan bersenjata pada Mei 1948.

Keputusan PKM untuk melancarkan perjuangan bersenjata ini terutamanya dipengaruhi oleh faktor dalaman, walaupun faktor luaran mungkin ada juga peranannya (Khong Kim Hoong 1984, 135-149; Tan



Cheng Keang 1984, 27-42). Faktor dalaman yang terpenting ialah kegagalan dasar Barisan Bersatu yang dijalankan oleh PKM sebelum itu. Dengan penolakan British terhadap Perlembagaan Rakyat yang dikemukakan oleh parti-parti yang merupakan barisan hadapannya dan kegagalan PMFTU menguasai kesatuan sekerja, bererti PKM tidak lagi mempunyai peluang untuk mencapai objektifnya melalui Barisan Bersatu yang bergerak secara damai. Selain daripada itu, perubahan pucuk pimpinan PKM daripada Loi Teck yang memulakan dasar Barisan Bersatu kepada Chin Peng juga mempengaruhi perubahan dasar PKM. Satu faktor lagi ialah tindakan British yang cuba melemahkan pengaruh PKM dan bukan memberikan kuasa yang lebih atau autonomi kepada mereka kerana kerjasama yang diberikan semasa perang dahulu. Ini adalah faktor dalaman yang mendorong PKM mengambil tindakan yang militan, termasuk perjuangan bersenjata.

Faktor luaran yang banyak disebut ialah apa yang dikatakan arahan daripada Soviet Russia yang disalurkan melalui Persidangan Belia di Culcutta pada 19 Februari 1948. Arah ini sebenarnya merupakan spekulasi sahaja dan tidak dapat dibuktikan, walaupun beberapa bulan selepas itu terdapat pemberontakan yang dipimpin oleh parti Komunis di beberapa negara Asia Tenggara, seperti di Burma (Mac), Malaya (Jun) dan Indonesia (September). Bagaimanapun, mengikut McVey (1958. Dipetik dari Khong Kim Hoong 1984, 144):

...the militant tone displayed by the Culcutta conference may well have given encouragement and added prestige to the more extreme elements among the South-East Asian communist. Later, when the communists...came to realize that they had no prospects of gaining power peacefully, they could look back to the conferences' declarations as an ideological justification for their decision to try the way of violence.

Dengan itu, Khong Kim Hoong (1984, 144) menyimpulkan, *On the verge of making a policy decision towards armed revolt, the Malayan communists certainly received a big push from the political line that was prevalent at the Culcutta conferences.*

Dalam mesyuarat rahsia di hutan Pahang itu telah ditetapkan bahawa kaedah yang akan ditempuh oleh PKM untuk mencapai matlamatnya menubuhkan Republik Komunis Malaya dibahagikan kepada tiga peringkat. Pertama, tentera PKM akan ditugaskan menyerang estet, lombong bijih timah, pondok polis dan kampung yang terpencil. Langkah ini dipercayai akan memaksa penduduk kawasan itu berpindah ke kawasan

bandar supaya tempat yang dikosongkan itu direbut oleh PKM dan dijadikan ‘kawasan yang dibebaskan.’ Kedua, pasukan komunis akan dilatih di kawasan yang dibebaskan itu, yang juga dijadikan pusat pemerintahan komunis. Anggota baru tentera PKM akan diambil daripada *Min Yuen*, iaitu golongan massa yang sudah menjadi penyokong atau bersimpati terhadap PKM. Ketiga, tentera PKM yang terlatih itu akan diarahkan menuju tempat yang dikuasai British untuk membinasakan pekan, kampung dan landasan kereta api dan melakukan gerakan sabotaj yang lain. Sementara itu, *Min Yuen* pula akan membantu PKM dalam membinasakan ekonomi kapitalis dan sistem pertahanan British. Pihak PKM seterusnya akan menentang British dengan memohon bantuan daripada China dan Soviet Russia apabila diperlukan. Sekiranya British kalah, mengikut rancangan mereka, Republik Komunis Malaya akan diisyiharkan. Kaedah bertindak yang dirancangkan oleh PKM ini adalah serupa dengan taktik gerila Mao Tze-Dong di China semasa menentang Kuomintang dalam 1930-an dan 1940-an (Ongkili 1984, 9; Hanrahan 1971, 109).

Untuk melaksanakan perjuangan bersenjata itu, PKM menghimpun semula anggota MPAJA yang telah dibubarkan dan membentuk lapan rejimen tentera PKM yang dinamakan Tentera Rakyat Malaya Anti-British. Nama pasukan tentera PKM itu diubah kepada Tentera Pembelaan Nasional Malaya pada Februari 1949.

Apabila pasukan itu telah berkembang, setiap negeri mempunyai satu rejimen atau lebih. Kekuatan setiap Rejimen ialah antara 400 hingga 700 orang. Taburan pasukan itu adalah seperti berikut: Di Johor terdapat Rejimen Ke-3, Ke-4 dan Ke-9 dan di Pahang Rejimen Ke-6, Ke-7 dan Ke-10. Rejimen ke-5 di Perak ialah rejimen yang paling kuat. Seterusnya terdapat Rejimen Ke-2 di Negeri Sembilan, Rejimen pertama di Selangor dan Rejimen Ke-8 di Kedah. Di Kelantan pula terdapat Kompeni Ke-7 dari Rejimen Ke-5 (Miller 1954, 13).

Sementara itu, bahagian Melayu PKM telah mengadakan kursus dan latihan tentera untuk kader-kader Melayu mulai akhir Mei 1948, dan telah merancangkan penubuhan pasukan bersenjata Melayu yang berpusat di Pahang, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Hal ini dilakukan untuk membolehkan penubuhan sebuah rejimen khusus yang dianggotai oleh orang-orang Melayu, iaitu Rejimen Ke-10.

## Penangkapan Beramai-ramai


Setelah Darurat disyiharkan pada 19 Jun 1948, tokoh-tokoh dan anggota PKM, PKMM, API, AWAS, BATAS, Hizbul Muslimin dan lain-lain telah menjadi sasaran penangkapan beramai-ramai oleh pihak penjajah. Mereka dituduh sebagai komunis atau simpatisan komunis. Dianggarkan orang-orang Melayu yang ditangkap lebih daripada 1,000 orang (Cheah Boon Kheng 1979, 63). Antara mereka termasuklah tiga orang kader Melayu PKM yang sepatutnya memainkan peranan dalam penubuhan pasukan bersenjata Melayu, iaitu Kamarulzaman Teh, Rashid Maidin, dan Abdullah C.D..

Kamarulzaman ditangkap di Temerloh pada 20 Jun 1948 kerana dituduh memiliki senjata api, iaitu sepucuk pistol. Dia didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Bagaimanapun, dia mendapat pengampunan daripada Sultan Pahang. Dengan itu, hukuman gantung itu dipinda menjadi penjara seumur hidup, yang bererti selama 20 tahun. Kerana dia berkelakuan baik, hukuman itu dipendekkan menjadi 14 tahun dan dia dibebaskan dari penjara pada 1964.

Rashid Maidin ditangkap di Sungai Manik, Perak pada Julai 1948. Dia berpindah ke kampung itu selepas menghadiri kursus di Kem Semalaya. Tuduhan yang dikenakan ke atasnya tidak lain bahawa dia seorang komunis, kerana sebelum itu dia memang banyak berucap secara terbuka sebagai wakil PKM. Dia ditahan di penjara Taiping, Pulau Jerejak dan Tanjung Beruas, Melaka. Bagaimanapun, ketika ditahan di Tanjung Beruas dia dapat melarikan diri dari tempat tahanan itu pada 1951 dan selepas itu menggabungkan diri dengan Rejimen Ke-10 yang ketika itu beroperasi di Pahang.

Abdullah C.D. pula telah ditangkap pada 10 Julai 1948. Ketika itu, dia baharu memulakan perjuangan bersenjata di kawasan Benta, Lipis. Dia ditangkap di Ulu Dong dalam perjalannya hendak ke Temerloh atas arahan Chen Nan. Bagaimanapun, Abdullah C.D. dapat melepaskan diri dari tangkapan itu dan sampai ke Temerloh pada Oktober 1948. Dalam perjalannya dari Ulu Dong ke Temerloh yang memakan masa hampir tiga bulan itu, Abdullah C.D. telah terkena serangan askar British, termasuk terkena bom, besar dan kecil.

Bagaimanapun, dua orang kader Melayu PKM yang lain, iaitu Musa Ahmad dan Wahi Anuar dapat melepaskan diri dari tangkapan, kerana selepas menghadiri Kongres Nasional PETA di Temerloh pada akhir Mac 1948, mereka terus tinggal dan bersembunyi di Temerloh. Mereka berbuat



demikian bersama-sama dengan Shamsiah Fakeh dan Zainab Mahmud yang juga terlepas dari tangkapan pihak penjajah British. Tempat mereka bersembunyi terutamanya ialah Kampung Lubuk Kawah.

Dengan penangkapan Kamarulzaman Teh, Rashid Maidin dan Abdullah C.D., maka teraju kepemimpinan gerakan komunis Melayu, termasuk gerakan bersenjata di Temerloh khasnya dan Pahang umumnya, pada permulaannya terserah di tangan Musa Ahmad dengan Wahi Anuar sebagai penolongnya. Begitu juga tanggungjawab menubuhkan pasukan bersenjata Melayu sebagaimana yang diputuskan dalam perhimpunan mereka di Kem Se-Malaya dahulu terletaklah di atas bahu mereka.

## **Penubuhan Lasykar Rakyat**

Sebaik sahaja Undang-undang Darurat diisytiharkan dan berkuatkuasa di seluruh Malaya mulai 19 Jun 1948 dan Kamarulzaman Teh ditangkap pada 20 Jun 1948, pemimpin dan aktivis gerakan kiri di Temerloh berada dalam keadaan bimbang, kerana mereka menganggap tujuan utama undang-undang itu diwujudkan memang untuk menumpaskan gerakan kiri. Kebimbangan mereka bertambah kuat apabila pihak penjajah British menangkap pemimpin penting gerakan kiri seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Mahmud Baginda dan lain-lain beberapa hari kemudian. Mereka menjangka tangkapan itu akan meliputi semua pemimpin dan aktivis gerakan kiri; bukan pemimpin utamanya sahaja.

Kebetulan selepas Undang-undang Darurat diisytiharkan, anggota pasukan keselamatan mula memasuki kampung-kampung di Temerloh untuk mencari orang-orang yang sebelumnya melibatkan diri dengan gerakan kiri. Pada mulanya mereka memasuki kampung pada waktu malam sahaja. Akan tetapi, setelah tidak berhasil mencari dan menangkap orang-orang yang mereka kehendaki, mereka datang juga pada waktu siang.

Bagi penduduk Temerloh yang sebelumnya melibatkan diri secara aktif dengan gerakan kiri, hampir tidak ada di antara mereka yang mahu ditangkap atau menyerah diri secara mudah. Oleh itu, mereka yang merupakan bekas pemimpin gerakan kiri khasnya dengan cepat melarikan diri dari Temerloh ataupun yang lebih ramai lagi mengambil langkah menyembunyikan diri. Dalam hal ini, mereka bernasib baik, kerana pada masa itu Temerloh masih diliputi oleh hutan tebal. Dengan

menyembunyikan diri di kawasan hutan itu, terselamatlah mereka daripada tangkapan.

Mengikut Ibrahim Chik (2004), yang berjaya melepaskan diri dari tangkapan dengan menyembunyikan diri, pada mulanya dia dan kawan-kawannya bersembunyi di kawasan hutan yang berhampiran dengan kampung mereka. Mereka membuat tempat tinggal sementara, sama ada secara perseorangan atau berkongsi dua tiga orang dan tidur di situ pada waktu malam. Pada waktu siang mereka balik ke rumah untuk bekerja di bendang atau duduk berbincang tentang hal ehwal semasa di kantin API/PETA sebagaimana yang mereka lakukan sebelumnya.

Apabila pasukan keselamatan semakin kerap datang ke kampung mereka, termasuk pada waktu siang, mereka berundur semakin jauh ke dalam hutan. Mereka membuat khemah dan tinggal secara berkelompok. Mereka juga mula berkawal siang malam dan menentukan keluar masuk ke tempat itu mesti mengikut peraturan tertentu. Walaupun mereka keluar juga dari tempat itu dari semasa ke semasa, tetapi orang lelaki khasnya lebih banyak tinggal di kawasan hutan itu, sama ada malam ataupun siang.

Pada peringkat awalnya tujuan mereka masuk ke hutan hanya untuk menyembunyikan diri. Namun, kira-kira akhir Julai atau awal Ogos 1948, semua bekas pemimpin API/PETA dan BATAS dari daerah Temerloh yang sebelumnya mengikuti kursus di Kem Se-Malaya telah diarahkan oleh Musa Ahmad supaya berkumpul di sebuah rumah yang menjadi tempat persembunyiannya di Lubuk Kawah. Dalam pertemuan itu, Musa Ahmad menerangkan satu perkara yang umumnya mereka sendiri telah menyedarinya, iaitu mereka telah dipaksa oleh keadaan untuk berjuang secara bersenjata, oleh sebab perjuangan secara damai sudah tidak dapat diteruskan lagi. Dalam perjuangan bersenjata itu pula mereka perlu bekerjasama dengan PKM, kerana pasukan bersenjata PKM (bekas ahli MPAJA) bukan sahaja mempunyai senjata, tetapi juga telah berpengalaman dalam perjuangan bersenjata dalam zaman pendudukan Jepun.

Selepas perjumpaan dengan Musa Ahmad di Lubuk Kawah itu, beberapa orang bekas pemimpin gerakan kiri di Temerloh, seperti Yusof Salleh (Alang Kasim) bekas Ketua API/PETA, Ahmad Salleh (bekas Ketua BATAS) dan Ibrahim Chik (bekas Ketua Penerangan API/PETA) mula melancarkan kempen penerangan atau propaganda di kampung-kampung di sekitar Temerloh untuk menggerakkan orang ramai supaya menyertai perjuangan bersenjata.

Mengikut Ibrahim Chik (2004), antara perkara yang ditekankannya dalam kempen penerangannya adalah bahawa tindakan pihak penjajah yang mengharamkan parti-parti kiri dan menangkap pemimpin dan aktivis gerakan kiri tidak memungkinkan lagi mereka berjuang secara damai. Mereka tidak ada pilihan lain, selain daripada berjuang secara keras pula. Dengan perkataan lain, masanya telah sampai untuk mereka berjuang secara bersenjata, walaupun terpaksa berganding bahu dengan PKM.

Tidak lama kemudian, kira-kira pertengahan Ogos 1948 satu mesyuarat lagi diadakan oleh Musa Ahmad di Lubuk Kawah. Tujuan mesyuarat itu ialah untuk melantik Jawatankuasa Kawasan, iaitu pimpinan peringkat rendah dalam organisasi PKM. Mereka terutamanya dilantik dari kalangan orang-orang yang telah menjadi ahli PKM. Sulaiman Kadi Ahmad, Abdul Rahman Md. Nor dan Abu Bakar Yusof dilantik sebagai jawatankuasa yang akan bergerak di sebelah timur Temerloh. Ahmad Salleh, Yusof Salleh, Haji Ismail dan Ismail Lebak pula dilantik sebagai jawatankuasa yang akan bergerak di sebelah selatan bandar Temerloh. Bagi kawasan di sebelah barat bandar Temerloh, mereka yang dilantik sebagai jawatankuasa ialah Budin Choh, Jamil Mat Elan dan Ibrahim Chik.

Selepas itu terbentuklah *lasykar rakyat* dan *tentera tani* di kampung-kampung yang penduduknya menyertai perjuangan bersenjata. Lasykar rakyat umurnya terdiri daripada orang-orang muda yang akan dipilih menganggotai pasukan bersenjata Melayu. Tentera tani pula terdiri daripada orang yang lebih tua, yang akan dijadikan pekerja massa dan tidak menjadi anggota pasukan tentera tersebut. Antara kampung yang terawal menubuhkan laisykar rakyat dan tentera tani ialah Teluk Mengkuang, Batu Lima dan Lubuk Kawah. Pada akhir Ogos 1948 sebahagian daripada laisykar rakyat telah meninggalkan rumah masing-masing lalu tinggal di perkhemahan yang mereka bina di dalam hutan.

Sementara itu, orang-orang yang bertugas di bahagian penerangan seperti Ibrahim Chik dan kawan-kawannya terus berkunjung ke kampung-kampung yang diletakkan di bawah jagaan mereka untuk menggerakkan dan menyusun rakyat desa. Di kampung-kampung itu mereka biasanya memberi penerangan melalui rapat umum. Selepas itu tertubuhlah laisykar rakyat dan tentera tani di kampung berkenaan.

Dalam hubungan ini, sekurang-kurangnya ada tiga faktor utama mengapa penduduk Temerloh mudah melibatkan diri dengan perjuangan bersenjata. Pertama, tradisi perjuangan secara bersenjata memang sedia wujud di Temerloh, khasnya sejak kemunculan gerakan penentangan

terhadap campur tangan Inggeris yang dipelopori oleh Datuk Bahaman dan pembesar yang lain. Oleh itu, mereka dapat diyakinkan oleh pemimpin-pemimpin perjuangan bersenjata itu, bahawa penyertaan mereka dalam perjuangan itu pada asasnya merupakan penerusan terhadap perjuangan yang belum selesai yang dipelopori oleh pemimpin tradisional itu. Apakah lagi sebahagian daripada mereka adalah pangkat cucu atau cucu saudara kepada pemimpin tersebut. Kedua, mereka yang pernah berjuang dalam API khasnya memang telah dipersiapkan dari segi mental supaya sanggup berjuang secara bersenjata, kerana sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, API bukan sahaja badan politik, malah badan separuh tentera. Slogan perjuangan API, iaitu ‘merdeka dengan darah’ dan pemakaian pakaian seragam serta latihan berkawad ala tentera yang dikenakan terhadap anggota API, sama ada secara langsung atau tidak, telah mengorientasikan mereka ke arah perjuangan bersenjata. Ketiga, pada masa itu pasukan tentera PKM yang terdiri daripada bekas anggota MPAJA, yang umumnya terdiri daripada orang-orang Cina, sudah mula melancarkan perjuangan bersenjata terhadap Inggeris. Oleh itu, mereka bukan berjuang bersendirian, tetapi sebaliknya akan berganding bahu dengan pasukan Cina, tentera PKM itu.

## *Penubuhan Pasukan Asas*

Lebih kurang pada masa yang sama, Haji Hashim atau Chen Nan, ahli Jawatankuasa Pusat PKM yang bertanggungjawab terhadap bahagian Melayu PKM turut membantu penubuhan pasukan asas yang terdiri daripada orang-orang Melayu. Pada masa itu Haji Hashim memimpin Kompeni Ke-26 Rejimen Ke-6 tentara PKM (MPABA) yang berpengkalan di Kerdau, Temerloh.

Pasukan asas itu terutamanya terdiri daripada orang-orang yang pernah mengikuti kursus di Kem Se-Malaya dahulu. Ketuanya ialah Ahmad Salleh dan adik iparnya Yusof Salleh (Yusof Salleh berkahwin dengan Maimunah, adik Ahmad Salleh). Pasukan asas tentera Melayu itu seramai 17 orang dan kemudiannya diberikan jolokan oleh Abdullah C.D. (1998) sebagai Kumpulan 17.

Setelah pasukan asas terbentuk, Haji Hashim telah membawa mereka ke Kerdau untuk menjalankan operasi bersama-sama dengan Kompeni Ke-26 Rejimen Ke-6 yang semua anggotanya terdiri daripada orang Cina.

Tujuannya ialah untuk memberi mereka peluang berlatih dan mendapat pengalaman dalam pertempuran.

Pada Ogos 1948 pasukan khas atau pasukan asas itu telah ditugaskan untuk menyerang hendap sebuah jeep musuh di jalan raya Maran-Temerloh. Ini merupakan pertempuran pertama yang mereka alami. Mereka telah berjaya membunuh seorang musuh di dalam jeep itu dan merampas senjatanya. Kejayaan mereka melakukan serang hendap itu telah memberi keyakinan kepada mereka untuk melakukan pertempuran yang seterusnya.

Sementara itu, sebahagian daripada kader dan anggota pasukan asas itu telah dihantar ke beberapa buah mukim dan kampung di Temerloh untuk menyusun massa dan mendirikan lasykar rakyat atau tentera tani tempatan. Ini mempercepat penubuhan lasykar rakyat dan tentera tani di mukim dan kampung berkenaan.

Pada Oktober 1945, Abdullah C.D. sampai ke Temerloh dari Ulu Dong atas arahan Chen Nan, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Tidak dapat dipastikan mengapa Abdullah C.D. diarahkan oleh Chen Nan datang ke Temerloh. Akan tetapi, diduga adalah kerana Musa Ahmad dan Wahi Anuar yang ketika itu berada di Temerloh (di Lubuk Kawah) bukan saja tidak berpengalaman untuk memimpin perjuangan bersenjata, malah tidak mempunyai keberanian yang mencukupi untuk memikul tugas itu dengan serta merta. Oleh itu, apabila Abdullah C.D. sampai ke Temerloh, dia lah yang memimpin pasukan tentera asas itu melakukan serangan ke atas pihak musuh, walaupun masih di bawah penyelarasan Chen Nan dan disertai oleh Kompeni ke-26 (Abdullah C.D. 1998, 79).

Abdullah C.D. jelas mempunyai watak yang berbeza daripada Musa Ahmad dan Wahi Anuar. Dia bukan sahaja lebih komited, malah lebih berani dan lebih bersemangat untuk melancarkan serangan ke atas pihak musuh. Oleh itu, setelah berada di Temerloh, dia dengan cepat membawa pasukan asas tentera Melayu itu melakukan serangan terhadap pos musuh, yang kebanyakannya berada dalam estet.

Serangan yang dilakukan oleh Abdullah C.D. ke atas pos musuh bersama pasukan asas dan Kompeni Ke-26 ini hampir semuanya mencapai kejayaan, khasnya dari segi merampas senjata dan peluru. Berita kejayaan serangan pasukan tentera yang dipimpin oleh Abdullah C.D. ini telah mendorong lebih ramai lagi penduduk Temerloh tampil menyertai lasykar rakyat.

## Penubuhan Rejimen Ke-10

Pada awal 1949 pasukan lisykar rakyat yang berada di kawasan Kerdau (di bawah pimpinan Abdullah C.D.) dan yang berada di Lubuk Kawah, Paya Luas dan Kuala Krau (di bawah pimpinan Musa Ahmad dan Wahi Anuar) sudah terbentuk menjadi tiga platun dan sudah boleh menjadi asas sebuah rejimen. Kebetulan pada Februari 1949 pasukan tentera PKM sudah pun dirasmikan menjadi Tentera Pembebasan Nasional Malaya (TPNM). Oleh itu, atas arahan Chin Peng, pada 21 Mei 1949, dirasmikanlah lisykar rakyat itu menjadi Rejimen ke-10 TPNM yang semua anggotanya terdiri daripada orang-orang Melayu. Jumlah mereka masa itu dianggarkan kira-kira 500 orang (Aloysius Chin 1995, 33-34).

Perasmian itu dilakukan oleh Chen Nan, selaku wakil Markas Agung dan Jawatankuasa Pusat PKM, bertempat di Kerdau, dalam daerah Temerloh. Majlis perasmian itu dihadiri oleh ketiga-tiga platun lisykar rakyat yang dinaikkan tarafnya menjadi TPNM itu, satu Kompeni tentera dari Rejimen Ke-6 dan kader-kader PKM yang memimpin lisykar rakyat itu, iaitu Abdullah C.D., Musa Ahmad dan Wahi Anuar. Sempena dengan perasmian Rejimen Ke-10 dilantiklah pegawai-pegawaiannya, iaitu Abdullah C.D. sebagai Komisaris Politik, Wahi Anuar sebagai Komander dan Musa Ahmad sebagai Pegawai Politik (Abdullah C.D 1998, 87).

Tentang nama rejimen itu, iaitu Rejimen Ke-10, pada masa ini sekurang-kurangnya ada dua penjelasan. Mengikut Abdullah C.D , rejimen itu diberi nama Rejimen Ke-10, kerana pada masa itu TPNM sudah ada sembilan rejimen. Jadi wajarlah rejimen Melayu itu diberi nama Rejimen Ke-10 (Abdullah C.D. 1998, 87). Mengikut Musa Ahmad, rejimen itu diberi nama Rejimen Ke-10 kerana ia ditubuhkan pada Hari Raya Haji, iaitu 10 Zulhijah (Jaafar 1989, 160). Dalam hal ini, Aloysius Chin (1995, 33) nampaknya lebih bersetuju dengan penjelasan Musa Ahmad. Mengikut Aloysius Chin (1995, 33) Chin Peng bersetuju rejimen itu dinamakan Rejimen Ke-10, kerana nama itu ada konotasi agama dan boleh menarik orang Melayu supaya menyertainya. Tarikh 10 Zulhijah bertepatan dengan sambutan Hari Raya Haji yang bagi orang Islam melambangkan pengorbanan dan dedikasi untuk kebaikan.

Setelah Rejimen Ke-10 tertubuh secara rasmi, Abdullah C.D. selaku Komisaris Politik telah menyusun semula pasukan tentera Melayu itu menjadi empat platun. Bagi setiap platun dilantik ketua dan naib ketua masing-masing. Platun 1 diketuai oleh Ahmad Hasan (Mat Jelita) dan naibnya Mohd. Amin Yaakub. Kedua-duanya dari Busut Jin (Batu 3,

Jalan Temerloh-Mentakab). Platon 2 diketuai oleh Ahmad Salleh (Abas) dari Buntut Pulau dan naibnya Johan (Ibrahim Taib) yang berasal dari Sumatera. Ketua Platon 3 ialah Hasan dari Kampung Tualang, sementara naibnya Ismail dari Kampung Lebak. Kedua-duanya bekas askar Melayu. Platon 4 pula diketuai oleh Yusof Salleh (Alang Kassim) dan naibnya Idris. Kedua-duanya dari Kampung Buntut Pulau.

Anggota setiap platon itu telah diberi latihan asas ketenteraan. Latihan ketenteraan itu dijalankan oleh Hasan, ketua Platon 3 yang juga dilantik menjadi salah seorang jurulatih tentera Rejimen Ke-10.

Satu perkembangan dari segi organisasi ketenteraan selepas penubuhan Rejimen Ke-10 itu ialah penubuhan satu kompeni (dinamakan Kompeni A) berdasarkan empat platon tentera yang telah ada itu. Dengan penubuhan Kompeni A ini, maka Ahmad Salleh, Ketua Platon 2 dinaikkan pangkat menjadi Ketua Kompeni dan memakai pangkat Kapten. Sejak itu ia dikenali dengan nama samaran Kapten Abas. Tempat beliau sebagai Ketua Platon 2 diambilalih oleh Johan (Ibrahim Taib) yang sebelumnya menjadi naib ketua platon itu.

Tidak lama selepas itu ditubuhkan pula Platon 5 sebagai tambahan kepada empat platon yang sedia ada. Platon 5 ditubuhkan di Kampung Lubuk Kawah. Platon itu diketuai oleh Abdul Rahman Md. Nor dan naibnya Udin Hassan, yang kedua-duanya berasal dari Kampung Lubuk Kawah juga.

Bagaimanapun, tentang susunan kepemimpinan dan peranan mereka dalam Rejimen Ke-10, maklumat yang dikumpulkan oleh Aloysius Chin (1995) ada perbezaan sedikit sebanyak dengan apa yang telah dinyatakan di atas. Sebagai perbandingan di sini diturunkan apa yang dinyatakan oleh Aloysius Chin (1995, 34), iaitu:

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| 1. Abdullah C.D.      | Komander/Komisaris Politik                   |
| 2. Wahi Anuar         | Timbalan Komander                            |
| 3. Musa Ahmad         | Pegawai Politik/Pegawai Yang Menjaga Bekalan |
| 4. Ahmad Cikgu Salleh | Komander Ibu Pejabat Kompeni                 |
| 5. Abu Samah          | Pegawai Politik Ibu Pejabat Kompeni          |
| 6. Mat Jelita         | Komander Platon 1                            |
| 7. Mohd. Amin         | Penolong Komander Platon 1                   |
| 8. Ibrahim            | Pegawai Politik Platon 2                     |
| 9. Manaf Jepun        | Komander Platon 2                            |
| 10. Abdul Latif       | Penolong Komander Platon 2                   |
| 11. Johan (Cina)      | Pegawai Politik Platon 2                     |



12. Asmara	Komander Platun 3
13. Rokas	Penolong Komander Platun 3
14. Ibrahim Mohamed	Pegawai Politik Platun 3
15. Idris Majid	Komander Platun 4
16. Ahmad Razali	Penolong Komander Platun 4
17. Dahaman	Pegawai Politik Platun 4
18. Hasan	Komander Platun 5
19. Udin	Penolong Komander Platun 5
20. Sulaiman Johar	Pegawai Politik Platun 5
21. Zainab Mahmud	Ketua Seksyen Wanita

Setelah Rejimen Ke-10 mempunyai lima platun, maka mana-mana kelompok tentera Melayu dari rejimen lain telah dimasukkan ke dalam rejimen tersebut. Dengan itu, antara Mei 1949 hingga Rejimen Ke-10 disusun semula pada 1951. Rejimen itu merupakan rejimen khas untuk TPNM Melayu.

## Perjuangan Bersenjata Tahap Pertama (1948-49)

Perjuangan bersenjata tahap pertama ini bermula kira-kira awal November 1948 dan berlangsung hingga akhir 1949 dan boleh dibahagi lagi kepada dua period: sebelum penubuhan Rejimen Ke-10 dan selepas penubuhan Rejimen Ke-10.

Sebelum Rejimen Ke-10 ditubuhkan pada 21 Mei 1949, pasukan tentera Melayu yang telah tertubuh di Temerloh masih bertaraf lasykar rakyat dan belum dirasmikan sebagai sebahagian daripada TPNM. Bagaimanapun, sebagaimana yang dinyatakan di atas, sekurang-kurangnya satu platun daripada lasykar rakyat itu, yang dinamakan ‘pasukan asas’ telah berlatih menyertai perperangan gerila dengan cara bergabung dengan satu platun daripada Kompeni 26 Rejimen Ke-6 yang dipimpin oleh Chen Nan (Haji Hashim).

Dalam period pertama ini, pasukan asas tentera Melayu telah melancarkan serangan dengan bilangan anggota dan senjata yang masih terhad. Sebahagian daripada mereka pernah menjalani latihan asas ketenteraan di Kem Se-Malaya, tetapi sebahagian lagi hanya menjalani latihan asas ketenteraan itu setelah mereka menyertai perperangan gerila.

Golongan yang kedua ini menjalani latihan asas ketenteraan pada masa-masa tertentu, ketika mereka tidak melakukan serangan.

Dalam period pertama ini juga peranan Abdullah C.D. sebagai pemimpin yang mengetuai pasukan tentera Melayu dalam melakukan pelbagai serangan itu jelas lebih menonjol daripada kader PKM Melayu yang lain, seperti Musa Ahmad dan Wahi Anuar.

Setelah penubuhan Rejimen Ke-10 dirasmikan, maka bererti status tentera Melayu yang menyertai rejimen itu telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada TPNM. Dalam period kedua ini bukan sahaja jumlah mereka telah ramai (daripada tiga platoon menjadi lima platoon), malah senjata mereka telah bertambah banyak sebagai hasil kejayaan mereka merampas senjata pasukan keselamatan dalam peperangan period pertama.

Dalam period kedua ini Abdullah C.D., Musa Ahmad dan Wahi Anuar terus memainkan peranan sebagai pemimpin utama, iaitu Abdullah C.D. sebagai komisaris, Musa Ahmad sebagai pegawai politik dan Wahi Anuar sebagai komander, walaupun dalam period pertama dahulu peranan Musa Ahmad dan Wahi Anuar tidaklah begitu menonjol.

Dalam perjuangan bersenjata tahap pertama ini, pasukan tentera Melayu pada asasnya telah memainkan peranan sebagai pihak yang menyerang. Sebaliknya pihak musuh mereka, iaitu pasukan keselamatan yang tidak menduga atau belum bersedia menghadapi serangan itu terpaksa berada dalam kedudukan bertahanan. Oleh itu, pasukan tentera Melayu selalu mencapai kejayaan, walaupun pada period pertama jumlah mereka tidak begitu ramai.

Misalnya, pada 7 November 1948 pasukan tentera asas Melayu bersama-sama dengan satu platoon daripada Rejimen Ke-6 telah menyerang pos pasukan keselamatan di Estet Tekal. Serangan ini di bawah arahan Abdullah C.D. dan dianggap mencapai kejayaan besar. Setelah bertempur selama kira-kira tiga jam, pengurus estet dan seorang tentera Inggeris telah dapat dibunuh, sementara pasukan polis khas yang menjaga estet itu telah menyerah diri. Pasukan tentera yang dipimpin oleh Abdullah C.D. telah dapat merampas 21 pucuk senjata dan sejumlah besar peluru. Di samping itu, mereka juga telah membakar kilang getah, setor ubat dan enam buah lori milik estet tersebut.

Pasukan polis dan tentera kerajaan datang secara tergesa-gesa untuk mencari mereka di kawasan hutan berhampiran. Akan tetapi, ketika itu mereka telah bergerak ke utara dan dapat mengelakkan diri daripada bertembung dengan pasukan keselamatan (Suriani 1999, 37-38).



Kejayaan serangan ke atas Estet Tekal itu telah memberi dorongan kepada Abdullah C.D. dan pasukan tentera asas Melayu untuk melancarkan serangan yang berikutnya. Oleh itu, pada 15 November 1948 Abdullah C.D. telah membawa pasukan tentera itu menyerang sebuah estet lain di utara Estet Tekal, iaitu Estet Gong. Dengan perancangan yang rapi dan dengan bantuan daripada beberapa orang buruh estet tersebut, pasukan tentera asas Melayu yang dipimpin oleh Abdullah C.D. telah dapat mengepung estet tersebut dan memutuskan hubungannya dengan pihak luar. Dalam keadaan demikian, pasukan pengawal keselamatan di estet itu tidak melawan dan pasukan tentera asas Melayu dapat merampas sembilan laras raifel dan sejumlah peluru serta sejumlah bekalan dan barang-barang lain. Setelah itu pasukan tentera asas Melayu balik ke pengkalan mereka di Kerdau. Mereka selamat dari buruan pasukan polis dan tentera kerajaan yang datang mencari mereka di kawasan hutan di sekitar estet tersebut (Suriani 1999, 38).

Dalam period kedua, iaitu setelah penubuhan Rejimen Ke-10, mereka telah mencapai kemenangan besar sekurang-kurangnya dalam dua pertempuran, iaitu pertempuran di Bukit Cempedak dan pertempuran di Jalan Chenor.

Pertempuran di Bukit Chempedak berlaku sehari selepas Kompeni A (gabungan semua platon dalam Rejimen Ke-10) mengadakan sambutan ulang tahun kedua BATAS pada 7 Julai 1949. Pada malam tersebut, mereka mengadakan rapat umum yang dihadiri oleh lebih 700 orang penduduk kampung di Bukit Chempedak. Rapat umum itu diisi dengan ucapan oleh Johan, wakil Kompeni A dan pertunjukan tarian serta acara kesenian yang lain dan berlangsung hingga ke pagi. Pada keesokan harinya, setelah Kompeni A pulang ke kem mereka, tanpa diduga pasukan tentera kerajaan telah datang menyerang mereka mengikut jalan yang mereka lalui dan jalan itu belum sempat ditutup.

Pada kesempatan itu, ada penduduk kampung yang sempat memberitahu mereka tentang kedatangan tentera kerajaan. Oleh itu, Abdullah C.D. mengarahkan satu seksyen pengawal yang membawa brengku supaya menghadapi pasukan tentera kerajaan itu di luar kem mereka. Setelah berlaku pertempuran selama kira-kira 20 minit, pasukan tentera kerajaan terus mara untuk menawan kem. Keadaan ini memaksa Abdullah C.D. mengubah taktik pertempuran: mereka berundur dahulu, dan akan menyerang balas kemudian. Setelah pasukan tentera kerajaan memasuki kem mereka, satu platon yang dipandu oleh Abdullah C.D. sendiri telah menyerang pasukan tentera kerajaan itu, sementara kumpulan tentera

pembebasan yang dipimpin oleh ketua-ketua platun melakukan serangan hendap di jalan yang dilalui oleh pasukan tentera kerajaan ketika pasukan tentera kerajaan berundur. Serangan balas secara mengejut itu menyebabkan pasukan tentera kerajaan menjadi panik dan kelam-kabut lalu bertaburan melarikan diri tanpa mengikut jalan yang sedia ada di kawasan itu. Dalam pertempuran itu Kompeni A telah mencapai kemenangan dan berjaya membunuh 14 orang anggota pasukan tentera kerajaan.

Kemenangan di Bukit Chempedak itu telah membakar semangat penduduk kampung di Temerloh yang memang hendak berjuang menentang penjajah. Berikutan dengan itu, semakin ramai anak-anak muda Melayu, lelaki dan perempuan, yang menyertai pasukan tentera pembebasan sehingga Rejimen ke-10 terus berkembang dan mempunyai kira-kira 400 orang anggota (Suriani 1999, 51).

Pertempuran Jalan Chenor pula berlaku pada 5 Ogos 1949. Dalam pertempuran ini tiga platun tentera dari Kompeni A yang di bawah arahan Abdullah C.D. telah menyerang hendap satu platun *jungle squad* yang sedang dalam perjalanan ke Paya Pasir, Chenor untuk mendirikan pos bagi melawan pasukan tentera pembebasan. Tentera pembebasan menghendap di lereng bukit di Batu 11, Jalan Chenor setelah mendapat maklumat tentang kedatangan pasukan *jungle squad* tersebut. Setelah bertempur lebih daripada dua jam, pertempuran berakhir dengan kemenangan pasukan tentera pembebasan. Seramai 11 orang polis terbunuh, 17 orang ditawan (14 orang daripadanya cedera), sementara 22 pucuk senjata, termasuk 10 pucuk brengun, 4 pucuk stengun, 2 pucuk pistol dan lebih 5,000 butir peluru serta sejumlah uniform dan alat tentera kerajaan telah mereka rampas (Suriani 1999, 54).

Selain dua pertempuran yang tersebut di atas, pada 30 September 1949 seramai 200 orang tentera dari Kompeni A telah bertempur dengan dua platun tentera kerajaan di Bukit Kuin. Ketika itu mereka baru keluar dari kem dan dalam perjalanan ke Lebak yang terletak di selatan Temerloh. Tiba-tiba mereka diserang oleh tentera British ketika berehat di sebuah kebun getah. Mereka melancarkan serangan balas yang sengit ke atas tentera British itu setelah anggota tentera pembebasan yang sedang berkawal cedera parah terkena tembakan tentera British. Pertempuran berlangsung selama kira-kira setengah jam. Mereka dapat membunuh atau mencederakan 14 orang tentera British, sebelum tentera British itu melarikan diri (Suriani 1999, 55).



Selain pertempuran-pertempuran yang dinyatakan di atas, yang secara langsung di bawah arahan Abdullah C.D., banyak lagi pertempuran yang melibatkan tentera asas dan tentera pembebasan dalam perjuangan bersenjata tahap awal ini, termasuk yang dipimpin oleh orang-orang lain. Antaranya termasuklah pertempuran di kawasan Ulu Cheka, Jerantut pada 18 Disember 1948; di Jalan Maran-Temerloh pada awal 1949; dan di Kampung Tanjung Batu pada Mac 1949. Pertempuran juga berlaku pada tarikh berikut: Jun 1949 (di Kampung Bangau), November 1949 (di Jalan Jerantut-Benta) dan Disember 1949 (di Kampung Gong). Mengikut Suriani (1999, 67-70) dalam semua pertempuran itu pasukan tentera pembebasan telah mencapai kemenangan: mereka dapat membunuh atau mencederakan pasukan tentera kerajaan dengan kerugian yang minimum di pihak mereka.

Perjuangan bersenjata tahap pertama ini sampai ke kemuncaknya pada November 1949 (atau awal 1950 mengikut Aloysius Chin 1995, 35) apabila Kompeni A yang membuat perkhemahan sementara di Padang Piul, Jerantut di serang oleh satu pasukan tentera kerajaan. Kebetulan ketika itu musim hujan dan mereka telah kehabisan makanan. Abdullah C.D. dan Platun Satu telah bergerak ke arah Jerantut di sebelah utaranya untuk mencari makanan. Apabila diserang oleh pasukan keselamatan, Musa Ahmad dan Wahi Anuar yang mengetuai tentera pembebasan yang masih tinggal di tempat itu bukan mengarahkan mereka supaya menyerang balas, tetapi sebaliknya mengarahkan mereka berundur secara tergopoh gapah. Dalam saat yang genting itu Musa Ahmad dan Wahi Anuar juga telah terpecah. Musa Ahmad membawa satu platun tentera menuju ladang ubi kayu di Estet Tong Kiat dan bersembunyi di sana. Wahi Anuar dengan sejumlah tentera pula pergi ke Jerantut dan mendapat bantuan daripada kawan-kawan Cina di sana. Tetapi tidak lama selepas itu, Wahi Anuar telah menyerah diri. Ada maklumat terkini yang menyatakan bahawa Wahi Anuar telah tertangkap dan bukan menyerah diri. Namun yang pasti ialah selepas itu Wahi Anuar telah ditahan oleh kerajaan dalam masa yang panjang.

Kebanyakan anggota pasukan tentera pembebasan pula telah mengambil keputusan mengikut pertimbangan mereka sendiri, sama ada menyerah diri atau pulang ke kampung masing-masing di sekitar bandar Temerloh. Antara yang balik ke kampung ialah Ahmad Salleh (Kapten Abas) yang pernah menjadi ketua Kompeni A. Bagaimanapun, ketika pangkatnya sebagai kapten telah dilucutkan, kerana dia dikatakan telah melakukan kesalahan, iaitu melanggar disiplin parti sebelum itu.

## Perjuangan Bersenjata Tahap Kedua (1950-53)

Sungguhpun Peristiwa Padang Piul tidak menghancurkan Rejimen Ke-10, tetapi peristiwa itu memang mendatangkan kerugian besar kepada rejimen tersebut. Mengikut Suriani (1999, 61) selepas berlaku peristiwa itu hampir 100 orang tentera meninggalkan pasukan dan balik ke kampung masing-masing di Temerloh. Sebaliknya, mengikut dakwaan Musa Ahmad (Sabda dan Wahba 1981, 195) sebagai akibat dari serangan pasukan tentera kerajaan itu, lebih 75 peratus daripada anggota pasukan tentera pembebasan telah lari atau menyerah diri secara beramai-ramai kepada pihak berkuasa di Mentakab. Aloysius Chin (1995, 36) pula menganggarkan anggota pasukan tentera pembebasan yang menyerah diri kira-kira 150 hingga 200 orang.

Walaupun antara tiga kenyataan ini sukar dipastikan mana yang lebih tepat, tetapi yang jelas selepas peristiwa itu anggota Rejimen Ke-10 telah berkurangan. Oleh itu, kedudukan Rejimen Melayu tentera pembebasan itu telah berubah daripada sebuah pasukan tentera gerila yang agak besar kepada sebuah pasukan tentera yang agak kecil. Sebaliknya, di pihak pasukan keselamatan atau tentera kerajaan, bilangan polis dan askar yang sedia ada telah ditambah, dan sejumlah besar anggota pasukan keselamatan telah digunakan untuk menyerang dan menghapuskan tentera pembebasan.

Dengan demikian, selepas Peristiwa Padang Piul itu Rejimen Ke-10 tidak lagi berada dalam kedudukan menyerang dan pasukan keselamatan berada dalam kedudukan bertahan sebagaimana keadaan sebelumnya, tetapi sebaliknya kedua-dua pihak berada dalam kedudukan saling menyerang, jika mereka memperoleh kesempatan.

Selepas Peristiwa Padang Piul itu Abdullah C.D. dan Platun 1 meninggalkan Jerantut lalu bertolak ke Temerloh dengan bantuan Chen Nan (Haji Hashim) dan Kompeni Ke-26. Semasa dalam perjalanan mereka terlibat dengan beberapa pertempuran dengan pasukan keselamatan, tetapi mereka selamat sampai ke Temerloh.

Setelah sampai di Temerloh, mereka menghubungi dan mengumpulkan semula kawan-kawan mereka yang tidak menyerah diri, yang bercempera selepas Peristiwa Padang Piul. Begitu juga pasukan yang dibawa oleh Musa Ahmad ke Tong Kiat telah dapat dihubungi dan diselamatkan.

Selepas itu, Rejimen Ke-10 mengadakan penyusunan semula. Abdullah C.D. mengambil alih jawatan komander yang kosong setelah Wahi Anuar menyerah diri, di samping terus memegang jawatan komisaris politik. Musa Ahmad pula terus menjadi pegawai politik. Tentang kedudukan platoon-platoon pula, Platoon 1 diarahkan beroperasi di kawasan Jerantut, manakala Platoon 3 tetap di Benta. Platoon 5 yang anggotanya ramai yang menyerah diri disusun semula dengan pengambilan anggota baru dari kalangan lasykar rakyat dan ditetapkan beroperasi di kawasan Pahang Timur. Platoon 2 dan Platoon 4 disusun menjadi pasukan kerja bersenjata untuk menyusun massa.

Selepas penyusunan semula, Rejimen Ke-10 meneruskan aktiviti mereka dengan melancarkan serangan baru terhadap pihak pasukan keselamatan, termasuk pos pasukan keselamatan, apabila sahaja mendapat peluang.

Misalnya, pada Mac 1950 mereka melakukan serang hendap ke atas satu seksyen pasukan keselamatan yang sedang menjalankan rondaan di Jalan Maran. Sebulan kemudian, iaitu pada April 1950, mereka menyerang hendap pasukan keselamatan yang sedang meronda dengan menaiki motobot di Batu Bor, Temerloh. Dalam kedua-dua pertempuran itu mereka telah dapat membunuh beberapa orang anggota pasukan keselamatan (Suriani 1999, 71).

Pada 20 Jun 1950 mereka menyerang balai polis dan membasmu ‘hantu musuh’ di Kampung Bangau yang ketika itu merupakan ‘kampung berkurung’ dan tempat pemindahan penduduk dari kampung-kampung yang berdekatan dengan bandar Temerloh. Apabila tentera kerajaan datang dengan motobot dari Temerloh, mereka juga telah menembak motobot tersebut.

Pertempuran lain berlaku di Kampung Kerut pada 1 Julai 1950. Mereka melakukan serangan kilat terhadap pos pasukan keselamatan dan berjaya memaksa pasukan keselamatan menyerahkan senjata. Dalam pertempuran itu mereka dapat merampas 10 pucuk senapang.

Dalam November dan Disember 1950 pula pasukan tentera pembebasan yang bergerak di Pahang Selatan menduduki tiga pos musuh di Kampung Bohor, Kertau dan Batu Bor dan bertempur dengan pasukan keselamatan yang menyerang kem mereka di kawasan tersebut.

Selain daripada pertempuran yang berlaku di Temerloh, sepanjang 1950 pasukan tentera pembebasan juga terlibat dalam pertempuran dengan pasukan keselamatan di Pahang Utara dan Pahang Timur. Begitu juga sepanjang 1951 dan 1952 pasukan tentera pembebasan masih mampu

meneruskan serangan ke atas pasukan keselamatan atau membalas balik apabila diserang di kawasan Pahang Utara dan Pahang Timur.

Suriani (1999) mendakwa bahawa dalam semua pertempuran antara 1950 hingga 1953 pihak tentera pembebasan selalu mencapai kemenangan, sama ada dapat membunuh anggota pasukan keselamatan atau merampas senjata mereka, atau kedua-duanya sekali. Pasukan tentera pembebasan juga ada yang terbunuh atau cedera dalam pertempuran tersebut.

Satu lagi fakta penting ialah perang gerila yang dilancarkan oleh pasukan tentera pembebasan bukan saja tidak dapat mengalahkan pihak penjajah Inggeris, malahan telah mendorong pihak penjajah Inggeris mengambil tindakan yang lebih tegas untuk menumpaskan gerakan mereka.

Pada 1953 pasukan keselamatan telah menjalankan operasi besar-besaran yang melibatkan semua unitnya di Pahang. Operasi ini memusnahkan organisasi PKM di negeri tersebut, hingga memaksa Chin Peng serta Jawatankuasa Pusat PKM berundur dari Mentakab menuju ke sempadan Malaysia-Thailand (Mohd. Reduan 1993, 48). Rejimen Ke-10 juga turut berundur.

## Bab 6

# Pengunduran Strategik ke Selatan Thailand

## Mengapa Berundur?

Setelah menghadapi serangan yang hebat daripada pihak tentera kerajaan, Parti Komunis Malaya (PKM) mengambil keputusan berundur ke Selatan Thailand.

Ketika menghuraikan perjalanan jauh Rejimen Ke-10 ke kawasan sempadan Malaysia-Thailand mulai 1953, Suriani (1999, 122) memulakan huraianya dengan kenyataan berikut:

Untuk melaksanakan strategi penting Perang Anti-British, Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Malaya dan Markas Agung Tentera Pembebasan Nasional Malaya telah mengeluarkan perintah kepada Markas Besar Rejimen Ke-10 melakukan perjalanan jauh ke kawasan sempadan Malaysia-Thailand untuk membangun pengkalan perangnya yang baru.

Kenyataan Suriani itu memang selaras dengan maklumat yang dapat dikumpulkan oleh Aloysius Chin. Mengikut Aloysius Chin (1995, 36-37):

In late 1951, Abdullah C.D and Musa Ahmad were again summoned to a meeting with Chin Peng in Mentakab. At this meeting Chin Peng stated that the situation in Malaya was not favourable at all to the CPM and as such the CPM had to retreat to the Thai-Malaya border areas of South Thailand. He said that the CPM, particularly in Pahang, were facing great difficulty in acquiring food supplies from masses because of the Brigggs Plan in which resettlement of villages had been carried out by the British. Furthermore, the CPM were facing constant harassment from the Security Forces which restricted the movement of their combatants.

Rejimen Ke-10 berundur ke sempadan Malaysia-Thailand atau lebih tepat lagi ke Selatan Thailand, kerana mengikut arahan parti. Hal ini ditegaskan oleh Mahmud (2001, 7) dengan kata-kata seperti berikut:

Akhirnya atas arahan pucuk pimpinan PKM keputusan dicapai untuk meninggalkan Tanah Melayu dan lari berundur bagi mendapatkan pelindungan *santuary* di Selatan Thailand. Maka tercatatlah satu peristiwa bersejarah dalam perjuangan komunis Melayu yang lebih dikenali sebagai perjalanan jauh atau *The Long March* pada 1953.

Kebetulan ketika itu PKM banyak bersandar kepada teori Mao Tze-Dong. Oleh itu keputusan PKM berundur ke Selatan Thailand itu jelas mengambil panduan daripada pengalaman Mao Tze-Dong yang juga melakukan pengunduran seperti itu, sebelum menyerang balik musuh mereka, Koumintang.

Tentang kesesuaian kawasan sempadan Malaysia-Thailand, sebagai tempat pengunduran itu, Abdullah C.D. (1998, 143-144) telah memberi pendapat seperti berikut:

Kawasan sempadan Malaysia-Thailand mempunyai ciri-ciri khususnya tersendiri dengan kedudukannya yang strategik, kawasan hutan rimbanya luas sebagai tempat pergerakan pasukan dan penaburan desa-desa petani yang luas sebagai sandaran pasukan. Di kawasan ini penguasaan musuh secara nisbi lemah dan ini memang memenuhi syarat bagi membangun satu pengkalan baru untuk pasukan gerila. Sesiapa saja yang arif tentang strategi perang, apa lagi dengan perang gerila, akan memandang kawasan sempadan sebagai pengkalan perang yang strategik.

Dengan itu, kawasan sempadan itu memang merupakan kawasan yang sesuai sebagai tempat mereka berundur dan kemudiannya mereka melancarkan serangan semula daripada kawasan itu.

Walaupun mungkin tidak mereka sedari pada waktu itu, tetapi apabila mengenang kembali pengalaman mereka melakukan pengunduran itu, kader-kader Melayu PKM seperti Abdullah C.D. dan Abu Samah Mohamad Kassim menyedari bahawa tindakan berundur ke kawasan sempadan itu juga dilakukan oleh tokoh-tokoh penting dalam gerakan penentangan terhadap campur tangan British di Pahang pada masa yang lalu. Datuk Bahaman khususnya telah berundur ke sempadan Pahang-Terengganu dan dari situ lah beliau melancarkan serangan lagi ke Pahang.

Oleh yang demikian, pengunduran strategik ke kawasan sempadan itu, bukan sahaja mencontohi apa yang telah dilakukan oleh Mao Tze-Dong, tetapi pada hakikatnya mengulangi semula apa yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh pahlawan Melayu yang menentang campur tangan Inggeris itu.

## Persiapan Sebelum Berundur

Meskipun pengunduran Rejimen Ke-10 ke Selatan Thailand bermula pada 1953, tetapi pihak PKM jelas telah lama membuat perancangan dan persiapan sebelum itu. Hal ini terbukti apabila pada 1951 Ibrahim Chik diarahkan memimpin satu regu dari Rejimen Ke-10 bertolak terlebih dahulu ke kawasan sempadan untuk melakukan kerja menyusun massa. Regu ini bertolak bersama dengan satu pasukan Cina yang dipimpin oleh Chang Ling-Yan, anggota Jawatankuasa Pusat PKM dan Markas Agung TPNM. Regu Ibrahim Chik bergabung semula dengan Rejimen Ke-10 di sempadan pada 1954. Pada 1952 Musa Ahmad dihantar ke Pahang Utara untuk memimpin pasukan Melayu yang bergerak di sekitar Benta, Kuala Lipis. Kemudian pada akhir 1952 Rashid Maidin pula diarahkan bertolak ke Perak (Abdullah C.D. 1998, 143).

Sebelum melakukan perjalanan jauh ke kawasan sempadan yang bermula pada 1953 itu, pasukan Rejimen Ke-10 telah dibahagikan kepada dua bahagian. Satu bahagian ditugaskan untuk mempertahankan basis Temerloh dan tidak ikut dalam perjalanan itu. Bahagian ini terutamanya terdiri daripada Platoon Tiga yang beroperasi di Pahang Utara dan Platoon Lima yang beroperasi di Pahang Timur dan beberapa seksyen pasukan tentera yang bergerak di Johor, Negeri Sembilan dan Selangor. Kedua-dua Platoon Tiga dan Platoon Lima itu dipimpin oleh Jasman, anggota Markas Besar Rejimen Ke-10. Pentadbiran bahagian ini diletakkan di bawah tanggungjawab Biro Selatan Jawatankuasa Pusat PKM (Abdullah CD 1998, 144).

Satu bahagian lagi ditugaskan untuk melaksanakan perjalanan jauh ke utara, ke kawasan sempadan. Pasukan ini diberi nama Pasukan Hang Jebat dan anggotanya kira-kira 60 orang. Abu Samah Mohamad Kassim telah dilantik menjadi Komisaris merangkap Ketua Platoon untuk memimpin pasukan itu dalam perjalanan nanti. Sementara itu Jawatankuasa Pusat PKM telah memindahkan Eng Ming Ching (yang kemudiannya memakai nama Suriani Abdullah) dari Rejimen Ke-6 ke Pasukan Hang Jebat untuk membantu mereka dalam perjalanan. Antara tugas Suriani termasuklah menguruskan hubungan dengan penanggungjawab-penanggungjawab tempatan, membuat kerja penterjemahan dan lain-lain.

Bersamaan dengan itu, pelbagai bahagian telah dikerah untuk membereskan persiapan perjalanan. Misalnya, organisasi parti di kampung telah mengerahkan orang ramai membeli pelbagai barang keperluan. Kaum wanita dikerahkan untuk menjahit uniform tentera. Pasukan ini

mempunyai uniform yang tersendiri, iaitu uniform kuning dan songkok kuning berbintang satu di tepi sebelah kiri.

Di dalam pasukan diadakan pula persiapan dari segi ideologi. Jawatan-kuasa Parti Pasukan Hang Jebat mengadakan mesyuarat, mengerahkan kawan-kawan mengobarkan semangat, menerangkan maksud dan tujuan tugas yang akan dipikul nanti dan lain-lain. Mereka juga diberi latihan asas ketenteraan selama setengah bulan. Setelah membereskan segala persiapan, pasukan Hang Jebat bertolak dari perkhemahannya di Semantan pada 17 Jun 1953 (Abdullah C.D. 1998, 145).

## Proses Pengunduran

Proses pengunduran mereka dari Semantan, Pahang hingga sampai ke kawasan sempadan Malaysia-Thailand adalah satu proses perjalanan yang sukar dan memerlukan ketabahan yang luar biasa. Apatah lagi dalam perjalanan itu mereka telah diserang oleh pasukan keselamatan. Proses perjalanan tersebut dibahagikan kepada empat tahap.

### Tahap Pertama: Dari Semantan ke Jerkoh

Perjalanan tahap pertama ialah dari Semantan hingga ke Markas Besar Rejimen Ke-11 di Jerkoh, Kuala Lipis melalui Bentong, Teras dan Raub. Perjalanan ini mengambil masa dua bulan 18 hari. Mereka sampai di Jerkoh pada 6 September 1953 (Abu Samah 1996, 122).

Perjalanan mereka dari Semantan hingga ke Raub boleh dikatakan lancar. Akan tetapi setelah sampai di Raub, mereka terpaksa menunggu di Kampung Peruang, Benta, kerana utusan ke utara tidak ada. Mereka menunggu kira-kira sebulan dan telah kehabisan makanan. Pada masa itu Kampung Peruang dan kampung-kampung di sekitarnya tidak mempunyai penduduk, kerana penduduknya telah dipindahkan ke Kampung Lamai, Pekan, Pahang. Oleh itu, mereka tidak mempunyai beras, dan terpaksa bergantung pada sayur-sayuran liar dan sagu kabung.

Dari Kampung Peruang ke tempat Markas Rejimen Ke-11 di Jerkoh, terdapat dua jalan. Satu jalan lebih selamat, iaitu dengan berpusing-pusing untuk mengelakkan ladang-ladang dan kampung-kampung baru. Akan tetapi, jika mengikut jalan ini akan memakan masa lebih daripada satu bulan. Satu jalan lagi ialah melintasi jalan raya Raub-Benta. Kira-kira 80 meter dari jalan raya ini terdapat Sungai Lipis yang airnya deras dan



curam dan untuk menyeberangnya terpaksa menggunakan rakit. Untuk melalui jalan ini memerlukan masa dua hari sahaja, tetapi sangat berbahaya, kerana di seberang sungai berhampiran dengan tempat menyeberang itu ada pos-pos pasukan keselamatan. Walau bagaimanapun, mereka telah memilih jalan yang kedua ini. Mereka melintasi jalan raya dan menyeberangi sungai mulai pukul 4.30 petang dan berakhir pada pukul 6.30 petang dengan selamatnya.

Setelah selesai menyeberangi jalan raya dan sungai dengan selamat, ada satu lagi masalah di hadapan mereka yang terpaksa mereka hadapi. Dua orang utusan Melayu pemandu jalan memberitahu bahawa mereka harus berjalan malam melalui kebun pisang yang luasnya ribuan ekar, mengelilingi pos-pos pasukan keselamatan yang jaraknya hanya kira-kira lima minit perjalanan dari jalan yang mereka lalui. Lampu besar di pos pasukan keselamatan itu sentiasa menyuluh ke sekeliling. Mereka diingatkan supaya tidak memasang api, tidak menghisap rokok, tidak boleh berbunyi, tidak boleh bersuara, bahkan batuk pun tidak boleh.

Dalam perjalanan itu telah disusun regu untuk bertempur yang bersenjatakan brengun. Apabila lampu besar menyuluh ke arah mereka, mereka semua meniarap tanpa bergerak. Kemudian, apabila lampu besar itu menyuluh ke arah lain, mereka dengan cepat bangun dan berjalan. Begitulah berulang-ulang sehingga mereka selesai melalui kebun pisang itu pada pukul 3.00 pagi. Selepas itu mereka berehat menunggu siang. Esoknya, pagi-pagi lagi mereka meneruskan perjalanan dan akhirnya sampai ke Markas Rejimen Ke-11 pada 6 September 1953. Musa Ahmad dan beberapa orang lain yang bertolak lebih dahulu pada 1952 ada menunggu mereka di situ dan kemudian bersama-sama menyertai perjalanan jauh ke utara itu (Abdullah C.D 1998, 146-147).

## Tahap Kedua: Dari Jerkoh ke Cameron Highland

Perjalanan dari Jerkoh ke Cameron Highland bermula pada 13 September 1953 dan sampai pada 12 Oktober 1953. Perjalanan ini agak jauh dan pada mulanya melalui kawasan hutan tropika tanpa manusia (Abu Samah 1996, 125).

Dalam perjalanan ini mereka telah kekurangan makanan. Bekalan mereka hanyalah kacang kuning dan pisang kering. Oleh itu, dalam sepanjang perjalanan mereka bergantung kepada sayuran liar, umbut dan ikan serta binatang yang dapat mereka tangkap. Setelah dua minggu lebih berjalan, mereka sampai di tepi Sungai Jelai (di Ulu Sungai Pahang).



Kebetulan hari itu regu pemburu dapat menangkap seekor seladang besar. Mereka berhenti rehat beberapa hari di situ sambil menguruskan daging binatang itu.

Kemudian mereka meneruskan perjalanan Ke Ulu Jelai. Di situ mereka disambut oleh penanggungjawab tempatan dan diberi jamuan ubi sup. Di situ juga terdapat perkampungan orang Asli. Oleh itu, mulai saat itu mereka mempelajari adat istiadat dan keistimewaan orang Asli dan bergaul dengan orang Asli.

Apabila sampai ke Cameron Highland pada 12 Oktober 1953, mereka terus memasuki perkampungan orang Asli. Pihak penanggungjawab organisasi tempatan (penyusun massa) dan orang Asli telah menyambut ketibaan mereka dengan hangat. Kebetulan ketika itu sekoi dan jagung tanaman orang Ali telah mulai masak. Orang Asli telah menolong mereka dengan menghantar sekoi dan lain-lain barang makanan.

Bagaimanapun, kedatangan mereka telah diketahui oleh pasukan keselamatan. Oleh itu pada 15 Oktober 1953 pihak penjajah British mula melancarkan serangan secara besar-besaran ke atas mereka. Kapal terbang pihak penjajah mengebom dan memesingan kampung-kampung dan ladang-ladang orang Asli serta hutan di sekitarnya. Untuk mengelakkan serangan itu, mereka berundur dan berlindung di Gunung Berembun di Banjaran Gunung Titiwangsa yang luar biasa sejuknya dengan bantuan orang Asli. Kemudian, setiap hari orang Asli secara beramai-ramai menghantar ubi kayu, sayur-sayuran dan lain-lain kepada mereka.

Untuk mematahkan serangan pasukan keselamatan itu, mereka mengusulkan kepada penanggungjawab tempatan supaya membenarkan pasukan Hang Jebat pergi menyerang pasukan keselamatan. Akan tetapi, penanggungjawab tempatan tidak menyetujuinya. Sebaliknya, ia menghantar satu pasukan Cina bersama dengan satu seksyen perajurit orang Asli melakukan serang hendap. Namun, serangan pihak keselamatan semakin hebat dan sasarannya tetap untuk membasmikan Rejimen Ke-10.

Sementara itu, tanaman orang Asli seperti jagung dan sekoi sudah masak dan boleh dituai. Rombongan demi rombongan orang Asli turun dari gunung untuk menuai. Untuk menunjukkan kerjasama dengan orang Asli, Abdullah C.D. telah mengutus Abu Samah dan Rosli mengetuai satu regu dari Pasukan Hang Jebat membantu orang Asli menuai hasil tanaman serta menjaga keselamatan mereka.

Ketika kerja penuaian dilakukan, berlaku satu peristiwa yang menyedihkan. Sekumpulan orang Asli yang mengetam padi tanpa kawalan



dari Pasukan Hang Jebat telah dijumpai oleh pasukan keselamatan lalu ditembak. Orang Asli datang mengadukan hal tersebut kepada mereka. Kerana itu Abdullah C.D. sekali lagi mengusulkan kepada penanggungjawab tempatan supaya memberi peluang kepada pasukan Hang Jebat menyerang pasukan keselamatan. Pada kali ini usul Abdullah telah diterima. Abu Samah Mohamad Kassim ditugaskan memimpin satu regu seramai 18 orang untuk melakukan pertempuran.

Pada 28 Januari 1954 Abu Samah dan regu yang dipimpinnya melakukan serangan hendap di Sungai Serkam. Pasukan keselamatan yang mereka hadapi dianggarkan seramai 160 orang dan terdiri daripada Pasukan Golden British yang diagung-agungkan sebagai pasukan yang handal dan berpengalaman dalam Perang Dunia Kedua. Pasukan yang dipimpin oleh Abu Samah dapat menduduki tempat tinggi yang menguntungkan di selekoh sungai. Sebaik sahaja tentera British itu memasuki perangkap serang hendap, mereka dapat membunuh tentera British yang berjalan di hadapan. Tentera British yang di belakang cuba melawan, dan pertempuran berlaku kira-kira setengah jam. Dianggarkan lebih daripada 40 orang tentera British terbunuh atau cedera dalam pertempuran itu.

Setelah bertempur kira-kira setengah jam, Abu Samah dan regunya berundur dan balik ke perkhemahan. Dalam perjalanan balik, mereka digangu oleh pusingan kapal terbang pasukan keselamatan yang terbang rendah. Bagaimanapun, mereka sampai ke perkhemahan dengan selamat.

Ketibaan mereka disambut hangat oleh orang-orang Asli dengan pekikan, "Langoi (maknanya Tentera Pembebasan) menang! Orang Putih Kalah!"

Pada 30 Januari 1954 pasukan keselamatan menghentikan serangannya dan menarik tenteranya keluar dari kawasan itu, walaupun mungkin untuk sementara. Pasukan Hang Jebat Rejimen Ke-10 pula segera menghayun langkah meneruskan perjalanan jauhnya lagi mulai 1 Februari 1954 (Abu Samah 1996, 132).

### Tahap Ketiga: Dari Cameron Highland ke Ulu Kinta

Dalam perjalanan ke Ulu Kinta, mereka melalui Sungai Raya, tempat terletaknya Pejabat Setiausaha Parti Negeri Perak. Mereka sampai ke Sungai Raya pada akhir Februari 1954. Di situ menunggu Rashid Maidi dan kawan-kawannya yang akan bersama-sama melakukan perjalanan

jauh ke sempadan Malaysia-Thailand. Turut menunggu penanggungjawab Jawatankuasa Parti Negeri Perak (Abu Samah 1996, 133).

Abdullah C.D. dan Abu Samah yang menjadi penanggungjawab Pasukan Hang Jebat telah berbincang dengan penanggungjawab Jawatankuasa Parti Negeri Perak tentang masalah meneruskan perjalanan. Di situ bekalan makanan tidak menjadi masalah, kerana bantuan boleh didapati daripada orang Asli dan di merata tempat ada ladang ubi kayu kepunyaan orang Asli. Akan tetapi, mereka diberitahu hubungan dengan utusan ke utara telah lama terputus.

Sementara menunggu hubungan dengan utusan dari utara, mereka memutuskan untuk bertolak ke Ulu Kinta, Perak dengan dipandu oleh orang Asli. Rashid Maidin bersama beberapa orang anggota kumpulannya juga turut serta. Pada pertengahan April 1954 sampailah mereka ke perkampungan orang Asli di Ulu Kinta yang bersempadan dengan Kelantan. Di situ ada sekumpulan orang Asli yang mendiami gua batu. Pada mulanya mereka bermalam di gua batu bersama-sama orang Asli. Kemudian mereka membuat perkhemahan di keliling gua batu tersebut, yang terletak di kaki sebelah barat Gunung Kerbau.

Tidak lama kemudian seorang penanggungjawab Jawatankuasa Parti Negeri dari Rejimen Ke-5 datang mengadakan perbincangan. Dari perbincangan itu, dua keputusan yang bersifat sementara telah diambil. Pertama, mereka akan mendirikan pejabat sementara bagi menerbitkan *Akhbar Perak, Majalah Tentera* dan lain-lain. Pejabat ini akan dipimpin oleh Rashid Maidin dan Musa Ahmad. Kedua, menghantar Abu Samah Mohamad Kassim memandu sebuah pasukan untuk menyusun kampung-kampung Melayu di Sungai Siput, Perak.

Sementara itu, Abdullah C.D tinggal di gua batu buat sementara untuk melakukan penyelidikan tentang orang Asli di Perak dan di negeri yang bersempadan dengannya. Dia merasa hal itu penting dilakukan memandangkan orang Asli sudah terlibat dalam perjuangan menentang penjajah bersama Datuk Bahaman dan mereka merupakan satu komponen penting daripada masyarakat kita. Setelah selesai menjalankan penyelidikan, barulah dia bergabung dengan Rashid Maidin.

Dalam pada itu, timbul satu peristiwa bersejarah antara Pasukan Hang Jebat dengan pihak orang Asli di situ. Satu rapat khas telah diadakan dengan dihadiri oleh orang Asli termasuk mereka dari Ulu Kelantan yang diketuai oleh Datuk Angoi. Rapat yang bersejarah itu menandakan persahabatan, perpaduan dan setiakawan antara orang Asli dengan Pasukan Hang Jebat. Dalam satu upacara khas, Datuk Angoi bagi pihak

anak buahnya telah menganugerahkan gelaran *Datuk* kepada Rashid Maidin. Kemudian kedua-dua datuk ini mengangkat sumpah yang mereka akan seia sekata berjuang menentang penjajah Inggeris dengan disaksikan oleh orang Asli dan para kader serta perajurit Pasukan Hang Jebat. Selepas selesai upacara itu, diadakan majlis bergabak (tarian beramai-ramai mengikut tradisi orang Asli). Anggota Pasukan Hang Jebat ikut sama menari. Perayaan yang meriah itu berlangsung hingga ke pagi (Suriani 1999, 130).

Semenjak itu kaum orang Asli di bawah riayah Datuk Angoi lebih kuat lagi menyokong perjuangan bersenjata. Misalnya, beberapa hari sekalipun mereka datang secara beramai-ramai dari Ulu Kelantan untuk menghantar ubi kayu dan lain-lain kepada Pasukan Hang Jebat di Ulu Kinta.

Sementara itu, regu yang dipimpin oleh Abu Samah bergabung dengan satu kompeni perajurit Cina dan India dari Rejimen Ke-5 menjalankan tugas menyusun massa di sekitar Lasah, Lintang, Jalong dan lain-lain di kawasan Sungai Siput. Mereka juga telah melakukan banyak kali pertempuran dengan pasukan keselamatan. Pada suatu hari pasukan tersebut telah diserang secara mendadak oleh pasukan keselamatan dari belakang. Beberapa orang anggota pasukan itu telah terkorban, manakala seorang anggota pasukan, iaitu Sulaiman Songsang telah menyerah diri dan kemudian dia membocorkan rahsia kedudukan Pasukan Hang Jebat kepada pasukan keselamatan.

Menghadapi keadaan yang genting itu, Abu Samah tanpa berlengah lagi memandu regunya balik ke markas untuk membuat laporan. Perjalannya memakan masa seminggu. Mereka tiba di markas pada 7 Julai 1954. Keesokan harinya, iaitu 8 Julai berduyun-duyun kapal terbang pasukan keselamatan datang mengebom kawasan gua batu dan hutan di sekitarnya. Pihak penjajah mengerahkan 55 buah kapal terbang yang berulang-alik 22 kali sehari memunggah bom dan peluru. Kemudian kapal terbang itu menggugurkan askar payung terjun. Mengikut Abdullah C D (1998, 154), “Diberitakan serangan tersebut merupakan serangan udara terbesar dalam sejarah peperangan Malaya selepas Perang Dunia Kedua yang diarahkan oleh Jeneral Bonn sendiri dari udara”.

Menghadapi perubahan yang mendadak itu, Abdullah C D mengambil taktik mengosongkan hutan tersebut, supaya pihak pasukan keselamatan tidak berjaya memburu dan menyerang mereka. Mereka terus mara ke utara dengan meredah hutan belantara menuju ke Ulu Kelantan.

## Tahap Keempat: Dari Ulu Kinta ke Kawasan Sempadan

Perjalanan tahap keempat, dari Ulu Kinta ke kawasan sempadan adalah perjalanan yang paling jauh. Perjalanan ini melalui Ulu Kelantan dan Kampung Belum sebelum sampai ke sebuah kampung yang bernama Hala, di Selatan Thailand.

Di Ulu Kelantan, kaum orang Asli telah dihalau oleh pasukan keselamatan ke dalam kem kurungan. Akan tetapi, sebahagian daripada mereka telah melarikan diri dan membuka ladang-ladang yang agak luas. Pasukan Hang Jebat dapat berhubung dengan satu kumpulan orang Asli yang baru saja melarikan diri dari kem kurungan tersebut. Dengan dipandu oleh orang Asli inilah Pasukan Hang Jebat beransur-ansur meneruskan perjalanan dari satu perkampungan orang Asli ke satu perkampungan yang lain. Melalui orang Asli ini juga mereka dapat menemui seorang penanggungjawab berserta rombongannya yang datang dari kawasan sempadan dalam perjalanan ke Perak. Dengan itu terbukalah jalan untuk mereka meneruskan perjalanan ke utara dengan dipandu oleh penanggungjawab tersebut.

Perjalanan seterusnya banyak melalui hutan rimba tanpa manusia. Dengan itu dari segi makanan mereka terpaksa bergantung pada buah-buahan dan lain-lain sumber hutan semula jadi. Kebetulan pada masa itu musim buah-buahan, khasnya petai. Setiap pagi satu seksyen khas diatur berjalan terlebih dahulu untuk memanjang petai dan buah-buahan lainnya serta mengutip sayur-sayuran liar. Begitulah cara mereka menyelesaikan masalah makanan.

Akhirnya mereka sampai di Kampung Belum, di ulu Sungai Perak pada 22 September 1954. Akan tetapi pada masa itu, Kampung Belum tidak lagi mempunyai penduduk, kerana penduduknya telah dipindahkan ke kem kurungan di Grik, Perak. Segala padi dan beras dibakar, pokok kelapa dan pokok buah-buahan ditebang dan binatang ternakan seperti kerbau dan kambing habis dimakan atau ditembak mati oleh pasukan keselamatan. Mujurlah penanggungjawab tempatan yang lalu-lalang di kampung itu dapat menyimpan seekor kerbau jantan yang besar dan padi untuk mereka.

Dari Kampung Belum, Pasukan Hang Jebat berjalan beberapa hari mendaki dan menuruni bukit yang menjadi sempadan antara Malaysia dengan Thailand dan tiba di Kampung Hala, Thailand pada 7 Oktober 1954. Masa itu Kampung Hala juga tidak mempunyai penduduk.



Penduduknya telah dihalau ke Batu 36 dan 38 Jalan Yala-Betung. Bagaimanapun, di situ pihak organisasi ada menyimpan ribuan gantang padi, beberapa ekor kerbau dan barang-barang keperluan lain untuk Pasukan Rejimen Ke-10. Dengan itu, mereka dapat berehat di Kampung Hala kira-kira sebulan.

Dengan sampainya mereka ke Kampung Hala, maka bererti selesailah pengunduran strategik yang dilakukan oleh Pasukan Hang Jebat dari Rejimen Ke-10. Perjalanan mereka dari Semantan ke Kampung Hala mengambil masa kira-kira setahun 4 bulan dan mereka telah menjelajah hampir separuh Semenanjung Tanah Melayu. Di samping ketabahan mereka, perjalanan itu dapat mereka laksanakan kerana adanya bantuan daripada orang Asli (Abdullah C.D. 1998, 156).

## Bab 7

# Gerakan Awal di Sempadan

### Petunjuk daripada Chin Peng

Rejimen Ke-10 sampai ke Selatan Thailand pada akhir 1954 ketika PKM mengamalkan apa yang dikatakan garis opurtunis kanan dan hampir-hampir meninggalkan perjuangan bersenjata. Oleh itu, aktiviti utama yang mereka lakukan ialah menyusun massa; bukan melakukan pertempuran. Bagaimanapun, sebelum itu pemimpin-pemimpin Rejimen Ke-10 perlu mendapatkan petunjuk daripada Chin Peng dan mengemasukan organisasi mereka, khasnya memperluaskan badan kepemimpinan Rejimen Ke-10. Selain daripada itu, mereka juga terpaksa menghadapi keadaan di sempadan yang agak kusut dan serangan pertama daripada pasukan tentera Thailand, walaupun mereka belum bersedia untuk bertempur.

Setelah pasukan Rejimen Ke-10 sampai ke Kampung Hala dan berehat di situ untuk satu masa yang singkat, Abdullah C.D., Rashid Maidin dan Musa Ahmad bertolak ke Betong untuk bermesyuarat dengan Chin Peng yang ketika itu telah berada di tempat itu. Bagaimanapun, mereka cepat balik, kerana tugas yang mendesak. Malah Rashid Maidin balik lebih dahulu daripada Abdullah C.D. dan Musa Ahmad, iaitu pada pertengahan November 1954. Dengan itu, mereka hanya sempat membincangkan hal-hal yang pokok saja dengan Chin Peng.

Pada akhir 1954, Chin Peng telah memanggil Eng Ming Ching yang menjadi Pegawai Perhubungan antara Jawatankuasa Pusat PKM dengan Rejimen Ke-10 datang ke Betong dan menyampaikan petunjuknya kepada badan pimpinan Rejimen Ke-10 melalui Eng Ming Ching. Petunjuk Chin Peng, mengikut Suriani (1999, 138) meliputi bidang yang luas, seperti tugas, pedoman dan dasar parti di kawasan sempadan, pekerjaan di kalangan massa, pekerjaan dalam barisan (pasukan) dan lain-lain.

Tentang dasar parti di kawasan sempadan, Chin Peng menegaskan bahawa mereka harus berkecuali atau tidak mencampuri urusan dalaman



Thailand, menghormati kedaulatan wilayah Thailand dan tidak bermusuhan dengan pasukan bersenjata Thailand. Di samping itu, Chin Peng juga menerangkan sikap yang harus diambil terhadap tuan tanah, tokoh agama, tokoh atasan, ejen musuh, penyamun dan sebagainya.

Berkenaan pekerjaan di kalangan massa Melayu di kawasan sempadan, Chin Peng telah memberikan sederetan petunjuk, seperti masalah langgam kerja di kalangan massa, membaiki dan memajukan cara kerja, serta kandungan penerangan dan pendidikan terhadap massa, khasnya tentang bagaimana melancarkan gerakan kaum tani di kawasan sempadan. Seterusnya, beliau juga banyak memberikan petunjuk tentang bagaimana memperkuuh pasukan Rejimen Ke-10, seperti tentang cara-cara memimpin, masalah kerja pendidikan serta pelajaran, termasuk masalah penerbitan dan lain-lain (Suriani 1999, 139).

Dengan itu, di samping inisiatif mereka sendiri, petunjuk dari Chin Peng itu menjadi panduan kepada pemimpin Rejimen Ke-10, khasnya Abdullah C.D., Rashid Maidin dan Musa Ahmad untuk menjalankan kerja mereka di kawasan sempadan.

## Mengemaskan Organisasi Pasukan

Setelah berada di kawasan sempadan, badan pimpinan Rejimen Ke-10 mengadakan beberapa perubahan sebagai mengemaskan organisasi pasukan itu. Pada masa yang sama, Jabatan Kerja Melayu PKM telah dibubarkan. Dengan pembubaran Jabatan Kerja Melayu PKM, Abdullah C.D., Rashid Maidin dan Musa Ahmad diserapkan ke dalam Jawatankuasa Pusat PKM. Eng Ming Ching yang bertanggungjawab sebagai Pegawai Perhubungan antara Jawatankuasa Pusat PKM dengan Rejimen Ke-10 juga telah selesai menjalankan tugasnya. Beliau berkahwin dengan Abdullah C.D. pada 15 Februari 1955 dan menukar nama menjadi Suriani Abdullah. Berikutnya dengan itu Markas Besar Rejimen Ke-10 diperluaskan dengan mengikutsertakan Suriani, Abu Samah dan Ibrahim Chik (Abdullah C.D. 1998, 158).

## Keadaan di Kawasan Sempadan

Ketika Pasukan Rejimen Ke-10 sampai di Kampung Hala pada Oktober 1954, pasukan yang dipimpin oleh Ibrahim Chik sudah dua tahun berada

di Selatan Thailand. Pada masa itu pasukan Ibrahim Chik yang bergabung dengan pasukan Cina bergerak di sekitar kawasan Dusun Nyor.

Apabila Rashid Maidin balik daripada berjumpa Chin Peng pada pertengahan November 1954, dia dan Abu Samah Mohamad Kassim membawa sebahagian anggota pasukan ke daerah Ranget (Tanjung Mas), Narathiwat. Kemudian mereka pergi ke Dusun Nyor dan berjumpa dengan pasukan Ibrahim Chik. Setelah berbincang, mereka mengambil keputusan, bahawa Rashid Maidin bersama-sama dengan pasukan Ibrahim Chik pergi ke Kampung Kajang, Dusun Nyor dan menjadikannya sebagai tapak organisasi untuk bergerak, sementara kumpulan Abu Samah pula bergerak menuju Chanet dan akan bertapak di Kampung Sekor, Chanet. Abdullah C.D. yang berkahwin dengan Eng Min Ching (Suriani Abdullah) pula bergerak bersama isterinya di kawasan Weng.

Bagaimanapun, pada masa itu Rejimen Ke-10 memang menghadapi kesukaran yang agak besar, kerana di kawasan sempadan Malaysia-Thailand itu wujud keadaan yang agak kusut.

Pertama, para perisik yang dihantar terlebih dahulu oleh penjajah British telah melakukan propaganda secara besar-besaran di kalangan orang Melayu dengan memfitnah kononnya pasukan tentera Rejimen Ke-10 adalah ganas, kejam, antiagama dan lain-lain. Kerana fitnah tersebut, orang ramai banyak yang benar-benar terkeliru. Mereka menyangka pasukan tentera itu benar-benar pengganas dan penyamun, hingga apabila anggota Rejimen Ke-10 memberi salam, ada yang menjawab dengan mengangkat parang. Kaum wanita dan kanak-kanak pula lari menyembunyikan diri.

Kedua, para perisik yang diseludupkan oleh penjajah British di kalangan orang ramai menyamar sebagai orang baik, membantu membelikan barang-barang untuk anggota pasukan tentera Rejimen Ke-10, kemudian di dalam barang-barang itu dibubuhnya racun. Akibatnya ada beberapa orang anggota pasukan yang terkena racun. Kerana masalah tersebut, pasukan penyusun massa ada yang bertindak agak keterlaluan. Mereka menghendaki orang ramai mencuba barang-barang tersebut terlebih dahulu sebelum mahu menerima. Oleh sebab itu, orang ramai menjadi tidak puas hati.

Ketiga, di sesetengah kampung memang wujud samseng dan penjahat yang sebenar. Mereka bermaharajalela di kampung-kampung itu dan melakukan bermacam-macam kejahatan ke atas orang ramai.

Pada masa itu juga pasukan Rejimen Ke-10 memang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan wang, makanan, pakaian dan lain-lain. Inilah antara keadaan yang terpaksa mereka hadapi.

## Menyusun Massa

Untuk melaksanakan kerja menyusun massa dengan baik, perkara yang mula-mula dilakukan oleh Markas Besar Rejimen Ke-10 adalah mengerah seluruh anggotanya mengobarkan semangat untuk memikul tugas baru, iaitu membangun ‘basis sempadan’ dengan tekun dan sabar. Anggota pasukan itu diingatkan supaya sentiasa mentaati disiplin, bertata tertib dan menghormati massa, berkhidmat sepenuh hati kepada massa, menghormati adat istiadat massa dan lain-lain.

Mengikut Abdullah C.D. (1998, 160), “Dalam menjalankan kerja massa, kami melaksanakan prinsip bersandar pada massa, membangkitkan massa dan berkhidmat kepada massa.”

Berasaskan prinsip itu, antara kerja yang mereka lakukan adalah seperti berikut (Suriani 1999, 142):

1. Ketika keluar dari hutan dan masuk kampung, anggota pasukan itu membawa barang-barang hutan yang diperlukan oleh orang ramai, seperti rotan, akar kayu, buah-buahan dan lain-lain dan memberinya kepada mereka;
2. Anggota pasukan itu melancarkan gerakan membersihkan kampung dan rumah penduduk daripada sampah-sarap, najis haiwan, semak samun dan lain-lain;
3. Anggota tentera wanita pula menolong membersihkan pinggan mangkuk, kain baju, mengajar orang ramai menjaga kebersihan dapur dan makan minum;
4. Di sesetengah kampung, anggota pasukan itu bersama orang ramai mendirikan surau dan masjid, mendorong orang ramai bersatu padu, bekerjasama, beramal ibadat dan lain-lain;
5. Di sesetengah tempat orang ramai juga menuntut mereka menyelesaikan masalah orang jahat, penyamun, perompak dan hantu musuh yang amat menyusahkan mereka. Anggota pasukan itu telah menolong mengatasi masalah tersebut. Dengan adanya usaha daripada anggota pasukan itu, keamanan kampung itu telah terpelihara;

6. Untuk perpaduan kampung, anggota pasukan menganjurkan orang ramai mendirikan pakatan sekampung, pakatan pemuda, pakatan wanita dan lain-lain;
7. Untuk membaiki kehidupan orang ramai, anggota pasukan menganjurkan orang ramai membuat kebun kecil di belakang rumah untuk menanam sayur-sayuran, memelihara ternakan dan sebagainya. Dengan itu orang ramai dapat menyelesaikan soal makanan harian mereka.

Bagaimanapun, yang paling mengharu dan mengagumkan orang ramai, mengikut Suriani (1999, 143) ialah kemujaraban ubat yang diberi oleh mereka. Mungkin kerana terlalu mempercayai kemujaraban ubat-ubat itu, ia telah menjadi cerita-cerita ajaib yang tersebar dari mulut ke mulut dan dari sebuah kampung ke sebuah kampung yang lain. Dengan itu, orang ramai yang tidak tinggal di dalam kawasan basis mereka pun datang meminta rawatan, atau sesetengahnya pula meminta anggota pasukan keluar untuk mengubati keluarga atau sahabat mereka di luar. Sebagai misalan, sini dicatatkan tiga peristiwa yang menarik (Abu Samah 1976, 149-150):

1. Di Kampung Sekor ada empat orang yang sedang demam agak kuat meminta ubat. Anggota pasukan tidak mempunyai ubat demam, tetapi untuk memenuhi permintaan keempat-empat orang yang sedang demam itu diberikanlah sebiji kapsul minyak ikan yang dibelah empat sebagai penggantinya. Mereka diberi kulit minyak ikan yang minyaknya ada melekat sedikit untuk mereka makan. Oleh kerana terlalu yakin dengan kemujaraban ubat itu, dalam masa lebih kurang setengah jam sahaja kesemua mereka yang demam itu telah sembah;
2. Seorang tok bomoh peteri yang sudah dua hari sakit mata berasa sangat panas; tak boleh celik, tak boleh tidur, tak boleh makan. Dia meminta sangat-sangat supaya diubati. Abu Samah cubalah menghembus perlahan-lahan ke matanya. Dia berkata, "Amboi sejuknya." Abu Samah menghembus lagi berulang-ulang. Dia menyatakan, "Sedap sungguh, tak panas dah rasanya."

Pada pukul 4.00 pagi hari esoknya, tok bomoh itu pergi ke kebunnya mengutip buah durian. Pada pukul 6.00 pagi itu, dia sampai ke tempat rehat pasukan tentera yang di bawah jagaan Abu Samah untuk menyerahkan satu kandaran buah durian. Bila ditanya bagaimana

dengan keadaan matanya, dia menjawab, "Alhamdulillah, dah baik, dah baik."

3. Budak-budak di kampung yang mereka kunjungi pada mulanya memang ramai yang berpenyakit dan tidak begitu sihat. Disebabkan ibu bapanya mengikut nasihat dan cara-cara yang ditunjukkan oleh anggota pasukan itu dalam menjaga kesihatan anak-anak, maka banyaklah perubahannya. Akan tetapi, disebabkan orang ramai percaya dan berkeyakinan serta berpegang teguh kepada cara tradisi, dimintalah Abu Samah mengikat tangkal di pergelangan tangan kanak-kanak itu dengan benang. Sesudah itu seramai 37 orang kanak-kanak yang telah sihat itu diserahkan untuk dijadikan anak angkat Abu Samah.

Dengan cara berkhidmat bersungguh-sungguh kepada orang ramai itu, maka akhirnya orang ramai dapat dimenangi. Orang ramai mulai mengenali siapakah mereka yang sebenarnya dan mulai memberikan sokongan penuh kepada Rejimen Ke-10. Sokongan daripada orang ramai memungkinkan pasukan Rejimen Ke-10 memupuk anasir cergas sebagai pembantu mereka di kampung-kampung yang tertentu.

Sementara itu, Aloysius Chin (1995) telah mengemukakan satu versi cerita yang lain tentang bagaimana Rejimen Ke-10 telah diterima oleh penduduk tempatan, walaupun sebelum itu selama bertahun-tahun anggota pasukan itu menghadapi kesukaran untuk mempengaruhi dan memenangi hati mereka.

Mengikut Aloysius Chin (1995, 56-57) hal itu berkaitan dengan satu peristiwa yang berlaku secara kebetulan. Pada satu hari pada awal 1950-an seorang budak lelaki berumur lapan tahun telah patah kaki kerana jatuh daripada pokok di sebuah kampung yang terpencil. Budak itu terlalu kesakitan dan menangis tidak berhenti-henti. Bapanya pula terlalu miskin dan tidak mampu menghantarnya ke hospital kerajaan yang jauh dari tempat itu. Secara kebetulan satu kumpulan Tentera Pembebasan telah berkunjung ke kampung itu. Di antara mereka ada seorang anggota Rejimen Ke-10 yang pandai memuliakan orang yang patah tulang. Atas pertolongannya, setelah dibawa ke perkhemahan kira-kira sebulan, kaki budak itu telah dapat disembuhkan. Berita tentang anggota Rejimen Ke-10 menyembuhkan kaki budak yang patah itu telah tersebar secara meluas dengan cepatnya dan sejak itu orang-orang Melayu Thailand di tempat itu telah menerima anggota pasukan Rejimen Ke-10 sebagai sahabat mereka.

Walaupun peristiwa yang diceritakan oleh Aloysius Chin itu tidak disebut oleh Abdullah C.D. dan Suriani Abdullah dalam buku mereka, tetapi bolehlah dipercayai bahawa peristiwa itu merupakan satu faktor tambahan yang menyebabkan anggota Rejimen Ke-10 diterima oleh penduduk tempatan.

Dengan demikian, dalam masa yang singkat terbentuklah satu kawasan basis di sektor timur kawasan sempadan, dari Weng, Sungai Padi, Dusun Nyor dan lain-lain. Seiring dengan itu, pengaruh Rejimen Ke-10 dengan cepat tersebar ke merata tempat. Mengikut Abdullah C.D. (1998, 161) mereka memulakan pekerjaan itu pada penghujung 1954, tetapi pada awal 1955 pengaruh Rejimen Ke-10 bukan saja tersebar di kawasan basis, malah menjalar hingga ke Yala dan Pattani. Ramai orang terkemuka atau tokoh-tokoh berpengaruh dalam masyarakat datang berjumpa dan berbincang dengan pemimpin Rejimen Ke-10 dan menjemput pasukan Rejimen Ke-10 datang ke kampung mereka. Orang-orang nasionalis tempatan juga menyokong Rejimen Ke-10.

Pada masa itu pasukan Rejimen Ke-10 memang menghadapi kesulitan kewangan. Mereka terpaksa berdikari mencari sumber kewangan sendiri. Namun, di saat yang demikian, orang ramai yang kuat menyokong mereka telah menanggung sebahagian perbelanjaan pasukan itu secara sukarela.

Berdasarkan keadaan dan perkembangan pekerjaan pada masa itu, Abdullah C.D. (1998, 161) membuat rancangan untuk mengambil tenaga baru. Mengikut anggaran beliau, lebih satu kompeni (kira-kira 100 orang) boleh didapati dengan mudah, kerana sejumlah orang-orang nasionalis tempatan mahu memasuki pasukan.

PKM juga menjalankan satu polisi yang salah, iaitu hampir-hampir melepaskan perjuangan bersenjata serta melaksanakan dasar tutup pintu. Musa Ahmad berpegang pada polisi tersebut secara kaku dan pasif dan merupakan rintangan utama untuk Abdullah C.D. melaksanakan rancangannya.

## Menghadapi Serangan Pertama

Setelah pasukan tentera PKM atau TPNM berpindah ke Selatan Thailand, pihak penjajah British telah memeteraikan perjanjian dengan kerajaan Thailand untuk bekerjasama membasmikan pasukan TPNM. Rejimen Ke-10 tidak terkecuali daripada menjadi sasaran tentera Thailand. Oleh itu, pada Ogos 1955 buat pertama kalinya pasukan induk Rejimen Ke-10 di Dusun

Nyor telah diserang oleh tentera Thailand yang mendapat arahan daripada Inteligen Bersama Thailand-British.

Pada mulanya pasukan tentera Thailand itu secara curi-curi mendekati perkhemahan dan menembak dua orang perajurit pengawal yang sedang mandi di sungai. Kedua-dua orang perajurit itu telah terkorban. Musa Ahmad mengambil pendirian tidak mahu melawan atau tidak mahu menembak balik musuh yang menyerang, kerana pada masa itu memang belum ada polisi membela diri bila diserang. Abdullah C.D tidak bersetuju dengan polisi itu, tetapi tidak dapat bertindak secara bersendirian. Akhirnya, tindakan yang dapat dilakukannya hanyalah membawa pasukannya berundur daripada tempat itu.

Bagaimanapun, dari peristiwa menghadapi serangan pertama itu, Abdullah C.D. telah mengambil pelajaran bahawa langkah tidak membala balik serangan musuh itu adalah langkah yang salah. Mereka sekurang-kurangnya harus melakukan pertempuran untuk membela diri. Inilah yang dilakukan oleh beliau, bila menghadapi serangan pihak musuh selepas itu.

## Bab 8

### Perundingan Baling

#### Peristiwa yang Membawa kepada Perundingan di Pihak PKM

Perundingan Baling yang melibatkan pertemuan antara wakil-wakil PKM dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) adalah satu episod penting dalam perjuangan PKM. Peristiwa yang membawa kepada perundingan ini termasuklah proses perundingan, peranan tokoh Melayu, mengapa perundingan itu gagal dan kesan kegagalan rundingan itu terhadap PKM dan terhadap kerajaan Malaya, khasnya terhadap Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Malaya pada masa itu.

Menjelang 1955, PKM dikatakan berhadapan dengan situasi baru. Ia dipengaruhi oleh peralihan taktik komunis sedunia yang baru dan oleh kenyataan bahawa dalam masa yang singkat Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan akan dimenangi oleh pemimpin politik yang berunding secara damai dan bukan oleh komunis yang berjuang secara bersenjata. Oleh itu, PKM tidak boleh lagi mendakwa sebagai wira dan penyelamat rakyat Malaya. Malah parti itu perlu melepaskan diri dari situasi politik yang memalukan dan dari kegagalan perjuangan bersenjatanya (Aloysius Chin 1995, 45).

Mengenai peralihan taktik komunis sedunia, Chin Peng (2003, 351-352) menyatakan bahawa Siao Chang, wakil PKM di Peking ketika itu adalah orang yang mula-mula mencetuskan idea untuk mengadakan rundingan bagi menyelesaikan Darurat. Siao Chang dikatakan dipengaruhi oleh nasihat yang diterimanya dari Peking dan Moscow dan menyatakan ideanya itu dalam satu kertas kerja yang disediakan untuk persidangan perwakilan Parti Komunis Komanwel di London pada awal 1954. Kertas itu telah dibacakan oleh Lim Hong Bee, seorang wartawan yang menjadi wakil PKM di London. Mengikut Chin Peng (2003, 352), *The document*

*appeared to imply that the CPM was looking for new strategy to fight for independence other than through armed struggle. The 1954 London position paper therefore heralded a significant directional switch.*

Kebetulan pula pada Ogos 1954 perwakilan Malaya ke Majlis Pemuda Demokratik Sedunia di Peking telah dipetik sebagai berkata bahawa “mereka mahu mengusahakan perundingan keamanan untuk mengakhiri perang di Malaya...” Menjelang November 1954 laporan pihak gerila yang dikeluarkan di kawasan Kedah/Pulau Pinang memasukkan laporan ini bersama-sama dengan persetujuan Persidangan Geneva tentang Indochina sebagai contoh, bagaimana perselisihan boleh diselesaikan dengan adil dengan cara yang aman (Nik Anuar 1998, 7). Ini semua tentu mendorong ke arah perundingan itu.

Mengenai perubahan politik di Malaya pula, dengan kemunculan Dato’ Onn dan Tengku sebagai pejuang kemerdekaan yang mendapat sokongan rakyat, peranan PKM sebagai pejuang kemerdekaan sudah tidak dapat dipertahankan lagi. Oleh itu, mengikut Chin Peng (2003, 360) PKM hanya mempunyai dua pilihan: *We could fight on and try militarily to win independence within the Tunku’s promised four-year time-frame an impossible goal. Or we could seek some form of negotiated settlement.*

Oleh yang demikian, pemimpin PKM merasa bahawa kedudukan mereka mungkin dapat diselamatkan jika mereka mencapai satu perjanjian dengan perwakilan yang dipilih oleh rakyat. Seterusnya, parti itu mahu muncul dari hutan dengan mendapat pengiktirafan yang jelas terhadap tuntutan mereka bahawa perjuangan bersenjata yang mereka lakukan adalah faktor penyumbang terhadap pencapaian kemerdekaan. Matlamat parti itu pada masa itu adalah untuk menunjukkan kepada orang ramai bahawa mereka berjuang menentang penjajah Inggeris dan tidak menentang perwakilan yang dipilih oleh rakyat Malaya. Parti itu juga ingin berpartisipasi dalam arena politik negara berdasarkan prinsip demokrasi berparlimen di samping menyumbang kepada doktrin baru dunia komunis tentang hidup bersama secara aman (Aloysius Chin 1995, 45).

Mengikut pendapat Aloysius Chin (1995, 45-46) seterusnya, Chin Peng menyedari bahawa perjuangan bersenjata yang dilancarkan oleh PKM telah gagal. Dengan itu, perhatian utama Chin Peng adalah untuk memelihara kekuatan PKM dan untuk mendapat beberapa keuntungan untuk PKM dari Perundingan Baling. Chin Peng mahu PKM diiktiraf sebagai parti politik yang legal di Malaya dan dibenarkan terus memegang senjatanya. Oleh itu, menjelang Perundingan Baling pada Disember 1955

PKM telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pusat yang diperluas dan membuat keputusan tentang mengadakan perundingan itu.

Sementara itu, sumber PKM (*50 Tahun Parti Komunis Malaya 1981, 88-89*) mengakui bahawa pada masa itu parti dan tentera PKM sedang mengalami kesukaran yang sangat besar, khususnya kesulitan mendapatkan bekalan makanan. Kekuatan parti itu dikatakan sangat diperlemah dan mereka mengalami keadaan pasif dalam perjuangan. Oleh itu, dalam keadaan demikian, pada Julai 1954 PKM telah melaksanakan garis opurtunis kanan dalam batas tertentu sehingga hampir-hampir meninggalkan perjuangan bersenjata. Keputusan PKM untuk mengadakan perundingan dengan kerajaan Malaya adalah juga merupakan hasil garis tersebut.

Bagaimanapun, PKM menegaskan dalam laporannya hampir 30 tahun kemudian (*50 Tahun Parti Komunis Malaya 1981, 90-91*):

Pada umumnya, perundingan perdamaian juga merupakan salah satu bentuk perjuangan. Dalam perang revolusioner, Parti Komunis tidak menolak semua perundingan perdamaian. Maka kita harus membuat penilaian yang menyeluruh ke atas Perundingan Baling. Di satu segi, perundingan itu diadakan di bawah bimbingan garis yang salah dan program yang salah, maka itu ia membayangkan kegoyangan kita dalam mempertahankan perjuangan bersenjata... Di lain segi seiring dengan itu sekali lagi menunjukkan kepada rakyat seluruh tanah air peranan besar dan kejujuran Parti kita dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Oleh yang demikian, sebulan sebelum pilihan raya 1955, PKM telah mengambil inisiatif mengemukakan tawaran untuk berunding bagi memberhentikan permusuhan. Tawaran itu terkandung dalam sepucuk surat dalam bahasa Cina, yang salinannya dikirimkan kepada beberapa orang tokoh di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Surat itu ditandatangani oleh Chin Peng sebagai wakil Tentera Pembelaan Rakyat Malaya dengan memakai nama samaran Wu Xing dalam bahasa Mandarin (yang menjadi Ng Heng bila diterjemahkan ke bahasa Kantonis), bertarikh 1 Mei 1955 dan diposkan dari Haadyai, Selatan Thailand. Surat itu, bagaimanapun, menolak pengampunan beramai-ramai yang ditawarkan oleh Perikatan ketika itu.

Keputusan PKM membuat tawaran untuk berunding itu tidak syak lagi kerana pilihan raya sudah pasti akan diadakan. Tambahan pula, sebagaimana yang dinyatakan di atas, tawaran itu selaras dengan polisi Komunis Antarabangsa yang beralih dari serangan bersenjata, atau ancaman serangan bersenjata, kepada perjuangan melalui jalan politik.

Akan tetapi, tawaran pertama dari PKM untuk berunding itu telah ditolak oleh kerajaan Malaya.

Bagaimanapun, dua bulan setelah memenangi pilihan raya yang diadakan pada 27 Julai 1955 dengan cemerlang, Tunku telah membuat kenyataan melalui Radio Malaya tentang kesediaannya bertemu dengan Chin Peng. Oleh itu, Chin Peng, Setiausaha Agung PKM telah menyambut kenyataan Tunku Abdul Rahman itu dengan mengirim surat tawaran kedua untuk berunding dengan Tunku. Surat daripada Jawatankuasa Pusat PKM itu, mengikut Chin Peng (2003, 364) ditulisnya dalam bahasa Inggeris dan bertarikh 2 Oktober 1955. Sepucuk surat lain yang bertarikh 4 Oktober 1955 dikirimkannya kepada David Marshall, Ketua Menteri Singapura. Kedua-dua surat itu katanya diposkan dari Pulau Pinang, walaupun mengikut Nik Anwar (1998, 14) kedua-dua surat itu diposkan dari Klian Intan, Perak.

Dalam kedua-dua surat itu, mengikut Nik Anwar (1998, 14) Chin Peng masih mengkritik pengampunan beramai-ramai yang ditawarkan oleh kerajaan Perikatan ketika itu sebagai tidak munasabah dan tidak dapat dilaksanakan dan mencadangkan supaya perundingan serta merta dijalankan secara langsung antara dua pihak yang berperang untuk mencapai gencatan senjata dan untuk menyelesaikan masalah pemansuhan Undang-Undang Darurat dan untuk mencapai kemerdekaan dengan cara yang aman.

Perundingan antara Chin Peng, Tunku dan David Marshall, yang disertai juga oleh Dato' Sir Tan Cheng Lok didahului oleh perundingan awal antara Chen Tien, wakil PKM dengan Too Joon Hing, Timbalan Menteri Pelajaran, wakil Tunku. Dalam pusingan ketiga perundingan awal itu, Tunku menurut Chin Peng (2003, 365-366) meminta Too Joon Hing menyampaikan pesan peribadinya melalui Chen Tien, bahawa, ...no mater what happens, he hopes Chin Peng will come and talk with him. If the first round of the talk fail to settle the problem, when he return from London, the Tunku will continue the discussions. Chin Peng menganjurkan pesanan itu sebagai tanda kejujuran Tunku dan meyakinkannya bahawa perundingan itu akan berjaya. Akan tetapi, Tunku tidak menunaikan janjinya untuk bertemu dengan Chin Peng setelah perundingannya dengan kerajaan British di London mencapai kejayaan, iaitu setelah dia mendapat persetujuan daripada kerajaan British bahawa kerajaan British akan memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

## Peristiwa yang Membawa kepada Perundingan di Pihak Kerajaan Malaya

Setelah dipilih menjadi Presiden baru UMNO pada 1951, Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan kepada para penyokongnya bahawa dia berazam untuk mencapai status berkerajaan-sendiri seberapa awal yang boleh. Bagaimanapun, Tunku percaya bahawa British tidak akan memberikan status berkerajaan-sendiri kepada Malaya selagi pengganas komunis belum dapat dikalahkan. Oleh itu, keutamaan pertama dalam dasar Perikatan ialah menamatkan Darurat dan dengan itu, segala cara yang mungkin akan dicuba untuk mencapainya (Nik Anuar 1998, 3).

Pada awal Januari 1955 Tunku Abdul Rahman telah membuat pengumuman yang dramatis bahawa pengampunan beramai-ramai akan ditawarkan kepada pihak komunis sebagai sebahagian daripada cara untuk menamatkan Darurat. Tunku membuat cadangan itu dengan jangkaan bahawa jika Malaya telah berkerajaan-sendiri, komunis tidak dapat lagi mendakwa berjuang menentang imperialism British dan akan bersedia memberhentikan perjuangannya. Cadangan Tunku mendapat sokongan daripada Dato' Sir Tan Cheng Lok, Presiden MCA, yang bahkan membuat pengumuman bahawa dia akan pergi ke hutan secara sukarela untuk berunding dengan komunis.

Reaksi umum terhadap cadangan Tunku adalah menggalakkan, kerana ia membawa harapan bahawa tindakan militan komunis akan dapat ditamatkan dan beban kewangan yang ditanggung oleh negara ini dalam memerangi pengganas akan dapat diringankan. Tambahan pula, pengampunan beramai-ramai yang secara kebetulan telah ditawarkan kepada pengganas Mau Mau di Kenya beberapa minggu sebelumnya telah mendorong minat umum tentang prospek pengampunan secara beramai-ramai yang sama di Malaya.

Pada 12 Januari 1955 mesyuarat Perikatan UMNO-MCA telah diadakan di Melaka untuk membincangkan cadangan Tunku. Mesyuarat memutuskan untuk meminta Kerajaan Persekutuan menawarkan syarat-syarat pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis. Keputusan komiti ialah pengganas yang menerima pengampunan beramai-ramai harus dihantar balik ke China atau dipulihkan dan dibenarkan tinggal di negara ini untuk menjadi warganegara yang baik.

Pihak berkuasa British memandang cadangan Tunku Abdul Rahman dengan curiga. British tidak percaya bahawa di bawah keadaan yang

Akan tetapi, tawaran pertama dari PKM untuk berunding itu telah ditolak oleh kerajaan Malaya.

Bagaimanapun, dua bulan setelah memenangi pilihan raya yang diadakan pada 27 Julai 1955 dengan cemerlang, Tunku telah membuat kenyataan melalui Radio Malaya tentang kesediaannya bertemu dengan Chin Peng. Oleh itu, Chin Peng, Setiausaha Agung PKM telah menyambut kenyataan Tunku Abdul Rahman itu dengan mengirim surat tawaran kedua untuk berunding dengan Tunku. Surat daripada Jawatankuasa Pusat PKM itu, mengikut Chin Peng (2003, 364) ditulisnya dalam bahasa Inggeris dan bertarikh 2 Oktober 1955. Sepucuk surat lain yang bertarikh 4 Oktober 1955 dikirimkannya kepada David Marshall, Ketua Menteri Singapura. Kedua-dua surat itu katanya diposkan dari Pulau Pinang, walaupun mengikut Nik Anwar (1998, 14) kedua-dua surat itu diposkan dari Klian Intan, Perak.

Dalam kedua-dua surat itu, mengikut Nik Anwar (1998, 14) Chin Peng masih mengkritik pengampunan beramai-ramai yang ditawarkan oleh kerajaan Perikatan ketika itu sebagai tidak munasabah dan tidak dapat dilaksanakan dan mencadangkan supaya perundingan serta merta dijalankan secara langsung antara dua pihak yang berperang untuk mencapai gencatan senjata dan untuk menyelesaikan masalah pemansuhan Undang-Undang Darurat dan untuk mencapai kemerdekaan dengan cara yang aman.

Perundingan antara Chin Peng, Tunku dan David Marshall, yang disertai juga oleh Dato' Sir Tan Cheng Lok didahului oleh perundingan awal antara Chen Tien, wakil PKM dengan Too Joon Hing, Timbalan Menteri Pelajaran, wakil Tunku. Dalam pusingan ketiga perundingan awal itu, Tunku menurut Chin Peng (2003, 365-366) meminta Too Joon Hing menyampaikan pesan peribadinya melalui Chen Tien, bahawa, ...no mater what happens, he hopes Chin Peng will come and talk with him. If the first round of the talk fail to settle the problem, when he return from London, the Tunku will continue the discussions. Chin Peng menganggap pesanan itu sebagai tanda kejujuran Tunku dan meyakinkannya bahawa perundingan itu akan berjaya. Akan tetapi, Tunku tidak menunaikan janjinya untuk bertemu dengan Chin Peng setelah perundingannya dengan kerajaan British di London mencapai kejayaan, iaitu setelah dia mendapat persetujuan daripada kerajaan British bahawa kerajaan British akan memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

## Peristiwa yang Membawa kepada Perundingan di Pihak Kerajaan Malaya

Setelah dipilih menjadi Presiden baru UMNO pada 1951, Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan kepada para penyokongnya bahawa dia berazam untuk mencapai status berkerajaan-sendiri seberapa awal yang boleh. Bagaimanapun, Tunku percaya bahawa British tidak akan memberikan status berkerajaan-sendiri kepada Malaya selagi pengganas komunis belum dapat dikalahkan. Oleh itu, keutamaan pertama dalam dasar Perikatan ialah menamatkan Darurat dan dengan itu, segala cara yang mungkin akan dicuba untuk mencapainya (Nik Anuar 1998, 3).

Pada awal Januari 1955 Tunku Abdul Rahman telah membuat pengumuman yang dramatis bahawa pengampunan beramai-ramai akan ditawarkan kepada pihak komunis sebagai sebahagian daripada cara untuk menamatkan Darurat. Tunku membuat cadangan itu dengan jangkaan bahawa jika Malaya telah berkerajaan-sendiri, komunis tidak dapat lagi mendakwa berjuang menentang imperialisme British dan akan bersedia memberhentikan perjuangannya. Cadangan Tunku mendapat sokongan daripada Dato' Sir Tan Cheng Lok, Presiden MCA, yang bahkan membuat pengumuman bahawa dia akan pergi ke hutan secara sukarela untuk berunding dengan komunis.

Reaksi umum terhadap cadangan Tunku adalah menggalakkan, kerana ia membawa harapan bahawa tindakan militan komunis akan dapat diatamatkan dan beban kewangan yang ditanggung oleh negara ini dalam memerangi pengganas akan dapat diringankan. Tambahan pula, pengampunan beramai-ramai yang secara kebetulan telah ditawarkan kepada pengganas Mau Mau di Kenya beberapa minggu sebelumnya telah mendorong minat umum tentang prospek pengampunan secara beramai-ramai yang sama di Malaya.

Pada 12 Januari 1955 mesyuarat Perikatan UMNO-MCA telah diadakan di Melaka untuk membincangkan cadangan Tunku. Mesyuarat memutuskan untuk meminta Kerajaan Persekutuan menawarkan syarat-syarat pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis. Keputusan komiti ialah pengganas yang menerima pengampunan beramai-ramai harus dihantar balik ke China atau dipulihkan dan dibenarkan tinggal di negara ini untuk menjadi warganegara yang baik.

Pihak berkuasa British memandang cadangan Tunku Abdul Rahman dengan curiga. British tidak percaya bahawa di bawah keadaan yang

terdapat pada Januari 1955 itu tawaran pengampunan beramai-ramai akan menyebabkan lebih ramai orang yang menyerah diri daripada polisi British pada masa itu yang menggalakkan pengganas menyerah diri secara individu berdasarkan pengertian bahawa mereka akan dilayan dengan lebih adil sebagai insan. Dalam telegramnya kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan, Pesuruhjaya Tinggi, Sir Donald MacGillivray, menyatakan: This would be unfortunate, particularly as we see nothing in present situation which would support the belief that an offer of amnesty at this juncture would be likely to be successful (Nik Anwar 1998, 3-4).

Penolakan Kerajaan Persekutuan terhadap cadangan Perikatan mendapat sokongan kuat daripada akhbar pro-British, *Manchester Guardian*. Dalam rencana pengarangnya, *Manchester Guardian* mengulas bahawa pengampunan beramai-ramai hanya sesuai apabila pemberontak tidak lagi mempunyai keinginan untuk menentang kerajaan dan mahu menjadi warganegara yang mengikut undang-undang. Bagaimanapun, keadaan ini tidak terdapat di Malaya pada masa itu. Anggota PKM yang aktif hanya menerima pengampunan beramai-ramai jika mereka merasa bahawa selepas itu mereka berada dalam kedudukan yang lebih kuat, bukan lebih lemah, dalam perjuangan mereka menentang kerajaan. Bentuk pengampunan beramai-ramai yang dicadangkan oleh Perikatan membayangkan seolah-olah komunis akan mengekalkan organisasi partinya dan akan mengubah tindakan mereka dari perang gerila kepada perjuangan melalui pilihan raya atau mengikut pelembagaan (Nik Anuar 1998, 5).

Bagaimanapun, Tunku tetap berpegang pada cadangannya untuk memberi pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis. Perikatan menyatakan semula cadangan tentang masalah pengampunan beramai-ramai itu dalam *Manifesto Pilihan Raya* yang dikeluarkan dalam Mei 1955. Manifesto itu mengandungi tawaran umum pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis dengan syarat berikut:

...To end the Emergency as soon as possible by offering a general amnesty and, if that fail, to mobilise all our resources and seek all foreign aid to increase the vigour and intensify of the fight against the terrorists (Nik Anuar 1998, 5).

Dalam hubungan ini patut disebut bahawa tawaran pertama PKM untuk berunding telah dibincangkan oleh kedua-dua Majlis Eksekutif dan Pengarah Komiti Operasi. Dalam mesyuarat itulah, yang turut dihadiri

oleh Tunku Abdul Rahman dan pemimpin lain, tawaran PKM telah ditolak dengan sebulat suara.

Bagaimanapun, setelah menolak tawaran PKM untuk berunding, Pengarah Komiti Operasi menganggap adalah penting untuk mengambil langkah yang positif untuk menunjukkan bahawa kerajaan telah melakukan apa saja dengan kuasa yang ada padanya untuk menamatkan Darurat. Komiti telah membincangkan hal itu dalam mesyuarat yang diadakan pada Jun dan Julai 1955 dan memutuskan untuk menawarkan pengampunan beramai-ramai kepada komunis.

Komiti juga mengambil kira pengisyiharan yang dibuat oleh Perikatan dalam *Manifesto Pilihan Rayanya*, bahawa ia akan mengisyiharkan pengampunan beramai-ramai, jika ia memenangi pilihan raya. Oleh kerana dijangka Perikatan akan menjadi parti majoriti, adalah wajar difikirkan terlebih dahulu cara-cara untuk menawarkan pengampunan beramai-ramai itu. Jika kerajaan menentang pemberian pengampunan beramai-ramai, dikhawatir komunis akan menggunakan hal itu untuk tujuan propaganda.

Apabila Parti Perikatan memenangi pilihan raya yang diadakan pada 27 Julai 1955, menjadi kewajipan Kerajaan Persekutuanlah untuk memutuskan syarat-syarat dan menentukan masa bagi menawarkan pengampunan beramai-ramai. Dalam kenyataan umumnya yang pertama selepas memenangi pilihan raya itu, Tunku berjanji bahawa keutamaannya yang pertama ialah menamatkan perang dengan cepat dan dia akan menawarkan pengampunan beramai-ramai pada masa yang sesuai dan dengan nasihat pakar.

Oleh itu, pada 8 September 1955 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan pengisyiharan pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis. Syarat-syarat pengampunan itu adalah seperti berikut (Nik Anuar 1998, 12; Wahba 1994, 11-112):

1. Kepada mereka yang datang menyerah diri, kamu tidak akan didakwa atas sebarang kesalahan berkaitan dengan Darurat, yang telah kamu lakukan di bawah arahan Komunis, sama ada sebelum tarikh ini ataupun tidak mengetahui tentang perisyiharan ini;
2. Kamu boleh menyerah diri sekarang dan kepada siapa yang kamu suka, termasuk orang awam;
3. Tidak ada gencatan senjata secara besar-besaran, tetapi pasukan keselamatan akan sentiasa berjaga-jaga untuk membantu mereka yang menerima tawaran ini dan untuk tujuan ini gencatan senjata tempatan akan diuruskan;

4. Kerajaan akan menjalankan siasatan ke atas mereka yang menyerah diri. Mereka yang menunjukkan bahawa mereka benar-benar berniat ikhlas untuk menumpahkan taat setia kepada Kerajaan Malaya dan hendak meninggalkan kegiatan komunis mereka akan dibantu untuk mencapai semula kedudukan mereka dalam masyarakat dan akan bersatu semula dengan keluarga mereka. Sebagai langkah keselamatan, beberapa peraturan dan sekatan akan dikenakan ke atas kebebasan mereka, tetapi siapa sahaja yang ingin balik ke China, permintaan mereka akan dipertimbangkan.

Menyusuli pengisytiharan itu, kempen publisiti secara intensif dalam skala yang tidak pernah dilakukan sebelumnya telah dilancarkan oleh Kerajaan. Para menteri telah menjelajah ke seluruh negara untuk mendesak rakyat menyeru pihak komunis supaya meletakkan senjata dan mengambil kesempatan daripada pengampunan beramai-ramai itu. Bagaimanapun, bilangan komunis yang menyerah diri sangatlah sedikit, walaupun ada kempen yang hebat itu.

Apabila Tunku Abdul Rahman menerima surat tawaran kedua daripada Chin Peng untuk berunding, Tunku dengan serta merta menjumpai Pesuruhjaya Tinggi, Sir Donald MacGillivray. Dalam perbincangan mereka, Tunku menyatakan adalah penting dia mengulangi kesediaannya untuk bertemu dengan Chin Peng dan tujuannya semata-mata untuk menjelaskan syarat-syarat pengampunan beramai-ramai. Jika tidak, Tunku berhujah, kejujuran usahanya untuk menamatkan Darurat dan membawa keamanan mungkin akan dipersoalkan.

Pada 30 September 1955 Tunku membuat pengumuman bahawa dia bersetuju untuk bertemu dengan Chin Peng, tetapi hanya untuk menjelaskan kepadanya pengisytiharan pengampunan beramai-ramai yang terbaru. Dia mungkin diiringi oleh Dato' Sir Tan Cheng Lok. Seorang pegawai yang mengenali Chin Peng akan dilantik sebagai Conducting Officer untuk menemui Chin Peng di tempat pertemuan di kawasan yang selamat, di mana gencatan senjata tempatan akan diaturkan. Jika Chin Peng ingin menghadiri pertemuan itu, dia hendaklah menulis surat secara peribadi kepada Tunku menyatakan nama tempat, masa dan tarikh pertemuan. Conducting Officer akan membawanya ke tempat pertemuan itu.

Sementara itu, sebagaimana yang telah dinyatakan, Chin Peng telah menulis surat kepada Tunku pada 2 Oktober 1955. Chin Peng ad<sup>alah</sup> mencadangkan supaya pegawai perhubungan kedua-dua pihak harus

mengadakan pertemuan di Utara Malaya untuk membincangkan atur cara mesyuarat. Dengan itu, pertemuan pertama antara pegawai-pegawai perhubungan telah diadakan di Klian Intan, Perak pada 17 Oktober 1955. Kerajaan Persekutuan diwakili oleh I.S Wylie, Timbalan Pesuruhjaya Polis, dan Too Joo Hing, Timbalan Menteri Pendidikan, sementara Chin Peng diwakili oleh Chen Tien, ketua Jabatan Propaganda Pusat PKM (Nik Anuar 1998, 15).

## Proses Perundingan

Perundingan Baling dijalankan di bangunan Sekolah Inggeris Kerajaan di pekan Baling pada 28, 29 dan 30 Disember 1955. Ia berlangsung lebih daripada lapan jam dan memakan masa lebih daripada dua hari. PKM diwakili oleh Chin Peng, Setiausaha Agung, Rashid Maidin, ahli Jawatan-kuasa Pusat dan Chen Tien, ketua Jabatan Propaganda Pusat PKM. Kerajaan pula diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, Dato' Sir Tan Cheng Lok dan David Marshall, Ketua Menteri Singapura.

Dalam ucapan pembukaannya pada hari pertama, Tunku Abdul Rahman mengucapkan terima kasih kepada Chin Peng dan rakan-rakannya kerana keyakinan yang mereka tunjukkan dengan menghadiri pertemuan itu. Bagaimanapun, dia mengingatkan bahawa tugasnya hanyalah untuk menerangkan syarat pengampunan beramai-ramai, dan bukan untuk membuat pengadilan terhadap mereka. Dia kemudian memperincikan perubahan politik yang berlaku di Malaya dan menerangkan bahawa kemenangan pilihan rayanya adalah berasaskan janji bahawa kolonialisme mestilah ditamatkan dan negeri ini mestilah diberi kemerdekaan. Dia kemudian menyatakan bahawa Pesuruhjaya Tinggi telah mengumumkan dalam Majlis Perundangan pada 30 November 1955 bahawa Kerajaan British tidak lagi menganggap bahawa pelanjutan Darurat sebagai halangan kepada Persekutuan menuju ke arah berpemerintahan-sendirinya. Kerajaan British bermaksud untuk mengadakan perundingan di London pada Januari 1956 berasaskan pengertian tersebut. Sejak itu perhimpunan UMNO telah meluluskan keputusan yang amat penting, iaitu Malaya mestilah diberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 (Nik Anuar 1998, 27).

Tunku kemudian menerangkan kepada Chin Peng bahawa matlamat partinya adalah untuk membawa keamanan kepada negeri ini. Tapi, pada pendapatnya, tidak ada jalan untuk membawa keamanan selain daripada

menawarkan pengampunan beramai-ramai yang sesuai bagi komunis menyerah diri. Tunku menegaskan jika komunis menerima pengampunan beramai-ramai semua orang akan diampunkan. Tunku kemudian menerangkan syarat-syarat pengampunan dengan lengkap. Tunku juga mengingatkan Chin Peng bahawa dia datang ke majlis perundingan itu bukan sebagai jurucakap Kerajaan British atau sebagai anjing buruan kolonialisme, tetapi sebagai hamba rakyat.

Chin Peng menjawab bahawa kerana dia menyedari bahawa Tunku bukan jurucakap kerajaan Britishlah maka dia sanggup bertemu dengan Tunku, walaupun tindakannya itu membahayakan dirinya. Chin Peng menerangkan bahawa dia datang ke pertemuan itu bukan untuk berhujah tentang ideologi, tetapi untuk mencari perdamaian yang akan mengurangkan kesengsaraan di kalangan rakyat. Chin Peng dengan tegas menyatakan bahawa PKM menolak tawaran pengampunan beramai-ramai kerana tidak membenarkan komunis menikmati status yang sama, yang membolehkan mereka yang ingin taat kepada kerajaan mendapat pertolongan mendapat kedudukan mereka kembali dalam masyarakat. Chin Peng mengingatkan kembali kenyataan Tunku pada masa yang lalu bahawa jika PKM memberhentikan perjuangan bersenjata, mereka boleh menikmati status yang sama, dan dengan itu boleh berjuang mencapai kemerdekaan melalui jalan pelembagaan. Akan tetapi, perkara itu tidak terkandung dalam syarat pengampunan beramai-ramai (Chin Peng 2003, 377-379).

Tentang perkara ini, Tunku menjawab bahawa pengampunan beramai-ramai khususnya diisyiharkan kepada komunis yang mahu meninggalkan komunisme dan mereka yang menunjukkan benar-benar mahu taat kepada kerajaan akan ditolong mendapat kedudukan mereka kembali dalam masyarakat. Bagaimanapun, komunis mesti menunjukkan taat setia mereka kepada Malaya. Pada pandangan Tunku, bersikap anti-British saja tidak cukup untuk menunjukkan seseorang itu taat setia kepada Malaya. Tunku menegaskan, rakyat Malaya menganggap bahawa keseluruhan aktiviti komunis adalah asing bagi cara hidup di Malaya. Mereka menganggap Parti Komunis kepunyaan kuasa luar dan anggotanya memberi taat setia kepada negara asing, bukan Malaya.

Dalam sesi kedua (pada 29 Disember 1955), perbincangan berkisar tentang taat setia kepada Malaya dan pengiktirafan terhadap PKM. Chin Peng meminta Tunku menerangkan makna sebenar taat setia kepada Malaya. Tunku menyatakan bahawa satu perkara yang diharap oleh rakyat Malaya ialah komunis akan memberhentikan aktiviti komunis. Taat setia kepada Malaya termasuk juga menerima kedudukan Raja-Raja dan

bersetuju menjunjung kemuliaan mereka. Dato' Sir Tan Cheng Lok menambah bahawa jika seseorang ingin tinggal di Malaya, dia mestilah bertanggungjawab dan bertugas sebagai warganegara yang baik. David Marshall mendefinisikan taat setia sebagai taat setia kepada kerajaan hari ini dan taat setia kepada proses pelembagaan yang membawa perubahan kepada kebijakan rakyat (Nik Anuar 1998, 28).

Perbincangan kemudian beralih kepada soal pengiktirafan terhadap PKM. Chin Peng menanya Tunku sama ada memberhentikan aktiviti komunis adalah bererti membubarkan PKM. Tunku menyatakan perkara itu adalah benar. Chin Peng menekankan satu perkara penting bahawa, sebagai anggota PKM, mereka tidak bersedia dipaksa oleh orang lain untuk melepaskan ideologi mereka, tetapi jika boleh, ingin menyerahkan kepada rakyat untuk membuat keputusan tentang ideologi itu. Tunku membalas bahawa jika PKM dibenarkan mengambil bahagian dalam pilihan raya yang bebas, rakyat akan memilih Perikatan. Tunku meneruskan bahawa ideologi Malaya dan komunis adalah tidak sama. Rakyat Malaya lebih menyukai cara hidup mereka dan komunis mesti menerima cara hidup yang sudah diterima oleh golongan majoriti. Chin Peng mengakui dalam masa beberapa tahun ini kemajuan politik telah berlaku di Malaya dan kerana itu dia percaya bahawa masanya telah sampai untuk komunis datang berunding dengan jujur dengan harapan mereka boleh menyelesaikan masalah mereka. Bagaimanapun, dia menegaskan, bahawa dia tidak boleh menerima syarat-syarat pengampunan beramai-ramai sebagaimana yang diumumkan, kerana syarat-syarat itu menghendaki mereka membubarkan PKM. Bila ditanya oleh Chin Peng apakah cara lain untuk menamatkan darurat, Tunku sekali lagi menjawab bahawa Chin Peng dan anggota PKM mesti menghentikan aktiviti komunis mereka dan membuktikan taat setia mereka kepada negeri ini.

Chin Peng tidak bersetuju dengan jawapan Tunku. Dia tidak dapat melihat mengapa sebagai komunis mereka harus mengisyiharkan kepada rakyat bahawa kita adalah komunis. Kita tidak ingin memasuki parti politik lain dan kemudian melakukan rancangan atau komploton kita. Kerana itulah kita ingin soal pengiktirafan terhadap PKM diselesaikan.

Kemudian Tunku menyatakan bahawa dia tidak meminta komunis melepaskan ideologi mereka. Ideologi seseorang adalah apa yang dipercayainya, tetapi aktiviti mereka adalah sesuatu yang berlainan (Nik Anuar 1998, 29).

Tunku menyatakan sekali lagi bahawa Kerajaan Persekutuan tidak bersedia untuk mengiktiraf PKM kerana aktiviti komunis berkaitan dengan

pembunuhan, dengan kekejaman, dengan tindakan semua jenis keganasan. Seterusnya, PKM juga terutamanya terdiri daripada bangsa Cina sahaja. Orang Melayu merasa bahawa ketaatan komunis adalah kepada Komunis China.

Chin Peng mengemukakan satu lagi soalan sebelum persidangan itu ditangguhkan. Adakah sesuatu keputusan yang diambil pada perundingan itu perlu diluluskan oleh Kerajaan British? Tunku menjawab, "Jika saya memutuskan dan Mr. Marshall bersetuju dengan saya, kelulusan Kerajaan British tidak diperlukan" (Nik Anuar 1998, 29).

Sesi yang berikutnya bermula pada pukul 6.30 petang dan berakhir pada pukul 8.05 malam. Chin Peng kembali kepada soal pengiktirafan terhadap PKM. Satu daripada beberapa soalan permulaan yang dikemukakannya ialah sama ada partinya akan diterima jika anggotanya terhad kepada warganegara persekutuan. Jawapan Tunku ialah "Tidak."

Perundingan itu kemudian beralih kepada aspek lain, seperti penahanan pengganas yang menyerah diri untuk tujuan soal siasat dan siasatan. Tunku menerangkan bahawa siasatan akan dilakukan dengan seberapa cepat. "Kita mahu awak berjanji bahawa awak tidak akan meneruskan aktiviti awak; yang mana kami anggap tidak setia kepada Malaya dan memudaratkan kepentingan Malaya dan rakyatnya. Kami mahu awak menandatangani perisytiharan tentang perkara ini" (Nik Anuar 1998, 29-30).

Chin Peng enggan menerima perkara ini dengan menyatakan bahawa jika prinsip ini dipaksakan, mereka akan meneruskan perjuangan mereka bagi "kemuliaan manusia". Ini mendorong Marshall mengemukakan soalan, "Maaf saya bertanya, tapi apa yang awak perjuangkan?" Jawab Chin Peng, "Ia sangat mudah, semata-mata untuk kemuliaan manusia." Marshall menyatakan bahawa menggunakan keganasan untuk memaksakan pandangan mereka ke atas penduduk yang tidak mahu menerimanya adalah tidak sesuai dengan kemuliaan manusia. Chin Peng mengakui bahawa pandangan mereka tentang perkara ini sangat berbeza dan dia bersedia untuk berhujah tentang perkara itu.

Sebenarnya pada peringkat inilah perundingan itu terhenti. Chin Peng berulang-ulang menimbulkan perkara yang didesak oleh pihak komunis, iaitu: pengiktirafan terhadap PKM, tidak ada tahanan, tidak ada siasatan dan tidak ada sekatan terhadap pergerakan mereka selepas menyerah diri. Tunku menjelaskan bahawa selepas siasatan dan selepas sekatan terhadap kebebasan mereka ditarik balik, komunis yang tinggal di Malaya boleh memasuki parti politik yang diiktiraf dan mengambil bahagian

dalam politik, tetapi mereka tidak dibenarkan membentuk Parti Komunis di bawah nama lain. Pada akhir sesi itu, Marshall merayu kepada mereka supaya cuba mempertimbangkan soal itu dengan serius dan memperingatkan bahawa sedikit pengorbanan mestilah ada di pihak mereka. Tunku memberitahu Chin Peng bahawa mereka bersedia untuk bertemu lagi pada pagi esoknya.

Perwakilan bertemu lagi pada pukul 10.30 pagi esoknya (30 Disember 1955). Akan tetapi, dari permulaan pertemuan itu lagi Chin Peng bertegas dengan dua tema utama yang diperjuangkannya, iaitu pengiktirafan politik terhadap PKM dan kebebasan bagi anggotanya yang menerima pengampunan beramai-ramai. Bagi Chin Peng, tujuan siasatan sama dengan menyerah diri dan dia tidak dapat menerimanya. Dia menganggap perkara itu sebagai penghinaan. "Jika anda meminta kita menyerah diri, kita lebih memilih untuk berjuang hingga orang yang penghabisan" (Chin Peng 2003, 386). Tunku menjawab bahawa penyerahan diri memang tidak dapat dielakkan. "...jika awak tidak keluar menyerah diri, kita tidak akan menerima awak ke dalam masyarakat kita. Jika awak mahu keamanan dalam negeri ini, sebelah pihak mesti mengalah, sama ada kami mengalah kepada awak atau awak mengalah kepada kami." Tunku menekankan bahawa dia tidak bersedia untuk membenarkan satu keadaan di mana Malaya akan dibahagi seperti yang berlaku dalam kes Korea dan Vietnam. Malaya terlalu kecil, dan oleh itu dia terpaksa berterus terang kepada mereka, bahawa mereka yang mesti menyerah diri. Sebelum meninggalkan tempat itu, Tunku merayu kepada Chin Peng supaya memikirkan kebajikan umum rakyat. Dalam masa satu jam, Chin Peng dan kawan-kawannya dibawa pergi dengan cepat balik ke Klian Intan. Pada hari esoknya dia menyertai pasukan pengawalnya dan balik semula ke Selatan Thailand (Nik Anuar 1998, 30).

## Peranan Tokoh Melayu

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, salah seorang yang mewakili PKM dalam perundingan Baling ialah Rashid Maidin, seorang tokoh Melayu PKM. Rashid Maidin mungkin dipilih menyertai perundingan itu, antara lain kerana dia sudah berpengalaman menjadi wakil PKM menghadiri Persidangan Parti Komunis Komanwel di London pada 1947.

Bagaimanapun, sepanjang Perundingan Baling itu nampaknya hanya Chin Peng seorang sahaja yang banyak bercakap bagi pihak PKM. Chin

Peng bercakap dalam bahasa Cina dan diterjemahkan oleh Chen Tien ke dalam bahasa Inggeris. Peranan Rashid Maidin dalam perundingan itu hampir tidak kelihatan, walaupun dia mungkin ada memberi apa-apa pandangan kepada Chin Peng dan pada satu peringkat dalam perundingan itu mereka ada berbincang sesama sendiri (Wahba 1994, 82).

Mengikut memoir yang ditulis oleh setiausaha Tunku (Wahba 1994, 74-75; 84) hanya terdapat dialog berikut antara Tunku dan Marshall dengan Rashid Maidin:

- Tunku: Awak semua sudah makan?
- Rashid: Sudah.
- Tunku: Adakah awak berasa letih?
- Rashid: Tidak.
- Marshall: Awak hisap paip (kepada Rashid).
- Rashid: Ya.
- Marshall: Tembakau cap apa?
- Rashid: (Mengangkat sebuah tin) *Old English*.
- Tunku: Rashid, adakah mempunyai anak isteri?
- Rashid: Ya, Engku.
- Tunku: Rashid anak Perakkah?
- Rashid: Ya, Engku.

Selain daripada dialog ringkas itu, tidak ada sebarang catatan yang menunjukkan Rashid ada memberi apa-apa pandangan atau pendapat dalam perundingan itu. Mungkin sudah diputuskan oleh mereka secara bersama, bahawa dalam perundingan itu hanya Chin Peng seorang sahaja yang akan bercakap sebagai wakil PKM.

Bagaimanapun, kehadiran Rashid Maidin adalah penting untuk menunjukkan bahawa PKM ada mempunyai pemimpin Melayu dan dengan itu PKM dapat menunjukkan bahawa PKM mempunyai ahli dan penyokong daripada orang Melayu. Sebab itulah Rashid Maidin yang kebetulan merupakan seorang ahli Jawatankuasa Pusat PKM telah ditampilkan di barisan hadapan.

## Mengapa Gagal?

Pokok perundingan itu gagal disebabkan kedua-dua belah pihak berpegan teguh pada pendirian masing-masing dan tidak sedikit pun mahu mengalah

atau bertolak ansur. Perkara utama yang kedua belah pihak tidak boleh bertolak ansur ialah tentang pengiktirafan terhadap PKM dan tentang soal siasat terhadap anggota PKM yang menerima tawaran pengampunan beramai-ramai. Pihak PKM mahu PKM diiktiraf dan mahu orang yang menerima pengampunan beramai-ramai diberi kebebasan, iaitu tidak ditahan dan disoal siasat. Jika ditahan dan disoal siasat, bagi Chin Peng sama dengan menyerah diri. Sebaliknya pihak Kerajaan Persekutuan tidak mahu mengiktiraf PKM dan mahu anggota PKM menyerah diri dan disoal siasat.

Bagaimanapun, jika kenyataan Tunku kepada Said Zahari (2001, 298) benar, Tunku dari mulanya lagi memang tidak mengharapkan perundingan itu akan berjaya. Kata Tunku sebagaimana yang diucapkan kepada Said Zahari, “No, I am not. I never wanted it to be a success.”

Mengikut pendapat Said (2001, 300) Tunku Abdul Rahman memang tidak ada niat hendak mendapatkan sebarang penyelesaian politik dengan Chin Peng kerana beliau sedar sikap dan penentangan rakyat, terutamanya orang Melayu terhadap ideologi komunis dan perjuangan bersenjatanya di Malaya. Akan tetapi, Tengku mahu menggunakan faktor PKM itu sebagai alat tekanan politik ke atas British semasa beliau merundingkan kemerdekaan Malaya dengan kerajaan British.

## Kesan Kegagalan

Setelah perundingan itu gagal, Tunku berasa lebih yakin akan mendapatkan kemerdekaan, mengikut rancangan Parti Perikatan, apabila beliau berhadapan dengan wakil-wakil kerajaan British dalam Rundingan Merdeka di London. Hal ini demikian kerana pertamanya, Tunku telah membuktikan kepada British yang beliau mampu menangani Chin Peng. Pada masa yang sama, Tunku juga telah meyakinkan Chin Peng dan mendengar sendiri pengakuan Chin Peng bahawa beliau (Tunku Abdul Rahman) bukannya jurucakap penjajah dan bukan juga ‘anjing buruan’ penjajah British.

Di pihak Chin Peng pula, dia dikatakan ada menulis surat kepada Tunku pada 12 Oktober 1957, iaitu setelah Malaya mencapai kemerdekaan meminta rundingan semula diadakan. Mengikut Chin Peng, “... saya bersedia berunding semula dengan Tunku untuk mencapai suatu persetujuan yang adil dan munasabah bagi menamatkan perperangan.”

Akan tetapi, surat ini tidak mendapat perhatian dan balasan daripada Tunku (Nik Anuar 1998, 98).

Kegagalan Perundingan Baling itu dikatakan sangat mengecewakan Chin Peng. Oleh itu, pada 1958, Chin Peng telah mengumumkan dasar baru parti itu, iaitu *folding up the banner and silencing the drums*, maksudnya meletakkan senjata atau tidak meneruskan perjuangan bersenjata (Aloysius Chin 1995, 50).

Serentak dengan itu, PKM juga mengamalkan dasar neutral atau tidak berpihak terhadap Kerajaan Thailand. Pelbagai surat sebaran telah dicetak dan disebarluaskan dan sebahagiannya diposkan kepada pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan Thailand sehingga sampai ke Bangkok untuk menyatakan bahawa PKM tidak bermaksud untuk mencampuri urusan dalaman Thailand dan hanya menggunakan Selatan Thailand sebagai tempat pelindungan sementara. Dasar ini, pada tahap tertentu, telah mempengaruhi beberapa pegawai Thailand di Selatan Thailand supaya mengamalkan dasar *live and let live* terhadap PKM.

Pada akhir 1958 dasar *demobilization* pula diperkenalkan oleh PKM. Dengan itu, PKM/TPRM membenarkan anggotanya yang sudah tua atau tidak berminat lagi untuk meneruskan perjuangan meninggalkan pasukan itu (Aloysius Chin 1995, 50).

## Bab 9

### Antara Baling dan Haadyai

#### Pengukuhan Pasukan Bersenjata

##### Sebelum 1962

Antara Perundingan Baling pada 1955 dengan Perjanjian Perdamaian Haadyai pada 1989, terbentang jarak masa yang agak panjang, iaitu selama 34 tahun. Apakah yang dilakukan oleh Rejimen Ke-10, yang membolehkan mereka bertahan dalam masa yang begitu panjang?

Antara 1955 hingga 1962, setelah berada di Selatan Thailand, PKM sebenarnya hampir meninggalkan perjuangan bersenjata. Ini berkaitan dengan dasar “mengundurkan diri” yang disebut sebelum ini, yang diambil pada 1958, iaitu membenarkan anggota yang tidak berminat lagi untuk berjuang atau tidak sanggup meneruskan perjuangan bersenjata mengundurkan diri atau diizinkan keluar dari pasukan (Aloysius Chin 1995). Bagaimanapun, anggota pasukan Rejimen Ke-10 tidak ada yang mengundurkan diri. Justeru dalam tempoh itu Rejimen Ke-10 telah mengambil beberapa langkah penting untuk mengukuhkan pasukan bersenjatanya, yang pada mulanya hanya mempunyai anggota kira-kira 60 orang.

Antara langkah penting yang diambil oleh Rejimen Ke-10 adalah mengadakan pelbagai kursus yang berkaitan dengan politik, ideologi dan ketenteraan. Kandungan kursus termasuk mempelajari situasi dalam dan luar negeri, masalah kemasyarakatan dan pengetahuan am. Di samping itu turut juga diadakan kursus membasmikan huruf dan meningkatkan penguasaan bahasa para perajurit. Dalam hal ini mereka digalakkan menulis karangan berbentuk akhbar dinding, sajak, syair, pantun dan lain-lain. Bahagian penerbitan dalam pasukan pula diarahkan memberi kerjasama dengan menerbitkan bahan pembelajaran untuk para perajurit,

di samping mencetak bahan-bahan propaganda untuk orang luar (Abdullah C.D. 1998, 170-171).

Dalam bidang ketenteraan, anggota pasukan itu dilatih untuk menguasai pelbagai teknik ketenteraan. Setiap hari diadakan latihan, seperti perbarisan, menembak sasaran, mempertahankan diri dengan tangan kosong (tanpa senjata), menyerang pos musuh pada waktu malam dan pelbagai teknik pertempuran.

Dari segi ekonomi, makan pakai perajurit sentiasa diambil berat. Pada masa itu soal perbekalan tidak menjadi masalah, kerana mereka mendapat sokongan daripada orang ramai di kawasan yang mereka diami. Walaupun pihak berkuasa Thailand menggunakan pelbagai cara untuk menyekat pembelian barang-barang, tetapi orang ramai masih boleh berikhtiar untuk membelikan barang-barang bagi anggota pasukan. Pada masa yang sama, anggota pasukan melakukan kerja-kerja produksi dengan membuka ladang, menanam pelbagai jenis bahan makanan (seperti ubi-ubian dan sayur-sayuran), mengusahakan penternakan, memburu binatang, menangkap ikan dan lain-lain. Dengan itu kehidupan ekonomi anggota pasukan pada umumnya adalah baik.

Sementara itu, aktiviti yang berkaitan dengan hiburan dan kebudayaan, seperti nyanyian, tarian, permainan dan lain-lain juga tidak ditinggalkan. Setiap hari kebesaran, seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji, Hari Parti 30 April, Hari Tentera 1 Februari, Hari Rejimen Ke-10 21 Mei, Hari Memperingati Perang Pembebasan Nasional Anti-British 20 Jun, Hari Kebangsaan 31 Ogos, Hari Buruh Sedunia 1 Mei, Hari Pekerja Wanita Sedunia 6 Mac dan lain-lain dirayakan dengan meriah mengikut keadaan semasa. Perayaan itu diselang-selikan dengan acara kesenian revolusioner dan lain-lain. Dengan demikian, kehidupan para perajurit sentiasa diliputi suasana cergas, ceria dan segar bugar (Abdullah C.D 1998, 172).

## Selepas 1962

Dalam usaha meneruskan pengukuhan pasukan, antara langkah penting yang diambil oleh Rejimen Ke-10 adalah mengadakan gerakan belajar secara berterusan, iaitu mengadakan kursus-kursus melalui apa yang dinamakan Sekolah Parti, seperti yang akan dihuraikan di bawah.

Dalam Sekolah Parti Pertama yang diadakan pada 1962, antara lain telah diumumkan pedoman baru parti, iaitu Bertahan secara aktif, berkembang selangkah demi selangkah. Dengan adanya pedoman baru,

yang dianggap sebagai pembetulan kepada dasar parti yang lama, maka perjuangan bersenjata mulai digerakkan semula (Abdullah C.D. 1998, 175-176).

Seiring dengan dasar baru yang lebih terbuka itu, Rejimen Ke-10 mula merekrut perajurit baru memasuki pasukan bersenjata. Dengan itu, pasukan Rejimen Ke-10 telah berkembang secara beransur-ansur.

Apabila memasuki 1970-an, pasukan Rejimen Ke-10 telah mengalami satu kemajuan yang nyata. Pasukan diperbesar terus menerus; anggota baru tidak putus-putus memasuki pasukan. Mereka bukan sahaja terdiri daripada anak-anak kaum tani Melayu dari kawasan sempadan, tetapi daripada bangsa Thailand. Mereka berganding bahu dengan perajurit lama menjalankan pelbagai tugas. Selain itu, seiring dengan meluasnya penggunaan alat-alat komunikasi, pasukan bukan sahaja dapat berhubung secara langsung dengan Jawatankuasa Pusat, tetapi juga dengan unit-unit penyusun massa dan lain-lain untuk memberi arahan dan menerima laporan yang tepat pada waktunya (Abdullah C.D. 1998, 181-182).

## Pengukuhan Pengkalan Basis Sempadan Sebelum 1962

Untuk mengembangkan dan mengukuhkan pengkalan basis sempadan, antara langkah utama yang diambil oleh pucuk pimpinan Rejimen Ke-10 adalah menyusun regu-regu penyusun massa secara berterusan, iaitu dengan memberikan arahan secara terperinci tentang cara-cara pengukuhan dan perkembangannya. Dengan itu, bukan sahaja pengkalan basis dapat diperkuuh dan diperkembangkan, malah pengaruh Rejimen Ke-10 meluas dan bersemarak dari Narathiwat hingga ke Yala dan Pattani (Abdullah C.D. 1998, 172).

Di pengkalan basis sempadan itu, Rejimen Ke-10 bukan sahaja mendapat sokongan daripada orang ramai daripada pelbagai lapisan, malah dari tokoh-tokoh berpengaruh dalam masyarakat yang datang membuat hubungan dengan Rejimen Ke-10.

Oleh yang demikian, di kawasan basis, khususnya di kampung-kampung yang termasuk dalam lingkungan gerakan pasukan, dapat didirikan pakatan-pakatan sekampung, seperti gotong-royong, syarikat kerjasama dan lain-lain, dan dapat didirikan organisasi massa, seperti badan pemuda, badan wanita, lasykar rakyat dan lain-lain. Di sesetengah tempat

dapat didirikan Sekolah Tani yang dihadiri oleh penduduk kampung dari pelbagai tempat.

Sementara itu, dalam batas tertentu, pimpinan Rejimen Ke-10 juga dapat membuat hubungan dengan pegawai-pegawai pentadbir tempatan. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada mereka bersimpati dengan perjuangan Rejimen Ke-10.

Dengan demikian, sejak 1950-an lagi terbentuklah satu pengkalan yang kukuh di kawasan sempadan, di beberapa wilayah Selatan Thailand. Pengkalan yang kukuh itu boleh dikatakan sama dengan yang terdapat di Temerloh dahulu (Abdullah C.D. 1998, 173).

## Selepas 1962

Untuk memperkembangkan lagi kawasan basis serta untuk memudahkan pekerjaan di tanah air, pada 1963 unit penyusun massa yang dipimpin oleh Ibrahim Chik diarahkan bekerja di kawasan Bukit Tar. Pada awal 1965 pula unit penyusun massa yang dipimpin oleh Abu Samah diarahkan balik ke kawasan Weng dan Sungai Padi. Satu unit khas juga dibentuk dan dihantar ke kawasan Sukhirin untuk menjalankan kerja produksi. Pada Oktober 1965, pasukan induk Rejimen Ke-10 bertolak ke pangkalan lama di selatan. Dengan itu, selain unit-unit yang tersebut di atas, beberapa unit penyusun massa lagi telah dibentuk untuk menjalankan pelbagai tugas yang dikoordinasikan (Abdullah C.D. 1998, 178-179).

Sementara itu, Badan Inteligen yang dibentuk oleh penjajah British telah memperhebatkan tekanannya ke atas basis-basis Rejimen Ke-10. Bagaimanapun, orang ramai yang kuat menyokong Rejimen Ke-10 telah bangkit menentang tekanan pihak penjajah itu, malah ada di antara mereka yang memasuki pasukan Rejimen Ke-10. Pada masa yang sama, pekerjaan di tanah air mencapai hasil yang menggalakkan (Abdullah C.D. 1998, 179).

## Peluasan Badan Pimpinan Rejimen Ke-10 dan Tugasnya

Pada 1955 Jabatan Kerja Melayu PKM telah dibubarkan. Misi Suriani sebagai Pegawai Penghubung antara Jawatankuasa Pusat dengan Rejimen Ke-10 juga sudah selesai. Dengan itu, Markas Besar Rejimen Ke-10 telah dipeluaskan dengan memasukkan Suriani, Abu Samah

Mohamad Kassim dan Ibrahim Chik sebagai anggotanya. Keanggotaan badan itu ditambah lagi dengan memasukkan Mat Amin Yaacob pada 1964 dan Abdullah Sudin pada 1983 (Suriani 1999, 146).

Pada 1956 Musa Ahmad bersama dengan dua orang lain dihantar ke China untuk belajar teori. Mereka diikuti oleh kumpulan kedua seramai tiga orang yang diketuai oleh Mat Amin, yang bertolak ke sana pada pertengahan 1956. Selain belajar teori, Mat Amin juga ditugaskan untuk belajar tentang ketenteraan.

Bagi Rashid Maidin, setelah menghadiri Perundingan Baling, beliau bertugas di rejimen yang lain. Beliau kembali ke pasukan Rejimen Ke-10 pada 1959 bersama anggota Rejimen Ke-10 yang dibawanya dari Temerloh dan sebahagian anggota Melayu daripada Rejimen ke-8. Beliau dipindahkan ke Pasukan Kawasan Khas pada 1962 untuk bersama-sama memimpin pasukan itu. Selepas 10 tahun, iaitu pada 1972 beliau kembali semula ke Rejimen Ke-10 dengan membawa sejumlah anggota dari Pasukan Kawasan Khas.

Pada 1964 telah ditubuhkan Jawatankuasa Pusat Rejimen Ke-10 dengan Abdullah C.D. sebagai Setiausaha, dan Suriani Abdullah sebagai Penolong Setiausaha. Sebagai setiausaha dan penolongnya, tugas utama Abdullah C.D. dan Suriani adalah memimpin pasukan organ atau pasukan induk Markas Besar dan memimpin serta mengarahkan semua pasukan dan unit Rejimen Ke-10 untuk seluruh pekerjaan.

Pada mulanya pasukan induk bertapak di kawasan Weng, kemudian berpindah ke Bannang Star pada 1957. Pasukan induk bergerak ke bahagian timur kawasan sempadan Weng dan Sungai Padi pada Oktober 1965. Pada 1967 pasukan induk berpindah pula dari Weng ke Sungai Padi, kemudian pada 1969 berpindah balik ke Weng. Mulai Disember 1976 hingga Februari 1977 pasukan induk melakukan pemindahan strategik dari kawasan Weng ke Sukhirin.

Sementara itu, Abu Samah Mohamad Kassim dan Ibrahim Chik pula ditugaskan memandu pasukan atau unit penyusun massa menjalankan kerja di pelbagai kawasan. Pada mulanya Abu Samah memimpin pasukan penyusun massa bergerak ke Tanah Putih, manakala Ibrahim Chik memimpin pasukan penyusun massa yang lain bergerak di Jabat. Ibrahim Chik membawa unit pekerja massa bergerak di Bukit Tar pada 1963. Abu Samah pula membawa pasukannya bertolak ke bahagian timur kawasan sempadan Weng dan Sungai Padi untuk memulihkan organisasi massa di tempat itu dan membuat kerja-kerja bawah tanah ke Malaysia pada Mei 1965 (Suriani 1999, 146-147).

Pada 1964, Mat Amin balik dari China lalu dilantik menjadi anggota Markas Besar. Pada mulanya dia bertugas dalam pasukan induk Rejimen Ke-10, iaitu mengajar teori dan taktik ketenteraan kepada anggota pasukan itu. Kemudian dia membawa satu pasukan penyusun massa bergerak di kawasan Weng. Pada penghujung April 1970, dia ikut serta dalam Platun Merdeka dan menjadi pembantu Abu Samah mara ke selatan. Bagaimanapun, dia terkorban dalam pertempuran di Jeli pada Mei 1970.

Pada 1965, Dewan Rendah Utara Malaya Pertama telah didirikan. Anggotanya terdiri daripada Abdullah C.D (selaku Setiausaha), Rashid Maidin, Suriani, Abu Samah dan Ibrahim Chik. Abdullah Sudin yang datang ke Rejimen Ke-10 pada 1983 juga dilantik menjadi anggota Dewan Rendah Pertama tersebut. Tugas Abdullah Sudin adalah memimpin kerja penerbitan dan pendidikan.

Tiga tahun kemudian, iaitu pada 1968, Sidang Jawatankuasa Pusat sempena ulangtahun ke-20 pada 20 Jun telah memutuskan untuk menghantar pasukan bagi mengembangkan kerja ke Malaysia. Dengan itu, di Rejimen Ke-10 telah didirikan Pasukan Propaganda Khas. Abu Samah membawa pasukan itu ke Kelantan pada Januari 1969. Pada April 1970, Pasukan Propaganda Khas balik dari Kelantan dan disusun semula menjadi Platun Merdeka pada penghujung bulan itu. Kemudian Abu Samah yang dibantu oleh Mat Amin bertolak semula ke Kelantan, tetapi diarahkan balik pada 1971 (Suriani 1999, 147-148).

## Sekolah Parti

Pada 1962 Jawatankuasa Pusat PKM telah menyelenggarakan Sekolah Parti Pertama Utara Malaya di pengkalan Rejimen Ke-10, di Kampung Kuala Kaih, Bannang Star, Yala. Sekolah Parti Pertama itu berlangsung selama dua bulan dan telah dihadiri oleh pimpinan dari pelbagai peringkat dan anggota pelbagai pasukan, seperti Organ Pasukan Khas, Rejimen Ke-12, Rejimen Ke-10, Rejimen Ke-8 dan Pasukan Khas. Sekolah Parti itu telah dipenuhi dengan kursus-kursus mempelajari semangat dan pedoman baru parti dan kursus-kursus tentang pelbagai masalah seperti politik, ideologi dan ketenteraan; latihan militer dan lain-lain.

Kerja politik adalah kerja yang paling pokok dalam membangun dan mendewasakan pasukan. Mengkaji pengalaman sejarah selama ini, kerja politik menjadi sebuah utama Rejimen Ke-10 dapat mempertahankan perjuangan bersenjata sehingga ia

**ditamatkan.** Masalah menyelenggarakan sekolah parti pula adalah bentuk yang paling berkesan bagi pendidikan terhadap kawan-kawan (Suriani 1999, 158).

Satu hal yang penting dan bersejarah adalah di Sekolah parti ini telah diumumkan pedoman baru parti, iaitu Bertahan secara aktif, berkembang selangkah demi selangkah. Pedoman baru parti ini adalah pembetulan kepada kesalahan dasar PKM sebelum itu.

Setelah tamatnya Sekolah Parti Pertama Utara Malaya, pelbagai pasukan (kecuali Organ Pasukan Khas) bergerak menuju pengkalan masing-masing untuk memulihkan pekerjaan. Tidak lama kemudian, Rashid Maidin bersama beberapa orang anggota Rejimen Ke-10 membuka basis baru di Kawasan Khas. Semenjak itu perjuangan bersenjata berkobar semula.

Setelah Sekolah Parti Pertama itu berakhir, menerusi Rejimen Ke-10, badan pimpinan terus mengadakan sekolah parti untuk kader dan anggota rejimen. Sekolah Parti Ke-2, Ke-3, Ke-4 dan Ke-5 diadakan di pelbagai unit tempatan. Sekolah Parti Ke-6 diadakan untuk seluruh kawasan Rejimen Ke-10 pada penghujung 1963, setelah tamatnya kempen serangan musuh pada awal tahun itu.

Pada 20 November 1964 diadakan pula kursus jangka pendek yang dinamakan Sekolah Lenin. Kursus itu berlangsung sehingga 30 Mac 1965. Dalam kursus itu badan pimpinan Rejimen Ke-10 telah menyampaikan petunjuk baru kepada anggota pasukan itu. Antara mata pelajaran yang disampaikan termasuklah mengenai Tradisi Revolusioner Parti Yang Mulia dan Menentang Subjektivisme. Kursus itu ditamatkan dengan perarakan dan perbarisan (Suriani 1999, 160).

Pada penghujung 1966 hingga awal 1967 diadakan Sekolah Politik-Militer di kem markas induk Rejimen Ke-10. Sekolah ini disusuli dengan Sekolah Parti 20 Jun pada 1967.

Sekolah Parti Bukit Seratus menyusul sebagai sekolah parti yang berikutnya. Ia dimulai pada penghujung Oktober 1968 dan ditamatkan pada Februari 1969. Selama dua minggu diadakan aktiviti kerana menyambut kepulangan Abdullah C.D. dari menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti. Kemudian disusuli dengan aktiviti merayakan 20 tahun revolusi.

Pada 1969 diadakan Sekolah Ho Chi Minh di kawasan Sungai Padi. Acara utama sekolah ini ialah:

1. Mempelajari semangat kepahlawanan rakyat Vietnam menentang imperialism;



2. Menyimpulkan pengalaman perjuangan yang lalu;
3. Merayakan kejayaan parti mendirikan stesen radio Suara Revolusi Malaya yang mulai berkumandang di udara pada 15 November 1969;
4. Mempelajari karya Mao Tze-Dong;
5. Mempelajari dan menyimpulkan pengalaman praktikal dalam pertempuran.

Mulai 1 Julai 1984 diadakan kursus jangka panjang yang dinamakan Sekolah Marxis. Sekolah ini berlangsung hingga 1988. Kandungannya antara lain termasuklah mempelajari teori, sejarah tanah air serta masalah praktikal mengenai revolusi di Malaysia. Kursus itu disertai dengan ulangkaji dan ujian. Setelah tamat kursus dikeluarkan sijil untuk peserta kursus itu (Suriani 1999, 162).

## Kerja Bawah Tanah

Ketika mereka berpengkalan di kawasan Weng pada akhir 1950-an, di samping melakukan kerja menyusun massa di kawasan sempadan, regu-regu penyusun massa juga mula melakukan kerja bawah tanah di tanah air. Mereka mengadakan hubungan tertentu dengan pelbagai tokoh masyarakat di tanah air, termasuk pemimpin parti pembangkang, kakitangan kerajaan dan para pelajar (Abdullah C.D 1998, 190-191).

Pada 1965, pekerjaan bawah tanah itu telah berkembang di kalangan pelajar dari beberapa buah pusat pengajian Islam. Mereka selalu datang berhubung dan berbincang dengan kader penyusun massa dari Rejimen Ke-10. Kerana perkembangan yang menggalakkan itu, maka atas usul Abdullah C.D., telah ditubuhkan sebuah badan yang dinamakan Parti Persaudaraan Islam Malaya atau singkatannya PAPERI pada 22 April 1965.

Setelah PAPERI ditubuhkan, cawangannya muncul dan berkembang di beberapa negeri, seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang, Perlis dan tempat-tempat lain. Anggotanya terus bergiat membangkitkan orang ramai, khasnya umat Islam supaya menyokong Rejimen Ke-10.

Dalam 1970-an, beberapa orang kader bawah tanah telah memasuki Rejimen Ke-10. Dengan itu, pada 1976 Markas Besar Rejimen Ke-10 telah membentuk Jawatankuasa Kerja Bawah Tanah yang dianggotai oleh kader-kader bawah tanah tersebut. Jawatankuasa itu telah memainkan peranan penting memimpin pelbagai jurusan kerja bawah tanah.

Memasuki 1980-an, keadaan di kawasan basis sempadan semakin mantap. Dengan itu, kerja bawah tanah juga telah berkembang ke seluruh negara. Mereka yang terlibat telah menyusun kakitangan kerajaan, askar, polis, tokoh dan anggota parti pembangkang, termasuk bekas ahli PKMM dan orang Melayu dari pelbagai lapisan.

Kerana perkembangan itu, kader-kader bawah tanah telah mengusulkan supaya dibentuk sebuah parti baru yang bercorak kebangsaan dan progresif. Setelah mengkaji usul tersebut dengan teliti, badan pimpinan Rejimen Ke-10 bersetuju menubuhkan sebuah parti baru yang dinamakan Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya (PKMRM) sebagai kesinambungan dan pewaris perjuangan PKMM.

Parti baru ini ditubuhkan pada 24 Mei 1981. Abdullah C.D. bersetuju menjadi pengurusnya untuk menunjukkan bahawa PKMRM adalah kesinambungan daripada KMM dan PKMM, kerana dia pernah terlibat memimpin kedua-dua parti yang wujud terdahulu itu. Dalam manifesto parti itu pula memang dinyatakan bahawa PKMRM adalah lanjutan daripada PKMM dalam peringkat sejarah dewasa ini. Oleh itu, perjuangannya tak terpisahkan daripada PKMM dahulu (Abdullah C.D. 1998, 193).

Sungguhpun PKMRM bergerak secara sulit, tetapi ia telah membentuk cawangan yang luas di seluruh Malaysia. Di pelbagai negeri dan daerah, termasuk pusat pengajian, ada didirikan cawangannya. Akhbar *Suluh Rakyat* diterbitkan di pasukan Rejimen Ke-10 sebagai lidah rasmi parti itu. Di samping mempropagandakan perjuangan PKMRM, akhbar itu juga memaparkan hasrat orang Melayu, kisah-kisah perjuangan PKMM dan tokoh nasionalnya pada masa yang lalu dan lain-lain.

Pasukan Rejimen Ke-10 hampir tidak putus-putus dikunjungi oleh kader-kader PKMRM, kerana berkembangnya gerakan bawah tanah pada masa itu. Setiap kali mereka datang, pasukan akan mengadakan pertunjukan pentas berupa acara kesenian, seperti nyanyian, tarian dan lain-lain. Kadang-kadang diadakan juga upacara perbarisan atau pertunjukan militer untuk menyambut mereka.

Dengan menggunakan keadaan dan peluang yang baik itu, Badan Politik Rejimen Ke-10 secara berturut-turut menerbitkan beberapa buah buku yang merupakan kajian Abdullah C.D. semenjak dia menceburkan diri dalam KMM, PKM dan PKMM sehingga memasuki perjuangan bersenjata. Buku-buku itu disusun dengan bantuan beberapa orang dari golongan cerdik pandai dan digunakan untuk bahan pembelajaran anggota pasukan itu. Antaranya ialah *Malaya Pada Zaman Feudal*, *Strategi Penjajah British untuk Menguasai Malaya*, *Perkembangan*

*Masyarakat Tanah Melayu dan Patriotisme dan lain-lain (Abdullah C.D. 1998, 194-195).*

## Pasukan Penggempur Mara ke Selatan

Dalam sidang Jawatankuasa Pusat PKM yang diadakan di Organ Pasukan Khas pada 1968, telah diluluskan sebuah pernyataan penting sempena ulang tahun ke-20 Perang Pembelaan Nasional Anti-British 20 Jun yang bertajuk ‘Junjung tinggi-tinggi panji merah besar perjuangan bersenjata, maju dengan gagah perkasa’ dan juga telah diluluskan sebuah keputusan untuk menghantar pasukan penggempur menjalankan pekerjaan di tanah air.

Dengan itu, pada tahun itu juga telah ditubuhkan Pasukan Propaganda Khas di bawah pimpinan Abu Samah untuk mengadakan operasi di kawasan Ulu Kelantan. Kemaraan kali pertama pasukan penggempur Rejimen Ke-10 ke Ulu Kelantan telah membuka pintu lebih luas terhadap pekerjaan di tanah air.

Apabila Sekolah Parti Ho Chin Minh diadakan di kawasan Sungai Padi pada 1969, Pasukan Propaganda Khas pulang untuk menghadiri sekolah tersebut. Kemudian pasukan itu disusun semula menjadi Platun Merdeka yang kepimpinannya diserahkan kepada Abu Samah dengan dibantu oleh Mat Amin. Pasukan itu bertolak semula ke Kelantan pada April 1970 dan terutamanya bergerak di kawasan Sungai Pergau.

Ketika satu seksyen daripada pasukan itu keluar ke kawasan kampung di Pasir Dusun, Jeli, mereka telah diserang oleh pasukan keselamatan. Akibatnya Mat Amin yang mengetuai seksyen itu dan dua orang perajurit wanita telah terbunuuh.

Pasukan Platun Merdeka itu pulang ke Markas Besar Rejimen Ke-10 pada September 1971. Pasukan itu turut menghadiri satu perkumpulan besar di Kem Menang yang terletak di kawasan Weng pada awal 1973.

Dalam perkumpulan itu, telah dirasmikan penubuhan Pasukan Penggempur Ke-14 pada Mac 1973. Anggotanya terdiri daripada bekas anggota Platun Merdeka dengan tambahan beberapa orang anggota baru, dan berjumlah lebih 40 orang. Pemimpin pasukan itu Abu Samah juga. Mereka ditugaskan beroperasi di Ulu Kelantan. Tugas utama Pasukan Penggempur Ke-14 adalah berkoordinasi dengan gerakan bawah tanah, membangun basis serta mengembangkan gerakan massa.

Pada 28 Ogos 1973 di tempat yang sama dirasmikan pula penubuhan Pasukan Penggempur Ke-15. Pasukan ini di bawah pimpinan Rashid Maidin dan ditugaskan beroperasi di kedua belah garisan sempadan (Kelantan-Narathiwat). Di samping menjalankan kerja massa, Pasukan Penggempur Ke-15 berkoordinasi secara langsung dengan pasukan induk Rejimen Ke-10.

Pasukan Penggempur Ke-14 telah memilih kawasan lama, iaitu tapak gerakan Pluton Merdeka dahulu di sepanjang Sungai Pergau dan Lembah Sungai Nenggiri sebagai kawasan operasinya. Banyak kampung di Sungai Pergau telah mereka susun. Gerakan mereka berkembang sampai ke Kemubu dan Bertam di Lembah Sungai Nenggiri, Ulu Kelantan. Selain di kampung Melayu, mereka juga mengembangkan gerakan mereka di kampung-kampung orang Asli.

Pasukan penggempur itu pada umumnya mendapat sokongan dan dukungan daripada orang ramai; orang Melayu dan orang Asli. Mereka dapat menyimpan beras dan barang-barang dalam stor. Mereka juga dapat membuka ladang sendiri di Sungai Nenggiri. Namun, apabila pengaruh mereka semakin tersebar dan kerja menyusun massa mencapai hasil yang tertentu, kerja-kerja mereka tidak dapat diperkuatkan, kerana pihak tentera kerajaan tidak putus-putus melancarkan serangan untuk menghapuskan mereka. Dalam 1974 sahaja pihak tentera kerajaan telah melancarkan kempen ‘kepung basmi’ yang memakan masa beberapa bulan dan ada yang secara besar-besaran.

Kempen kepung basmi yang terbesar telah dilancarkan oleh pihak tentera kerajaan mulai 18 Februari 1975. Kempen itu memakan masa satu bulan dan meliputi kawasan yang luas. Dianggarkan kira-kira 14,000 orang askar telah dikerahkan dalam serangan itu. Pihak Pasukan Penggempur Ke-14 terpaksa mengambil taktik beredar secara berputar-putar, termasuk berundur ke Gunung Noring untuk mengelakkan diri daripada serangan tentera kerajaan. Tentera kerajaan telah memasuki kem yang mereka tinggalkan, tetapi terjerumus ke dalam lubang ranjau yang mereka bina di keliling kem itu. Dengan itu, ramai tentera kerajaan yang terkena ranjau tersebut (Suriani 1999, 174).

Semasa berada di Kelantan sehingga awal 1976, Pasukan Penggempur Ke-14 telah terlibat dengan beberapa pertempuran dengan pasukan tentera kerajaan. Misalnya, pada 18 Februari 1975 suatu seksyen pasukan penggempur yang bergerak di Kuala Kerai terlibat dengan dua pertempuran. Pada tengah hari itu, pasukan penggempur yang sedang dalam perjalanan menjalankan tugas telah bertembung dengan satu

pasukan tentera kerajaan yang sedang melakukan gerakan pengesanan. Mereka segera melancarkan serangan. Setelah membunuh sejumlah tentera kerajaan, mereka berundur dengan selamat. Satu jam kemudian, mereka bertembung pula dengan satu kumpulan tentera kerajaan yang sedang mengendap dekat medan pertempuran tadi. Mereka melepaskan tembakan terlebih dahulu dan dapat membunuh beberapa orang tentera kerajaan, sebelum mengundurkan diri.

Pada 24 Mac 1975 Pasukan Penggempur Ke-14 melancarkan serang hendap terhadap motobot tentera kerajaan di tepi Sungai Nenggiri. Mereka sekurang-kurangnya dapat membunuh tiga orang tentera kerajaan. Pada 20 Mac pula satu pasukan tentera kerajaan yang sedang menjalankan kerja pengesanan dapat mereka bunuh atau cederakan dengan memasang periuk api.

Pertempuran lain berlaku pada 22 September 1975, 30 Ogos 1975 dan pertengahan Oktober 1975. Pada 22 September Pasukan Penggempur Ke-14 menyerang kubu hutan pasukan tentera kerajaan di Ulu Kelantan. Mereka dapat membunuh beberapa orang tentera kerajaan tanpa mengalami kematian atau kecederaan di pihak mereka. Pada 30 Ogos 2 platon tentera kerajaan menyerang kampung yang mereka susun di Bertam. Pertempuran berlaku di dalam kampung. Mereka dapat membunuh atau mencederakan tentera kerajaan, walaupun salah seorang anggota Pasukan Penggempur turut terkorban.

Pada pertengahan Oktober 1975, Pasukan Penggempur Ke-14 terlibat dengan pertempuran di kawasan Kuala Kerai. Mereka melancarkan perang periuk api. Akibatnya tentera kerajaan tiga kali berturut-turut terpijak periuk api dan ramai yang mati dan cedera.

Pada Mei 1976 Pasukan Penggempur Ke-14 menerima perintah supaya balik ke kawasan sempadan. Dalam perjalanan balik mereka singgah di pasukan Rejimen Ke-12. Setelah belajar dan berehat selama beberapa waktu, mereka tiba di Markas Besar Rejimen Ke-10 pada 24 September 1976 (Suriani 1999, 179).

## Bertahan Secara Aktif

Sejak berada di kawasan sempadan, Badan Pimpinan Rejimen Ke-10 melaksanakan dasar tidak campur tangan urusan dalaman Thailand dan tidak bermusuhan dengan pasukan bersenjata kerajaan Thailand. Dasar ketenteraan Rejimen Ke-10 ialah bertahan secara aktif, iaitu tidak

menyerang kalau tidak diserang dan akan membala serangan kalau diserang. Dengan itu, ketika pihak lawan memasuki hutan melancarkan kempen kepung basmi, mereka terpaksa melakukan pertempuran membela diri. Bagaimanapun, mereka tidak menunggu diserang sahaja; mereka juga mengambil inisiatif melakukan serangan dalam usaha mematahkan kempen kepung basmi tersebut (Abdullah C.D. 1998, 195; Suriani 1999, 187).

Dalam masa 34 tahun mereka berada di kawasan sempadan, iaitu dari 1955 hingga 1989, mereka memang banyak kali terpaksa menghadapi serangan pihak tentera Thailand dan Malaysia. Di bawah ini dicatatkan sebahagian daripada serangan besar dan penting yang mereka hadapi.

Pada 1955 pasukan tentera Thailand telah menyerang pasukan Rejimen Ke-10 yang ketika itu berada di Dusun Nyor. Tentera Thailand melancarkan serangan itu setelah penjajah British dan Kerajaan Thailand mencapai persetujuan untuk menghapuskan PKM dan pasukan tenteranya.

Pada masa itu Musa Ahmad, Pengurus PKM mengambil sikap yang pasif, iaitu tidak mahu melawan dan juga tidak mahu berundur. Dia berdolak-dalik mengatakan serangan itu daripada pihak Thailand, dan akan tamat dengan sendirinya. Jadi, mereka tidak perlu berbuat apa-apa. Pendapat Musa itu ditentang oleh Abdullah C.D. dan kader-kader lain. Abdullah dengan tegas membawa pasukan berundur.

Dalam serangan pada 1955 itu, dua orang anggota pasukan Rejimen Ke-10 telah terkorban ketika mereka sedang mencuci pakaian di sungai. Serangan itu berlaku secara tiba-tiba dan mereka tidak sempat membala atau mlarikan diri (Suriani 1999, 188).

Sepanjang Februari hingga Mac 1963, tentera Malaysia bersama-sama dengan tentera Thailand melancarkan kempen kepung basmi secara besar-besaran ke atas pasukan Rejimen Ke-10 yang berada di kawasan Yala. Ketika itu di kawasan Rejimen Ke-10 terdapat dua pasukan organ, iaitu Pasukan Organ Khas dan Pasukan Organ Rejimen Ke-10. Pada masa itu pihak Rejimen Ke-10 telah membetulkan kesalahan dasar mereka dan telah menetapkan ‘bertahan secara aktif’ sebagai dasar dan pedoman mereka.

Pihak tentera Malaysia dan Thailand menyerang secara rahsia dan dianggarkan menggunakan kekuatan 7,000 orang anggota. Di kalangan orang ramai di luar, tentera Malaysia dan Thailand melakukan perang saraf dan menyekat pembelian perbekalan dan lain-lain. Taktik Rejimen Ke-10 adalah mengundurkan kedua-dua pasukan mereka ke kawasan

yang berlainan. Pasukan Organ Rejimen Ke-10 terutamanya bersandar pada stor-stor yang sedia ada di dalam hutan, manakala Pasukan Organ Khas bersandar kepada orang ramai untuk menyelesaikan masalah perbekalan mereka.

Serangan pihak tentera Malaysia dan Thailand itu bermula pada 1 Februari dan ditamatkan pada Mei 1963. Dengan mengambil taktik berundur dan mengelakkan pertempuran, hanya seorang anggota pasukan Rejimen Ke-10 yang terkorban dalam pertempuran itu (Suriani 1999, 189).

Pada 20 Mac 1967, atas arahan Badan Intelijen Bersama (Thailand-Malaysia) pasukan tentera Thailand menyerang perkhemahan pasukan induk Rejimen Ke-10 di Bukit Rambutan, kawasan Weng. Pihak tentera Thailand menyusup masuk secara curi-curi di hadapan pos kawalan lalu menyerang dengan mendadak.

Pertempuran meletus waktu tengah hari. Taktik yang diambil oleh Rejimen Ke-10 adalah melakukan pertempuran bertahan selama 4 jam lebih. Ketika itu ada satu regu yang sedang menjalankan tugas tidak jauh dari perkhemahan. Setelah mendengar bunyi tembakan, mereka segera berpatah balik dan menyerang pihak lawan dari belakang. Akhirnya pihak lawan terpaksa berundur. Pasukan Rejimen Ke-10 sempat menyelamatkan semua barang-barang pada malam itu dan berundur meninggalkan kem itu pada hari esoknya.

Dalam pertempuran itu buat kali pertama Rejimen Ke-10 melakukan pertempuran bertahan dalam masa yang panjang, iaitu bertahan dan menyerang sekali gus. Dengan itu mereka dapat mengubah kedudukan mereka yang pasif menjadi aktif dan sebagai pihak yang mengambil inisiatif (Abdullah C.D. 1998, 196-197).

Pada 29 Mac 1969 satu pasukan tentera Thailand bersama dengan tentera Malaysia telah melancarkan serangan ke atas pasukan induk Rejimen Ke-10 yang berada di Bukit Tuil. Bagaimanapun, ketika itu di Kem Bukit Tuil mereka telah membina sistem pertahanan yang agak kuat, seperti membuat kubu-kubu, parit pertahanan dan lubang ranjau, memasang periuk api yang menggunakan tenaga elektrik yang boleh dikendalikan, memasang ranjau paku (papan berpaku) dan lain-lain. Dengan itu, dalam pertempuran itu, mereka dapat menggunakan taktik seperti berikut: Pertama, menghantar satu seksyen anggota pasukan itu bertempur untuk menyerang hendap di jalan masuk yang tidak jauh dari kem. Kedua, menggunakan periuk api di sekitar medan pos kawalan. Ketiga, menghantar satu segu menyerang dari belakang. Keempat, melakukan pertempuran bertahan dengan menggunakan kubu dan parit.

yang sambung-menyambung. Setelah bertempur lebih sejam, Abdullah C D memerintahkan anggota pasukan itu berundur. Sewaktu berundur, sudah disediakan regu khas untuk memasang periuk api automatik di dalam kem.

Dalam pertempuran itu pihak lawan mendapat kerugian berat; ada yang terkena peluru, ada yang terkena rangkaian periuk api, ada yang terpelosok ke dalam lubang ranjau, ada yang terpijak papan berpaku dan ada yang terpijak periuk api automatik ketika menawan kem kosong dan mungkin ada yang bertembak sesama sendiri ketika pertempuran berlangsung.

Dalam pertempuran pada tahun 1967 dan pertempuran sebelumnya pasukan Rejimen Ke-10 boleh dikatakan tidak mengalami apa-apa kerugian. Barang-barang mereka juga dapat diselamatkan. Sebaliknya, pihak lawan tidak mendapat apa-apa hasil, kecuali terkorban dan mendapat kecederaan (Abdullah C D 1998, 197-198).

Pada 1972 tentera Thailand dan tentera Malaysia sekali lagi melancarkan serangan bersama ke atas dua pasukan Rejimen Ke-10 di kawasan Weng, iaitu terhadap pasukan induk Rejimen Ke-10 dan Platan Merdeka yang dipimpin oleh Abu Samah. Dalam menghadapi serangan pihak lawan ini, pasukan induk menggunakan taktik mengosongkan kem dan menanam pelbagai jenis periuk api. Akibatnya, sebelum bertemu dengan pasukan induk Rejimen Ke-10, pihak lawan sudah menerima hentaman teruk dari periuk api dan jerangkap samar yang lain. Sementara itu, Platan Merdeka pula telah menghantar satu regu menggempur pihak lawan secara mendadak pada waktu malam. Keesokan harinya pihak lawan menamatkan serangan mereka.

Pada Julai 1977 pihak tentera Thailand dan Malaysia melancarkan serangan bersama yang dinamakan kempen cahaya bina ke atas Pasukan Penggempur Ke-15 yang dipimpin oleh Rashid Maidin di kawasan Weng. Belasan ribu askar dikerahkan dalam serangan ini. Pasukan Penggempur Ke-15 mengambil taktik berputar-putar mengelakkan pertempuran dan menanam banyak periuk api. Pasukan induk yang berada di kawasan Sukhirin telah menghantar sebuah regu tempur bagi membantu Pasukan Penggempur Ke-15. Regu tempur tersebut telah menyerang hendap sebuah jeep yang dinaiki oleh pegawai tinggi tentera. Kerana serangan itu menepati sasaran yang penting, pihak lawan segera menamatkan serangannya (Abdullah C.D. 1998, 199).

Demi menghimpunkan kekuatan bagi mengalahkan serangan tentera musuh yang dijangka berterusan, maka pada Julai 1978, di bawah arahan

Abdullah C.D., pasukan-pasukan Rejimen Ke-10 telah disusun semula menjadi tiga kompeni. Pasukan induk Rejimen Ke-10 dirasmikan menjadi Kompeni Ke-21. Komisaris Politiknya Abu Samah. Pasukan Penggempur Ke-14 menjadi Kompeni Ke-22 dengan Komisaris Politiknya Abu Samah juga, tetapi dibantu oleh Awang Ismail. Pasukan Penggempur Ke-15 menjadi Kompeni Ke-23 dan Komisaris Politiknya ialah Rashid Maidin. Unit-unit penyusun massa juga dimasukkan ke dalam kompeni di kawasan masing-masing.

Memasuki era 1980-an, pihak lawan, khasnya pihak tentera Thailand menggunakan taktik baru, iaitu dari satu segi menawarkan persahabatan, manakala dari segi lain memujuk supaya menyerah diri dan melakukan serangan secara besar-besaran.

Pada Julai 1982, di bawah desakan pihak Malaysia, tentera Thailand telah melancarkan kempen Thai Rom Yen Ke-11 ke atas pasukan induk Rejimen Ke-10 di Sukhirin. Pihak tentera Thailand menghantar pasukannya berkubu dalam hutan dengan menduduki kem kosong yang ditinggalkan oleh Rejimen Ke-10 dan mendirikan pos-pos lain di sekitarnya. Pihak Rejimen Ke-10 terpaksa menggunakan taktik tiga serangkai, iaitu pertama, memagari kem dan pos tersebut dengan periuk api secara berlapis-lapis; kedua, melakukan serangan ke atas kedudukan musuh; dan ketiga, menembak helikopter dan kapal terbang pejuang mereka. Dalam serangan itu, pihak tentera Thailand menderita kerugian berat terkena serangan dari Platun Tempur, terkena periuk api, dan kapal terbangnya juga ada yang rosak terkena tembakan (Abdullah C.D 1998, 199-200).

Pada Disember 1986 hingga Januari 1987, tentera Thailand melancarkan satu kempen kepung basmi yang dinamakan Taksin 8701 secara besar-besaran. Untuk mengelakkan serangan itu, pasukan induk Rejimen Ke-10 telah bertindak lebih awal dengan mengosongkan kem. Sementara itu, pasukan tempur di pelbagai tempat melakukan serangan ke atas pos musuh di dalam hutan, melakukan serang hendap serta menembak kapal terbang. Di kem pasukan induk tadi, tentera Thailand yang menyerang menerima kemalangan yang berat terkena ledakan periuk api yang tertanam di situ.

Pada tahun berikutnya, iaitu pada Mac 1988, dengan dalih mengadakan latihan udara bersama Malaysia-Thailand, tentera Thailand telah melakukan serangan udara dan serangan darat ke kawasan Kompeni Ke-22 Rejimen Ke-10. Bagaimanapun, dengan taktik melakukan serangan balas pada waktu malam, pasukan Rejimen Ke-10 dapat menghadapi

serangan tersebut dan menimpa kemalangan kepada pihak penyerang. Esoknya pihak Thailand menarik keluar tentera mereka dari hutan dan serangan pun ditamatkan (Suriani 1999, 193).

Selain bertempur melawan kempen kepung basmi dan serangan-serangan tentera Malaysia dan Thailand di kawasan sempadan, pelbagai pasukan tempur Rejimen Ke-10 juga melancarkan serangan ke atas pos-pos askar Malaysia yang berkawal di Lebuh Raya Timur-Barat. Serangan-serangan ini kebanyakannya dilakukan pada 1970-an. Antaranya pasukan tempur itu telah menyerang pos di Batu Melintang, menyerang Batalion 301, melakukan serang hendap ke atas tentera yang berada dalam trak, kereta perisai dan jeep, serta menyerang pos-pos lain yang terletak di lebuh raya bahagian Kelantan.

Biasanya orang-orang yang terpilih menganggotai regu tempur dianggap berasib baik, kerana dapat menguji diri. Para perajurit berkenaan menganggap medan tempur adalah maktab akademi militer yang paling baik, yang tidak dapat dicari di tempat lain. Oleh itu, setiap kali Badan Pimpinan membuat rancangan untuk bertempur, mereka berebut-rebut mendaftarkan diri, sehingga ada yang merajuk jika namanya tidak terpilih.

## Hubungan dengan Pihak Thailand

Pada akhir 1970-an dan sepanjang 1980-an, pihak tentera Thailand telah mengubah taktiknya dalam menghadapi Rejimen Ke-10. Hal ini berlaku kerana situasi di kawasan sempadan menjadi tegang akibat menghebatnya keganasan di Selatan Thailand dan kempen kepung basmi yang mereka lancarkan tidak dapat menghancurkan Rejimen Ke-10. Pada masa yang sama, pihak Rejimen Ke-10 memang berusaha menghubungi dan menjalin persahabatan dengan para pegawai Thailand (Abdullah C.D. 1998, 202).

Oleh yang demikian, dalam batas tertentu, badan pimpinan Rejimen Ke-10 dapat membina hubungan dengan pegawai-pegawai pemerintah tempatan. Mereka secara terus terang memberitahu bahawa dasar mereka ialah tidak campur tangan dalam urusan dalaman Thailand dan pasukan bersenjata mereka juga tidak bermusuhan dengan Kerajaan Thailand.

Pada awal 1980-an, Panglima Ketumbukan Ke-4 tentera Thailand telah menghantar seorang wakilnya bertemu dengan wakil Rejimen Ke-10 di kawasan Bukit Berhala, Kemu, Chanet. Dalam pertemuan itu, selain menjelaskan sikap dan dasar Rejimen Ke-10 terhadap Kerajaan

Thailand, wakil Rejimen Ke-10 juga menimbulkan masalah keselamatan di kampung-kampung sekitar sempadan berikutan dengan semakin meningkatnya aktiviti keganasan bersenjata. Wakil Ketumbukan Ke-4 nampaknya sepandapat dengan pandangan tersebut. Oleh itu, kedua-dua belah pihak telah mengikat perjanjian untuk bersama-sama menjaga keamanan rakyat ramai di kawasan sempadan. Dalam perjanjian itu telah diputuskan bahawa kawasan di sebelah sini Sungai Kemu, seperti Air Serik, Buyung, Merbau Rendang, Air So, Kampung Berangan, Bukit Berhala dan lain-lain berada di bawah jagaan unit penyusun massa Kompeni Ke-22 Rejimen Ke-10. Pihak Thailand berjanji akan memberitahu terlebih dahulu sekiranya angkatan tentera Thailand mahu memasuki kawasan berkenaan. Sejak itu terbentuklah kerjasama tidak rasmi antara unit-unit Rejimen Ke-10 dengan pihak tentera Thailand (Abdullah C.D. 1998, 205).

Unit penyusun massa Rejimen Ke-10 dibolehkan mengerah penduduk kampung, mengadakan rapat umum, membentuk pasukan kawalan kampung dan lain-lain. Para pegawai Thailand selalu menghadiri pertemuan persahabatan, mesyuarat dan perhimpunan-perhimpunan yang diadakan oleh unit penyusun massa tersebut. Keadaan demikian juga berlaku di serata kawasan basis Rejimen Ke-10 di sektor timur.

Dalam 1980-an, Pegawai Pemerintah To Cho Do (Polis Sempadan) telah menemui penanggungjawab Rejimen Ke-10. Selain mengadakan mesyuarat secara bersahabat berkenaan masalah keamanan di sekitar kawasan sempadan, mereka juga meminta izin untuk masuk ke hutan bagi menjalankan tugas membaiki garisan sempadan bersama dengan tentera Malaysia. Berkenaan dengan masalah itu, pihak Rejimen Ke-10 telah menghantar regu-regu untuk mencabut periuk api yang ditanam dalam lingkungan garisan sempadan di sebelah wilayah Thailand. Dengan demikian, pekerjaan mereka berjalan dengan lancar tanpa apa-apa halangan.

Untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan itu, pihak Rejimen Ke-10 telah menerbitkan akhbar yang diberi nama *Seruan Keadilan* dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu (tulisan Jawi) dan bahasa Thailand. Akhbar itu disambut baik oleh para pegawai tempatan serta mendapat bantuan tertentu daripada pihak mereka. Edarannya meliputi pelbagai golongan dan lapisan masyarakat di Selatan Thailand, yang menyambut baik kelahiran akhbar tersebut.

Sebagai kemuncak dari hubungan persahabatan itu, pada Mac 1986 atas usul Panglima Ketumbukan Ke-4 telah diadakan satu perundingan

di Kawasan Bijih 11, Kemu, Chanet. Di pihak Thailand yang hadir ialah wakil Panglima Ketumbukan Ke-4 bersama sepasukan tenteranya, wakil Amphor, wakil Kamnan, Naiban, Salawat dan lain-lain. Di pihak Rejimen Ke-10 pula yang hadir ialah sebahagian perajurit yang dipilih khas daripada Kompeni Ke-21 dan Ke-22 di bawah pimpinan Awang Ismail (Shukur).

Dalam perundingan tersebut, wakil Panglima Ketumbukan Ke-4 meminta Rejimen Ke-10 menyerah diri. Mereka berjanji akan memberi kebebasan, tanah, rumah dan lain-lain, jika Rejimen Ke-10 sanggup berbuat demikian. Bagaimanapun, wakil Rejimen Ke-10 secaraikhlas dan terus terang memberitahu bahawa mereka tidak dapat menerima permintaan itu, kerana perjuangan mereka adalah ditujukan kepada Malaysia dan mereka menggunakan kawasan sempadan sebagai sandaran gerakan dan untuk sementara waktu sahaja. Dari itu, tidak ada alasan mengapa pihak Rejimen Ke-10 harus menyerah diri kepada pihak Thailand (Abdullah C.D. 1998, 207).

Kerana Rejimen Ke-10 bertegas dengan pendirian itu, maka pada Disember 1986 Badan Intelijen Bersama dengan bantuan Kerajaan Malaysia telah melancarkan kempen kepung basmi secara besar-besaran, sebagaimana yang disebut sebelum ini. Sasaran serangan itu ialah semua Kompeni Ke-21, Kompeni Ke-22 dan Kompeni Ke-23. Taktik yang diambil oleh pasukan induk Rejimen Ke-10, iaitu Rejimen Ke-21 ialah mengosongkan kem untuk mengelakkan pertempuran, tetapi memasang pelbagai jenis periuk api dan membentuk regu-regu penggempur untuk melakukan pertempuran bela diri. Kompeni Ke-22 dan Ke-23 juga mengambil taktik yang sama. Angkatan tentera Thailand terkena banyak periuk api dan serangan mengejut daripada regu penggempur Rejimen Ke-10. Akhirnya mereka menamatkan serangan pada Januari 1987.

Pada Mei 1987 tentera Thailand sekali lagi melancarkan serangan besar-besaran ke atas Rejimen Ke-10. Rejimen Ke-10 mengambil taktik yang sama seperti ketika diserang pada Disember 1986. Angkatan tentera Thailand menamatkan serangannya setelah banyak anggotanya terkena pukulan periuk api dan serangan mengejut dari regu tempur Rejimen Ke-10.

Setelah tamat serangan itu, wakil kedua-dua belah pihak segera memulihkan hubungan. Begitulah suasana pada 1980-an itu. Sambil bertempur sambil berdiplomasi, sehingga munculnya satu peluang baru untuk mengadakan perundingan dengan wakil Kerajaan Malaysia, yang akhirnya membawa kepada penamatan perperangan pada 1989 (Abdullah C.D. 1998, 208).

## Bab 10

---

### Haadyai: Perjanjian Perdamaian dan Implikasinya

#### Mengapa PKM Setuju Berunding?

Perjuangan bersenjata yang dilancarkan oleh PKM, yang berpanjangan selama 41 tahun, hanya berakhir secara rasmi dengan penandatanganan Perjanjian Perdamaian antara PKM, kerajaan Thailand dan kerajaan Malaysia pada 2 Disember 1989.

Faktor-faktor yang mendorong PKM setuju berunding dan menamatkan perjuangan bersenjata agak kompleks, dan sebahagiannya barangkali hanya mempunyai kaitan secara tidak langsung. Misalnya, ketika menghuraikan sebab-sebab PKM bersedia meletakkan senjata, seorang pengkaji (Mohd. Redzuan 1993, 166) antara lain telah menyatakan faktor-faktor berikut:

1. Kekuatan PKM pada masa itu hanya tinggal dalam lingkungan 1,188 orang, dan tentunya sudah tidak mampu untuk meneruskan perjuangan bersenjata;
2. Berkurangnya kemampuan pucuk pimpinan PKM kerana telah tua (kesemuanya berumur 60 tahun ke atas);
3. Semakin kurangnya sokongan moral dan material daripada Parti Komunis China dan kerajaan China;
4. Keruntuhan sistem komunis di beberapa negara Eropah Timur membuktikan ideologi komunis tidak dapat diterima dan tidak sesuai untuk diperaktikkan.

Aloysius Chin (1995, 239) pula membayangkan bahawa PKM ketika itu berada dalam keadaan yang lemah. Hal ini demikian, kerana selepas Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan China, kerajaan China telah mengurangkan bantuannya kepada PKM secara beransur-ansur. Ini

menyebabkan PKM menghadapi kesukaran untuk terus bertahan. Tambahan pula dikatakan yuran yang dikutip dari kalangan penyokong dan simpatisannya tidak mencukupi untuk menanggung kehidupan anggota PKM.

Oleh itu, mengikut Datuk Abdul Rahim Mohamed Noor bekas Pengarah Polis Cawangan Khas Malaysia, sebagaimana yang dipetik oleh Aloysius Chin (1995, 240) laporan inteligen menunjukkan bahawa PKM pernah membayangkan melalui siaran radio Suara Revolusi Malaya yang ketika itu dipancarkan dari China bahawa mereka sanggup meletakkan senjata dan berdamai dengan kerajaan Thailand dan Malaysia. Oleh kerana pengumuman itu dibuat dari negeri China, maka dipercayai pemimpin-pemimpin PKM telah mendapat kelulusan daripada Parti Komunis China untuk membuat pengumuman itu, dan sekaligus membayangkan perubahan drastik sikap China terhadap Thailand dan Malaysia.

Bagaimanapun, daripada beberapa penulisan yang dapat dirujuk pada masa ini, jelaslah bahawa sekurang-kurangnya ada tiga pihak yang telah memainkan peranan secara langsung, yang akhirnya membawa PKM, kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand ke meja perundingan. Pihak yang berkenaan ialah Haji Mokhtar bin Mahmud Baginda sebagai wakil Ghafar Baba, Timbalan Perdana Malaysia, Mejar Jeneral Kitti Ratana-chaya, Timbalan Komander Wilayah 4 Tentera Thailand, dan Datuk Abdul Rahim Mohamed Noor, yang ketika itu memegang jawatan Pengarah Polis Cawangan Khas Malaysia.

Peranan Haji Mokhtar dan Ghafar Baba banyak dihuraikan oleh Abdullah C D , Pengurus PKM dalam beberapa tulisannya dan dalam temu ramahnya dengan penulis. Mengikut Abdullah C.D. (1998, 209) setelah Ghafar Baba dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau sangat memberi perhatian terhadapnya, kerana Ghafar Baba adalah bekas anggota PKMM. Sempena pelantikannya, beliau telah menghantar ucapan tahniah serta bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya (PKMRM).

Dalam pada itu, pada 1985 Haji Mokhtar datang melawat basis Rejimen Ke-10 untuk bertemu dengan abang iparnya Abu Samah Mohamad Kassim. Dalam pertemuan itu dia telah mengusulkan supaya PKM mengadakan perundingan dengan kerajaan Malaysia bagi menamatkan perang, seperti perundingan Baling. Meminjam istilah Haji Mokhtar sendiri usulannya ialah supaya semangat mesyuarat ala-Baling dihidupkan semula, kerana situasinya sudah selesai untuk perundingan seperti itu. Katanya, dia ada jalan untuk membantu menjayakan perundingan itu.

Oleh yang demikian, pada 25 Jun 1987 Abdullah C.D telah menulis surat kepada Ghafar Baba yang dihantar melalui Haji Mokhtar. Dalam surat tersebut, Abdullah C.D. telah membentangkan masalah perjuangan bersenjata serta masalah PKMM dan PKMRM sebagai bahan perbincangan.

Ghafar Baba telah membalas surat Abdullah C.D dengan suratnya yang bertarikh 7 September 1987. Dalam surat itu, beliau bersetuju mengadakan perundingan dengan PKM dan mencadangkan supaya diadakan pertemuan permulaan.

Setelah mendapat jawapan yang positif daripada Ghafar Baba, Abdullah C.D. telah menghantar seorang anggota Rejimen Ke-10, iaitu Majid (Deris Yusoh) menemui para pegawai angkatan tentera Thailand untuk membincangkan masalah perundingan itu. Wakil tentera Thailand, Kol. Wara dan Lt. Kol. Akenik menyambut baik hasrat Rejimen Ke-10 dan mereka bersedia memberikan kerjasama dan pelbagai kemudahan dan bantuan kepada Rejimen Ke-10, termasuk menjamin keselamatan mereka dan lain-lain.

Lebih kurang pada masa yang sama, iaitu pada 1987 juga, Abdullah C.D. telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan perundingan dengan pihak kerajaan Malaysia itu dalam sidang Badan Pimpinan Rejimen Ke-10. Selepas itu beliau melaporkan hal itu kepada Dewan Central Committee Utara Malaya (DCCUM). Pihak DCCUM bersetuju perundingan itu dijalankan, tetapi hendaklah atas nama Abdullah C.D.

Dalam pada itu, Abdullah C.D (1998, 210) menulis surat jawapan bertarikh 1 Oktober 1987 kepada Ghafar Baba, yang antara lain berbunyi:

Setelah Malaya merdeka, saya dan rakan-rakan saya berkeazaman untuk menyumbangkan jiwa raga kami mengisi kemerdekaan yang baru diperoleh itu bersama-sama dengan seluruh rakyat Malaysia dengan menyumbangkan derma bakti kami dalam membangun Malaya yang merdeka dan berdaulat itu. Sungguh dikesalkan, hasrat baik saya dan rakan-rakan saya ini dihamparkan oleh penjajah British yang ketika itu masih menguasai urusan dalam negeri Persekutuan Tanah Melayu. Penjajah British tetap meneruskan perang antirakyat yang penerusannya berlangsung hingga ke hari ini.

Oleh yang demikian, saya yakin sebagai seorang patriot dan demokrat seperti saudara tentu sepandapat dengan saya bahawa perang yang sudah berlangsung selama 40 tahun ini patut dihentikan segera di bawah syarat-syarat yang munasabah. Lebih cepat ia dihentikan, lebih baik bagi pembangunan negara, nusa dan agama kita.

**Ghafar Baba** kemudian menjawab surat Abdullah C.D. dengan suratnya yang bertarikh 7 November 1987. Antara kandungannya ialah (Abdullah C.D 1998, 210-211):

Saya memang bersetuju dengan pendapat Encik yang perang sudah berjalan selama 40 tahun dan kita patutlah berhentikan perperangan ini tetapi hendaklah dengan syarat-syarat yang munasabah yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Saya juga bersetuju dengan Encik iaitu seboleh-bolehnya peperangan ini patutlah ditamatkan dengan segera. Negara kita telah merdeka sudah lama dan rakyat mahu mengisi kemerdekaan ini supaya keadaan hidup mereka semasa zaman penjajah dahulu dapat dibetulkan. Saya penuh yakin iaitu inilah masanya untuk kita sama-sama berunding bagaimana hendak menamatkan perperangan ini.

Sementara hubungan surat menyurat antara Abdullah C.D. dan Ghafar Baba sedang berlangsung, pada tahun 1988 Haji Mokhtar telah dijemput oleh pimpinan Rejimen Ke-10 datang ke markas besar rejimen itu untuk mengadakan perbincangan susulan di samping memberi penerangan kepada kader-kader dan para gerila lainnya. Haji Mokhtar dianggap sebagai wakil Ghafar Baba dan telah diberi penghormatan yang tinggi. Beliau disambut di pinggir hutan oleh pasukan pengawal yang mengiringinya masuk ke dalam. Di sana beliau disambut pula dengan perbarisan tentera dan diberi peluang memberi ucapan. Di hadapan pimpinan dan anggota Rejimen Ke-10 itu, beliau sekali lagi menegaskan tentang perlunya diadakan perundingan ala-Baling.

Setelah kedua-dua belah pihak bersetuju mengadakan perundingan, maka agenda seterusnya ialah menetapkan tempat perundingan itu. Pada mulanya Abdullah C.D mencadangkan di kawasan Sukhirin sahaja, kerana pihak Rejimen Ke-10 mudah menghadirinya dan pihak tentera Thailand sudah pun bersetuju dan mengatur segala persiapan. Akan tetapi, Ghafar Baba agak keberatan perundingan itu dijalankan di Sukhirin. Akhirnya diputuskan pertemuan pertama diadakan di Haadyai. Pertemuan itu membawa kepada perundingan peringkat rendah.

Mengenai peranan Mejar Jeneral Kitti Ratanachaya, beliau mengatakan bahawa beliau telah membuat hubungan pertama dengan PKM pada 1985 melalui surat yang dikirimnya kepada Rashid Maidin untuk mengetahui jika PKM berminat terhadap perdamaian. Beliau mendapat jawapan yang positif. Selepas itu beliau mengirim surat kedua untuk mengajak Rashid Maidin berunding dan menjamin bahawa Rashid Maidin tidak akan ditahan. Apabila Rashid Maidin bersetuju, maka

berlangsunglah perundingan yang membawa kepada perdamaian itu, yang turut disertai oleh pihak kerajaan Thailand dan kerajaan Malaysia. Mulanya perundingan peringkat rendah, kemudiannya diikuti oleh perundingan peringkat tinggi (Aloysius Chin 1995, 240).

Mengenai peranan Abdul Rahim Mohamed Noor pula, mengikut Zainuddin (2003, 10-11) bahawa di pihak Malaysia beliau adalah orang yang mula-mula mengambil inisiatif untuk berunding dengan PKM dan seterusnya memainkan peranan penting dalam perundingan itu. Dalam tugasnya itu, beliau dibantu oleh Yau Kong Yew, seorang pegawai polis yang berpengalaman sebagai pegawai soal siasat komunis sejak zaman British. Yau Kong Yew dilantik sebagai Timbalan Pengarah Polis Cawangan Khas (Projek Khas) dengan tugas utama untuk membuat hubungan dengan PKM.

Dalam hal ini, Chin Peng (2003, 480) ada mencatatkan dalam memoirnya bahawa pihak kerajaan Malaysia pada mulanya mengadakan hubungan dengan pasukan tentera Melayu PKM. Hubungan ini adalah pada peringkat bawah dan lebih merupakan tinjauan awal. Hubungan inilah yang membawa kepada perundingan peringkat rendah. Kemudian, Mahathir sendiri memberi lampu hijau untuk menghubungi Chin Peng yang ketika itu berada di China melalui golongan peniaga di Hong Kong yang mempunyai hubungan dengan agensi-agensi kerajaan China. Peranan ini terutamanya dimainkan oleh Yau Kong Yew, di samping Datuk Abdul Rahim sendiri ada datang ke Hongkong. Maklumat yang disampaikan kepadanya melalui saluran ini mengikut Chin Peng (2003, 482) menunjukkan bahawa Malaysia mahu berunding secara serius.

Dengan demikian, peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga pihak, yang mendapat sokongan pula daripada ketua kerajaan Malaysia dan Thailand, akhirnya membawa kepada perundingan peringkat rendah dan perundingan peringkat tinggi antara tiga pihak (PKM, kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand).

## Perundingan Peringkat Rendah

Perundingan permulaan antara pihak PKM (Rejimen Ke-10) dengan kerajaan Malaysia, yang dianggap sebagai perundingan peringkat rendah telah berlangsung sebanyak tiga kali.

Perundingan pertama diadakan pada 23–24 Mei 1987 di My House Hotel Haadyai. Wakil Rejimen Ke-10 terdiri daripada Majid (Deris Yusuh)

sebagai Ketua Rombongan, Suti (Ali Haji Said) selaku anggota rombongan dan Dome Sa sebagai penterjemah. Kedatangan mereka disambut oleh Haji Mokhtar Mahmud Baginda dan pegawai tentera Thailand yang berpengalaman di Sowo, Sukhirin. Wakil Ghafar Baba dua orang, iaitu Husin dan Haji Rahmat, manakala wakil Thailand tiga orang.

Perbincangan hari pertama pada 23 Mei dihadiri oleh wakil Rejimen Ke-10, wakil Ghafar Baba dan wakil tentera Thailand. Perbincangan hari pertama itu lebih merupakan majlis perkenalan sahaja. Atas permintaan wakil Rejimen Ke-10, persidangan hari kedua yang dianggap persidangan rasmi tidak dihadiri oleh wakil Thailand. Dalam persidangan hari kedua yang diadakan pada 24 Mei itu, wakil Rejimen Ke-10 membacakan naskhah cadangan yang sudah disiapkan, yang isinya pada pokoknya adalah mahu memberhentikan perang dengan syarat-syarat yang adil dan munasabah. Wakil Ghafar Baba tidak membawa apa-apa isu. Katanya, mereka diperintahkan untuk mendengar isu yang dibangkitkan oleh Rejimen Ke-10 sahaja.

Atas cadangan wakil Ghafar Baba, perundingan pusingan kedua diadakan di Pulau Pinang dan berlangsung dari 10–11 Ogos 1988. Wakil Thailand dijemput hadir juga atas cadangan wakil Ghafar Baba. Perwakilan Rejimen Ke-10 terdiri daripada Majid, Minah (Siti Norkiah Mahmud Baginda), Napi (Yaakob Salleh) dan Dome Sa. Mereka dijemput oleh Haji Mokhtar Mahmud Baginda dan pegawai tentera Thailand, Lt. Kol. Akenik dan Sarjan Tong. Wakil Ghafar Baba terdiri daripada Mr. Yao sebagai Penasihat, Husin dan Haji Rahmat dan dua orang lagi iaitu Nasir dan Hambali. Wakil Thailand pula terdiri daripada Kol. Wara, Lt. Kol. Akenik dan Sarjan Tong.

Dalam persidangan pusingan kedua ini, wakil Rejimen Ke-10 membacakan naskhah usulan yang telah disiapkan, antara kandungannya berbunyi (Abdullah C.D. 1998, 212-213):

Hari ini kita berhimpun di pulau yang amat bersejarah ini untuk meneruskan persidangan kita bagi kali kedua. Kami berharap perundingan kali ini, kali kedua akan mencapai hasil-hasil yang diharapkan bagi menuju ke arah kejayaan yang lebih mendekatkan matlamat yang kita cita-citakan.

Perang melawan penjajah British yang sudah berlangsung lebih 40 tahun lamanya itu patutlah ditamatkan segera dengan syarat-syarat yang munasabah agar kita semua dapat bersatu padu menjadi satu kekuatan raksasa bagi membangun dan memperkuuh negara kita yang tercinta. Untuk ini kami telah mengusulkan dalam perundingan pusingan pertama di Haadyai, Thailand pada 24 Mei 1987 sebagai berikut:

1. Menamatkan perang dengan segera dengan syarat yang munasabah.
2. Mengakui kedudukan sah Parti Komunis Malaya.

Dalam perundingan peringkat kedua di pulau yang bersejarah ini kami hanya ingin mendengar pendapat Encik Ghafar Baba terhadap usulan-usulan yang telah kami kemukakan di Haadyai dulu. Kami akan sampaikan pendapat Encik Ghafar Baba ini kepada kawan Abdullah C.D apabila kami pulang ke pasukan. Dan pendapat kawan Abdullah C.D mengenainya akan kami bawa ke dalam perundingan yang akan datang.

Dalam persidangan kali kedua ini, perwakilan Ghafar Baba telah menyatakan keikhlasannya hendak menamatkan permusuhan. Sungguhpun begitu, mereka tidak memberi apa-apa jawapan terhadap usul pihak PKM supaya parti itu dihalalkan. Persidangan itu hanya mendengar kemahuan dan desakan semua pihak supaya perang ditamatkan secepat mungkin.

Seterusnya, atas persetujuan bersama ditetapkan bahawa perundingan pusingan ketiga diadakan di My House Hotel, Haadyai pada 22 23 Oktober 1988. Wakil Rejimen Ke-10 terdiri daripada Yaman (Aziz Said) sebagai ketua, anggotanya Napi dan Minah, dan penterjemahnya Dome Sa. Wakil Ghafar Baba ialah Husin dan Haji Rahmat, manakala wakil Thailand Kol. Wara dan Lt. Kol. Akenik.

Sebagaimana persidangan sebelumnya, wakil Rejimen Ke-10 membacakan naskhah usulan yang telah disiapkan lebih dahulu, yang antara lain berbunyi (Abdullah C.D. 1998, 214-215):

Di sini kami ingin menyatakan bahawa setelah tamatnya perang kami akan mematuhi perlembagaan Negara dan kami mahu bergerak atas nama PKM. Kami menganggap Malaysia yang merdeka patut menerima PKM sebagai pertubuhan yang sah di sisi undang-undang. Ini amat memunaikan rakyat negara kita dalam membangunkan kemakmuran ekonomi, membaik kehidupan, mengembangkan demokrasi serta membela perdamaian dan ketenteraman negara. Tambahan pula lain-lain parti politik semuanya mempunyai kedudukan yang sah asal saja mereka mematuhi Pelembagaan. Oleh itu, kami rasa kami patut menikmati hak yang sama dengan mereka. Setelah PKM menikmati kedudukan yang sah di sisi undang-undang, juga setelah tamatnya perang dan sesuai dengan Pelembagaan Malaysia, masalah tentera dan senjata kami barulah boleh dirundingkan secara konkret.

Perlu juga kami sampaikan beberapa masalah lainnya sebagai berikut:

1. Setiap anggota kami berhak menjadi warganegara Malaysia dan menikmati keselamatan serta hak-hak demokratik yang dijamin dalam Pelembagaan Negara.



2. Kerajaan Kuala Lumpur tidak akan melakukan penyiasatan yang mungkin bersifat penghinaan terhadap anggota kami.
3. Kerajaan Kuala Lumpur tidak akan menangkap atau mendakwa sebarang anggota kami dengan menggunakan kes-kes pada masa perang.
4. kaum patriot yang berada di luar negeri harus diizinkan pulang ke tanah air secara bebas.
5. Bebaskan semua tahanan politik.

Bagaimanapun, dalam persidangan ini, wakil Ghafar Baba tidak memberi apa-apa jawapan terhadap usul yang dikemukakan oleh wakil Rejimen Ke-10. Mereka mengatakan bahawa hal itu harus diputuskan oleh persidangan peringkat tinggi.

Dalam tiga pusingan sidang peringkat rendah itu isu menamatkan perang dalam negeri secara adil dan munasabah pada prinsipnya telah disetujui oleh kedua-dua pihak. Akan tetapi, kerana sidang itu merupakan sidang peringkat rendah, ia tidak dapat membuat keputusan segera tentang isu-isu penting yang ditimbulkan oleh Rejimen Ke-10. Bagaimanapun, yang pentingnya persidangan itu telah merintis jalan ke arah menamatkan perang yang sudah berjalan selama lebih 40 tahun.

## Perundingan Peringkat Tinggi

Perundingan peringkat tinggi merupakan persidangan rasmi atas nama Parti Komunis Malaya (PKM), kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand, dan tidak lagi atas nama peribadi. Dengan itu, Haji Mokhtar Mahmud Baginda yang sebelumnya menjadi penghubung antara wakil Rejimen Ke-10 dengan wakil Ghafar Baba telah diketepikan, kerana beliau dianggap tidak mewakili mana-mana pihak.

Perundingan peringkat tinggi dimulai pada Februari 1989 di Pulau Phuket, Thailand Selatan dan berlangsung dalam lima pusingan. Adalah dipercayai Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ada memberi pandangan untuk mengatasi halangan-halangan yang timbul sepanjang perundingan. Hal ini memungkinkan perundingan itu berjalan dengan lancar dan mencapai kejayaan.

Dalam perundingan itu, PKM diwakili oleh Chang-Ling-Yun sebagai Ketua, Rashid Maidin dan Zainun (Ah Yen) sebagai penasihat rombongan perwakilan PKM. Setelah Chang-Ling-Yun meninggal dunia kerana sakit barah pada Mei 1989, tempatnya diambil alih oleh Wu Yi-Shek. Indera

Jaya dari Rejimen Ke-10 turut hadir sebagai salah seorang anggota sekretariat rombongan PKM.

Perundingan pusingan pertama berlangsung pada 2–3 Februari 1989. Dalam perundingan itu, Mejah Jeneral Kitti bertindak sebagai pengurus dan membuat ucapan pembukaan. Selepas beliau berucap, Ketua Perwakilan Malaysia, Datuk Abdul Rahim dan Ketua Perwakilan PKM, Chang Ling-Yun pula memberi ucapan.

Dalam pusingan pertama ini pihak PKM menyatakan kesediaan menamatkan perang, jika kedudukan PKM dihalalkan, ISA dimansuhkan, semua tahanan politik dibebaskan dan peranan PKM serta perjuangan bersenjata diberi pengiktirafan.

Pihak Malaysia menolak tuntutan itu dengan membuat pelbagai penjelasan. Pihak Malaysia menyatakan kerajaan Malaysia mengakui sumbangan PKM dalam perjuangan kemerdekaan, tetapi tidak boleh secara terbuka. Dalam hal ini, mengikut mereka, biarlah ahli sejarah memberi penilaian masing-masing; kerajaan tidak akan menghalang (Suriani 1999, 233).

Perundingan pusingan kedua berlangsung pada 15–17 Mac 1989. Dalam pusingan kedua ini tidak ada apa-apa keputusan yang tercapai. Ucapan kedua-dua pihak pada pokoknya hanya menyatakan harapan-harapan sahaja.

Dalam perundingan pusingan ketiga yang berlangsung dari 11–13 Mei 1989, untuk memberi keadilan kepada kedua-dua pihak, perwakilan PKM telah mengendurkan tuntutannya supaya pihak kerajaan mengakui kedudukan sah PKM dan beberapa tuntutan yang lain. Akan tetapi, persidangan menghadapi perbahasan sengit apabila perwakilan kerajaan Malaysia berkeras mahu mengenakan ISA ke atas bekas perajurit Tentera Rakyat Malaya yang pulang ke Malaysia nanti. Dengan itu, perundingan terbantut buat sementara. Bagaimanapun, perundingan dengan wakil kerajaan Thailand berjalan dengan lancar.

Perundingan pusingan keempat berlangsung pada 2–3 Oktober 1989 dan boleh dikatakan berjalan dengan lancar. Oleh kerana pihak PKM berpendirian tegas, maka dalam pusingan keempat ini Perwakilan kerajaan Malaysia telah mengendurkan tuntutannya untuk mengenakan ISA ke atas bekas perajurit yang akan pulang ke Malaysia.

Sementara itu, perundingan wakil PKM dengan wakil kerajaan Thailand berjalan dengan lancar dan mencapai hasil yang memuaskan. Dalam perundingan itu, wakil PKM telah meminta supaya mereka diberikan

kebebasan menjadi warganegara Thailand, diberi tanah, rumah, dan bantuan-bantuan lainnya dan dibolehkan menubuhkan kawalan kampung.

Perundingan pusingan kelima yang berlangsung pada 2–4 November 1989 merupakan perundingan kemuncak dan turut dihadiri oleh Chin Peng, Setiausaha Agung PKM. Dalam perundingan ini dua persetujuan telah dicapai, iaitu persetujuan antara PKM dengan kerajaan Malaysia dan persetujuan antara PKM dengan kerajaan Thailand. Antara butir-butir persetujuan tersebut ialah, PKM akan memberhentikan perjuangan bersenjatanya, membubarkan pasukan Tentera Rakyat Malaya dan memusnahkan semua senjatanya serta mematuhi undang-undang dan pelembagaan Thailand dan Malaysia. Sebaliknya, kerajaan Malaysia bersedia menerima kepulangan bekas perajurit Tentera Rakyat Malaya dengan tidak dikenakan apa-apa tindakan undang-undang, memberi kebebasan berpolitik sebagaimana rakyat biasa, serta memberikan bantuan kewangan. Kerajaan Thailand pula bersetuju memberi pelbagai bantuan, termasuk membenarkan mana-mana bekas perajurit menetap di Thailand dan memberi mereka rumah, tanah, belanja hidup, belanja pembangunan kampung dan lain-lain, sebagaimana yang diminta oleh PKM.

Kemudian Working Committee ditubuhkan untuk menyelesaikan draf perjanjian dan Pengumuman Bersama. Kerajaan Thailand, kerajaan Malaysia dan PKM telah mengeluarkan Pengumuman Bersama pada 2 Disember 1989 yang menyatakan bahawa ketiga-tiga pihak telah mencapai persetujuan untuk menamatkan semua aktiviti bersenjata dan mewujudkan perdamaian di seluruh kawasan sempadan Thailand dan Malaysia.

Upacara penandatanganan Perjanjian Damai antara kerajaan Thailand dengan PKM dan antara kerajaan Malaysia dengan PKM telah dilangsungkan di Hotel Lee Gardens, Haadyai, Selatan Thailand pada sebelah pagi 2 Disember 1989. Ketua-ketua perwakilan dari ketiga-tiga pihak yang menurunkan tanda tangan ialah Panglima Tentera Darat merangkap Pemangku Panglima Angkatan Tentera Kerajaan Thailand, Tan Sri Jeneral Chaovaslit Yongchaiyuth, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Kerajaan Malaysia, Datuk Wan Sidik Wan Abdul Rahman dan Setiausaha Agung PKM, Chin Peng. Turut menurunkan tanda tangan bagi pihak PKM ialah Abdullah C.D. dan Rashid Maidin.

Tentang kejayaan perundingan ini, Chin Peng (2003, 514) memberi pandangan seperti berikut:

The 1989 peace accords were reached because the Malaysian government, the Thai government and the Communist Party of Malaya all genuinely wanted resolution to hostilities. All parties looked to a bigger picture, to a future offering peace and prosperity. So the CPM got a reasonable conclusion to its struggle – peace with dignity. We failed to win the revolution but neither did we suffer the ignominy of surrender. It is the kind of peace for my people I can accept and with which I can live with some satisfaction.

Jelaslah Chin Peng dan rakan-rakannya menganggap perjanjian itu berpegang pada prinsip adil dan munasabah. Ini adalah sesuatu yang beliau dan rakan-rakannya boleh terima untuk menamatkan perjuangan bersenjata PKM tanpa menyerah diri.

Setelah lebih sepuluh tahun perjanjian damai berlalu, Haji Mokhtar bin Mahmud Baginda yang telah berjaya merintis jalan untuk menganjurkan perundingan ala-Baling peringkat rendah antara pemimpin Melayu PKM dengan wakil kerajaan Malaysia, telah mempertemukan Abdullah C.D. dengan Ghafar Baba di Hotel Genting, Sungai Golok. Pertemuan ini berlaku pada 2 Mac 2003. Pertemuan antara dua orang tokoh yang pernah berjuang bersama-sama ketika mereka muda dalam PKMM dan telah terpisah selama lebih 50 tahun itu memang suatu pertemuan yang bersejarah dan mengharukan. Tiada kata-kata barangkali yang dapat menggambarkan kegembiraan mereka ketika mereka dapat bertemu di usia senja itu.

## Lahirnya Kampung Perdamaian

Ketika PKM mengambil keputusan untuk menamatkan perjuangan bersenjata dan menandatangi perjanjian perdamaian dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand pada 2 Disember 1989, anggota PKM di kawasan sempadan dianggarkan hanya tinggal seramai 1,188 orang. Yang memilih balik ke Malaysia hanya kira-kira 400 orang. Dengan itu, lebih daripada 700 orang memilih untuk menetap di Thailand.

Anggota PKM yang memilih untuk menetap di Thailand itu telah ditempatkan di empat buah kampung yang pada mulanya dinamakan Kampung Perdamaian (Ban Rattana Kitti). Dua buah daripada kampung itu untuk bekas perajurit yang beragama Islam dan terletak di Sukhirin dan Yaha, sementara dua buah lagi untuk bekas perajurit bukan Islam dan terletak di Banlang dan Betong.

Mengenai Rejimen Ke-10, setelah Tentera Rakyat Malaya dibubarkan, semua unit dan kompeninya dikumpulkan di markasnya di kawasan Air Teka, Sukhirin. Kawasan Air Teka itulah yang dibuka dan dibangunkan menjadi Kampung Perdamaian 4, iaitu salah sebuah kampung untuk penempatan bekas perajurit yang beragama Islam.

Sebagaimana yang dipersetujui dalam Perjanjian Perdamaian, kerajaan Thailand melalui Unit Penghubung (Chut Pratsamgan) telah memberikan pelbagai bantuan, seperti tanah seluas 6 ekar, sebuah rumah dan tapaknya, dan belanja hidup. Turut juga diberikan bantuan lain seperti alat-alat pertanian, baja, benih dan perbelanjaan untuk pembangunan kampung.

Sementara itu, pihak organisasi (PKM) juga telah menyediakan sejumlah wang untuk membantu kehidupan bekas perajurit dan pembangunan kampung, khasnya dalam masa tiga tahun dari tarikh penandatanganan perjanjian perdamaian. Wang itu terutamanya diberi sebagai hadiah penamatkan perjuangan, bantuan untuk menyempurnakan rumah, elaun untuk orang tua dan cacat, bantuan untuk ibu yang bersalin, elaun untuk bayi dalam masa setahun dan lain-lain.

Kemudian, pada peringkat awal pembukaan kampung itu, sebuah madrasah yang dinamakan Darul Aman telah didirikan, dan sebuah bangunan yang pada mulanya merupakan sekolah politik militer telah diubahsuai menjadi dewan perhimpunan dengan bantuan kerajaan Thailand. Selain itu, telah didirikan kantin, muzium, rumah tamu dan lain-lain dengan menggunakan wang organisasi. Madrasah Darul Aman itu kemudian digunakan sebagai tempat sembahyang Jumaat dan dinaikkan tarafnya menjadi masjid.

Tiga tahun selepas perdamaian, atas petunjuk Badan Pimpinan yang terdiri daripada Abdullah C.D., Suriani Abdullah dan Abu Samah Mohamad Kassim, telah ditubuhkan Badan Kebajikan untuk menguruskan kehidupan ekonomi dan kebajikan bekas perajurit. Antara tugas yang dilaksanakan oleh badan itu termasuklah memberi bantuan bahan makanan, bantuan perubatan, khairat kematian, bantuan bersalin, bantuan untuk anak-anak kecil, bantuan wang pendahuluan untuk hari-hari perayaan, hadiah hari raya dan lain-lain. Semua perbelanjaan ini ditanggung oleh pihak organisasi.

Pada 1993, Kampung Perdamaian 4 telah dijadikan kampung angkat oleh Puteri Chulabhorn, anak raja Thailand dan diletakkan di bawah pengelolaan Institut Penyelidikan Chulabhorn. Mulai tarikh itu nama kampung itu telah diubah menjadi Ban Chulabhorn Pattana 12

(Chulabhorn Development Village 12). Puteri Chulabhorn sendiri melawat ke kampung itu secara berkala untuk memerhatikan pembangunannya dari dekat.

Di bawah perhatian Puteri Chulabhorn dan kerajaan Thailand, pembangunan kampung semakin dipergiatkan. Pelbagai kemudahan asas, seperti jalan raya, klinik, taman didikan kanak-kanak (TADIKA) dan kilang penapis air telah dibina dan bekalan elektrik serta air paip telah disampaikan ke kampung itu. Selain daripada itu, satu kawasan yang keluasannya hampir 100 rai (kira-kira 40 ekar) telah dibuka untuk dijadikan Kebun Percubaan. Pelbagai kursus, seperti kursus bahasa Thai, jahitan, pertukangan, pertanian dan ternakan, masakan, kejuruteraan elektrik, kerajinan tangan, perhutanan dan lain-lain telah diadakan dari semasa ke semasa. Semua kemudahan yang tersebut di atas telah ada setelah masuk enam tahun selepas perdamaian.

Kini setelah lebih 10 tahun selepas perdamaian, kehidupan bekas perajurit sudah mencapai satu taraf yang agak memuaskan. Setiap penduduk atau bekas perajurit telah mempunyai rumah sendiri dan kebun untuk dikerjakan. Mereka umumnya bergantung pada hasil buah-buahan, termasuk pinang dan hasil hutan (khasnya rotan dan petai). Pendapatan rata-rata setiap keluarga dianggarkan antara RM200.00 hingga RM300.00 sebulan. Lebih daripada 50% ketua keluarga memiliki motosikal dan lebih daripada 75% rumah penduduk pula mempunyai televisyen.

Tentang tiga orang pemimpin mereka, iaitu Abdullah C D dan Surani Abdullah (suami isteri) serta Abu Samah Mohamad Kassim, mereka tinggal di rumah yang besar dan selesa, mempunyai televisyen dan para bola. Walaupun mereka tidak bekerja, mereka boleh hidup secara sederhana atas bantuan kewangan daripada organisasi.

## Kembali ke Malaysia

Ketika Perjanjian Perdamaian ditandatangani pada 2 Disember 1989, Rejimen Ke-10 mempunyai anggota kira-kira 350 orang. Kebanyakan daripada mereka terdiri daripada orang Melayu Thailand yang terutamanya menyertai pasukan itu pada 1960-an dan 1970-an. Orang-orang yang berasal dari Malaysia, yang berpindah dari Pahang ke kawasan sempadan pada 1953-54 hanya tinggal kira-kira 40 orang. Yang lain telah mati atau gugur dalam pertempuran. Seramai 40 orang pula, hanya kira-kira 20 orang yang memilih balik ke Malaysia.

Mereka balik secara berperingkat-peringkat mulai 1990. Oleh kerana hampir semuanya berasal dari Temerloh, Pahang, maka mereka umumnya balik ke kampung masing-masing di daerah tersebut. Ada juga seorang yang berasal dari Johor memilih tinggal di Temerloh, kerana kepulangannya ke Malaysia mungkin tidak begitu diterima oleh saudara maranya di negeri itu.

Orang-orang yang memilih balik ke Malaysia ini hanya menerima bantuan sara hidup sebanyak RM500.00 sebulan bagi tempoh tiga tahun. Mereka tidak diberi tanah atau rumah atau sebarang bantuan lain sebagaimana orang-orang yang memilih tinggal di Thailand. Dengan itu, pada masa mula-mula balik ke Malaysia, mereka umumnya menumpang di rumah saudara mara, sebelum dapat membuat rumah sendiri. Bagaimanapun, ada seorang yang tinggal di rumah teres satu tingkat di taman perumahan, yang dibeli oleh menantunya.

Kebanyakan orang-orang yang balik ke Malaysia ini telah ditemui antara akhir 1999 hingga 2001. Bagaimanakah keadaan hidup mereka sekarang?

Nampaknya, berbanding dengan keadaan hidup orang-orang yang memilih tinggal di Thailand, keadaan hidup mereka tidaklah lebih baik, malah ada yang lebih buruk. Hal ini terjadi, antara lain, kerana faktor berikut:

Pertama, ketika balik ke Malaysia masing-masing mengandaikan akan memperoleh tanah pusaka daripada ibu bapa atau keluarga masing-masing. Akan tetapi, oleh kerana mereka meninggalkan tanah air terlalu lama dan telah terputus hubungan dengan keluarga masing-masing, maka keluarga masing-masing umumnya mengandaikan mereka telah mati atau akan mati di sempadan Thailand dan tidak akan kembali lagi ke Malaysia. Dengan itu, tanah mereka telah digadaikan atau dipindahmilik oleh saudara mara mereka.

Kedua, apabila balik ke Malaysia, mereka terpaksa bekerja, walaupun telah tua. Kerja yang boleh mereka peroleh adalah berbagai-bagai, seperti menoreh getah, membuka kedai runcit, mengubat orang sakit, menjadi bidan, berniaga makanan, membawa kereta sewa dan sebagainya. Namun, kebanyakan pekerjaan mereka itu hanya mendatangkan pendapatan yang rendah.

Ketiga, beberapa orang daripada mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan kad pengenalan, kerana sijil kelahiran mereka tidak dapat dikesan atau memang tidak ada. Jabatan Pendaftaran tidak dapat menye-

lesaikan perkara itu, walaupun mereka telah balik ke Malaysia kira-kira sepuluh tahun. Ketiadaan kad pengenalan ini menyebabkan mereka tidak boleh membuka akaun simpanan di bank, memohon pekerjaan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, ada di antara mereka yang menyatakan mereka menyesal memilih balik ke Malaysia. Jika mereka tahu akan mengalami nasib yang kurang baik seperti sekarang, mereka juga akan memilih tinggal di Thailand sebagaimana kawan-kawan mereka yang lain. Akan tetapi, mereka tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Mereka terpaksa menghabiskan baki umur mereka di tanah air sendiri, walaupun menghadapi pelbagai kesusahan hidup.

## Tanggapan Terhadap Perjuangan Bersenjata

Setelah Perjanjian Perdamaian ditandatangani dan setelah PKM bersetuju menamatkan perjuangan bersenjata, satu perkara yang menarik untuk difahami ialah tanggapan pimpinan dan anggota Rejimen Ke-10 terhadap perjuangan bersenjata yang telah mereka serta selama 41 tahun (1948-89).

Adalah satu perkara yang mungkin di luar jangkaan umum bahawa pihak pimpinan Rejimen Ke-10, khasnya Abdullah C.D sebenarnya melihat dan meyakini bahawa perjuangan bersenjata yang mereka serta itu turut memberi sumbangan penting dalam perjuangan mencapai kemerdekaan.

Oleh kerana perjuangan yang gagah berani berbagai-bagai parti dan pertubuhan dari pelbagai golongan dalam masyarakat, termasuk perjuangan bersenjata, maka penjajah British terpaksa mengiktiraf kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Itulah sebabnya dikatakan kemerdekaan yang diperoleh itu adalah hasil perjuangan bersama seluruh rakyat negara kita dan disirami dengan darah pahlawan dari Rejimen Ke-10 dan pasukan sesaudara TPNM lainnya (Abdullah C.D. 1998, 236).

Suriani Abdullah juga menegaskan peri pentingnya perjuangan bersenjata yang mereka jalankan. Dia menyatakan, kerana adanya perjuangan bersenjata itulah maka pihak British bersetuju memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Sekiranya tidak ada perjuangan bersenjata itu belum tentu British memberi kemerdekaan pada tarikh tersebut.

Tanggapan Abdullah C.D. dan Suriani Abdullah mengenai pentingnya peranan perjuangan bersenjata yang mereka jalankan dalam usaha

mencapai kemerdekaan, pada umumnya turut dikongsi oleh hampir semua bekas anggota Rejimen Ke-10 yang ditemui.

Misalnya Awang, seorang anggota Rejimen Ke-10 yang pernah memegang jawatan Ketua Kompeni dan kini tinggal di Thailand menyatakan, bahawa Inggeris memberi kemerdekaan pada 1957 kerana telah kalah dalam perperangan dengan PKM. Sekiranya Inggeris masih boleh bertahan, katanya, Inggeris tentu tidak akan memberi kemerdekaan pada tarikh tersebut.

Bagaimanapun, apa yang lebih menarik ialah bekas-bekas perajurit dari Rejimen Ke-10 ini pada umumnya merasa sangat bangga dengan perjuangan bersenjata yang telah mereka serta selama kira-kira 41 tahun itu. Mereka menganggap diri mereka adalah orang-orang yang bertuah, kerana telah ditugaskan oleh sejarah untuk memainkan peranan yang penting itu.

“Saya tak menyesal. Saya merasa bangga, malah saya merasa bertuah kerana dapat berjuang menentang penjajah. Kerana perjuangan kami ialah Inggeris beri kemerdekaan pada negara kita”, ujar Mariam, salah seorang bekas perajurit Rejimen Ke-10 yang kini tinggal di Thailand.

Mereka mempunyai tanggapan yang demikian, pada asasnya tidak lain kerana didikan dan indoktrinasi politik yang telah disampaikan oleh ketua-ketua mereka, seperti Abdullah C.D. dan Suriani Abdullah dalam masa yang panjang itu. Dengan hidup terpencil di dalam hutan dan di bawah pengaruh ketua-ketua mereka yang begitu dominan, maka tanggapan yang demikian telah tertanam di kalangan mereka dengan kukuhnya.

Dengan itu, walaupun mereka telah menempuh pelbagai kesusahan dan juga penderitaan ketika menyertai perjuangan bersenjata dalam masa yang panjang itu, tidak ada nampaknya rasa penyesalan di kalangan mereka. Malah sebaliknya, mereka merasa bangga, merasa beruntung dan malah merasa bertuah kerana nasib telah menentukan mereka menjadi salah seorang ahli PKM yang menyertai perjuangan bersenjata itu.

## Bab 11

---

### Kesimpulan

Penulisan buku ini adalah berdasarkan perspektif *golongan pinggiran* atau golongan yang berada di luar arus perdana, tetapi merupakan pelaku sejarah itu sendiri. Hal ini dapat dilakukan kerana penulis telah dapat menemuramah mereka, di samping dapat menggunakan penulisan, teks ucapan dan dokumen lama yang masih disimpan oleh sebahagian daripada mereka sebagai rujukan utama.

Berdasarkan perspektif yang demikian, kelompok *kipur pelampau* yang berjuang menentang Inggeris secara bersenjata itu tidaklah dilabelkan sebagai *pengganas* atau *pengganas komunis* sebagaimana yang dilakukan oleh kebanyakan penulis, tetapi mereka dilabelkan dengan istilah yang mereka gunakan untuk merujuk diri mereka, atau istilah yang lebih neutral, iaitu *Tentera Pembebasan Nasional Malaya* atau *Tentera Pembebasan Rakyat Malaya* (atau singkatannya Tentera Rakyat).

Di sini, mungkin perlu ditegaskan semula, bahawa walaupun PKM telah ditubuhkan pada 1930, tetapi penglibatan orang Melayu (maksudnya orang Melayu tempatan) dengan parti itu adalah agak lewat sedikit. Ketika Rashid Maidin menjadi ahli parti itu pada 1941, di Perak bilangan orang Melayu yang menjadi ahli parti itu hanya kira-kira 10 orang. Sebelum Rashid Maidin menjadi ahli, tidak dapat dipastikan ada atau tidak orang Melayu yang menjadi ahli PKM di negeri itu. Akan tetapi, jika ada, jumlahnya tentulah kecil sekali.

Bilangan orang Melayu yang melibatkan diri dengan PKM, khasnya melalui MPAJA, dikatakan agak ramai pada masa pendudukan Jepun. Akan tetapi, sebahagian besar daripada mereka telah menarik diri apabila berlaku pergaduhan perkauman antara orang Melayu dengan orang Cina pada akhir 1945. Dengan itu, selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua didapati bilangan orang-orang Melayu yang masih komited dengan gerakan komunis dan diiktiraf sebagai anggota PKM adalah kecil sekali. Antara orang-orang yang kemudiannya dikenali sebagai kader parti itu

hanyalah Rashid Maidin, Kamarulzaman Teh, Abdullah C.D., Shamsuddin Salleh, Musa Ahmad dan Wahi Anuar.

Kader-kader PKM itu telah memainkan penting dalam gerakan yang dilancarkan PKM pada masa aman (1946-48) di bawah dasar PKM yang dinamakan Barisan Bersatu.

Bagaimanapun, dasar Barisan Bersatu yang jadi pegangan PKM dalam masa aman itu telah gagal mencapai matlamat perjuangan parti itu. Kegagalan dasar Barisan Bersatu ini merupakan faktor utama yang mendorong PKM melancarkan perjuangan bersenjata, di samping beberapa faktor lain, seperti perubahan pucuk pimpinan PKM daripada Loi Teck kepada Chin Peng dan arahan daripada Soviet Russia yang disalurkan melalui Persidangan Belia di Culcutta pada 19 Februari 1948. Dengan itu, di bawah pimpinan Chin Peng yang mengetuai klik militan, PKM telah melancarkan perjuangan bersenjata pada Jun 1948.

Tentang golongan kiri Melayu, apa yang menarik ialah pada mulanya mereka juga telah merancang untuk melakukan perjuangan bersenjata mereka sendiri. Ini terbukti apabila Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam dan Abdullah C.D. telah berjumpa dan mencapai kata sepakat untuk melancarkan perjuangan bersenjata, walaupun Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam tidak jadi berbuat demikian. Tentang Abdullah C.D. pula, apabila PKM telah membuat keputusan untuk melancarkan perjuangan bersenjata, tentulah dia dan kawan-kawannya berkewajipan menyertai perjuangan itu.

Dalam hal ini, kita sedia maklum, bahawa beberapa orang tokoh nasionalis kiri ini memang sudah menjadi ahli dan kader PKM sebelum mereka menyertai perjuangan bersenjata. Ini bererti perjuangan mereka dengan perjuangan PKM adalah sehaluan. Dalam keadaan demikian, adalah satu perkara yang wajar jika mereka bekerjasama dengan PKM dan menyertai perjuangan yang diterajui oleh PKM. Apatah lagi pada masa itu bekas anggota MPAJA yang menjadi asas tentera PKM (kemudiannya diberi nama Tentera Pembebasan Nasional Malaya) telah mempunyai senjata dan pengalaman dalam perang gerila. Ini meyakinkan mereka bahawa dengan berganding bahu dengan PKM, perjuangan mereka akan berjaya.

Nampaknya ada beberapa faktor mengapa Abdullah C.D. dan kawan-kawannya menjadikan Pahang sebagai tapak atau basis perjuangan mereka. Namun, satu faktor yang terpenting ialah Pahang mempunyai sejarah perjuangan yang revolusioner. Ini bermakna sejarah penentangan terhadap campur tangan Inggeris yang dilakukan oleh pembesar tradisional

Pahang, seperti Datuk Bahaman dan lain-lain pada zaman awal kemasukan Inggeris dahulu telah menjadi sumber inspirasi dan pendorong kepada mereka untuk melancarkan perjuangan bersenjata itu. Dengan adanya sumber inspirasi dan dorongan daripada perjuangan Datuk Bahaman itu, penduduk Pahang, khasnya penduduk Temerloh begitu mudah mereka tarik untuk menyertai perjuangan bersenjata itu, sehingga terbentuk Rejimen Ke-10 yang pernah mempunyai anggota kira-kira 400 orang. Kebetulan pula sebahagian dan mungkin sebahagian besar, daripada penduduk Temerloh yang menyertai perjuangan bersenjata itu mempunyai hubungan persaudaraan dengan Datuk Bahaman. Malah ramai daripada mereka yang mengaku pangkat cucu kepada pahlawan tersebut. Ini memudahkan lagi mereka menyertai perjuangan bersenjata itu.

Walaupun pada awal 1950-an, Rejimen Ke-10 mungkin masih mampu bertahan di Pahang, tetapi rejimen Tentera Pembebasan Nasional yang lain nampaknya sudah tidak mampu berbuat demikian, kerana serangan yang begitu hebat daripada pihak tentera kerajaan. Oleh itu, Rejimen Ke-10 terpaksa mematuhi arahan Jawatankuasa Pusat PKM supaya turut berpindah ke Selatan Thailand, walaupun perpindahan itu mungkin merupakan satu strategi supaya mereka dapat meneruskan perjuangan mereka dari tempat yang baru. Perpindahan itu sebenarnya hanya melibatkan kira-kira 60 orang pasukan inti Rejimen Ke-10, tetapi disertai oleh semua pemimpin dan kader Melayu PKM. Perpindahan yang memerlukan mereka menempuh hutan belantara dan pelbagai kesulitan yang sukar digambarkan berjaya mereka laksanakan mulai awal 1953 hingga Oktober 1954.

Tentang perpindahan Rejimen Ke-10 ke Selatan Thailand ini pada mulanya para pemimpinnya tidak menyedari bahawa perpindahan itu adalah agak menyerupai apa yang dilakukan oleh Datuk Bahaman dahulu. Datuk Bahaman juga sebenarnya berpindah ke kawasan sempadan iaitu ke Terengganu sebelum beliau melakukan serangan lagi ke Pahang. Persamaan itu hanya disedari oleh mereka, khasnya oleh Abu Samah Mohamad Kassim, seorang cucu Datuk Bahaman bertahun-tahun kemudian. Namun, dengan kesedaran itu mereka seolah-olah menemui satu teori baru tentang perpindahan strategis dari tradisi tempatan, walaupun ketika melakukan perpindahan itu dahulu mereka barangkali lebih dipengaruhi oleh teori Mao Tze-Dong.

Kelompok nasionalis kiri Melayu ini boleh dianggap memainkan peranan penting dalam Perundingan Baling, kerana salah seorang daripada mereka, iaitu Rashid Maidin telah dilantik menjadi wakil PKM dalam

perundingan itu. Walaupun dalam perundingan itu Rashid Maidin hampir tidak memberi apa-apa pendapat, kerana mungkin sudah diputuskan bahawa Chin Peng sahaja yang akan menjadi jurucakap PKM, tetapi kehadiran Rashid Maidin adalah penting untuk menunjukkan bahawa PKM adalah parti berbilang-bilang kaum dan ada mempunyai pemimpin Melayu, dan pemimpin Melayu itu telah diletakkan di barisan hadapan.

Abdullah C.D. berpendapat Perundingan Baling gagal kerana Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang ketika itu masih dikuasai oleh British muhu mereka menyerah diri, sedangkan pihak PKM tidak muhu menamatkan perjuangan bersenjata dengan cara yang demikian. Oleh kerana kedua-dua pihak berpendirian tegas seperti itu, maka perundingan itu berakhir dengan kegagalan.

Setelah berjuang dengan darah dan nyawa, tentulah tidak adil dan munasabah, jika mereka keluar menyerah diri untuk ditahan dan disoal siasat. Ini adalah antara sebab utama mengapa mereka tidak meletakkan senjata, apabila Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Dalam hal ini, Abdullah C.D. menganggap bahawa pencapaian kemerdekaan itu adalah hasil perjuangan semua rakyat selama kira-kira 450 tahun yang bermula dengan perang patriotik oleh pembesar tradisional hingga ke Perang Pembebasan Nasional oleh PKM. Akan tetapi, hasil perjuangan itu telah dirampas oleh golongan reaksioner yang menjadi pemerintah tempatan, walaupun pemerintah tempatan itu masih belum bebas sepenuhnya daripada penguasaan British. Ini merupakan satu faktor lagi mengapa mereka tidak meletakkan senjata, malah muhu meneruskan perjuangan mereka dengan menentang pemerintah tempatan pula.

Dalam masa hampir 40 tahun mereka berada di Selatan Thailand, sudah tentulah mereka menjalankan pelbagai aktiviti, yang antara lain meliputi pengukuhan pasukan bersenjata, pengukuhan pengkalan basis sempadan, mengadakan sekolah parti, melakukan kerja bawah tanah, melakukan gerakan mara ke selatan (ke Kelantan), bertahan secara aktif dan mengadakan perhubungan dengan pihak Thailand. Tiga di antara aktiviti itu, iaitu pengukuhan pasukan bersenjata, pengukuhan basis sempadan dan mengadakan sekolah parti barangkali adalah antara faktor utama yang memungkinkan Rejimen Ke-10 bukan sahaja mampu bertahan selama hampir 40 tahun, malah berkembang dengan kemasukan anggota baru.

Di samping itu, kejayaan Rejimen Ke-10 yang mempunyai anggota yang tidak begitu ramai menghadapi serangan pasukan tentera Thailand dan Malaysia yang jumlahnya berlipat ganda dan menyerang mereka berkali-kali, tetapi Rejimen Ke-10 tidak pula dapat ditumpaskan oleh



pasukan tentera Thailand dan Malaysia, adalah satu kejayaan yang luar biasa. Ini merupakan satu faktor lagi mengapa mereka dapat bertahan dalam masa yang panjang itu.

Sebenarnya terdapat pelbagai faktor mengapa PKM setuju berunding dan memberhentikan perjuangan bersenjata dan mengapa perundingan itu berjaya. Antaranya barangkali keadaan dunia yang sudah berubah, dorongan daripada pihak Thailand dan kemauan kerajaan Malaysia. Hal ini akan diuraikan dengan lebih lanjut di bawah ini.

Setelah mengemukakan sedikit ikhtisar tentang perjuangan golongan nasionalis kiri seperti di atas, di sini sampailah masanya untuk mengemukakan beberapa kesimpulan, khasnya untuk menjawab empat persoalan utama yang dikemukakan dalam Bab Satu.

Apa yang telah dipaparkan dalam bab-bab terdahulu ialah kisah perjuangan satu kelompok nasionalis kiri Melayu yang pada mulanya berjuang secara damai melalui PKM dan badan-badan lain yang dipengaruhi oleh PKM. Apabila mereka berjuang secara bersenjata, sudah tentulah mereka terus berganding bahu dengan PKM dan berada di bawah pimpinan PKM.

Meskipun mereka berjuang di luar arus perdana dan kini dianggap sebagai pihak yang kalah, tetapi mereka telah mengambil tempat yang penting dan tidak boleh dinafikan dalam sejarah tanah air, sekurang-kurangnya kerana dua faktor utama. Pertama, mereka bukan sahaja menyertai perjuangan bersenjata anti-British yang diterajui oleh PKM, malah telah membentuk satu rejimen, iaitu Rejimen Ke-10 TPRM yang terdiri daripada orang-orang Melayu, yang pada saat-saat kejayaannya mempunyai ahli kira-kira 400 orang. Kedua, mereka telah berjuang bersama dengan rejimen TPRM yang lain selama kira-kira enam tahun (1948-54) di tanah air dan hampir 40 tahun di Thailand dengan tidak dapat dikalahkan oleh tentera kerajaan Malaysia dan Thailand. Dalam usaha untuk menumpaskan mereka dalam masa yang begitu panjang, yang dari 1948 hingga 1960 dikenali sebagai zaman ‘Darurat’, tidak syak lagi pihak kerajaan Malaysia khasnya, telah menanggung perbelanjaan yang begitu besar, termasuk kerugian dari segi peralatan dan tenaga manusia.

Oleh itu, sama ada kita bersetuju atau tidak dengan perjuangan mereka, perjuangan mereka itu tetaplah merupakan satu episod penting dalam sejarah tanah air dan memang telah tercatat dalam buku-buku sejarah. Hanya barangkali, yang tidak wajar ialah, perjuangan mereka itu telah diberi gambaran yang sangat negatif, iaitu sebagai perjuangan *pengganas, penjahat, pengkhianat* dan sebagainya, yang dianggap mengancam



keselamatan negara dan bukan sebagai perjuangan untuk mencapai kemerdekaan.

Sama ada perjuangan mereka itu telah memberi sumbangan atau tidak dari segi pencapaian kemerdekaan tanah air, pertama-pertama barangkali kita harus melihat tanggapan dan pendapat mereka sendiri tentang hal itu. Bagi orang-orang seperti Abdullah C.D., Rashid Maidin dan Suriani Abdullah, mereka menganggap perjuangan bersenjata yang mereka lancarkan pada asasnya adalah untuk mencapai kemerdekaan, dan kemerdekaan yang tercapai pada 31 Ogos 1957 adalah hasil perjuangan semua pihak, termasuk golongan yang berjuang secara bersenjata seperti mereka. Mereka penuh yakin, bahawa tanpa adanya perjuangan bersenjata yang mereka lancarkan itu, pihak British tidak akan memberi kemerdekaan pada tarikh tersebut.

Tanggapan dan keyakinan mereka itu memang tidak dikongsi oleh pihak lain, khasnya pihak kerajaan dan masyarakat yang lebih luas. Dengan itu, tanggapan dan keyakinan seperti itu merupakan tanggapan dan keyakinan yang terkeluar dari tanggapan dan keyakinan arus perdana. Dengan perkataan lain, tanggapan dan keyakinan mereka itu merupakan tanggapan dan keyakinan *golongan yang kalah*.

Namun, jika persoalan itu kita lihat secara objektif, tanggapan dan keyakinan mereka itu sedikit sebanyak ada juga kebenarannya. Perjuangan bersenjata yang dilancarkan oleh mereka dan pasukan Tentera Pembebasan yang lain sebenarnya telah membebankan kerajaan penjajah British dengan perbelanjaan perang yang besar untuk menumpaskan mereka. Oleh itu, perjuangan bersenjata itu bolehlah dianggap satu tekanan yang kuat, yang mendorong British memberi kemerdekaan dengan agak segera kepada negara ini.

Tentang penamatkan perjuangan bersenjata yang didahului oleh Perundingan Perdamaian antara tiga pihak (PKM, kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand) prosesnya barangkali agak kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan faktor-faktor itu mungkin tidak dapat diungkapkan kesemuanya.

Pihak Thailand mendakwa bahawa pihak Thailand yang mengambil inisiatif untuk mengadakan perundingan itu dengan menghubungi Rashid Maidin pada 1985. Akan tetapi, Abdullah C.D. lebih menekankan peranan Mokhtar Mahmud Baginda yang menjadi penghubung antara beliau dengan mantan Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba dan kesediaan Ghafar Baba mengadakan perundingan itu. Dakwaan pihak Thailand dan kenyataan Abdullah C.D. ini sebenarnya tidak bercanggah dan boleh

dikatakan saling lengkap-melengkapi. Adanya keinginan dan kesediaan daripada pelbagai pihak, termasuk pihak kerajaan Malaysia, untuk mengadakan perundingan itu sebenarnya merupakan faktor pendorong yang kuat, yang menyebabkan perundingan itu dapat diadakan.

Bagaimanapun, satu faktor penting yang mempengaruhi dan menentukan pendirian tokoh-tokoh kiri Melayu ini barangkali ialah terputusnya bantuan dan sokongan daripada Parti Komunis China dan juga hilangnya rakan seperjuangan mereka, iaitu Parti Komunis Thailand yang telah dibubarkan lebih dahulu. Dengan ketiadaan sokongan dan bantuan serta ketiadaan rakan seperjuangan itu, besar kemungkinan mereka berada di dalam dilema dan kedudukan mereka berada di titik yang lemah. Apatah lagi perjuangan mereka di Selatan Thailand telah memakan masa hampir 40 tahun dan mungkin telah sampai ke jalan buntu.

Sementara itu, keadaan dunia juga sudah berubah. Sementara Malaysia yang dikatakan diperintah oleh golongan reaksioner terus membangun mengikut jalan kapitalis, negara-negara sosialis dan komunis, termasuk negara besar Soviet Union sedang mengalami krisis dan akhirnya turut berpaling mengikut jalan kapitalis juga. Ketika itu, mungkin sudah timbul tanda tanya di kalangan mereka sama perjuangan mereka patut diteruskan atau tidak.

Dengan itu, apabila terbuka peluang untuk berunding dengan pihak Kerajaan Malaysia, tidaklah begitu sukar untuk mereka mengambil keputusan menyertai perundingan itu. Mereka sanggup memberhentikan perjuangan bersenjata, malah sanggup memusnahkan senjata mereka, walaupun tidak dinafikan dalam perundingan itu mereka mendapat apa yang mereka ingini dan merupakan perkara yang mereka anggap sebagai prinsip, iaitu mereka tidak dianggap menyerah diri, tidak ditahan dan disoal siasat, di samping dibolehkan kembali ke Malaysia.

Berbanding dengan Perundingan Baling, Perundingan Puket (kerana perundingan itu dijalankan di Puket), nampaknya mencapai kejayaan. Sebabnya, antara lain, kerana pihak Kerajaan Malaysia bersedia menerima tuntutan PKM, bahawa walaupun mereka menghentikan perjuangan bersenjata, membubarkan pasukan tentera serta memusnahkan senjata mereka, tetapi mereka tidak dianggap menyerah diri. Mereka juga dibenarkan kembali ke Malaysia dan dibolehkan menu buhkan parti politik yang baru, manakala ISA tidak akan dikenakan ke atas aktiviti mereka yang lampau. PKM menganggap apa yang diputuskan itu adalah adil dan munasabah, iaitu sesuatu yang tidak disetujui oleh Tunku Abdul Rahman dalam Perundingan Baling dahulu.

Di samping itu, berbeza dengan Perundingan Baling, di mana salah satu pihak, iaitu Tunku Abdul Rahman mungkin tidak mengharapkan sangat perundingan itu akan berjaya, dalam Perundingan Puket ini nampaknya semua pihak, termasuk pihak kerajaan Malaysia, mahu perundingan itu berjaya. Sebab itu, perundingan itu tetap diteruskan selama kira-kira setahun, walaupun ada kalanya menghadapi jalan buntu, bahkan tertangguh selama beberapa bulan.

Persoalan yang terakhir, sama ada orang-orang yang berjuang secara bersenjata ini adalah komunis, atau masih tetap merupakan nasionalis, sebenarnya merupakan persoalan yang agak sukar untuk dijawab. Oleh kerana mereka telah menjadi ahli, bahkan kader dan pimpinan PKM, telah mempelajari teori-teori Marxis-Leninis dan pemikiran Mao Tze-Dong dengan agak mendalam dan dari waktu ke waktu pernah melabelkan diri mereka sendiri sebagai komunis, maka kita memang sukar untuk mengatakan bahawa mereka bukan komunis. Mungkin kerana inilah juga Mahmud (2001, 10) dengan tegas menyatakan bahawa pergerakan komunisme Melayu adalah sesuatu yang *real* dan bukannya satu yang berbentuk *illusory* atau *retorik*.

Namun, satu perkara yang perlu diingati ialah pemimpin gerakan nasionalisme kiri Melayu yang merupakan kader dan pimpinan PKM ini tidak pernah meninggalkan agama Islam, jauh sekali dari mengatakan bahawa mereka tidak lagi beragama Islam. Pendirian mereka tentang komunisme dan Islam boleh dikatakan hampir sama dengan pendirian Haji Misbach, seorang *komunis Islam* di Indonesia, yang percaya bahawa terdapat keselarasan faham yang mendasar antara Islam dan komunis dan adalah salah mereka yang mengaku Islam tetapi menolak komunisme atau kaum komunis yang mahu menghapuskan Islam (Takashi Shiraishi 1997, 343, 393). Malah mengikut beliau lagi (Takashi Shiraishi 1997, 409), “Saya seorang yang mengaku setia pada agama dan masuk dalam lapang pergerakan komunis dan saya mengaku juga bahawa tambah terbukanya fikiran saya di lapang kebenaran atas perintah agama Islam itu tidak lain ialah dari sesudah saya mempelajari ilmu komunisme...”

Oleh itu, ketika mereka masih terlibat dengan perjuangan bersenjata, apabila keadaan memungkinkan, mereka masih melakukan beberapa ibadat agama, walaupun hanya di paras yang minimum. Ibrahim Chik khasnya, ketika memimpin kerja massa pernah mengetui penduduk kampung membina masjid dan menjadi imam sembahyang secara berjemaah. Selepas mereka memberhentikan perjuangan bersenjata dan tinggal di Kampung Perdamaian pula, mereka dengan segera membina

masjid dan seterusnya melaksanakan ibadat sembahyang Jumaat, puasa, naik haji dan juga mengadakan kelas mengajar al-Quran. Dalam hal ini, meskipun mereka mempelajari materialisme dialektik dan materialisme sejarah yang merupakan teras ajaran Marx, tetapi mereka nampaknya hanya menggunakanya sebagai teori untuk menganalisis sejarah dan perkembangan masyarakat dan sebagai senjata perjuangan dan bukan sebagai *akidah* yang setaraf dengan agama. Perwatakan mereka menunjukkan bahawa label yang tepat diberi kepada mereka tidak lain daripada *komunis-Islam*. Dengan perkataan lain, mereka adalah komunis, kerana mereka adalah kader dan pemimpin parti komunis, tetapi mereka tetap beragama Islam.

Pada satu tahap yang lain, mereka juga berpegang pada faham internasionalisme dan nasionalisme, dan kerana itulah mereka berjuang menentang penjajah dan penindasan. Oleh itu, dari segi ini pegangan dan perwatakan mereka jelas membayangkan semacam sinkretisme antara komunisme, nasionalisme, internasionalisme dan Islam.

Oleh yang demikian, mungkin lebih secocok dengan kenyataan jika dikatakan bahawa antara 1948 hingga 1989 itu mereka berjuang mengangkat senjata dan berada di bawah pimpinan PKM, kerana itulah satu-satunya cara yang mereka anggap paling tepat untuk mencapai matlamat mereka memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Walaupun mereka berjuang mengikut jalan komunis dan bersama-sama dengan komunis, tetapi pada hakikatnya mereka menggunakan PKM sebagai wadah untuk mencapai matlamat mereka sebagai orang-orang nasionalis. Dengan perkataan lain, mereka adalah orang-orang nasionalis yang tetap berpegang pada ajaran Islam, tetapi menggunakan fahaman Marx-Leninis dan ajaran Mao Tze-Dong sebagai teori, strategi dan taktik perjuangan politik. Dengan itu, pada masa yang sama, atau secara serentak, mereka bolehlah dianggap sebagai komunis, Islam dan juga nasionalis.

Sementara itu, dalam rangka kerja mereka, apa yang mereka lakukan nampaknya ada kemiripan dengan konsep NASAKOM (nasionalis, agama, komunis) yang diperkenalkan oleh Presiden Soekarno di Indonesia. Ini terbukti apabila Abdullah C.D. menujuhkan Parti Persaudaraan Islam Malaya (PAPERI) pada 1965 dan Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya pada 1981, yang cuba menggabungkan tenaga progresif daripada golongan nasionalis, Islam dan komunis. Hanya dalam hal ini Abdullah C.D. menggunakan konsep NASASOS (nasionalis, agama dan sosialis) dan bukan NASAKOM.

## B i b l i o g r a f i

---

- Abdullah C.D. 1998. *Perang Anti-British dan Perdamaian*. Hong Kong: Nan Dao Publisher.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 1977. *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Samad Idris. 1982. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Abu Samah Mohd. Kassim. 1996. *Sejarah dan Perjuangan Kemerdekaan*. Hong Kong: Nan Dao Publisher.
- Ahrmad Boestamam. 1972. *Merintis Jalan ke Puncak*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.
- \_\_\_\_\_ 2004. *Merdeka dengan Darah dalam Api*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmat Adam. 1983. Gerakan Kebangsaan Awal di Tanah Melayu: Antara Harapan dan Kenyataan. *Ilmu Masyarakat* 3: 60-70.
- \_\_\_\_\_ 1996. Pengaruh Indonesia dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan Melayu. Dalam *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia* disunting oleh Abdul Latiff Abu Bakar. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Aishah Ghani. 1992. *Memoir Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aloysius Chin. 1995. *The Communist Party of Malaya*. Kuala Lumpur: Vinpress.
- Barber, N. 1973. *The War of the Running Dogs: Malaya 1948-60*. Surrey, England: Fontana.
- Brimmell, J. H. 1959. *Communism in South East Asia: A Political Analysis*. London: OUP.
- Cheah Boon Kheng. 1979. *The Masked Comrades: A Study of the Communist Front, 1945-48*. Singapore: Times Book International.
- \_\_\_\_\_ 1983. *Red Star over Malaya*. Singapore: Singapore University Press.
- Chin Peng. 2003. *My Side of History*. Singapore: Media Masters.
- Clutterbuck, R. 1973. *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*. London: Faber and Faber.

- Firdaus Haji Abdullah. 1985. *Radical Malay Politics: Its Origin and Early Development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Funston, N. J. 1980. *Malay Politics in Malaysia – A Study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Hanrahan, G. Z. 1971. *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ibrahim Chik. 2004. *Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Rejimen Ke-10*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ibrahim Yaacob. 1957. *Sekitar Malaya Merdeka*. Jakarta: Bahagian Penerangan, Kesatuan Malaya Merdeka.
- Insun Sony Mustapha. 1999. *Memoir Mustapha Hussain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1999. *Mustapha Hussain: Pejuang Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Husin. 1989. *Kebenaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jang Aisjah Mutalib. 1972. *Pemberontakan Pahang 1891-1895*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Keris Mas. 1979. *30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerkvliet, B. J. 1977. *The Huk Rebellion: A Study of Peasant Revolt in the Philippines*. Berkeley: University of California Press.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka: British Rules and the Struggle of Independence in Malaya, 1945-57*. Petaling Jaya: INSAN.
- Khoo Kay Kim. 1981. *The Malay Left 1945-1948: A Preliminary Discourse*. *Sarjana* 1(1): 167-191.
- \_\_\_\_\_. 1984. *Gerakan Komunis di Tanah Melayu Sehingga Tertubuhnya PKM*. Dalam *Darurat 1948-1960* disunting oleh Khoo Kay Kim dan Adnan Hj.Nawang, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- 50 tahun Parti Komunis Malaya. 1981. Pejabat Kebenaran.
- Mahmud Embong. 1992. *Komunisme dan orang Melayu, 1924-1949*. Dalam *Dua Dekad Penyelidikan Sejarah, Bahasa dan Kebudayaan* disunting oleh Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir & Mohammad Agus Yusof. Bangi: Penerbit UKM.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Kejatuhan Komunisme Melayu: 1980-1989*. Prosiding Persidangan Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-IV, UKM, Bangi, 27-28 Ogos.
- Means, G. P. 1970. *Malaysian Politics*. New York: New York University Press.
- Miller, H. 1954. *Menace in Malaya*. London: George G. Harrap.
- Mohamed Amin. 1977. *British intervention and Malay resistance*. Dalam *Malaya: The Making of A Neo-Colony* disunting oleh Mohamed Amin & M. Caldwell, London: Spokesman Books.
- Mohamed Salleh Lamry. 1992. *Paya Jejawi: Satu Kajian Antropologi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- \_\_\_\_\_ 2000. Di sebalik Perlawanan Rakyat: Perjuangan Menuntut Kemerdekaan di Pahang, 1948-1956. Dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan* disunting oleh Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Salleh Daud. 1998. *Memoir Bukan Seorang Konformis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Navaratnam, A. 2001. *The Spear and the Kerambit: The Exploits of VAT 69, Malaysia's Elite Fighting Force 1968-1989*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1998. *Tunku Abdul Rahman and His Role in the Baling Talks*. Kuala Lumpur: Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Arkib Negara Malaysia.
- O'Ballance, E. 1966. *Malaya: The Communist Insurgent War 1948-60*. Hamden, Conn: Anchor Books.
- Ongkili, J. P. 1984. Darurat dan British, 1948-1960: Satu Penilaian. Dalam *Darurat 1948-1960* disunting oleh Khoo Kay Kim & Adnan Hj. Nawang. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Purcell, V. 1954. *Malaya: Communist or Free?* Stanford, California: Stanford University Press.
- Radin Soenarno. 1959. Nasionalisem Melayu hingga t.m. 1948. *Bahasa* 2(2): 38-48.
- \_\_\_\_\_ 1960. Malay Nationalism, 1900-1945. *Journal of Southeast Asian History* 1(March): 1-28.
- Rahilah Omar. 1995. Penglibatan Orang Melayu dalam Rejimen ke-10. Tesis B. A. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlah Adam. 1992. *Dato 'Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ 1994. *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ 1996. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roff W. R. 1974. *The Origins of the Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rustum A. Sani. 1975. The Origin of the Malay Left – An Analysis of the Social Roots. Tesis M. A. University of Kent.
- \_\_\_\_\_ 1976. Melayu Raya as a Malay Nation of Intent. Dalam *The Nascent Malaysian Society* disunting oleh H. M. Dahlan. Bangi: Penerbit UKM.

1983. Robohan Nasionalisme Melayu: Asas Sosial bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional. *Ilmu Masyarakat* 4, Oktober-Disember.
- Sabda S. & Wahba. 1981. *Musa Ahmad Kembali ke Pangkuhan*. Subang Jaya: Tra-Tra Publishing and Trading Co.
- Said Zahar. 2001. *Meniti Lautan Gelora: Sebuah Memoir Politik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Short, A. 1975. *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. London: Muller.
- Stockwell, A. J. 1979. *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment, 1942-1948*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Stubbs, R. 1989. *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*. Singapore: Oxford University Press.
- Suriani Abdullah. 1999. *Rejimen ke-10 dan Kemerdekaan*. Hong Kong: Nan Dao Publisher.
- Takashi Shiraishi. 1997. *Zaman Bergerak: Radikalisme Rakyat di Jawa 1912-1926*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Tan Cheng Keng. 1984. Pemberontakan PKM: Mengapa Berlaku. Dalam *Darurat 1948-1960* disunting oleh Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-1989 2001 Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat.
- Tunku Abdul Rahman Putra. 1980. *Pandang Balik*. Kuala Lumpur: Heineman Educational Books (Asia) Ltd.
- Wahba. 1994. *Baling Membuka Jalan Damai*. Kajang: Masa Enterprise.
- Zainuddin Maidin. 2003. Bagaimana Komunis Dikalahkan. Masa 11-17 Oktober: 10-12.

# Indeks

---


- Abdul Hamid Abdul** 65  
**Abdul Rahim Mohamed Noor, Datuk** 171, 174  
**Abdullah C.D**  
ahli Jawatankuasa Pusat PKMM 16  
berbincang dengan Chin Peng 127-30  
berundur 163, 165-66  
direkrut semasa perang 46  
Gerakan Bawah Tanah 92  
kader parti 187  
kehidupan perajurni 152  
kerjasama dengan orang Asli 121-24  
Ketua Biro Buruh 64  
kongres PKMM 87-90  
melancarkan serangan 109-14  
menghantar ucapan tahniah 171-73,  
176  
menubuhkan Parti Persaudaraan Islam  
Malaya (PAPERI) 194  
pemimpin PKM 40, 53, 55-61  
Pemimpin Rejimen Ke-10 184-85  
pengasas BATAS 79  
pengunduran strategik ke Selatan  
Thailand 116-17  
penubuhan Jawatankuasa Pusat  
Rejimen Ke-10 155-59  
penubuhan pasukan bersenjata  
Melayu 100  
Perjanjian Damai 179-82  
rancangan mengambil tenaga baru 133-  
34  
sampai ke Temerloh 105-106  
teks ucapan 24-25  
**Abdullah Sudin** 155  
**Abu Bakar Al-Bakir** 22, 72, 75, 91  
**Abu Samah Mohamad Kassim**  
bertemu ipar Haji Mokhtar 171  
berundur 117  
catatan tiga peristiwa 131  
cucu Datuk Bahaman 188  
membawa pasukan ke Ranget 129  
memimpin operasi di Ulu Kelantan  
160  
memimpin Platum Merdeka 165-66  
mengetuai Pasukan Hang Jebat 118-  
19, 121-26  
menubuhkan badan kebajikan 181-82  
menyertai Rejimen ke-10 154-56  
sejarah perjuangan 25  
**Ahmad Boestamam**  
bukan kader PKM 92  
cadangan 61  
dipenjarakan 41, 77, 101  
Ketua Pengarang *Suara Rakyat* 85-86  
memimpin perjuangan bersenjata 95,  
187  
pembebasan pemimpin 48  
pemimpin API 75, 78  
penubuhan PKMM 73, 85  
slogan merdeka 67  
**Ahmad Salleh (Abas)**  
bekas ketua BATAS 102  
bergerak di Temerloh 103  
kader dari ibu pejabat 95  
Kapten Abas 112  
mengetuai platum 2 107  
Pemimpin BATAS Pahang 79  
Setiausaha BATAS 80  
**Aishah Ghani** 19, 64, 78, 88, 92  
**Alimin** 27, 29, 35, 92-93  
**All-Malaya Council of Joint Action**  
(AMCJA)

- bekerjasama dengan PUTERA 65, 70, 77  
gabungan organisasi bukan Melayu 16  
**Angkatan Pemuda Insaf (API)**  
berjuang 104  
ditubuhkan 75-81  
gabungan organisasi 70  
ketokohan 100, 102  
parti kiri 16, 23  
penubuhan sayap pemuda 63  
perarakan 64  
perkembangan awal gerakan politik radikal Melayu 19  
**Angkatan Wanita Sedar (AWAS)**  
bekas ketua 16  
bergabung dengan organisasi Melayu 70  
dibubarkan 64  
golongan kiri 23  
ketua 88  
penangkapan beramai-ramai 100  
sejarah penubuhan 78-81  
**Angoi, Datuk** 123-24  
**Arshad Ashaari** 61, 86-87  
**Bahaman, Datuk** 17-18, 104, 117, 123, 188  
**Baharuddin Tahir** 61  
**Baling** 143, 147  
**Ban Chulabhorn Pattana** 12, 181  
**Barisan Bersatu** 84-85, 98, 187  
**Barisan Tani Malaya (BATAS)**  
penubuhan 16, 79-81, 88  
perwakilan 91  
tokoh 100, 102  
**Batu Arang** 33  
**Burhanuddin Al-Helmy, Dr.**  
berceramah 90-91  
bertemu Abdullah C.D. 88, 95  
**Kesatuan Rakyat Indonesia** 51  
menandatangai piagam penubuhan UMNO 67-68  
menganjurkan Persidangan Ekonomi Agama Se-Malaya 72-73  
**Naib Yang Dipertua** Agung 87  
perasmian BATAS 79  
perjuangan bersenjata 187  
tokoh nasionalis 19  
**Yang Dipertua PKMM** 16, 22, 62-65  
**Cadangan Pelembagaan Persekutuan** 68-69, 72  
**Chang Lung-Yan** 118  
**Chang-Lung-Yun** 177  
**Chen Nan (Haji Hashim)** 93, 95-96, 100, 104-106, 108, 113  
**Chen Tien** 138, 143, 148  
**Chin Peng**  
Barisan Bersatu 98  
bertemu Tunku Abdul Rahman 142-50  
berunding 174, 179-80  
jurucakap PKM 189  
organisasi PKM musnah 115-16  
perjuangan bersenjata 135-38, 187  
Rejimen Ke-10 106, 127-29  
Setiausaha Agung PKM 16, 44  
**Colonel Spencer Chapman** 42  
**Culcutta** 98  
**Dahari Ali** 61-63, 92  
**Darurat** 22-23, 75, 97, 101, 141-42  
**David Marshall** 138, 143, 145  
**Force** 136, 46  
**Gerakan Angkatan Muda (GERAM)** 70  
**gerakan komunis**  
aktiviti 144  
berpengaruh dan ada daya tarikan 53  
berunding 187-90  
gerakan bawah tanah 92  
gerakan politik masa aman 61-70  
jumlah keanggotaan 94  
Jabatan Kerja Melayu 88, 93-95, 128, 154  
kader Melayu PKM 82, 87, 94, 99-100, 104, 106, 109, 116-17  
kelompok kiri pelampau 21-24  
menentang koumintang 82-85  
Parti Komunis China 171  
Parti Komunis Indonesia 27, 35  
Parti Komunis Thailand 192


- pemimpin 15-19, 178  
penubuhan lasykar rakyat 101, 103  
perjuangan 27-28, 31-35, 45  
persidangan 89-90, 135, 147  
perubahan dasar 5, 97  
Presiden 77  
susur galur pemimpinan wanita 78-79  
Sekolah Latihan Khas 42-45  
Ghasar Baba 171-73, 175-77, 180, 191  
Giyu Tai 50  
Gunung Semanggol 73, 91
- Haadyai 137-75, 179  
Hizbul Muslimun 22, 70, 74, 100
- Ibrahim Chik  
bekas AJK Pusat PKM 25  
bekas Ketua Penerangan API/PETA 102-103  
bekerja di Bukit Tar 154-56  
berada di Selatan Thailand 128-29  
bergabung dengan Rejimen Ke-10 118  
memimpin kerja massa 193
- Ibrahim Yaacob 16, 19, 36-41, 47-48, 50-53
- Ikatan Semenanjung Borneo 36
- Indonesia Raya 39, 51-52, 62
- Ishak Haji Muhammad  
dipenjarakan 41, 47, 97  
Naib Yang Dipertua PKMM 16, 63, 65  
pemimpin gerakan kiri 101  
Timbalan Penolong Pegawai Daerah Bentong 37  
tokoh nasionalis 19  
usaha-usaha untuk menyingkirkannya 87  
wakil PKMM 73
- Jalan Yala-Betung 126
- Jenderam 80
- Kamarulzaman Teh  
anggota KMM 40  
bersama rakan-rakan seperjuangan 88  
berucap 79-81  
kader dari ibu pejabat 53, 93-96, 187
- penubuhan pasukan bersenjata Melayu 100-101  
rriwayat hidup 59-60  
Kem Se-Malaya 95-96, 101-102, 104, 108  
Kesatuan Melayu Muda (KMM)  
gerakan radikal Melayu 19, 54, 57  
organisasi politik 15, 27, 63, 70  
parti baru 159, 87-88  
penubuhan 38-41, 47-51  
Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung 51
- Kesatuan Sekerja Umum Malaya 32
- Ketua Menteri Singapura 138
- Khadijah Ali 58, 62, 64, 78, 87
- Kolonel John Davis 44
- Kongres Melayu Se-Malaya 63, 67-68
- Kuala Pilah 32
- Lai Raifel 55-56
- Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR) 22, 73-75
- Liew Yit Fan 77
- Loi Teck  
laporan mesyuarat 83  
pemimpin PKM 16, 98  
perubahan pucuk pimpinan 187  
Setiausaha Agung PKM 34, 43-44, 50  
tentera rahsia 46
- Madrasah Al-Ehya Asshariff 72-73, 91
- Majlis Agama Tertinggi Islam (MATA) 22, 70, 72-75, 91
- Maktab Perguruan Sultan Idris 35
- Malayan Democratic Union (MDU) 84
- Malayan General Labour Union 34
- Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)  
bekas anggota 104, 186-87  
bekas ketua Melayu 62  
Bintang Tiga 52-53  
gerakan bawahtanah 49-50  
gerila 83  
pemimpin 43-46  
perjuangan bersenjata anti-Jepun 55-60  
pertautan semula 99



- Malayan Union 16, 65-68, 72  
Manifesto Pilihan Raya 140-41  
Mao Tze-Dong 99, 117, 158, 188, 193-94  
Mariam 185  
Marshall 146, 148  
Mat Amin Yaacob 155-56, 160  
Mat Indera 93  
Mejar Jeneral Kitti Ratanachaya 173, 178  
Melayu Raya 47  
*Memoir Chin Peng* 25  
Min Yuen 99  
Mokhtar Mahmud Baginda 171, 175, 177, 180, 191  
Mokhtaruddin Lasso 46, 58, 61-63, 85-87  
Musa Ahmad  
bertolak ke China 155  
berundur 116, 120  
gerakan awal disempadan 127-28  
kader 53, 63, 95, 100-103  
kepimpinan 87-88, 123  
Ketua BATAS 16, 79-80, 91-93  
melaksanakan serangan 133, 187  
mengetuai tentera pembebasan 112-14  
Pengerusi PKM 163  
period kedua 109  
perwatakan 105-106  
Mustapha Hussain 16, 19, 37-40, 47-50, 59, 91  
New Democratic Youth League 80-81  
Onan Haji Siraj 47, 50-51  
Onn, Dato' 73, 136  
Pahang  
Bentong 37, 94  
Cameron Highland 120-21  
Jalan Maran-Temerloh 112, 114  
kampung halaman 183  
Kampung Lamai 119  
Kampung Lubuk Kawah 95, 101-107  
perjuangan 188  
Temerloh 59-60  
Pak Santos 92  
Partai Nasional Indonesia 36  
Parti Bukit Seratus 157  
Parti Perikatan 141  
Parti Persaudaraan Islam Malaya (PAPER) 158, 194  
Parti Rakyat Malaya (PRM) 22  
Parti Sosialis Malaya 61  
pasukan asas tentera Melayu 104, 108-109  
Pasukan Gerila 136 44  
Pasukan Kawasan Khas 155  
Pembela Tanah Air (PETA)  
*Giyu Gun* 50, 52  
ketua 16  
Kongres Nasional 100  
organisasi pemuda 78  
sampai di Kuala Lumpur 53  
sejarah penubuhan 80-81  
Perang Dunia Kedua 15, 18, 20, 27-28, 34, 41, 57, 82, 90, 122, 124, 186  
Perang Pembebasan Nasional 189  
Peristiwa Padang Piu 112-13  
Perjanjian Perdamaian Haadyai  
implikasi 170  
keterlibatan tiga pihak 191  
perjuangan bertulis 24  
tamatnya perjuangan bersenjata 17, 184  
upacara tanda tangan 179, 181-82  
Perjanjian Persekutuan 1948 65  
Perlombagaan Persekutuan 72  
Perlombagaan Rakyat 71, 98  
Persidangan Belia 98  
Perundungan Baling 18, 135-37, 143, 151, 155, 188-89, 192-93  
Presiden PAS 22  
Presiden Soekarno 36, 194  
Pulau Phuket 177, 192-93  
Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) 22, 72-74  
Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) 16, 65, 70-72, 77  
Rashid Maidin  
ahli PKM 25-26, 73

- aktif dalam kesatuan sekerja 16  
bertolak ke Perak 118  
berugas di Kelantan-Narathiwat 161  
kembali ke Rejimen Ke-10 155-56  
kempen cahaya bina 165-66  
meneruskan perjalanan ke sempadan 122-24, 127-29  
menghadiri mesyuarat 61  
menyertai perundingan Baling 143, 147-48  
merancang penubuhan BATAS 88-96  
perundingan peringkat tinggi 177, 179  
rancangan berdamai 173, 191  
riwayat hidup 53-58  
tertangkap 100-101
- Rejimen Ke-10**  
dikunjungi pelawat 171-78  
gerakan awal 126-30  
keanggotaan 99, 190  
kemahiran ahli 132-33  
penubuhan 23-25, 106-11  
perpaduan 188-189  
punca kerugian 113-18, 121  
tegas dengan pendirian 169
- Sekolah**  
Ho Chi Minh 157, 160  
Lenin 157  
Marxis 158  
Parti 152  
Parti Pertama Utara Malaya 156-57  
Pertanian Serdang 37, 59  
Politik-Militer 157
- Selatan Thailand**  
kawasan sempadan 123, 125, 188  
Narathiwat 129, 153  
persiapan sebelum berundur 118-19, 188-89  
rundingan 133, 192  
serangan pertama 133
- Semantan** 119, 126
- Shamsiah Faizah** 16, 64, 78, 88, 92, 95,
- 
- Shamsuddin Salleh 53, 64, 88-89, 92-93, 187  
Suara Revolusi Malaya 158, 171  
Sukhirin 154-55, 165-66, 173, 175, 180-81  
*Suluh Rakyat* 159  
Surani Abdullah (Eng Min Ching) 25, 95, 115-16, 118, 127, 131, 133, 154-56, 181-82, 184-85, 191  
Sutan Jenain 28, 35, 38, 41, 49-50, 52-53
- Tan Cheng Lok, Dato' Sir 138-39, 142-43, 145  
Tan Malaka 27-29, 35
- Tentera**  
Anti-Jepun Rakyat Malaya 42  
Bintang Tiga 46  
Pembebasan Nasional Malaya (TPNM) 21, 99, 106, 132, 137, 186, 191  
Rakyat Malaya Anti-British 99, 103, 179, 181  
tarawan berunding 137
- Testament Politik API – Merdeka dengan Darah 76-77
- Tunku Abdul Rahman 135, 138-39, 141-43, 149, 192-93
- Ulu Kinta 122-23, 125  
UMNO 21-23, 66-69, 73, 143
- Voice of the People** 86
- Wahl Anuar**  
anggota New Democratic Youth League 80-81  
bersama sahabat 105-106  
kader 53, 95, 187  
penangkapan beramai-ramai 100-101  
period kedua 109  
projek menubuhkan BATAS 88  
saat-saat genting 112
- Wu Xing 137





**PUSTAKA  
PERDANA  
LIBRARY**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# **GERAKAN KIRI MELAYU**

## *dalam Perjuangan Kemerdekaan*

Dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, gerakan nasionalisme Melayu terbahagi kepada kiri dan aliran kanan. Aliran kiri dipelopori oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM), diteruskan oleh Parti Kebangsaan Melayu Muda (PKMM) dan badan gabungannya seperti Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani Se-Tanah Air (BATAS). Aliran kanan pula dipelopori oleh persatuan Melayu negeri-negeri dan diteruskan oleh United Malays National Organisation (UMNO) dan berjaya mencapai kemerdekaan. Perjuangan nasionalisme aliran kiri memang tidak berjaya mencapai matlamatnya. Gerakan nasionalis kiri terpinggir dan terkeluar dari arus perdana kerana tekanan penjajah dan hanya mendapat sokongan daripada golongan minoriti Melayu. Namun, satu kelompok kecil dari kalangan pemimpin gerakan nasionalis kiri Melayu ini telah memilih jalan lain untuk meneruskan perjuangan mereka. Mereka menyertai perjuangan bersenjata mulai 1948 bersama Parti Komunis Malaya (PKM) setelah mendapati perjuangan secara damai tidak dapat diteruskan lagi. Perjuangan mereka ini hanya berakhir dengan termeterainya Perjanjian Damai antara PKM dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand pada 1989 di Haadyai. Buku ini mengandungi 11 bab yang antara lain kandungannya meliputi topik berkenaan gerakan politik, perjuangan kemerdekaan dan tanggapan umum terhadap perjuangannya yang melengkari topik berkenaan gerakan antikolonial, gerakan politik, perjuangan kemerdekaan dan tanggapan umum terhadap perjuangan bersenjata nasionalis kiri pada zaman penjajah. Untuk buku ini, penulis melakukan penyelidikan dengan menggunakan tiga sumber termasuk sejarah lisan. Penulis juga menemubual secara langsung tokoh-tokoh Melayu berkenaan.

**MOHAMED SALLEH LAMRY, Ph.D** adalah mantan Profesor Madya dan Sarjana Tamu di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ISBN 978-967-942-717-2

9 789679 427172



**PENERBIT**  
**UKM**

<http://www.ukm.my/penerbit>

YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA